KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2016

LAPORAN TAHUNAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2016

KANDU

M/S

04 ..... **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**

05 ..... **VISI, MISI DAN PIAGAM PELANGGAN**

MAKLUMAT KORPORAT – CARTA ORGANISASI

06 ..... **MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI**

YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID –MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA
YB DATO' P. KAMALANATHAN A/L P. PANCHANATHAN- TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN I
YB SENATOR DATUK CHONG SIN WOON – TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN II

07 ..... **PENGURUSAN TERTINGGI**

KETUA SETIAUSAHA
KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PENGURUSAN)
TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA (SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN)
TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA (SEKTOR DASAR DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN)
TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA (SEKTOR PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN)

08 ..... **PERUTUSAN MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

09 ..... **KATA-KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

10 ..... **PRAKATA KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**

LAPORAN PENCAPAIAN

12 ..... Bahagian Pembangunan
16 ..... Bahagian Kewangan
20 ..... Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset
23 ..... Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
34 ..... Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi
29 ..... Bahagian Psikologi dan Kaunseling
31 ..... Bahagian Tajaan Pendidikan

UNGAN

38 ..... Bahagian Pengurusan Maklumat
44 ..... Bahagian Khidmat Pengurusan
49 ..... Bahagian Dasar dan Hubungan Antrabangsa
56 ..... Bahagian Audit Dalam
60 ..... Bahagian Audit Sekolah
64 ..... Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
72 ..... Bahagian Pembangunan Kurikulum
77 ..... Bahagian Teknologi Pendidikan
83 ..... Lembaga Peperiksaan Malaysia
90 ..... Bahagian Buku Teks
95 ..... Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
105 ... Bahagian Pendidikan Islam
109 ... Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
117 ... Bahagian Pendidikan Khas
122 ... Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
130 ... Bahagian Sukan
140 ... Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
149 ... Bahagian Pendidikan Swasta
152 ... Bahagian Pendidikan Guru
155 ... Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
159 ... Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
166 ... Institut Pendidikan Guru Malaysia
173 ... Institut Aminuddin Baki
177 ... Institut Terjemahan Buku Malaysia
181 ... Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)
190 ... Unit Komunikasi Korporat
196 ... Unit Integriti
198 ... Dewan Bahasa dan Pustaka
201 ... Majlis Peperiksaan Malaysia

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat

VISI KPM

Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera.

MISI KPM

Melestarikan Sistem Pendidikan yang Berkualiti untuk Membangunkan Potensi Individu bagi Memenuhi Aspirasi Negara.

PIAGAM PELANGGAN

Kementerian Pendidikan Malaysia dengan penuh tekad dan iltizam berjanji akan memastikan:

- Keputusan tawaran kemasukan murid ke institusi pendidikan selepas keputusan peperiksaan awam diumumkan seperti keterangan berikut:
  - Lepasan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) ke sekolah berasrama penuh dimaklumkan dalam tempoh 27 hari bekerja, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) 30 hari bekerja dan Sekolah Seni Malaysia 45 hari bekerja;
  - Lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR) ke sekolah vokasional / teknik / asrama penuh / SMKA dimaklumkan dalam tempoh 30 hari bekerja; dan
  - Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke Kolej Matrikulasi dimaklumkan dalam tempoh 30 hari bekerja.
  - Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ke Tingkatan Enam (6) dimaklumkan dalam tempoh 30 hari bekerja.
- Keputusan permohonan belajar semula/ pertukaran murid dimaklumkan dalam tempoh 15 hari bekerja setelah permohonan lengkap diterima.
- Murid mendapat buku teks di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) pada hari pertama sesi persekolahan bermula.
- Keputusan penempatan dan pertukaran guru dimaklumkan selewat-lewatnya 15 hari bekerja sebelum tarikh melapor diri.
- Perakuan pemangkuan dan kenaikan pangkat bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) untuk laluan kenaikan pangkat secara hakiki dan cemerlang diproses untuk dikemukakan ke Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran dalam tempoh 60 hari bekerja dari tarikh perakuan lengkap diterima.
- Surat tawaran biasiswa atau pinjaman kepada pegawai dalam perkhidmatan dan mahasiswa dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas kelulusan pihak berkuasa melulus.
- Status permohonan penubuhan sekolah swasta dan sekolah antarabangsa yang memenuhi terma dan syarat dikeluarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja selepas ditandatangani oleh Ketua Pendaftar.

MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI

MENTERI PENDIDIKAN

YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid

TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN II

YB Senator Datuk Chong Sin Woon

TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN I

YB Dato' P. Kamalanathan P.Panchanathan




PENGURUSAN TERTINGGI

KETUA SETIAUSAHA
Tan Sri Dr Madinah bt Mohamad
(Sehingga 3 Sept 2016)



KETUA SETIAUSAHA
YBhg. Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad
(Mulai Sept. 2016)



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(Pengurusan)
Dato' Wan Khazanah bt Ismail
Sehingga 3 Februari 2016



TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
(Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
Datuk Dr Amin b Senin



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(Pembangunan)
YBhg. Dato' Jamil bin Rakon
Mulai Februari 2016



TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
(Dasar Pembangunan Pendidikan)
Dato' Sri Khairil b Awang



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
(Pembangunan Pelajaran)
YBhg. Datuk Seri Azmi bin Lateh



TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
(Operasi Pendidikan)
YBhg. Dato' Haji Ahmad Tajudin bin Jab



PERUTUSAN MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus komited menerajui perubahan dalam melaksanakan transformasi pendidikan negara. Usaha berterusan dilakukan ke arah membangunkan murid yang bersedia mendepani cabaran global dengan mewujudkan kurikulum selaras dengan standard antarabangsa, pentaksiran yang holistik, guru dan pentadbir berkualiti serta akses kepada pelbagai laluan pendidikan abad ke-21 dengan kerjasama ibu bapa, komuniti dan sektor swasta.

Selaras dengan itu, KPM telah berjaya menyediakan platform yang diperlukan untuk merubah sistem pendidikan dengan memberi sokongan kepada guru dan memberi tumpuan kepada kemahiran teras dalam Gelombang 1 (2013 - 2015) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Bermulanya Gelombang 2 (2016 - 2020) pada tahun 2016, maka adalah amat penting bagi kita untuk meneruskan momentum transformasi yang telah kita capai sehingga kini. Transformasi memerlukan komitmen daripada setiap daripada kita untuk menerima perubahan. Hanya dengan cara ini, kita akan dapat menerajui perubahan bagi mencapai aspirasi yang dihasratkan dalam PPPM 2013 - 2025.

PPPM ini telah menggariskan aspirasi sistem dan murid serta perancangan yang diperlukan bagi memastikan transformasi sistem pendidikan berlaku dengan lebih pantas dan berterusan. Di samping itu, ia selaras dengan perjuangan UNESCO berkaitan Education For All (EFA) bagi memenuhi aspirasi global Sustainable Development Goals (SDG) Keempat mengenai pendidikan yang menetapkan sasaran enrolmen universal pada 2030 demi memastikan pendidikan negara setanding di persada antarabangsa.

Kementerian telah melihat impak positif pelaksanaan inisiatif PPPM terhadap keberhasilan murid. Contohnya, melalui hasil usaha yang digembleng oleh NKRA Pendidikan, enrolmen prasekolah kebangsaan telah meningkat daripada 67 peratus pada tahun 2009 kepada 85.6 peratus pada tahun 2016. Selain itu, di bawah PPPM kementerian telah mengagihkan peruntukan kepada inisiatif yang memberi fokus untuk mempertingkatkan keselamatan dan kesejahteraan murid, penguasaan bahasa, kompetensi guru dan sistem sokongan sekolah. Dengan mengoptimumkan keberhasilan bagi setiap ringgit yang dibelanjakan, Kementerian berhasrat untuk mempertingkatkan kualiti sistem pendidikan menggunakan peruntukan sedia ada.

Sistem pendidikan negara turut berhasrat memastikan setiap kanak-kanak tanpa mengira status sosioekonomi, jurang antara bandar dan luar bandar, dan gender akan dilengkapi dengan kemahiran untuk menonjol dan mengoptimumkan potensi masing-masing. KPM beriltizam untuk mencapai 50 peratus pengurangan dalam jurang pencapaian pada tahun 2020. Pencapaian ini akan menjadikan sistem pendidikan di Malaysia sebagai salah satu sistem yang saksama di dunia.

Akhir kata, tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan Laporan Tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2016. Laporan ini merangkumi kejayaan pelaksanaan program pendidikan KPM sepanjang tahun 2016 serta aspek-aspek pelaksanaan yang boleh diperbaiki dan dijadikan sebagai penilaian untuk melakukan penambahbaikan berterusan bagi kecemerlangan KPM dalam melahirkan modal insan berkualiti. Sesungguhnya kejayaan KPM merupakan hasil kerjasama semua pihak yang telah berganding bahu bekerja sebagai satu pasukan. Marilah kita semua bersama-sama berusaha lebih gigih untuk merealisasikan aspirasi pendidikan negara ke arah pendidikan berkualiti kepada semua rakyat Malaysia selaras dengan hala tuju Transformasi Negara 2050 (TN50).

YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
Menteri Pendidikan Malaysia

KATA-KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia

Kementerian amat berbangga dan berterima kasih kepada semua warga pendidikan atas usaha gigih merealisasikan agenda transformasi pendidikan negara dengan jayanya. Perubahan dan pelan strategik komunikasi berkesan Kementerian untuk menangani isu pembangunan pendidikan telah memberi impak besar kepada kejayaan KPM, justeru pelaporan aktiviti Bahagian KPM ini adalah signifikan dengan pencapaian Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang telah menempa pelbagai kejayaan sepanjang tahun 2016 yang kini berada dalam Gelombang 2 (2016-2020).

Senario dunia pendidikan masa kini menuntut kepada arus perubahan dan keberanian menerokai bidang baharu. Sebagaimana kita sedia maklum, dunia pendidikan bersifat dinamik, sentiasa berubah dan akan terus berubah sejajar dengan perkembangan dan kemajuan sains dan teknologi dunia masa kini. Justeru, kita warga pendidik sewajarnya berasa terpanggil untuk mengikuti perubahan ini. Mekanisme yang terbaik adalah melalui penghijrahan dan hijrah bukan sahaja dalam bentuk perubahan tingkah laku secara fizikal tetapi yang lebih penting adalah penghijrahan minda. Hal ini adalah kerana minda yang cerdas akan mempengaruhi gerak laku. Gerak laku yang kompeten adalah paparan daripada minda yang sihat dan sentiasa bergerak seiring dengan kemajuan serta memberikan respons terhadap tuntutan semasa.

Kita bersyukur kerana inisiatif PPPM 2013-2025 telah disusun rapi dan dijajarkan dengan peruntukan sedia ada bagi memastikan keberhasilan dapat dicapai. Antara pencapaian yang signifikan termasuklah peningkatan peratus prasekolah KPM melepasi standard minimum prasekolah kebangsaan daripada 89.8 peratus pada 2015 kepada 99 peratus pada tahun 2016. Dari segi perbelanjaan berhemah, peratus sasaran penjimatan yang dijajarkan kepada aktiviti yang mendukung keberhasilan murid meningkat daripada 27 peratus pada 2015 kepada 77 peratus pada 2016. Kejayaan ini merupakan pencapaian yang amat bermakna dalam usaha kita memastikan tranformasi pendidikan terus dilaksanakan dengan cemerlang.

Kementerian juga memainkan peranan penting di peringkat antarabangsa dengan menyumbangkan pelbagai idea dan amalan terbaik dalam bidang pendidikan yang boleh dijadikan contoh oleh negara lain terutamanya negara dunia ketiga. Malaysia telah berkongsi pengalaman dan membantu inisiatif transformasi pendidikan negara kurang membangun dan kepulauan kecil menerusi kerjasama dengan UNESCO melalui inisiatif Malaysia *FUND-in-Trust* (MFIT). Sehubungan itu, negara kita telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan persidangan peringkat antarabangsa seperti *9th ASEAN education Minister and the Senior Education Officials Meeting* serta *Asia Pacific Regional Forum On Early Childhood Care and Education*. Kejayaan kita menganjurkan persidangan berskala besar ini telah mendapat pujian dari negara-negara yang hadir. Semoga kejayaan dan pencapaian KPM ini akan terus memacu kecemerlangan dalam pendidikan negara tercinta pada masa akan datang.

Saya menyeru kepada semua warga pendidikan agar beristiqamah melakukan anjakan dalam pemikiran dan amalan ke arah mencapai matlamat seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Di samping itu, kita perlu peka dan bersikap proaktif terhadap isu-isu semasa pendidikan agar kita dapat bersama-sama menyumbang ke arah pembentukan masyarakat yang progresif dan berpengetahuan.

Akhir kata, sekali lagi asya ucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan buku laporan ini. Semoga buku laporan ini akan menjadi sumber rujukan terbaik dan mampu mencapai objektif agar terus memacu pendidikan negara ke tahap yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATO' SRI ALIAS BIN HAJI AHMAD
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia

PRAKATA KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 dilaksanakan dalam tiga gelombang pelaksanaan, dan Kementerian telah meletakkan asas yang kukuh dalam Gelombang 1 (2013-2015) untuk bergerak ke tahun berikutnya bagi memastikan 5 Aspirasi Sistem dan 6 Aspirasi Murid dapat dicapai. Bagi memastikan generasi akan datang dapat mendepani cabaran global, murid kita perlu dididik supaya seimbang dari segi ilmu dan akhlak. Justeru Enam Aspirasi Murid yang digariskan dalam PPPM merangkumi kedua-dua elemen ini. Amanah yang diberi adalah supaya kementerian dapat membangunkan pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran dwibahasa, kemahiran memimpin, etika dan kerohanian serta identiti nasional di dalam diri murid.

Gelombang 1 telah menunjukkan pencapaian yang ketara, beberapa kejayaan telah dicapai terutamanya dari aspek kemenjadian murid dan peningkatan profesionalisme keguruan. Komitmen Kementerian untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara dibuktikan antaranya melalui kejayaan mencatat peningkatan dalam kajian *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) 2015 di mana Malaysia berada di kedudukan pertengahan antara 39 negara peserta TIMSS berbanding 2011. Manakala bagi pencapaian dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) 2015, Malaysia telah menunjukkan peningkatan dalam ketiga-tiga domain literasi iaitu literasi saintifik, literasi matematik dan literasi bacaan berbanding dengan pencapaian PISA 2012.

Murid-murid kita juga mencipta banyak kejayaan dalam pelbagai bidang seperti memenangi pingat dalam temasya Sukan Olimpik dan Paralympik. Bakat-bakat seni melalui Sekolah Seni Malaysia juga berjaya mengharumkan nama negara dalam pertandingan peringkat antarabangsa di Coasta Brava, Sepanyol. Kementerian juga berbangga dengan kejayaan kontinjen Negara yang meraih anugerah dalam pertandingan robotik Di New Delhi, India. Kejayaan reka cipta dan inovasi murid dengan merangkul pelbagai pingat di Warsaw, Poland dan Korea. Amat membanggakan. Juga, tahun 2016 mencatat sejarah penting kepada KPM apabila seramai 2,273 graduan kohort pertama Kolej Vokasional menerima graduasi di Majlis Konvokesyen Kolej Vokasional KPM Kali Pertama dan 1,643 daripada mereka telah mendapat tawaran pekerjaan daripada pihak industri dan swasta.

Melangkah ke Gelombang 2 (2016-2020) kita perlu mempercepatkan usaha untuk meningkatkan lagi pencapaian dengan mengukuhkan lagi kejayaan yang telah dicapai semasa Gelombang 1 dan menghadapi setiap halangan yang membantu keupayaan pelaksaaan Kementerian. Kita perlu kekal komited dan usaha perlu diteruskan lagi bagi memastikan peningkatan sistem dapat dipercepatkan. Kita mempunyai matlamat yang besar dalam melaksanakan transformasi di Malaysia.

Sekian.

YBHG. TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHD YUSOF
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PELAJARAN

PENDAHULUAN

Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP), KPM bertanggungjawab untuk membangunkan infrastruktur pendidikan yang telah dirancang dengan kos efektif dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek fizikal pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Berikut adalah fungsi BPP yang diterangkan secara terperinci iaitu :-

1. Merancang, mengurus, melaksana dan memantau projek-projek pendidikan dari segi fizikal dan kewangan;
2. Menyelaras pengurusan perunding dan kontraktor bagi projek-projek pembangunan pendidikan;
3. Menguruskan perolehan tapak-tapak projek pendidikan dan tapak-tapak rezab atau simpanan Persekutuan untuk kegunaan pembangunan;
4. Menyediakan Anggaran Kewangan Bulanan, Suku Tahun dan Tahunan bagi projek-projek pembangunan pendidikan;
5. Menyelaras, menyedia, mengagih, memindahkan dan mengawal peruntukan pembangunan P.63 dan S.63 tahunan Kementerian;
6. Memantau status, menyelaras dan mengawal selia data-data projek pembangunan pendidikan; dan
7. Merancang, mengawal dan mengurus pentadbiran am, sumber manusia, kualiti, kewangan, audit dan sistem kawalan dalaman Bahagian.

PENCAPAIAN UTAMA

Berdasarkan kepada fungsi BPP di atas, pencapaian bagi BPP adalah dari segi prestasi fizikal dan prestasi perbelanjaan.

1. Pencapaian Prestasi Fizikal

Pencapaian aspek ini terbahagi kepada 3 perkara iaitu :-

i. Pembangunan Fizikal
ii. Pengurusan Pembangunan
iii. Anugerah yang diterima

i. Pembangunan Fizikal

Bahagian ini telah berjaya menyiapkan sebanyak 11projek yang terdiri dari pembangunan fizikal institusi pendidikan, sekolah menengah dan sekolah rendah. Berikut adalah maklumat senarai sekolah yang telah disiapkan pada tahun 2016 berserta tarikh siap :-

Bil.	Nama Sekolah	Tarikh Siap
1	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), Merbok, Kedah	24 Mac 2016
2	Membina Dan Menyiapkan 16 Bilik Darjah, Asrama Pelajar, Rumah Guru Dan Lain-Lain Kemudahan Di Sekolah Menengah Vokasional (SMV) Pasir Puteh, Kelantan	5 Ogos 2016
3	Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Buta), Kuching, Sarawak	8 Ogos 2016

Senarai Institusi Pendidikan yang telah siap pada tahun 2016

Bil.	Nama Sekolah	Tarikh Siap
1	Sekolah Sukan Malaysia Terengganu, Terengganu	21 Disember 2015
2	Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Berang, Terengganu	12 Januari 2016
3	Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Ramal, Selangor	6 Jun 2016
4	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Scientex, Pasir Gudang, Johor	7 September 2016
5	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lipis, Pahang	15 November 2016

Senarai Sekolah Menengah yang telah siap pada tahun 2016

Berdasarkan senarai di atas, 3 buah projek institusi pendidikan, 5 buah sekolah menengah dan 3 buah sekolah rendah siap dibangunkan pada tahun 2016.

Di antara kejayaan terbesar pada tahun 2016 adalah apabila salah satu projek pembangunan fizikal BPP telah berjaya disiapkan mendahului jadual bersama-sama dengan Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki (CCC) iaitu projek pembangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Scientex, Pasir Gudang, Johor. Projek tersebut adalah projek pembinaan sekolah baru 30 bilik darjah dan lain-lain kemudahan. Projek ini telah disiapkan dua minggu mendahului jadual. Penyerahan projek telah ini diadakan pada 08 November 2016.

ii. Pengurusan Pembangunan

Bagi melancarkan lagi proses pelaksanaan pembangunan fizikal, BPP telah berjaya menghasilkan Garis Panduan *Schedule of Accomodation* (SOA) bagi keperluan Mekanikal dan Elektrikal (M&E) bagi sekolah rendah dan menengah. Dokumen ini menerangkan keperluan sistem M&E yang perlu ada bagi setiap ruang/bilik yang wujud di bangunan sekolah berkaitan. Ia dihasilkan sebagai asas kepada perunding dalam proses penyediaan reka bentuk sistem berkaitan dan mempercepatkan proses penghasilan reka bentuk akhir yang sebelum ini mengambil masa yang agak lama disebabkan tiada rujukan atau garis panduan mengenai keperluan ruang berkaitan.

BPP juga berjaya menghasilkan Senarai Semak bagi Kajian Semula Reka Bentuk (*Design Review*). Senarai semak ini diwujudkan bagi membantu perunding mengenai butiran kerja serta spesifikasi dan piawaian yang perlu dipatuhi dan diambil kira dalam proses reka bentuk sistem elektrik. Ia dapat memendekkan tempoh kajian semula reka bentuk dan memastikan reka bentuk yang dihasilkan mematuhi spesifikasi dan peraturan yang berkuatkuasa.

iii. Anugerah yang diterima

a. Anugerah ASEAN Energy Award 2016

Selain pembangunan fizikal institusi pendidikan dan sekolah, BPP juga melaksanakan pembangunan infrastruktur, kemudahan dan peralatan yang berkaitan. Projek Pemasangan Sistem *Solar Hibrid* di Sekolah Kebangsaan Sungai-Sungai, Beluran, Sabah adalah salah satu yang dilaksanakan. Projek ini telah memenangi *2nd Runner-up* Anugerah *ASEAN Energy Award* 2016 bagi kategori R*enewable Energy (RE): Off-Grid di ASEAN Energy Business Forum* 2016 (AEBF 2016).

AEBF 2016 adalah acara tahunan yang diadakan bersempena dengan Mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga Asean (AMEM) yang ke-34 pada 21-23 September 2016 di Nay Pyi Taw, Myanmar. ASEAN *Energy Award* merupakan anugerah tertinggi di peringkat Asia Tenggara untuk mengiktiraf usaha terbaik, inisiatif dan amalan terbaik (*best practice*) dalam bidang Tenaga Boleh Baharu (RE), Kecekapan & Pengurusan Tenaga (EE & EM) serta Teknologi Hijau bagi sektor komersial dan industri.

b. Wakil Malaysia ke The International Training Programme on Solar Energy Technologies and Applications

Program ini adalah anjuran kerajaan India di bawah seliaan *The Indian Technical and Economic Cooperation (ITEC) Programme* dengan kolobrasi *National Institute Solar Energy* (NISE). Program ini bermula pada 28 November 2016 sehingga 16 Disember bertempat di Gurgaon, New Delhi, India.

Objektif utama program ini adalah untuk memperkasakan kapasiti dan keupayaan tenaga solar dan aplikasi berkaitan di peringkat global. Ia diadakan dengan matlamat untuk berkongsi maklumat dan teknologi terkini di kalangan rangkaian negara yang terlibat di samping menyumbang dalam pengurangan kadar pelepasan CO2 di peringkat antarabangsa.

Program dan latihan yang diadakan adalah tertumpu kepada penghasilan tenaga elektrik di kawasan luar bandar. Latihan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh ahli yang menganggotai International Solar Allianceadalah menjurus kepada teknologi solar yang terdapat di peringkat global dan reka bentuk bagi sistem OFF Grid and sistem ON Grid.

Wakil negara India dalam program tersebut juga berbesar hati untuk menjemput Malaysia dalam program solar yang diusahakan oleh pihak mereka dan juga meminta memberikan maklumat mengenai projek dan program tenaga solar yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran di antara kedua-dua negara tersebut.

PENCAPAIAN PRESTASI PERBELANJAAN

Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan (PTJ 130305) bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM1,393,831,820.00. Peratusan perbelanjaan peruntukan tahun 2016 adalah 99.96%.

Jenis Peruntukan	Pembangunan (PTJ 130305)
Jumlah Peruntukan (RM)	1,393,831,820.00
Peratusan Perbelanjaan	99.96%

Jadual 4 : Prestasi Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2016

Trofi dan Pledge bagi 2ndRunner-up Asean Energy Award 2016



Trofi dan Pledge bagi 2ndRunner-up Asean Energy Award 2016

Gambar rajah berkaitan The International Training Programme on Solar Energy Technologies and Applications



Pyranometer untuk mengukur tahap iradiasi solar



Solar Panel yang dipasang untuk menjana tenaga elektrik



Sesi Perbincangan di tapak projek



1 MW Loji Solar Panel di Jaipur,India

BAHAGIAN KEWANGAN

LATAR BELAKANG

Penubuhan dan perkembangan Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia adalah hasil daripada nafas yang diberikan melalui cadangan-cadangan utama dalam Penyata Razak dan hasrat dan cita-cita baru yang terkandung dalam Penyata Rahman Talib, Akta Pendidikan 1961, Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 dan Akta Pendidikan 1996. Pada kemudiannya, telah memberikan nafas kepada penubuhan dan perkembangan Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Peranan utama Bahagian Kewangan adalah merancang, memantau serta mengawal perbelanjaan mengurus di Kementerian Pendidikan dengan mewujudkan satu sistem pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan. Kuasa untuk menjalankan tugas-tugas ini termaktub di bawah Peruntukan Kewangan dalam Perlembagaan Malaysia, Akta Acara Kewangan 1957 dan Peraturan-peraturan tertentu di bawah Akta Pendidikan. Bahagian ini juga mengawasi peraturan kewangan dan prosedur perakaunan yang berkuatkuasa dalam pengurusan kewangan Kementerian Pendidikan Malaysia.

DASAR-DASAR BAHARU

Pada tahun 2016, Bahagian Kewangan telah mengeluarkan arahan/garis panduan seperti di bawah:

1. Arahan Pegawai Pengawal (APP) Tahun 2016 garis panduan dan tatacara bagi pengurusan kewangan, pembangunan, perakaunan, perolehan dan pengurusan aset, sumber manusia serta pengauditan.

2. Arahan Perwakilan Kuasa kepada Setiausaha/ Pengarah Bahagian, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri/ Institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meluluskan kemudahan pendahuluan diri semasa menjalankan tugas rasmi.

3. Garis Panduan Kemudahan Perjalanan Udara Rasmi : Tuntutan Bayaran Balik Tiket Kapal Terbang Yang Dibeli Sendiri oleh Pegawai.

4. Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 1 Tahun 2016 - Pelaksanaan Penggunaan Kemudahan Di Institut Latihan Awam Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (ILA KPM) Selaras Dengan Dasar Mengoptimumkan Perbelanjaan

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Majlis Penyerahan Waran Pertama Tahun 2016

Secara keseluruhan, peruntukan KPM pada Tahun 2016 adalah **RM41,359,702,800** iaitu **15.48% daripada Anggaran Perbelanjaan Persekutuan.** Peruntukan Belanja Mengurus (B.63) adalah berjumlah **RM39,315,871,000** iaitu **kenaikan** sebanyak RM1,025,447,000 berbanding tahun 2015.

Majlis Ucaptama dan Sesi Dialog Pegawai Pengawal bersama Ketua Aktiviti serta Penyerahan Waran Pertama Belanja Mengurus B.63 Tahun 2016 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diadakan pada 5 Januari 2016 di Dewan Serbaguna, Aras 9, Blok E12, Kompleks E, Putrajaya.Dalam majlis tersebut, Waran Peruntukan Pertama Belanja Mengurus (B.63) KPM telah diserahkan kepada semua Ketua Jabatan dan Bahagian termasuk Jabatan Pendidikan Negeri. Penyerahan peruntukan melalui Waran Pertama diagihkan berdasarkan peratusan yang telah ditetapkan dalam Arahan Pegawai Pengawal Tahun 2016.

Dalam majlis tersebut juga telah diadakan sesi dialog Pegawai Pengawal bersama semua Ketua Aktiviti dan Pengarah JPN. Platform ini disediakan bagi memberikan ruang serta peluang kepada semua Ketua Aktiviti untuk mendapatkan penjelasan secara langsung daripada YBhg. Tan Sri Dr. KSU sebagai Pegawai Pengawal dalam menguruskan Kewangan di PTJ masing-masing.



YBhg. Tan Sri Dr. KSU memberikan ucapan di Majlis Penyerahan Waran Pertama Tahun 2016



Penyerahan Waran kepada Ketua Aktiviti



Sesi Dialog Pegawai Pengawal bersama Ketua Aktiviti

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA)

Bahagian Kewangan merupakan urus setia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) peringkat KPM. Pada tahun 2016, Bahagian ini telah berjaya mengadakan **empat (4) kali** Mesyuarat JPKA KPM serta menghantar Laporan Suku Tahun JPKA mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Tarikh-tarikh Mesyuarat JPKA yang diadakan pada tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 1.**

Bil.	Suku Tahun	Tarikh
1	Mesyuarat Suku Tahun Pertama 2016	27 April 2016
2	Mesyuarat Suku Tahun Kedua 2016	26 Julai 2016
3	Mesyuarat Suku Tahun Ketiga 2016	8 November 2016
4	Mesyuarat Suku Tahun Keempat 2016	14 Februari 2017

Jadual 1: Kekerapan Mesyuarat JPKA Tahun 2016

3. Pengagihan Bantuan Persekolahan

Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab untuk mengurus pengagihan biasiswa, bantuan dan elaun kepada sekolah dan murid. Selain itu, cawangan bantuan juga bertanggungjawab melaksanakan pemantauan dan pelaporan prestasi program bantuan sekolah dan murid. Pada tahun 2016, peruntukan bantuan persekolahan KPM secara keseluruhannya telah diterima sebanyak **RM2,964,160,300.00**. Butiran agihan Bantuan Persekolahan Tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 2.**

BIL.	JENIS BANTUAN PERSEKOLAHAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1	Rancangan Makanan Tambahan (RMT)	250,000,000.00
2	Program Susu 1Malaysia (PS1M)	78,000,000.00
3	Aktiviti Perjalanan Dan Pengangkutan Murid (PPM)	21,600,000.00
4	Bantuan Makanan Asrama (BMA)	1,087,114,200.00
5	Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M)	350,000,000.00
6	Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP)	100,000,000.00
7	Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU)	6,999,060.00 (selepas peruntukan dikemaskini)
8	Biasiswa Sukan	1,600,000.00
9	Elaun Pra Universiti (EPU)	400,000.00
10	Elaun Murid Berkeperluan Khas (EMK)	100,000,000.00
11	Projek Pelajar Projek Khas Sekolah Berasrama Penuh (PKSBP)	5,000,000.00
12	Bantuan Geran Perkapita (PCG)	620,000,000.00
13	Bantuan Geran Perkapita Prasekolah (PCG Prasekolah)	21,626,400.00
14	Bantuan Makanan Prasekolah (BMP)	92,993,400.00
15	Yuran Khas Sekolah (YKS)	30,000,000.00 (selepas peruntukan dikemaskini)
16	Bantuan Kokurikulum Sekolah (BKK)	34,641,000.00
17	Bantuan Kokurikulum Prasekolah (BKKP)	3,393,800.00
18	Bantuan Kokurikulum Asrama (BKKA)	4,997,000.00
19	Bantuan Sukan Sekolah (BSS)	23,666,200.00
20	Bantuan Jaket Keselamatan (BJK)	500,000.00
21	Kelas Dewasa Ibu Bapa Orang Asli dan Penan (KEDAP)	3,499,100.00
22	Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Badan Beruniform (BPS)	2,300,000.00
23	Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)	10,000,000.00
24	Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP)	106,967,200.00
25	Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)	45,862,000.00
JUMLAH		RM2,964,160,300.00

Jadual 2: Agihan Bantuan Persekolahan Tahun 2016

PENCAPAIAN

1. Ringkasan Prestasi Mengurus Tahun 2016

Bagi tahun 2016, KPM telah membelanjakan sepenuhnya peruntukan mengurus yang telah disalurkan di bawah maksud bekalan B.63 menjadikan prestasi perbelanjaan adalah 100%. Pecahan prestasi perbelanjaan mengikut Objek Am (OA) seperti di Jadual 3.

Objek Am	Perkara	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Prestasi Belanja (%)
10000	Emolumen	33,208,921, 628.00	33,208,921, 575.81	100
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	2,936,026, 879.00	2,936,026, 866.28	100
30000	Aset	77,599, 729.00	77,599, 727.31	100
40000	Pemberian dan Kenaan Tetap	3,391,263, 361.00	3,391,263, 336.21	100
50000	Perbelanjaan Lain	19,403.00	19,402.34	100
JUMLAH		39,613,831, 000.00	39,613,830, 907.95	100

Jadual 3: Pecahan Prestasi Perbelanjaan Mengikut Objek Am (OA)

Perkara-Perkara Lain Yang Mempunyai Signifikasi Berkaitan Bahagian Kewangan

Jabatan Audit Negara menjalankan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti KPM bagi tahun 2016 bermula pada 3 Januari 2017 sehingga selesai dilaksanakan. Pengauditan melibatkan 4 orang pegawai daripada Jabatan Audit Negara. Skop pengauditan adalah bagi tempoh Januari hingga Disember 2015 meliputi tujuh (7) elemen kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Amanah dan Deposit, Kawalan Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. SISTEM PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN STOR (SPPS) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SPPS merupakan sebuah portal web (web-based portal) yang mengaplikasikan pelaksanaan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) - Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan (TPS) AM 6.1. Sistem ini bertujuan untuk melaksanakan pengurusan stor secara digital/ online dengan melengkapkan proses kitaran stok bermula daripada proses penerimaan, perekodan, penyimpanan, pengeluaran, pemeriksaan, keselamatan dan kebersihan, pelupusan serta kehilangan dan hapuskira.

SPPS dibangunkan oleh Perbendaharaan dan pelaksanaannya adalah mengikut pencapaian sesebuah Kementerian. Perbendaharaan menetapkan justifikasi bahawa sesebuah induk (Kementerian/ Jabatan) hendaklah telah menggunakan SPPS sebelum peluasan modul atau pengenalan sistem SPPS dilaksanakan.

SPPS juga telah dirancang untuk digunapakai secara berperingkat dalam tempoh 5 tahun selepas semua Agensi Induk menggunakan Sistem Pemantauan dan Pengurusan Aset (SPA). Perancangan penggunaan SPPS bermula di Bahagian Induk di Kementerian dan di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) pada tahun 2016, semua agensi bawahan Bahagian dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) pada 2017-2018 dan seterusnya ke semua sekolah berstatus Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah melaksanakan SPA pada 2019-2020. Perancangan penggunaan SPPS secara berperingkat ini bertujuan bagi memastikan setiap induk dapat memahami proses penggunaan SPPS dan seterusnya boleh menjadi moderator kepada agensi di bawah seliaan masing-masing.

Bagi memastikan proses penggunaan SPPS ini sampai ke Agensi Induk di Kementerian dan di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan semua sekolah berstatus Pusat Tanggungjawab (PTJ) BPPA sendiri telah melaksanakan beberapa bengkel SPPS seanjang tahun 2016 di peringkat KPM bagi memberi pendedahan kepada semua Pegawai Stor dan Pegawai Pelulus Pengeluaran Stok berkenaan penggunaan SPS secara intensif. Objektif bengkel SPPS juga adalah untuk memastikan Bahagian dapat melaksanakan setiap modul yang diperkenalkan mengikut tatacara yang betul dan seterusnya untuk memberikan latihan penggunaan (hands-on) SPS kepada 30 Bahagian melibatkan stor utama sahaja.

i. Bengkel Pelaksanaan Sistem Pemantauan dan Pengurusan Stor (SPPS) Peringkat Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

BPPA telah melaksanakan bengkel pelaksanaan SPPS pada Sesi 1 pada 25 hingga 26 April 2016 (Isnin-Selasa) dan sesi 2 pada 27-28 April 2016 (Rabu- Khamis). Bengkel ini diadakan bagi mensasarkan pelaksanaan SPPS di peringkat Bahagian di Kementerian. Bengkel ini telah diadakan di Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia,Bandar Enstek,Negeri Sembilan. Kumpulan sasaran bagi bengkel SPPS ini adalah tiga puluh Pegawai Stor di semua bahagian di KPM dan tiga puluh Pegawai Pelulus Pengeluaran Stok Bahagian di KPM. Jumlah peserta yang hadir pada bengkel tersebut adalah enam puluhorang merangkumi kedua-dua sesi. BPPA telah menjemput dua orang Pegawai dari Seksyen Pengurusan Aset, Kementerian Kewangan bagi memberikan ceramah dan taklimat berkenaan penggunaan SPPS di KPM.




Bengkel Pelaksanaan Sistem Pemantauan dan Pengurusan Stor (SPPS) Peringkat Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

ii. Bengkel Ulang Kaji Modul Baharu Sistem Pengurusan Pemantauan Dan Pengurusan Stor (SPPS) Peringkat Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahagian di KPM telah menggunakan SPPS dalam pengendalian stor di Bahagian masing-masing bermula 1 Jun 2016. Bagi memastikan penggunaan SPPS ini dapat dilaksanakan dengan teratur, bengkel ulang kaji SPPS melibatkan beberapa modul baharu iaitu Pelarasan Stok, Pelupusan Stok, Pengiraan Stok, Pemulangan Stok dan Hapus Kira BPPA juga telah melaksanakan bengel ulang kaji modul baharu SPPS peringkat KPM yang bertujuan untuk memantapkan lagi pemahaman penggunaan dan pelaksanaan SPPS dalam melaksanakan pengurusan stor secara digital/online. Bengkel ulang kaji ini telah diadakan pada 15 Ogos 2016 (Isnin) di Makmal Komputer, di BPPA, KPM. Bagi bengkel ulang kaji ini BPPA mensasarkan peserta adalah dari kalangan Pegawai Stor Bahagian di KPM. Jumlah peserta yang hadir bengkel pada kali ini adalah 30 orang dan BPPA telah menjemput Pegawai Teknologi Maklumat, BPPA,KPM untuk memberikan ceramah dan taklimat berkenaan penggunaan sistem ini.




Bengkel Ulang Kaji Modul Baharu Sistem Pengurusan Pemantauan Dan Pengurusan Stor (SPPS) Peringkat Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. SISTEM PELANTIKAN PEGAWAI ASET

Selaras dengan 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) (Pengurusan Aset), BPPA bertanggungjawab menguruskan pelantikan Pegawai Aset, Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa Pelupusan, Jawatankuasa Penyiasat dan Pegawai Pemverifikasi Stor bagi 32 Bahagian, 16 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), 138 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan 10,654 agensi/ institusi pendidikan/ sekolah di bawah Sektor Pelajaran KPM.

Bilangan pelantikan Pegawai Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bagi Tahun 2015 dan 2016 adalah meningkat dari tahun sebelumnya. Berikut adalah jadual dan rajah perbandingan bilangan pelantikan bagi tahun 2015 dan 2016.

BIL	JAWATAN	2015	2016
1.	Pegawai Aset (PA)	2,421	3,209
2.	Pegawai Pemeriksa (PP)	7,059	8.655
3.	Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP)	6,812	8,191
4.	Jawatankuasa Penyiasat (JKP)	297	160
5.	Pegawai Pemverifikasi Stor (PPS)	1,528	3,438
JUMLAH		18,117	23,653

Bilangan pelantikan Pegawai Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bagi Tahun 2015 dan 2016.



Bilangan pelantikan Pegawai Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bagi Tahun 2015 dan 2016.

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

LATAR BELAKANG

Ditubuhkan pada 1 Julai 2002 melalui waran perjawatan W.P.BilS52/2002 berikutan dengan penstrukturan semula Bahagian Pembangunan Organisasi dan Perkhidmatan (BPOP) kepada Bahagian Sumber Manusia (BSM). Melalui perubahan dan penambahbaikan dari segi struktur dan fungsi pada 29 Mei 2013 melalui Waran Perjawatan S152 Tahun 2013, BPSM kini terdiri daripada enam (6) Cawangan dan satu (1) Unit iaitu:

1. Cawangan Dasar dan Perancangan Sumber Manusia
2. Cawangan Perjawatan dan Naziran
3. Cawangan Perkhidmatan
4. Cawangan Naik Pangkat
5. Cawangan Pembangunan Manusia dan Latihan
6. Cawangan Pengurusan Maklumat
7. Unit Pentadbiran dan Kewangan

DASAR-DASAR BAHARU

1. Penetapan KPI Penjawat Tier 2: 50% daripada keseluruhan warga KPM mengikuti sekurang-kurangnya lima (5) hari latihan setahun.

Sejumlah 98.57 peratus (513,058 orang) warga KPM telah berjaya mengikuti latihan sekurang-kurangnya lima (5) hari. Selain itu, sejumlah 97.72 peratus (508,656 orang) telah berjaya mencapai kehadiran latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari.

2. Penetapan pelaksanaan kaedah latihan pelbagai (blended training approach) di KPM.

Hasil promosi dan pemantauan berterusan, KPM telah mendapat pengiktirafan daripada JPA sebagai "Kementerian Paling Aktif Menggunakan EPSA Pada Tahun 2016".



Pengiktirafan JPA sebagai "Kementerian Paling Aktif Menggunakan EPSA Pada Tahun 2016"

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. National Blue Ocean Strategy (NBOS) International Week 2016

Malaysia telah menganjurkan National Blue Ocean Strategy (NBOS) International Week 2016 selama 7 hari bermula pada 14 Ogos hingga 20 Ogos 2016. Terdapat pelbagai program telah diatur antaranya Hari Terbuka NBOS 2016 bermula pada 14 Ogos hingga 20 Ogos 2016 dari jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang, International Conference on Blue Ocean Strategy (ICBOS) berlangsung pada 16 hingga 18 Ogos 2016, dan Commonwealth Association for Public Administration and Management (CAPAM) pada 18 hingga 20 Ogos 2016di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya.

Acara-acara tersebut telah dihadiri oleh Ketua-ketua Negara dan Ketua-ketua Setiausaha daripada negara-negara Komanwel, ASEAN dan OIC serta para penceramah antarabangsa. Lebih 8,000 orang pengunjung telah menghadiri NBOS International Week 2016 tersebut. Penganjuran program Run and Ride NBOS turut diadakan pada 14 Ogos 2016 yang melibatkan seramai 4,000 peserta dari dalam dan luar negara turut diadakan. Pelbagai booth Hari NBOS 2016 telah dipamerkan daripada pelbagai kementerian/agensi termasuk KPM yang disediakan oleh pihak penganjur iaitu Unit Strategi Nasional (NSU), Kementerian Kewangan untuk tujuan showcase pencapaian pelaksanaan NBOS yang berimpak tinggi oleh semua kementerian/jabatan/agensi yang melaksanakan inisiatif NBOS.

Setiap kementerian/agensi telah mempamerkan pelbagai aktiviti/program yang bersifat lebih kreatif, unik dan selaras dengan perkembangan dunia yang semakin canggih seperti paperless (go green), barcode scanning, social media dan sebagainya untuk menarik perhatian pengunjung ke booth masing-masing.

Bagi sambutan Hari NBOS 2016 ini, KPM telah mempamerkan 3 inisiatif merangkumi inisiatif Repositioning of Teachers' Core Duties, Community Support For School Teachers dan My New School. Terdapat pelbagai acara menarik telah berlangsung untuk booth KPM seperti berikut:

TARIKH	HARI	AKTIVITI BOOTH	BHG
14/8/2016	Ahad	Pameran Ultimate Recycler	BKK
15/8/2016	Isnin	Pameran hasil kerja murid Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)	BPSH
		Pameran Enter Corridor - Program Mekatronik - Robotik	BPTV
16/8/2016	Selasa	Pameran Inovasi: Black Is The New Green oleh Sekolah Dato' Abdul Razak Negeri Sembilan (SDAR)	BPSBPSK
		Pameran Technical Vocational Education & Training (TVET)	BPTV
17/8/2016	Rabu	Demonstrasi Braille dan alatan bagi murid berkeperluan khas (masalah penglihatan)	BPKhas
		Pameran Inisiatif PPPM 2013 – 2025	PADU
18/8/2016	Khamis	Bengkel bahasa isyarat dan pameran hasil kerja murid berkeperluan khas (masalah pendengaran)	BPKhas
		Demonstrasi Anyaman suku kaum Temuan & Demonstrasi Hasil Kerja Tangan suku kaum Temuan	BPSH
19/8/2016	Jumaat	Pameran berkaitan Lukisan Rekabentuk & Komunikasi Visual	BKK
		Pameran berkaitan BOS (Bowling For All)	IAB
20/8/2016	Sabtu	Pameran berkaitan kolaborasi NBOS	BSukan
		Pameran Pembestarian Pembelajaran (Ubiqutouis Learning)	IAB

Selain itu KPM juga telah membuat pelbagai persembahan di pentas sepanjang NBOS International Week 2016 berlangsung seperti berikut:

TARIKH	HARI	PERSEMBAHAN PENTAS	MASA	BHG
14/8/2016	Ahad	Persembahan Cak Lempong	2.00 ptg	BKK
15/8/2016	Isnin	Persembahan Gamelan	11.35 pg	BKK
16/8/2016	Selasa	Tarian Tradisional dan Kontemporari	2.00 ptg	BKK
		Persembahan Busker SBJK	3.30 ptg	BPSH
17/8/2016	Rabu	Persembahan Angklung	2.00 ptg	BKK
		Fashion Show	2.55 ptg	BPTV
18/8/2016	Khamis	Tarian Tradisional dan Kontemporari	2.00 ptg	BKK
19/8/2016	Jumaat	Persembahan Sewang Suku Kaum Temuan	10.00 pg	BPSH
		Tarian Tradisional	11.45 pg	BKK
		Icon Talk Atlet Olahraga	3.00 ptg	BSukan
20/8/2016	Sabtu	Persembahan Cak Lempong	3.25 ptg	BKK
		Tarian Tradisional dan Kontemporari	4.00 ptg	BKK



Lawatan YBhg. Tan Sri KSN kebooth NBOS KPM 2016





Lawatan YBhg. Tan Sri KPPA kebooth NBOS KPM 2016





Lawatan YB. Dato' Seri Menteri Pendidikan di booth KPM 2016



Lawatan YBhg. Tan Sri Dr. KSU dan YBhg. Tan Sri Dr. KPPM di booth KPM 2016







Lawatan penulis buku Blue Ocean Strategy iaitu Prof. W. Chan Kim dan Rene`eMouborgne di booth KPM 2016





Lawatan YAB Timbalan Perdana Menteri di booth KPM 2016



Pelbagai pameran dipamerkan di booth NBOS KPM





KPM telah diumumkan sebagai pempamer booth terbaik sepanjang NBOS International Week 2016 berlangsung di PICC, Putrajaya

YBhg. Tan Sri Dr. Madinah Mohamad, Ketua Setiausaha KPM, YBhg. Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia serta ketua-ketua Jabatan telah hadir pada hari perasmian dan telah memeriahkan booth KPM sebagai tanda sokongan penuh terhadap program yang dianjurkan.

2. Penempatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Yang Ditempatkan Ke Jawatan Kumpulan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPM Disebabkan Masalah Kesihatan.

BPSM, KPM bertanggungjawab memperakukan kepada Ketua Perkhidmatan bagi pegawai-pegawai yang mempunyai masalah kesihatan atau sakit berpanjangan yang meliputi pelbagai penyakit seperti sakit mental, barah, tibi dan sebagainya untuk ditukarkan kepada jawatan kumpulan bagi memudahkan rawatan dibuat secara lebih kondusif dan teratur.

Jumlah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang berada di dalam jawatan kumpulan sehingga 31 Disember 2016 disebabkan masalah kesihatan adalah seramai 849 orang. Perincian adalah seperti di jadual berikut:

JABATAN / BAHAGIAN	KATEGORI			JUMLAH
	BARAH	MENTAL	SAKIT BERPANJANGAN	
BAHAGIAN	6	6	10	22
JOHOR	15	22	38	75
KEDAH	9	11	16	36
KELANTAN	20	36	37	93
KUALA LUMPUR	15	3	10	28
LABUAN	0	0	0	0
MELAKA	5	5	3	13
NEGERI SEMBILAN	3	14	24	41
PAHANG	10	19	17	46
PERAK	17	22	30	69
PERLIS	3	8	5	16
PULAU PINANG	10	11	21	42
PUTRAJAYA	0	0	3	3
SABAH	4	17	14	35
SARAWAK	15	22	38	75
SELANGOR	74	59	85	218
TERENGGANU	4	9	24	37
JUMLAH	210	264	375	849

BPSM, KPM sentiasa membuat pemantauan ke atas semua pegawai yang ditempatkan di dalam jawatan kumpulan atas sebab kesihatan tersebut di mana Ketua-Ketua Jabatan juga diingatkan agar memberikan perhatian kepada pegawai-pegawai tersebut dengan mengambil tindakan sewajarnya termasuk penubuhan Lembaga Perubatan sekiranya perlu dan dibersarakan atas sebab kesihatan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1995.

3. Pengurusan Persaraan Pilihan Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Sepanjang Tahun 2016

Urusan pertimbangan permohonan persaraan pilihan sendiri Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bil. 1 Tahun 1995. Semua permohonan persaraan pilihan sendiri PPP diuruskan oleh Jawatankuasa Persaraan Pilihan Sendiri Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan). Mesyuarat jawatankuasa ini bersidang sebanyak empat (4) kali setahun. Jawatankuasa ini berperanan untuk memperakukan permohonan pegawai untuk bersara secara pilihan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan.

Perincian data permohonan persaraan pilihan yang telah diperaku dan disokong adalah seperti berikut:

Data Permohonan Yang Telah Diluluskan Mengikut Bilangan Mesyuarat dan Pertimbangan Khas Tahun 2016

BIL	PERKARA	BIL. PPP DI SEKOLAH RENDAH	BIL. PPP DI SEKOLAH MENENGAH	BIL. PPP DI BAHAGIAN / JABATAN / PPD	JUMLAH
1.	Mesyuarat Permohonan Persaraan Pilihan Sendiri Bil.1/2016	408	284	48	740
2.	Mesyuarat Permohonan Persaraan Pilihan Sendiri Bil.2/2016	219	169	58	446
3.	Mesyuarat Permohonan Persaraan Pilihan Sendiri Bil.3/2016	562	439	67	1068
4.	Mesyuarat Permohonan Persaraan Pilihan Sendiri Bil.4/2016	308	192	63	563
5.	Pertimbangan Khas	244	284	73	601
JUMLAH KESELURUHAN		1741	1368	309	3418

Data Sebab-sebab Permohonan Persaraan Pilihan Sendiri Tahun 2016

BIL	SEBAB-SEBAB MEMOHON PERSARAAN PILIHAN	BIL. PPP DI SEKOLAH RENDAH	BIL. PPP DI SEKOLAH MENENGAH	BIL. PPP DI BAHAGIAN / JABATAN / PPD	JUMLAH
1.	Beban tugas	136	228	51	415
2.	Hilang minat	731	576	21	1328
3.	Mengikut suami ke luar negara	134	150	71	355
4.	Tumpu perhatian kepada keluarga	281	100	55	436
5.	Masalah kesihatan (Diri sendiri/anak/ibu/bapa)	320	189	62	571
6.	Urusan peribadi (Perniagaan/mengurus tanah/mendalami agama)	139	125	49	313
JUMLAH KESELURUHAN		1741	1368	309	3418

4. Pelaksanaan Dasar Pemisah (exit policy) bagi pegawai berprestasi rendah di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pelaksanaan dasar pemisah di KPM adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2015 merujuk kepada pegawai yang penilaian prestasi terkini berada pada tahap kurang daripada 60% atau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator- KPI) di bawah sasaran (below target). Penilaian prestasi ini adalah berasaskan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) bagi skim guru dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi skim lain.

Dalam pelaksanaan dasar pemisah di KPM pada tahun 2016, seramai 505 orang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan 150 orang daripada skim bukan guru telah didapati berprestasi rendah. Nama-nama pegawai berprestasi rendah ini telah bentangkan dan disahkan dalam Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Induk KPM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha.

Pegawai-pegawai yang telah disahkan berprestasi rendah ini sedang menjalani tempoh pemerhatian selama satu (1) tahun berdasarkan tarikh yang telah diluluskan oleh Mesyuarat PPSM Induk KPM. Tempoh pemerhatian ini adalah meliputi fasa pemulihan dan pemantauan pelaksanaan tugas pegawai. Pegawai-pegawai ini seterusnya akan melalui proses saringan yang akan dilaksanakan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK). Proses saringan ini adalah bertujuan untuk menentukan program intervensi dan pembangunan yang bersesuaian dengan pegawai sama ada dari segi sikap/ kendiri, kesihatan dan kewangan sebelum pegawai dinilai semula untuk menentukan prestasi pegawai selepas tempoh pemerhatian yang ditetapkan.



Pengerusi MBJ KPM Bersama Ahli Pihak Pegawai



Pengerusi MBJ KPM bersama Ahli Pihak Pekerja




Program Wahana Ilmu Pejabat Pendidikan Daerah Seremban

5. Urusan Cadangan Pemangkuan Kenaikan Pangkat, Penempatan dan Pertukaran bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP).

Sepanjang tahun 2016, BPSM telah melaksanakan urusan cadangan pemangkuan, kenaikan pangkat, penempatan dan pertukaran bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP). Maklumat pencapaian ini diterangkan dalam carta bagi menunjukkan statistik jumlah PPP yang telah diluluskan dalam urusan pemangkuan, kenaikan pangkat pertukaran secara setara sepanjang tahun 2016.


Seramai 27,886 orang calon telah diluluskan pemangkuan seperti pecahan Carta 1 di bawah.

Carta Bar 1 – Urusan Pemangkuan




Manakala bagi urusan kenaikan pangkat, seramai 47,662 PPP dan AKP telah berjaya mendapat kenaikan pangkat dan dari jumlah tersebut seramai 39,870 PPP dan AKP telah diluluskan kenaikan pangkat secara TBBK, 1,936 orang PPP telah diluluskan kenaikan pangkat ke Gred DG42(KUP), 506 orang PPP di bawah Laluan Cemerlang dan 5,350 orang PPP dan AKP diluluskan kenaikan pangkat di bawah Laluan Hakiki. Perincian pecahan Carta 2 di bawah:

Carta 2 – Kenaikan Pangkat



Seterusnya urusan pertukaran PPP dan AKP melibatkan seramai 1,318 orang pegawai telah dilaksanakan pada tahun 2016 dan perincian mengikut Unit seperti pecahan di Carta 3.

Carta 3 – Pertukaran



6. Mesyuarat Penyelarasan Cawangan Naik Pangkat Bersama Bahagian-Bahagian KPM Dan Jabatan Pendidikan Negeri

Mesyuarat Penyelarasan antara Cawangan Naik Pangkat BPSM dengan Bahagian/ Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan urusan kenaikan pangkat, pemangkuan, penempatan pemangkuan, pertukaran PPP dan AKP serta pengurusan prestasi. Dua (2) siri Mesyuarat telah diadakan pada tahun 2016 iaitu pada 18 hingga 19 April 2016 yang diadakan di BPSM, Putrajaya dan pada 17 hingga 20 Oktober 2016 di Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Tanjung Malim, Perak.

Objektif mesyuarat ini adalah bagi memastikan urusan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) dapat dijalankan dengan lancar dan teratur berdasarkan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh KPM seperti berikut:

a) Meneliti, memahami dan berkongsi isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan urusan kenaikan pangkat, penempatan/ pertukaran melibatkan jawatan-jawatan kenaikan pangkat dan pengurusan prestasi dan seterusnya membincangkan langkah-langkah/ cadangan penyelesaian berdasarkan dasar, pekeliling dan keputusan pihak Pengurusan KPM;

b) Membentangkan dan membincangkan isu perwakilan kuasa kepada Pengarah Bahagian/ Negeri dalam melaksanakan penempatan secara hakiki dan pertukaran setara oleh BPSM, Standard Prosedur Operasi (SOP) Penempatan dan Pengisian di KPM dan prosedur pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat 2016 dan 2017; dan

c) Penyelarasan pelaksanaan urusan kenaikan pangkat dan pengurusan prestasi di JPN / Bahagian / Institusi bagi tahun 2016.

7. Program Latihan Perkhidmatan Bukan Guru (PBG)

BPSM telah menerima peruntukan latihan Perkhidmatan Bukan Guru (PBG) sebanyak RM1,483,100.00 untuk Latihan Dalam Perkhidmatan dan RM495,960.00 untuk Program Transformasi Minda.

Pencapaian Latihan adalah seperti berikut:

Bil.	Aktiviti	Jumlah Pelaksanaan	Jumlah Peserta
1.	Program Transformasi Minda (PTM)	18	1,703
2.	Pelan Operasi Latihan (POL) BPSM	65	4,201
3.	POL Bahagian	47	2,110
4.	POL Jabatan	273	19,053
5.	Kursus Pembantu Makmal di bawah Inisiatif Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)	116	9,182
6.	Kursus-kursus luar anjuran JPA/Awam/ Swasta/Agensi Asing	100	796
Jumlah		619	37,045

8. Blue Ocean Strategy Online Training (BOSOT)

National Blue Ocean Strategy (NBOS) Summit yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 26 Februari 2016 telah memberi mandat kepada JPA melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) untuk melaksanakan BOSOT.

Daripada 20,000 penjawat awam yang terlibat pada tahun 2016, sejumlah 7.5 peratus (1,500 orang) peserta adalah daripada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) KPM. Sejumlah 336 peserta Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) dari KPM juga telah turut dilibatkan dengan pengenalpastian oleh pihak JPA. Kesemua warga KPM telah melengkapkan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan.

9. Program Pemantauan Penyelenggaraan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) dan Bengkel Pemantapan Buku Rekod Perkhidmatan Tahun 2016

Program Pemantauan Penyelenggaraan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) sebanyak dua belas (12) siri sehingga Oktober 2016 ke Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Sekolah Menengah Pusat Tanggungjawab (SMHPTJ). Bagi bulan November 2016, pemantauan tambahan menerusi Program Pemantauan Penyelenggaraan BPK dan Urusan Perkhidmatan di Kelantan dan Sabah. Program ini turut disertai wakil cawangan Perjawatan dan Naziran dan Cawangan Perkhidmatan. Program pemantauan ini bukan sahaja bertujuan

untuk memastikan dan memantau pengemaskinian BPK tetapi menyediakan peluang kepada Pembantu Tadbir BPK untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan BPK yang betul.

Disamping itu, banyak isu-isu perkhidmatan dan perjawatan dapat diberi penerangan dan kefahaman kepada kakitangan di JPN yang terlibat. Selain itu, BPK yang berada di lokasi tersebut telah diperiksa dan dipantau dari segi keselamatan penyimpanannya. Bengkel Pemantapan BPK juga turut dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran pembantu tadbir dalam menyelenggara BPK. Sehingga Oktober 2016, empat (4) Bengkel telah dilaksanakan iaitu di Negeri Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Negeri Johor dan akan terus dilaksanakan pada Tahun 2017.









Bengkel Pemantapan Buku Rekod Perkhidmatan

10. Pemantauan Pelaksanaan HRMIS KPM Tahun 2016

Sepanjang Tahun 2016, prestasi pencapaian Key Performance Indicator (KPI) dan pelaksanaan HRMIS KPM dipantau secara berterusan dimana pelaksanaan HRMIS pada tahun 2016 berfokuskan kepada lima perkara iaitu:

a) Pelaksanaan Perisytiharan Harta melalui HRMIS bagi semua kakitangan yang belum mengisytiharkan harta di dalam HRMIS sebelum 31 Disember 2016;

b) Pengemaskinian SKT 2016 melalui HRMIS sebelum 31 Julai 2016;

c) Pelaksanaan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan 2016 sebelum 23 Disember 2016;

d) Pelaksanaan submodul Tuntutan (TnT) melalui HRMIS di peringkat Bahagian; dan

e) Pengemaskinian data peribadi dan perkhidmatan mengikut maklumat terkini.

Selain itu, sebanyak dua mesyuarat Pemandu HRMIS yang di pengerusikan oleh YBhg. Tan Sri KSU iaitu Mmesyuarat Bil. 1/2016 dan YBhg. Dato' Jamil Rakon dalam Mesyuarat Bil 2/2016 pada 27 Jun 2016 dan 15 Disember 2016 bagi perancangan dasar pelaksanaan HRMIS dan pemantauan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS KPM 2016.



Program Pemantauan Penyelenggaraan BPK

11. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPM Tahun 2015

Pada 24 Mac 2016 (Khamis) telah berlangsung Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPM bagi Tahun 2015 diadakan di Dewan Sri Siantan, Presint 3, Putrajaya. Majlis ini julung-julung kalinya disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Malaysia yang baharu iaitu YBhg. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid. Penerima anugerah diperingkat Kementerian pada tahun ini adalah seramai 472 orang. Manakala keseluruhan penerima dan jumlah APC KPM adalah seperti berikut :

Bil.	Perkara	Jumlah
2.1	Penerima APC seluruh KPM 2015	42,004 orang
2.2	Majlis APC yang dilaksanakan diperingkat Jabatan/Institusi/ Agensi	201 Majlis

PENCAPAIAN

1. Jawatankuasa Pendaftaran bagi The Asia-Pacific Regional Policy Forum on Early Childhood Care and Education (APFEC) 2016

BPSM telah dipertangungjawabkan sebagai Jawatankuasa Pendaftaran bagi APFEC 2016 iaitu sebagai peneraju utama Jawatankuasa tersebut. APFEC 2016 telah berlangsung pada 19-21 Julai 2016 di Hotel Marriott, Putrajaya. Program tersebut merupakan program anjuran Malaysia dengan kerjasama The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), The United Nations Children's Fund (UNICEF), dan Asia Pacific Regional Network for Early Childhood (ARNEC). Program tersebut telah dihadiri oleh 486 orang peserta dari dalam dan luar negara. Bagi membantu memudahkan urusan pendaftaran peserta, BPSM telah menggunakan sistem EventBrite.

Selain daripada urusan pendaftaran, Jawatankuasa Pendaftaran turut berperanan mencetak dan menyerahkan sijil penyertaan kepada peserta yang hadir. Sijil tersebut diserahkan kepada peserta pada hari terakhir persidangan. Seramai 26 orang pegawai BPSM telah bertugas sebagai urusetia Jawatankuasa Pendaftaran sepanjang persidangan berlangsung.

2. Kajian Menangani Isu Tugas dan Tanggungjawab Guru – Inisiatif 97 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)

BPSM telah dipertanggungjawabkan selaku pemegang Inisiatif 97 PPPM mengenai Kajian Menangani Isu Tugas dan Tanggungjawab Guru. Kajian tersebut bertujuan mengenal pasti punca dan faktor bebanan tugas yang dialami oleh guru-guru, serta cadangan penyelesaian yang komprehensif. Kajian tersebut melibatkan dua (2) elemen utama, iaitu elemen kualitatif dan elemen kuantitatif.

Elemen kualitatif diukur dengan mengadakan sesi lawatan ke 100 buah sekolah pelbagai jenis di seluruh Malaysia. Sebuah task force telah dibentuk bagi sesi lawatan tersebut yang melibatkan 40 orang pegawai dari 14 Bahagian. Lawatan tersebut diadakan bagi menemuramah pihak pentadbir sekolah bagi mendapatkan data-data serta membincangkan mengenai isu-isu yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah. Manakala elemen kuantitatif pula diukur melalui soal selidik secara atas talian yang perlu dijawab oleh guru-guru di seluruh negara. Seramai 120,452 responden telah mengemukakan maklum balas melalui soal selidik tersebut.

3. Kajian Penambahbaikan Kriteria Penggredan Sekolah Rendah dan Menengah

Penggredan sekolah adalah berasaskan beban tugas dan kompleksiti menguruskan sesebuah sekolah. Melalui urusan tersebut, gred sesebuah sekolah akan menentukan bilangan jawatan pentadbiran, gred perjawatan pentadbiran dan kelayakan Elaun Tanggungjawab.

Penggredan sekolah ditentukan berdasarkan tujuh (7) kriteria dan markah yang ditetapkan melibatkan Sekolah Kurang Murid, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Kriteria yang dimaksudkan ialah enrolmen pelajar, lokasi sekolah, aliran, jenis sekolah, penghuni asrama, peringkat sekolah dan sesi sekolah dengan pengecualian diberikan kepada sekolah-sekolah kawalan.

Kertas Kajian Penambahbaikan Kriteria Penggredan Sekolah telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) pada 8 Februari 2017. Mesyuarat tersebut memutuskan supaya kertas kajian tersebut dibentangkan dalam Mesyuarat Profesional.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KOMPENTASI

LATAR BELAKANG

Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi (BPPK) ditubuhkan pada Januari 2007. Bahagian ini diletakkan di bawah tanggungjawab Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Pengurusan. BPPK mula beroperasi di Blok E12, Putrajaya sebelum berpindah ke Cyberjaya pada pertengahan bulan Ogos 2008 dengan 74 perjawatan. Sehingga kini, 70 jawatan telah diisi. BPPK diterajui oleh seorang Setiausaha Bahagian (SUB), dan dibantu oleh dua orang Timbalan Setiausaha Bahagian (TSUB).

BPPK mengendalikan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) di Kementerian Pelajaran Malaysia. PTK dilaksanakan di KPM selaras dengan Sistem Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

Penambahbaikan dan pemantapan pelaksanaan PTK terkini telah dibuat melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan (SPP) Bilangan 19 Tahun 2008 iaitu Pengubahsuaian Penilaian Tahap Kecekapan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009.

PROGRAM

1. BENGKEL KERJA PEMURNIAN DAN PEMANTAPAN INSTRUMEN SERTA GARIS PANDUAN ORGANISASI TAHUN 2016

Bengkel Kerja Pemurnian dan Pemantapan Instrumen serta Garis Panduan Organisasi Tahun 2016 telah diadakan sebanyak tiga (3) siri. Siri pertama yang diadakan pada 19 – 22 Januari 2016 di Politeknik Sultan Idris Shah (POLISIS), Selangor dihadiri oleh 50 orang peserta dari pegawai yang dipilih dari Bahagian-bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Bengkel siri pertama melibatkan pemurnian dan pemantapan instrumen PBPPP seperti berikut:

- Generik
- PT(A) Organisasi
- PT(B)
- PdP (Pensyarah)
- SIPartners, FasiLINUS & SiSC+
- 3PK
- Keberhasilan

Bengkel kerja siri kedua pula diadakan pada 1 – 4 Februari 2016 bertempat di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah. Ia melibatkan seramai 13 orang peserta yang dipecahkan kepada dua (2) kumpulan iaitu:

i. Kumpulan Bahasa bagi Garis Panduan Instrumen (Organisasi) – PT(A) Organisasi, PdP (Pensyarah), PT(B), SIPartners, SiSC+, FasiLINUS, 3PK dan Kaunselor

ii. Kumpulan Keberhasilan

Tujuan bengkel diadakan adalah untuk melaksanakan pemurnian dan pemantapan Instrumen PBPPP dari segi elemen, dimensi dan aspek berdasarkan dapatan prapelaksanaan yang telah dijalankan pada tahun 2015 serta Garis Panduan Instrumen Organisasi. Selain daripada itu, bengkel juga bertujuan untuk membuat semakan kualiti bahasa serta reka bentuk bahan bagi tujuan pelaksanaan PBPPP pada tahun 2016. Pemurnian dan pemantapan yang dilakukan ini diharapkan dapat mengukur kompetensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dengan lebih tepat dan relevan.

Bengkel kerja siri ketiga telah diadakan di Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands pada 15 – 18 Mac 2016. Bengkel yang melibatkan peserta dari Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) serta guru bertujuan untuk menambahbaik instrumen dan membina sistem kerangka offline keberhasilan (kerangka awal).

2. BENGKEL KERJA PENYEDIAAN PANDUAN PEGAWAI PENILAI (ORGANISASI)

BPPK telah berjaya membangunkan Instrumen Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) bermula pada tahun 2013. Prapelaksanaan PBPPP peringkat organisasi telah dilaksanakan pada tahun 2015, manakala pelaksanaan penuh PBPPP bagi organisasi seluruh Malaysia bermula pada tahun 2016. PBPPP merupakan satu instrumen penilaian menyeluruh untuk menilai tahap kompetensi dan potensi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP). Instrumen ini juga berupaya meningkatkan kecekapan dan komitmen PPP yang berprestasi tinggi untuk memastikan kualiti pendidikan negara bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Untuk memastikan instrumen PBPPP digunakan dengan baik, betul dan berkesan, maka satu cara penggunaan instrumen untuk tujuan penilaian yang tepat dan betul perlu disediakan. Bagi tujuan tersebut Bengkel Kerja Penyediaan Panduan Pegawai Penilai Bagi Instrumen Organisasi telah diadakan sebanyak dua (2) kali.

i. 15 hingga 18 Februari 2016 – Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Jitra, Kedah

ii. 29 Februari hingga 3 Mac 2016 – Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Jitra, Kedah

Seramai 25 orang peserta telah menghadiri bengkel ini untuk menyediakan enam (6) Panduan Pegawai Penilai mengikut Kumpulan Instrumen.

i. PT(A)
ii. PT(B)
iii. PdP (Pensyarah)
iv. Kaunselor
v. FasiLINUS
vi. 3PK

Asas kepada pembinaan enam Panduan Pegawai Penilai tersebut adalah Panduan Pegawai Penilai PdP (Pengajaran dan Pembelajaran), Pegawai Penilai Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dan Pegawai Penilai Jurulatih. Panduan Pegawai Penilai PdP telah siap digubal pada 31 Mac 2015 manakala Panduan Pegawai Penilai Guru Bimbingan dan Kaunseling serta Jurulatih pula siap digubal pada 28 Mei 2015. Bahan slaid Panduan Pegawai Penilai ini juga telah dimuat naik ke menu Manual Pengguna dalam Modul sistem e-Prestasi pada awal April 2016.

3. PROGRAM PENATARAN JURULATIH PBPPP KEBANGSAAN

Pada 29 hingga 31 Mac 2016, BPPK telah menganjurkan Program Penataran Jurulatih PBPPP Kebangsaan (untuk Sekolah) di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) Teluk Kemang, N. Sembilan. Program selama 3 hari 2 malam ini dihadiri seramai 52 orang pegawai dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Bahagian Pendidikan Islam, Bahagian Teknik dan Vokasional, Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Bahagian Sukan, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Bahagian Pendidikan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Bengkel kerja ini diadakan dengan dua objektif utama iaitu untuk menyebarluaskan maklumat PBPPP dengan tepat serta melatih dan membimbing pegawai-pegawai yang terpilih sebagai Jurulatih menyampaikan maklumat dengan baik sekali gus menjadi pemudah cara PBPPP kepada semua yang terlibat, selain untuk memenuhi keperluan pelaksanaan penuh PBPPP pada tahun ini. Bengkel kerja ini secara tidak langsung menjadi serampang dua mata kepada BPPK dalam menyebarluaskan maklumat, iaitu dalam masa menyampaikan maklumat kepada wakil zon setiap negeri di Malaysia, BPPK juga membimbing mereka untuk menjadi Jurulatih Kebangsaan (JK) yang akan melatih Jurulatih Utama (JU) dalam program seterusnya.

Peserta yang menghadiri program penataran ini dilatih melalui beberapa sesi input iaitu Sesi Taklimat Latar belakang dan Jawatankuasa PBPPP, Sesi Taklimat Pegawai Penilai dan PYD PBPPP, Sesi Taklimat Skor dan Instrumen serta Keberhasilan, Sesi Instrumen, Garis Panduan Instrumen, Panduan Pegawai Penilai, dan Sesi Taklimat Sistem. Melalui sesi-sesi input tersebut para peserta didedahkan dengan pelbagai maklumat dan info pelaksanaan PBPPP. Sesi berlangsung dalam komunikasi dua hala, iaitu penjelasan oleh pegawai-pegawai BPPK di selang-seli dengan soalan daripada para peserta. Program ini merupakan langkah awal sebagai persediaan sebelum mereka memberi taklimat dalam program peringkat zon masing-masing.

4. PROGRAM PENATARAN PBPPP KEPADA PPD UNTUK KUMPULAN GURU DAN KEPIMPINAN SEKOLAH

Kesinambungan dari Program Penataran Jurulatih PBPPP Kebangsaan (untuk Sekolah), maka Program Penataran kepada PPD untuk Kumpulan Guru dan Kepimpinan Sekolah di Enam Zon diadakan di seluruh negara sepanjang bulan April 2016. Namun begitu, ekoran daripada analisis pelaksanaan PBPPP tahun 2015, pembahagian Enam Zon tersebut diperbesarkan bagi meningkatkan lagi keberkesananan penyampaian maklumat berkaitan PBPPP kepada Kepimpinan Sekolah dan Guru.

Program penataran ini dibahagikan kepada Enam Zon (sembilan program) untuk memudahkan segala proses pengurusan dan pelaksanaan PBPPP. Enam zon dan lokasi program diadakan adalah seperti yang berikut:

BIL.	ZON	NEGERI/PPD/ BAHAGIAN	TARIKH	LOKASI
1	UTARA	Perlis, Kedah & Pulau Pinang	12 – 14 April	IAB Caw. Utara, Jitra, Kedah
2	TIMUR 1	Kelantan	11 – 13 April	BTPN Kelantan
3	TIMUR 2	Terengganu	18 – 20 April	IPG Kampus Dato' Razali Ismail, Terengganu
4	TENGAH 1	WP K. Lumpur, WP Putrajaya, Pahang & Bhgn. Operasi Sekolah	13 – 15 April	i-KPKT Bukit Tinggi
5	TENGAH 2	Perak & Selangor	18 – 20 April	AKEPT, Lebuh Enstek, Nilai
6	SELATAN	N. Sembilan, Melaka & Johor	12 – 14 April	BTPN Johor
7	SARAWAK	Sarawak	13 – 15 April	BTPN Sarawak dan IPG Kampus Tun Abdul Razak
8	SABAH 1	JPWP Labuan, PPD Tambunan, Kota Marudu, Sipitang, Pitas, Kudat, Tenom, Tuaran, Penampang, Papar, Keningau, Kuala Penyu, K. Kinabalu, Ranau, Beaufort, Kota Belud, Keningau	13 – 15 April	BTPN Kota Kinabalu
9	SABAH 2	PPD Telupid, Beluran, Semporna, Nabawan, Kinabatangan, Tawau, Kunak, Sandakan & Lahad Datu	20 – 22 April	IPG Tawau

Program penataran ini dihadiri oleh dua (2) orang wakil bagi setiap 142 Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), dua (2) orang wakil bagi setiap 16 Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), dua orang wakil bagi setiap tujuh Bahagian Operasi Sekolah, dan wakil dari Unit Pengurusan Maklumat BPPK sebagai fasilitator sistem.

Dalam bengkel ini para peserta yang akan dilantik sebagai Jurulatih Utama (JU) ini dilatih dan dibimbing oleh Jurulatih Kebangsaan yang telah dilatih oleh BPPK pada hujung bulan Mac 2016. Mereka dilatih mengikut beberapa slot untuk memberikan maklumat dan kefahaman yang jelas tentang PBPPP sebelum maklumat PBPPP disampaikan kepada Pemimpin Sekolah dan guru di bawah kawalan masing-masing. Semoga semua perancangan yang diatur untuk pelaksanaan PBPPP pada tahun 2016 ini menjadi lebih mudah dan berjaya dengan pelantikan Jurulatih-jurulatih Utama di seluruh negara.





5. PEMANTAUAN PELAKSANAAN TAKLIMAT PBPPP OLEH PPD KEPADA PEMIMPIN SEKOLAH DI SELURUH MALAYSIA

Pemantauan taklimat ini diadakan rentetan daripada Program Penataran kepada PPD untuk Kumpulan Kepimpinan Sekolah dan Guru di enam Zon (sembilan program) pada 11 hingga 22 April 2016 yang lalu. Bermula 25 April hingga 20 Mei 2016, Jurulatih Utama Negeri yang telah dilantik dan dilatih perlu menjalankan Taklimat PBPPP kepada Pemimpin Sekolah di daerah masing-masing.



Bermula daripada 3 hingga 20 Mei 2016, Unit Penilaian Kompetensi (UPK), mewakili Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi (BPPK) telah menjalankan Pemantauan Pelaksanaan Taklimat Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) PPD kepada Pemimpin Sekolah di seluruh Malaysia. Turut sama menjayakan pemantauan ini ialah YBhg. Encik Md. Sani bin Latip, Setiausaha Bahagian BPPK dan Tn. Hj. Adzman b. Talib, Timbalan Setiausaha Bahagian BPPK.

Tujuan pemantauan dijalankan adalah untuk memastikan semua maklumat berkaitan PBPPP disampaikan dengan tepat dan jelas kepada guru-guru tanpa berlaku sebarang ketirisan dan pembekuan maklumat. Pemantauan telah dijalankan di 35 buah Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh Malaysia.



6. PEMANTAUAN TAKLIMAT KURSUS PEGAWAI PENILAI DI SELURUH MALAYSIA

Kesinambungan daripada Bengkel Kerja Latihan Pegawai Penilai PBPPP KPM 2016 yang diadakan di Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands pada 27 hingga 29 Jun yang lalu, sebanyak 61 siri Taklimat Kursus Pegawai Penilai PBPPP telah diadakan di seluruh Malaysia. Jurulatih Utama yang telah dilatih sebelum ini perlu menjalankan taklimat kepada Kepimpinan Sekolah yang melibatkan guru selain daripada Pengetua/ Guru Besar dan Guru Penolong Kanan Pentadbiran.

Pemantauan Taklimat Kursus Pegawai Penilai ini telah dijalankan sepanjang bulan Ogos yang melibatkan Unit Penilaian Kompetensi (UPK) BPPPK dan tujuh (7) orang Fasilitator yang telah dilatih dan mahir dalam pelaksanaan PBPPP secara keseluruhannya. Turut sama menjayakan sesi pemantauan ini ialah YBhg. Encik Md. Sani bin Latip, Setiausaha Bahagian BPPK dan Tn. Hj. Adzman b. Talib, Timbalan Setiausaha Bahagian BPPK.

Pemantauan taklimat ini adalah bertujuan untuk memastikan agar maklumat penting berkaitan PBPPP dapat disampaikan dengan tepat terutamanya yang melibatkan instrumen penilaian PBPPP, Garis Panduan Instrumen dan Panduan Pegawai Penilai. Hal ini adalah untuk memastikan agar Pegawai Penilai dapat memahami cara pemberian skor terhadap PYD sekaligus membantu mereka agar dapat membuat penilaian dengan telus.









7. PRAPELAKSANAAN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BAGI BIDANG KEPAKARAN KHUSUS PENDIDIKAN (BKKP) TAHUN 2016

Prapelaksanaan PBPPP bagi Bidang Kepakaran Khusus ini adalah rentetan daripada Taklimat Prapelaksanaan Bidang Kepakaran Khusus Pendidikan (BKKP) Tahun 2016 yang telah diadakan pada 30 Ogos 2016 bertempat di Bilik Teratai, Century Square 2, Cyberjaya.

Dalam sesi sindikasi bersama Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) pada 27 Mei 2016, penggunaan Laluan Subject Matter Expert (SME) telah ditukar kepada Laluan Kepakaran Pendidikan dan ia diklusterkan kepada empat Bidang Kepakaran Khusus Pendidikan (BKKP) iaitu Pembangunan Polisi dan Kurikulum Pendidikan, Pentaksiran, Kaunseling dan Psikologi dan Kejurulatihan Utama Pendidikan.

Prapelaksaan yang dijalankan sepanjang bulan September 2016 ini adalah bertujuan untuk menguji kesesuaian dan kebolehlaksanaan tugas BKKP, instrumen komponen Fungsional serta kejelasan komponen penilaian Keberhasilan.

Aktiviti di bawah pelaksanaan Dasar 1M1S

BIL.	BIDANG KEPAKARAN KHUSUS PENDIDIKAN (BKKP)	KEPAKARAN	BAHAGIAN KPM
1	Pembangunan Polisi dan Kurikulum Pendidikan	Pembangunan Polisi	BPPDP
		Pembangunan Kurikulum	IAB, IPG, BPK
		Teknologi Pendidikan	BTP
2	Pentaksiran	Pembangunan Pentaksiran	LP, IAB, IPG
		Psikometrik	LP
		Penaziran	JNJK
3	Kaunseling Psikologi	Kaunseling Psikologi	IAB, IPG, BPsK
4	Kejurulatihan Utama Pendidikan	Master Trainer	IAB

BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

LATAR BELAKANG

Perkhidamtan Psikologi dan Kaunseling di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bermula dengan tertubuhnya Cawangan Kaunseling dan Keutuhan pada tahun 2002. Ketika itu ianya berada di Bahagian Sumber Manusia, KPM. Seterusnya cawangan tersebut dinaik taraf kepada Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK) mulai 1 Mac 2008. Setelah itu peranan BPsK semakin penting di peringkat KPM. Antara fungsi utama BPsK, KPM adalah memberikan perkhidmatan kaunseling individu, kelompok, bimbingan dan advokasi. Aktiviti yang dijalankan adalah berbentuk pembangunan, pencegahan, pemulihan dan intervensi psikologi dan kaunseling yang berfokus kepada kelompok atau sasaran tertentu.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Pertandingan Inovasi & Kreativiti Psikologi Dan Kaunseling Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pertandingan inovasi dan kreativiti, psikologi dan kaunseling dianjurkan bertujuan untuk memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam amalan kerja seterusnya menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Selain itu ianya juga bertujuan bagi memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovatif sebagai amalan terbaik kepada organisasi di bawah seliaan BPsK.

Pertandingan ini diadakan pada 24 – 29 September 2016, bertempat di Dewan Serbaguna Aras 9, Blok E12, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Melibatkan penyertaan dari Bahagian Psikologi dan Kaunseling, Sektor Psikologi dan Kaunseling Jabatan Pendidikan Negeri, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kolej Matrikulasi dan Sekolah Harian.

Kategori pertandingan:

i. Bahan Cetak
ii. Sistem Maklumat
iii. Teknikal / Alat / Terapi



Proses penyemakan dokumen oleh para juri



Pembentangan peserta pertandingan

2. Hari Psikologi Dan Kaunseling Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hari Psikologi dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tahun 2016 telah diadakan pada 25 – 27 Oktober 2016. Bertempat di Agensi Dadah Kebangsaan, Bandar Baru Bangi. Pengisian berbentuk ceramah, pembentangan dan forum telah diadakan. Antara isu yang diutarakan adalah ancaman phedophlia, aplikasi Choice Theory Reality Therapy, Focus Solution Therapy, peranan keluarga dalam menangani isu kesihatan mental dan forum masalah mental dalam pendidikan, isu dan cabaran.

Hari Psikologi dan Kauseling melibatkan peserta dari kalangan pengamal kaunseling di Bahagian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Kolej Matrikulasi, Institut Pendidikan Guru Malaysia dan sekolah harian.



Gambar Perasmian, Pelancaran "Lagu BPsK Di Hati" dan AJK Program

3. Pembinaan Instrumen i2PK

Pembinaan Instrumen Personaliti Warga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan inisiatif Bahagian Psikologi Dan Kaunseling (BPsK) dalam menyediakan satu instrumen yang boleh digunakan sebagai satu kaedah dalam pengumpulan data dan profail personaliti warga KPM. Keperluan mengumpul data dan profail warga KPM untuk memudahkan pelaksanaan dasar dan pembangunan insan yang dirancang demi kebaikan warga KPM keseluruhannya. Instrumen ini dikenali dengan nama i2PK (Inventori Personaliti Psikologi dan Kaunseling), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Instrumen ini dapat mengukur dan memberi tafsiran lima konstrak dan sebelas sub konstrak. Konstrak tersebut iaitu Keterbukaan, Komunikasi, Intropeksi, Berstruktur dan Penerimaan. Manakala sub konstrak pula adalah Analitikal, Kreatif, Asertif, Ekstrovert, Kerohanian, Intra Refleksi, Penghargaan Kendiri, Tanggungjawab, Keakuran, Penyesuaian Diri dan Toleransi.



Bengkel penyediaan item i2PK

PENCAPAIAN

1. Penganugerahan Dan Pengiktirafan Sijil MS ISO 9001 Versi 2015

BPsK berjaya memperolehi pengiktirafan Sistem Pengurusan Kualiti bagi skop Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling.pada 9 Disember 2016 daripada SIRIM QAS International. BPsK, KPM adalah merupakan bahagian pertama di KPM yang menerima pengiktirafan MS ISO 9001 bagi versi 2015.



Penerimaan Sijil Pengiktirafan MS ISO 9001:2015 bagi pihak BPsK daripada wakli SIRIM QAS International

BAHAGIAN TAJAAN PENDIDIKAN

LATAR BELAKANG

Sebelum tahun 1979, aktiviti berhubung dengan latihan dan beberapa program penghadiahan telah dikendalikan oleh pelbagai Bahagian seperti Bahagian Sekolah, Bahagian Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. Keadaan yang lebih bercorak "decentralized" ini telah menyebabkan keutamaan kepada keperluan Bahagian masing-masing telah dititikberatkan.

Seksyen Biasiswa dan Taja pada masa itu diletakkan dibawah Bahagian Pendidikan Tinggi, mempunyai kuasa yang terhad kepada urusan beberapa program bantuan kewangan termasuk urusan penajaan pelajar-pelajar persendirian yang melanjutkan pelajaran ke luar Negara. Keadaan ini telah disemak semula dan mulai 1 Januari 1979 Bahagian Biasiswa telah diwujudkan bagi tujuan memusatkan semua rancangan biasiswa dan latihan dalam perkhidmatan yang sebelumnya ditadbir oleh pelbagai Bahagian di Kementerian Pelajaran Malaysia.

Penyusunan semula struktur organisasi dan perjawatan Bahagian Biasiswa yang terakhir telah dilaksanakan pada tahun 1995. Namun demikian, pada tahun 2008, Bahagian Biasiswa telah ditukar nama kepada Bahagian Tajaan Pendidikan (BT) selaras dengan penstrukturan semula Kementerian Pelajaran Malaysia. Pertukaran nama ini juga adalah selaras dengan perpindahan Unit Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) ke Bahagian Kewangan daripada Bahagian Biasiswa.

PROGRAM UTAMA

1. PROGRAM PRAPENERBANGAN PELAJAR TAJAAN KPM TAHUN 2016







Bahagian Tajaan Pendidikan telah melaksanakan dua siri Program Prapenerbangan Pelajar Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2017 iaitu pada 18 Januari dan 8 Ogos 2016 bertempat di Institut Kepimpinan 1M4U Meru, Klang. Program tersebut diadakan khusus kepada pelajar tajaan ambilan 2016 sebagai persediaan sebelum melanjutkan pengajian ke luar negara. Program ini dilaksanakan selepas semua pelajar mengikuti Program Biro Tatanegara (BTN) dengan jayanya.

Butiran program seperti jadual berikut:-

BIL	TARIKH	BIL PELAJAR	PROGRAM TAJAAN	NEGARA
1	18 Jan 2016	6	PPC-Bidang Pendidikan Khas	Australia
2	8 Ogos 2016	110	PPC-Matrikulasi PPC-Bahasa Arab PPC-Bahasa Cina Program Kembar Bahasa Perancis	United Kingdom Jordan China Perancis

2. TAKLIMAT PENAJAAN PELAJAR BURSARY JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA) DAN KPM



Taklimat Penajaan Pelajar Bursary oleh JPA dan KPM telah diadakan pada 14 April 2016 bertempat di Dewan Banquet Universiti Putra Malaysia,Serdang yang dihadiri oleh seramai 356pelajar cemerlang lepasan SPM Tahun 2015. Tujuan taklimat diadakan bagi menjelaskan kepada semua pelajar berhubung pelaksanaan Program Bursary sebagaimana yang diputuskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) pada 18 Mac 2016, di mana JPA akan melaksanakan tawaran baharu Program Bursary pada tahun 2016.

3. SESI TAKLIMAT PENAWARAN CALON TAJAAN PROGRAM PENGHANTARAN PELAJAR CEMERLANG (PPC) BIDANG PENDIDIKAN ISLAM DAN BAHASA CINA







Sesi Taklimat Penawaran Calon Program Penghantaran Pelajar Cemerlang (PPC) bagi Bidang Bahasa Arab dan Bahasa Cina telah diadakan pada 20 Mei 2016 dan 13 Jun2016. Program ini mendedahkan maklumat penajaan kepada seramai 90 orang calon yang Berjaya terpilih untuk melanjutkan pengajian ke Jordan dan China dengan biasiswa KPM. Butiran program seperti jadual di bawah:

BIL	TARIKH	PROGRAM TAJAAN	Jumlah Peserta
1	20 Mei 2016	Bilik Mesyuarat Ixora, Bahagian Tajaan Pendidikan,	40
2	13 Jun 2016	Dewan Melor , IPGM	50

4. PENGHANTARAN PELAJAR TAJAAN KPM DI KLIA









Bahagian turut mengadakan Program Penghantaran Pelajar Tajaan KPM di KLIA seperti berikut:

Tarikh Program	Jumlah Pelajar	Bidang Pengajian	Negara
23 Ogos 2016	39	Bahasa Arab	Jordan
30 Ogos 2016	11	Bahasa Perancis	Perancis
27 September 2016	10	STEM	United Kingdom
	50	Bahasa Cina	China

5. PROGRAM PERSEDIAAN PENERIMA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) DAN CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA (CBBP TB) TAHUN 2016









Program Persediaan Penerima Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBP TB) Tahun 2016 telah diadakan seperti berikut:

Tarikh	Tempat	Bilangan Peserta
17 hingga 23 Julai 2016	Institut Kemajuan Desa (INFRA) Bangi, Selangor	48
	Institut Pendidikan Guru (IPG) Sg. Karangan, Kulim, Kedah	85
	Institut Aminuddin Baki (IAB) Genting	44
24 hingga 30 Julai 2016	Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tun Abd Razak, Kota Samarahan, Sarawak	29
	Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Perempuan Melayu Melaka	73
25 hingga 31 Julai 2016	Institut Aminuddin Baki (IAB) Genting	35
1 hingga 7 Ogos 2016	Institut Aminuddin Baki (IAB) Genting	49
JUMLAH PESERTA		**363**

6. PROGRAM PEMANTAUAN PELAJAR TAJAAN KPM DALAM NEGARA

Bil	Program Tajaan	Tarikh	Tempat	Bilangan peserta
1	Program Diploma perguruan Persekutuan Lepas Ijazah	20 Jan 2016	IPGKampus Raja Melewar	20
		21 Jan 2016	IPGKampus Tengku Ampuan Afzan	20
		19 Jan 2016	IPG Kampus Ipoh	20
		20 Jan 2016	IPG Kampus Teknik	20
2	Program Ijazah Pertama di IPTA	24 Sept 2016	Dewan Pembanguan Siswa 2 Kompleks Cahaya, Bangunan H21 BHEPA, USM	60
		25 Sept 2016	Bilik Mesyuarat HEP, UUM	3
		8 Okt 2016	Dewan Kuliah Pusat 1 (DKP 1) Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI	139
		15 Okt 2016	Bilik Mesyuarat Ixora, Bah. Tajaan Pendidikan, KPM Cyberjaya	31
		13 Nov 2016	Bilik Mesyuarat HEP, UTHM	30
3.	Program Kembar Praperkhidmatan Bahasa Jerman	25 hingga 31 Julai 2016	Institut Aminuddin Baki (IAB) Genting	35
4.	Program Bursary pelajar cemerlang lepasan SPM	27 April 2016 5 Mei 2016	International Institute School (IIS) UIA	356 45

7. TAKLIMAT PENAWARAN BIASISWA PERGURUAN PERSEKUTUAN DI BAWAH SKIM LATIHAN TENAGA KEPAKARAN PENDIDIKAN KHAS









Taklimat penawaran Biasiswa Perguruan Persekutuan dibawah Skim Latihan tenaga Kepakaran Pendidikan Khas telah diadakan seperti di jadual berikut:

Bil	Tarikh	Tempat	Bidang
1	7 Oktober 2016	Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian	Sains Pertuturan, Audiologi
2	8 Oktober 2016	Universiti Kebangsaan Malaysia (Kuala Lumpur)	Terapi Carakerja, Fisioterapi, Sains Pertuturan, Audiologi
3	10 Oktober 2016	Universiti Teknologi Mara Kampus Puncak Alam	Terapi Carakerja, Fisioterapi
4	11 Oktober 2016	Universiti Kebangsaan Malaysia (Bangi)	Psikologi
5	14 Oktober 2016	Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) Gombak	Psikologi
6	15 Oktober 2016	Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) Gombak	Fisioterapi, Audiologi

Tujuan taklimat diadakan untuk mempelawa pelajar-pelajar bidang Pendidikan Khas di Universiti Awam untuk memohon penajaan biasiswa KPM.

PENCAPAIAN

PERKARA	SASARAN 2016 (RM)	PENCAPAIAN (RM)
Kutipan Bayaran Balik Pinjaman	35 juta	38.1 juta
Tuntutan Ganti Rugi Pemecah Kontrak	2.2 juta	2.7 juta

Unit Penguatkuasaan Pinjaman, BT telah dan sedang mengambil langkah berterusan untuk mengutip semula tunggakan bayaran balik Pinjaman Pelajaran KPM. Antara langkah-langkah yang diambil sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

a) Mengeluarkan notis/surat secara berkala kepada peminjam dari Januari hingga 31 Disember 2016 sebagai langkah meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman. Jumlah pengeluaran notis/surat adalah seperti berikut:

Notis/Surat	Jumlah
Notis Bayaran Penuh (NBP)	1,736
Surat Lulus/Gagal Bayaran 25%	7,064
Surat Arahan Potongan Gaji (APG)	7,322
Jumlah Keseluruhan Pengeluaran Surat/ Notis sehingga Disember 2016	**16,122**

b) Mewajibkan bayaran secara potongan gaji kepada peminjam yang berkhidmat di sektor awam.

c) Menyiarkan nama peminjam tegar di laman web KPM sebagai langkah menggesa mereka yang terlibat menyelesaikan hutang pinjaman pelajaran.

d) Menggalakkan peminjam yang mendapat kelulusan bayaran 25% agar membuat bayaran secara terus sekaligus.

e) Memperluaskan kaedah bayaran balik pinjaman melalui kaunter Pos Malaysia, PosOnline, cek persendirian dan tunai di kaunter Bahagian Tajaan Pendidikan bagi memudahkan peminjam.

f) Menggalakkan penggunaan kaedah Internet banking, e-payment, ATM, CDM dan kaunter Bank Islam yang lebih cepat dan mudah.

g) Menggiatkan usaha untuk mengesan alamat terkini peminjam melalui Jabatan Pendaftaran Negara, sistem e-Operasi KPM, e-SPL dan sistem myIDENTITY.

h) Melaksanakan 'Ops Kutip' bagi kes peminjam yang tidak pernah atau terhenti bayar.

Selain itu, BT juga sedang mengambil tindakan susulan bagi meningkatkan kutipan tunggakan hasil tuntutan ganti rugi seperti berikut:

a) Pengeluaran notis secara berkala
Notis yang dikeluarkan bagi tahun 2016 sehingga 31 Disember 2016 berdasarkan prestasi bayaran dan maklumbalas terhadap Notis yang dikemukakan di peringkat sebelumnya:

Notis	Jumlah
Notis Tuntutan Ganti Rugi	42 Notis
Notis Peringatan Pertama	20 Notis
Notis Peringatan Kedua	119 Notis
Notis Amaran	19 Notis
Notis Peringatan Tunggakan	106 Notis
Notis Peringatan (Lampau Had Masa)	564 Notis
Jumlah	**870 Notis**

b) Mengeluarkan Arahan Potongan Gaji (APG)
Pemecah kontrak adalah diwajibkan membuat bayaran secara potongan gaji sekiranya masih berkhidmat sebagai guru. Ia juga tertakluk kepada mereka yang berkhidmat di agensi kerajaan serta badan berkanun. Sehingga 31 Disember 2016 sebanyak 45 pemecah kontrak telah dikemukakan APG kepada majikan masing-masing.

c) Mengemukakan kes ke Penasihat Undang-Undang KPM untuk tindakan undang-undang
Bagi tahun 2016 sehingga 31 Disember 2016 sebanyak 29 kes mungkir perjanjian telah dikemukakan kepada Penasihat Undang-Undang KPM untuk tindakan undang-undang.

d) Mengesan pemecah kontrak berdasarkan senarai nama penerima biasiswa mengikut program dan tahun ambilan BT mengesan pemecah kontrak berdasarkan status penempatan melalui sistem e-Operasi, e-MiS, SPLG dan HRMIS JPA.

e) Mengesan status terkini pemecah kontrak melalui sistem MyIdentityBT telah mendapatkan akses kepada sistem MyIdentity yang dibangunkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mengesan maklumat peribadi terkini serta status kematian pemecah kontrak.

f) Mengesan status kebankrapan pemecah kontrak melalui Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) BT mengambil langkah proaktif dengan mendapatkan maklumat status kebankrapan pemecah kontrak KPM melalui carian di MdI. Borang Bukti Hutang akan dikemukakan kepada MdI sekiranya penama dikesan telah dibankrapkan oleh pihak ketiga.

g) Mengeluarkan Penyata Bayaran secara berkala
BT mengeluarkan penyata bayaran kepada pemecah kontrak yang membuat bayaran untuk memaklumkan kedudukan bayaran terkini mereka. Pengeluaran penyata bayaran dibuat secara berkala iaitu setiap enam (6) bulan.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

LATAR BELAKANG

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah ditubuhkan sejak tahun 1967 dan sehingga kini, peranan BPM telah berkembang sebagai penyelesai perkhidmatan ICT (Information and Communications Technology) yang menyokong semua bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Visi BPM adalah sebagai penyedia penyelesaian ICT yang bersepadu bagi menyokong pengurusan dan pentadbiran KPM dan misi BPM adalah untuk menyediakan sistem maklumat dan kemudahan ICT yang efektif bagi menyokong pengurusan dan pentadbiran KPM.

Selaras perkembangan teknologi ICT, BPM telah berjaya mencapai beberapa kejayaan dan sasaran kerja sepanjang tahun 2016, di mana ianya telah memberi impak yang tinggi kepada perkhidmatan ICT KPM. Antara program-program utama yang telah diperkenalkan adalah aplikasi mudah alih KPM, perkhidmatan penilaian tahap keselamatan rangkaian dan sistem ICT KPM serta pengurusan pusat data sektor awam Enstek secara berpusat untuk agensi kerajaan dengan kerjasama MAMPU.

PROGRAM UTAMA

1. Aplikasi Mudah Alih KPM Meningkatkan Mobiliti

Aplikasi mudah alih merupakan aplikasi yang semakin popular pada masa kini. Aplikasi mudah alih boleh menggunakan platform Android OS, Apple iOS dan Windows melalui peranti pintar. Selaras dengan perkembangan teknologi terkini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama MAMPU telah melangkah setapak lagi dalam mempelbagaikan saluran perkhidmatan kepada pengguna dengan membangunkan beberapa aplikasi mudah alih.

Pada tahun 2016, sebanyak empat aplikasi mudah alih telah dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat bertujuan untuk memudahkan rakyat mengakses perkhidmatan KPM tanpa batasan, di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa melalui peranti pintar.

Empat aplikasi mudah alih tersebut adalah eKeberadaan Guru, eKehadiran Murid, Sistem Peperiksaan Perkhidmatan Awam (MySisPPA) dan Semakan Permohonan Pertukaran Bukan Guru (eTBG Mobile).



Aplikasi Mudah Alih KPM

Aplikasi tersebut ditempatkan di Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia (GAMMA), yang dikawal selia oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). GAMMA merupakan sebuah galeri berpusat aplikasi mudah alih bagi memudahkan rakyat berurusan dengan Kerajaan dengan memuat turun aplikasi yang diperlukan. Aplikasi mudah alih ini boleh dicapai melalui portal GAMMA, http://gamma.malaysia.gov.my/ atau muat turun dari App Store (iOS), Google Play Store (Android) dan Windows Phone Store (Windows) secara percuma.



Paparan Aplikasi Mudah Alih eKeberadaan Guru

a) eKeberadaan Guru

Selaku Pentadbir Sekolah, Pengetua/Guru Besar perlu memantau dan mengesahkan kehadiran dan keberadaan guru di bawah seliaan masing-masing. Bagi memudahkan Pentadbir Sekolah yang mungkin berada di luar premis, aplikasi mudah alih eKeberadaan Guru telah dibangunkan bagi membolehkan semakan dan pengesahan dilaksanakan oleh Pentadbir Sekolah di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Pengesahan kehadiran dan keberadaan guru perlu dilakukan oleh Pentadbir Sekolah dalam tempoh 30 hari dari tarikh pendaftaran oleh Pembantu Tadbir sekolah.

Aplikasi mudah alih ini dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat secara berfasa. Fasa I melibatkan pembangunan modul Pengesahan Keberadaan Guru dan telah siap dibangunkan pada November 2016, manakala Fasa 2 iaitu Modul Pelaporan dijadual dibangunkan pada tahun 2017.

b) eKehadiran Murid

Aplikasi mudah alih e-Kehadiran Murid dibangunkan bagi mempelbagaikan saluran perkhidmatan sedia ada. Inisiatif ini dapat memudahkan Guru Kelas dan Pembantu Tadbir menyemak dan mengisi kehadiran murid melalui peranti pintar. Aplikasi ini menyediakan empat menu utama iaitu menu 'eKehadiran', 'Rekod', 'Mengenai' dan 'Hubungi'. Menu eKehadiran adalah menu pengisian kehadiran murid untuk dikemaskini mengikut tarikh yang dipilih. Menu Rekod pula adalah menu untuk merekod kehadiran murid bagi setiap pengisian yang telah dibuat melalui aplikasi web atau aplikasi mobile mengikut tarikh yang dipilih dan memaparkan dalam bentuk mobile. Perkhidmatan ini disediakan bagi membolehkan pengguna mendapat maklumat kehadiran murid dengan mudah dan cepat.

Aplikasi mudah alih e-Kehadiran Murid telah siap dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sekolah Harian sebagai pemilik sistem pada Februari 2016.



Paparan Aplikasi Mudah Alih eKehadiran



Menu Rekod bagi Menyemak Kehadiran Murid

c) MySISPPA

MySisPPA adalah aplikasi mudah alih Semakan Keputusan Peperiksaan Perkhidmatan Awam. Objektif pembangunan aplikasi ini adalah untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui pelbagai saluran.

MySisPPA menawarkan perkhidmatan semakan keputusan Peperiksaan Perkhidmatan Awam bagi Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP) melalui peranti pintar. AKP terdiri daripada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Tadbir (Kewangan), Pembantu Makmal, Pembantu Asrama, Pembantu Pengurusan Murid (Prasekolah), Pembantu Pengurusan Murid (Pendidikan Khas) dan Pembantu Pengurusan Murid (Asrama).

MySisPPA menyediakan empat menu utama iaitu menu 'Profil', 'Keputusan', 'Hubungi' dan 'Mengenai' di mana, pengguna boleh akses maklumat keputusan peperiksaan yang pernah dimohon dengan mudah dan cepat.

MySisPPA telah siap dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dengan kerjasama Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi pada Oktober 2016.



Paparan Aplikasi Mudah Alih MySisPPA

d) eTBG Mobile

eTBG Mobile adalah aplikasi mudah alih Semakan Keputusan Pertukaran Bukan Guru. Aplikasi ini dibangunkan bagi fungsi semakan keputusan permohonan pertukaran bukan guru dan telah mula digunakan pada Mac 2016. Pengguna boleh menyemak keputusan permohonan pertukaran melalui peranti pintar di mana-mana sahaja dengan lebih mudah dan cepat.

Sasaran pengguna adalah kakitangan KPM bukan guru melibatkan Pembantu Tadbir, Pembantu Makmal, Pemandu Kenderaan, Penolong Pegawai Tadbir dan lain-lain skim.

Aplikasi mudah alih eTBG Mobile dibangunkan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sebagai pemilik sistem.



Paparan Aplikasi Mudah Alih eTBG



Paparan Status Permohonan eTBG

2. Perkhidmatan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT Kementerian Pendidikan Malaysia

Ancaman siber pada masa kini tidak dapat dinafikan semakin meningkat dan begitu mencabar. Wujudnya pelbagai hacking tools yang mudah didapati dari Internet membolehkan pencerobohan dan aktiviti menggodam aset ICT begitu berleluasa oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Menyedari akan risiko yang dihadapi dan untuk meminimumkan risiko ancaman siber, tindakan proaktif telah diambil oleh KPM untuk melaksanakan penilaian tahap keselamatan rangkaian dan sistem ICT di KPM, meliputi sebahagian aplikasi yang digunakan di KPM. Objektif projek ini adalah untuk mengenal pasti sebarang kelemahan rangkaian dan sistem ICT di KPM dan membuat pengukuhan terhadap sebarang penemuan.

Pelaksanaan projek ini adalah selama 15 bulan bermula November 2015 hingga Februari 2017, secara bersama antara pegawai BPM dan pihak ketiga yang dilantik, yang mempunyai kepakaran dalam bidang keselamatan ICT.

Segala penemuan daripada penilaian yang dilaksanakan telah diambil tindakan pengukuhan oleh pegawai BPM dengan bantuan pihak yang dilantik dalam tempuh pelaksanaan projek.

Selain itu, bagi meningkatkan tahap kesedaran berkaitan keselamatan ICT di kalangan warga KPM, satu Seminar Kesedaran Keselamatan ICT telah diadakan di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang, UPM pada 18 April 2016. Seminar tersebut dihadiri oleh 439 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Bahagian di KPM, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan agensi di bawah KPM. Tujuan seminar adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan keselamatan ICT bagi menjamin kesinambungan perkhidmatan organisasi.

Bagi memastikan keselamatan ICT KPM berada pada tahap yang tinggi, tindakan melaksanakan penilaian tahap keselamatan akan dilaksanakan secara berkala mengikut amalan terbaik. Usaha secara berterusan akan dapat memastikan KPM berada dalam keadaan yang selamat, tersedia dan dipercayai.



Perasmian Seminar oleh mantan KSU KPM, YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad.



Pembentangan oleh Cybersecurity Malaysia

3. Pengurusan Pusat Data Sektor Awam Enstek: Kerjasama KPM Dan MAMPU

Pusat Data Sektor Awam Enstek (PDSA) menyediakan perkhidmatan Pusat Data dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) bagi pengoperasian perkhidmatan ICT secara berpusat untuk agensi Kerajaan.

Dengan kerjasama ini, Pusat Data KPM menjadi sebahagian daripada PDSA Enstek dan juga menjadi Pusat Pemulihan Bencana / Disaster Recovery Centre (DRC) bagi Pusat Data KPM di Komplek E.

Skop kerjasama bagi PDSA Enstek merangkumi 7 perkara berikut:

a) Pemilikan Bangunan (KPM);

b) Pengurusan Bangunan dan Kawasan Premis (KPM dan MAMPU);

c) Pengurusan Infrastruktur (MAMPU);

d) Pengurusan Infrastruktur ICT (KPM dan MAMPU);

e) Pengurusan Keselamatan Bangunan (KPM dan MAMPU);

f) Pengurusan Utiliti (KPM dan MAMPU); dan

g) Pengurusan Sumber Manusia (KPM dan MAMPU).

Sebagai memeterai kerjasama tersebut, Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Pusat Data Sektor Awam (PDSA) antara KPM dan MAMPU telah diadakan pada 20 Disember 2016 di Cyberview Resort & SPA, Cyberjaya, Selangor. Majlis menandatangani kerjasama tersebut disaksikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Nota Kerjasama tersebut berkuatkuasa pada 20 Disember 2016 sehingga satu tempoh yang dipersetujui bersama.



Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Pusat Data Sektor Awam (PDSA) antara KPM dan MAMPU telah diadakan pada 20 Disember 2016 di Cyberview Resort & SPA, Cyberjaya, Selangor

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Khidmat Pengurusan pada awalnya dikenali sebagai Bahagian Tadbiran dengan 53 perjawatan dan diketuai oleh Pegawai Tadbir Awam Tingkatan Kanan. Penyusunan Semula Struktur Baru Kementerian Pendidikan pada masa itu mengikut Waran Perjawatan Bil. S184 Tahun 1995 berkuatkuasa pada **1 Oktober 1995** mengasingkan Dasar dan Kualiti daripada Bahagian Pentadbiran dan seterusnya bertukar nama kepada Bahagian Khidmat Pengurusan.

Bahagian Khidmat Pengurusan seterusnya mengalami perubahan melalui Waran Perjawatan Bil.S22 Tahun 2010 dengan pemansuhan Bahagian Hal Ehwal Korporat dimansuhkan dan fungsi pengurusan Kualiti diagihkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan berkuatkuasa **16 Januari 2010**.

Bahagian Khidmat Pengurusan kini telah berkembang kepada 4 cawangan iaitu Cawangan Pentadbiran dan Kewangan, Cawangan Pengurusan Kualiti dan Majlis, Cawangan Pengurusan Bangunan dan Keselamatan serta Cawangan Pengurusan Rekod dan Registri (DDMS) yang diterajui oleh Setiausaha Bahagian Gred M54 dengan perjawatan seramai 131 orang.

PENGURUSAN KUALITI DAN MAJLIS

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Majlis Perutusan Tahun Baru 2016 Kementerian Pendidikan Malaysia

Majlis Perutusan Tahun Baharu 2016 Kementerian Pendidikan Malaysia telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia bertempat di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 8.00 pagi, 12 Januari 2016. Semua warga Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghadiri Majlis Perutusan ini bagi mendengar amanat Menteri Pendidikan mengenai hala tuju Kementerian Pendidikan Malaysia.



Amanat yang disampaikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia kepada warga Kementerian Pendidikan Malaysia

2. Lawatan Kerja dan Sukan Muhibbah Tahunan antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Kementerian Pendidikan Singapura (MESCA-MESRC)

Program Lawatan Kerja dan Sukan Muhibbah merupakan program tahunan antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Kementerian Pendidikan Singapura yang dianjurkan secara timbal balik. Melaka telah dipilih menjadi tuan rumah pada kali dan diadakan pada 22 April hingga 24 April 2016. Sebanyak 18 jenis sukan dipertandingan dimana MESCA telah berjaya mengalahkan MESRC dengan kiraan 14-4. Tujuan lawatan kerja diadakan atas hasrat menjalinkan hubungan hubungan silaturahim antara Singapura dengan Malaysia.



Penyerahan Trofi Pusingan Sukan Muhibbah oleh YBhg. Tan Sri KSU KPM kepada Ketua Kontinjen MESCA.

3. Majlis Iftar KPM Tahun 2016

Majlis Iftar KPM Tahun 2016 telah diadakan di Dewan B di PICC pada 15 Jun 2016. Tetamu kehormat pada Majlis tersebut adalah YB Menteri Pendidikan Malaysia dan dihadiri oleh 1000 warga Kementerian bagi menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak. Majlis ini dimulai dengan solat maghrib berjemaah, penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim yang terlibat dan diakhiri dengan Solat Terawih secara berjemaah.



Sekitar Majlis Iftar KPM Tahun 2016

4. Majlis Mesra Aidilfitri KPM 2016

Majlis Mesra Aidilfitri KPM Tahun 2016 diadakan di Dewan B, MAEPS Serdang pada **27 Julai 2016** dan tetamu kehormat adalah YB Menteri Pendidikan. Majlis ini bertemakan sambutan perayaan Aidil Fitri dan pemberian duit raya kepada penerima yang terdiri daripada pelajar KWAM, anak Warga Kementerian, Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) dan Pelajar Sekolah Pendidikan Khas dan disampaikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia.

5. Program Retreat KPM 2016

Program Retreat KPM merupakan salah satu acara tahunan Kementerian yang di urus setiakan oleh beberapa bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Bahagian Kewangan, PADU, Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Bahagian Sukan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dan Bahagian Psikologi dan Kaunseling. Bahagian Khidmat Pengurusan diberi tanggungjawab untuk menjadi urus setia induk untuk menguruskan program tersebut. Program ini diadakan untuk melihat pencapaian KPM 2016 dan menjajarkan Sasaran Kerja Tahunan Ketua-Ketua Jabatan berdasarkan Outcome Based Budgeting (OBB) bagi tahun 2017. Program Retreat KPM kali ini diadakan di Bayview Hotel, Pulau Langkawi pada 9 Disember hingga 11 Disember 2016 dan dihadiri oleh YB Menteri Pendidikan, Timbalan-timbalan Menteri Pendidikan, Pegawai Pengurusan Tertinggi serta Ketua Jabatan.

6. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Tahun 2016

Konveksyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Tahun 2016 telah diadakan di Hall 4 dan Hall 5, Pusat Konveksyen Putrajaya (PICC) pada 1 hingga 3 November 2016. Seramai 13 kumpulan bertanding bagi Kategori Pengurusan dan 7 kumpulan bertanding bagi Kategori Teknikal berjaya melayakkan diri di peringkat akhir pertandingan ini. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Pendidikan II.


Tetamu Kehormat Majlis KIK KPM Tahun 2016


Pemenang Kategori Pengurusan dan Pemenang Kategori Teknikal diraikan

6.1 Program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPM

Pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan bagi memastikan Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPM sentiasa aktif dalam menghasilkan produk berinovasi ke arah peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan bukan sahaja di dalam Malaysia malah di Luar Negara. Antara aktiviti dan program yang berkaitan dengan KIK yang telah dijalankan termasuklah:

BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH / TEMPAT	Penyertaan	Pencapaian
1.	*International Team Excellence Award (ITEA) 2016*	12 – 18 Mei 2016 Milwaukee, Wisconsin, USA	Kumpulan Master –H (BPTV)	Anugerah *Best Community Impact*
2.	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Wilayah Persekutuan ke-13 Tahun 2016.	6 – 7 September 2016 Menara Sri Wilayah, Presint 2, Putrajaya	Kategori Teknikal Kumpulan Makers (Kolej Matrikulasi Labuan)	Tempat Ketiga
3.	Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam (MPIPA)	13 November 2016 –15 November 2016 Melaka	Kategori Pengurusan Kumpulan Mavericks (Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama) Kategori Teknikal Kumpulan Revival (Kolej Matrikulasi Selangor)	Anugerah Ketua Pengarah MAMPU
4.	22nd Asia Pacific Qualty Organisation (APQO) Conference 2016	20 – 23 November 2016 Rotorua, New Zealand	Kumpulan Revival (Kolej Matrikulasi Selangor)	Anugerah Emas

7. Pesta Majlis Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan Malaysia 2016 (MSKPPM 2016)

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghantar pasukan Persatuan Sukan dan Kebudayaan KPM (MESCA) menyertai pertandingan yang disertai di pelbagai peringkat. Seramai 160 orang telah menyertai pertandingkan yang mempertandingan 10 permainan. Program ini diadakan di sekitar Alor Setar pada 16 hingga 22 Disember 2016.



Majlis Perasmian MSKPPM 2016



Pertandingan Bola Jaring



Pasukan Trio Bowling MESCA memenangi Tempat ke- 2 dalam acara Trio Lelaki.

8. Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan EKSA mulai bulan November 2016. Sejak pelaksanaannya, kesemua 37 Bahagian telahpun mewujudkan Jawatankuasa Pelaksana di peringkat Bahagian masing-masing. EKSA memberi penekanan kepada elemen korporat, pembudayaan amalan hijau serta menggalakkan aktiviti berasaskan kreativiti dan inovasi dalam kalangan warga KPM.

PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

STATISTIK PERJAWATAN BKP




STATISTIK PERJAWATAN KONTRAK



LAPORAN KEWANGAN BKP 2016

Prestasi Perbelanjaan BKP	Peratus Perbelanjaan	Jumlah Peruntukan 2016
RM 197,681,800.35	99.61%	RM 198,464,386.10

PEROLEHAN



KAEDAH PEROLEHAN

PENGURUSAN BANGUNAN DAN KESELAMATAN

JUMLAH PENGGUNAAN KEMUDAHAN GUNASAMA DI BAWAH PENYELENGGARAAN BKP BAGI TAHUN 2016

BIL.	KEMUDAHAN	JUMLAH PENGGUNAAN	PURATA PENGGUNAAN (SEBULAN)
1.	Dewan Serbaguna	169	14
2.	Bilik Mesyuarat Gunasama	260	22
3.	Auditorium	95	8
	Jumlah Keseluruhan	**524**	**44**

SISTEM PENGURUSAN KAD AKSES / PAS KESELAMATAN KOMPLEKS E & CYBERJAYA (CARD ACCESS MANAGEMENT SYSTEM)

Sepanjang Januari 2016 hingga pertengahan November 2016, bilangan pas baru atau penggantian pas lama yang telah dikeluarkan oleh Seksyen Pengurusan Keselamatan, Bahagian Khidmat Pengurusan adalah seperti berikut :

BIL.	BLOK	BILANGAN PAS DIKELUARKAN (KEPING)
1.	E2	202
2.	E8	89
3.	E9	92
4.	E11	130
5.	E12	208
6.	E13	42
7.	E14	44
8.	E15	59
Jumlah		**866**

LAPORAN PELAWAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2016

BIL.	Bulan	Jumlah Pelawat
1.	Januari 2016	3218
2.	Februari 2016	2708
3.	Mac 2016	2675
4.	April 2016	2717
5.	Mei 2016	2560
6.	Jun 2016	2356
7	Julai 2016	2240
8.	Ogos 2016	2462
9.	September 2016	2288
10.	Oktober 2016	2820
11.	November 2016	2685
12.	Disember 2016	2696
	Jumlah Pelawat Keseluruhan	**31,421**

KERJA-KERJA PENGGANTIAN DAN MEMBAIKPULIH SISTEM KAWALAN BANGUNAN (BCS) DI BLOK E2, E8, DAN E12 KOMPLEKS E, PUTRAJAYA

Sistem Kawalan Bangunan atau *Building Control System* (BCS) merupakan salah satu sistem yang penting di setiap bangunan. Sistem ini berfungsi secara automatik untuk mengawal dan memantau status peralatan mekanikal dan elektrikal di dalam bangunan seperti Unit Kendalian Udara (AHU), sistem lampu bangunan dan pepasangan keselamatan kebakaran.

Sistem Kawalan Bangunan Blok E2, E8 dan E12

Semua blok Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Kompleks E, Putrajaya pada asalnya telah dilengkapkan dengan BCS. Walau bagaimanapun, jangka hayat peralatan tersebut telah tamat dan menyebabkan kebanyakan sistem BCS di blok-blok KPM tidak dapat berfungsi secara optimum. Berdasarkan peruntukan sedia ada, KPM dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya telah melaksanakan kerja-kerja baikpulih dan penggantian BCS secara berperingkat bermula dengan Blok E2, E8 dan E12 dahulu.



Antaramuka sistem BCS baharu yang memaparkan kelajuan motor AHU, pencahayaan aras dan suhu bilik

Kerja-kerja tersebut termasuk pengujian dan pentaulihan akhir telah selesai dilaksanakan pada Disember 2016. Sistem BCS di ketiga-tiga blok ini disahkan oleh pihak JKR sebagai berfungsi dan berjalan secara automatik .

SENARAI JABATAN/BAHAGIAN YANG MENYEWA DI PREMIS SWASTA

Bil	Perkara	Lokasi Premis
1	Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)	2 premis :- Bangunan Mustapha Kamal (Blok 2251), Cyberjaya - Bahagian Tajaan Pendidikan - Bahagian Pendidikan Islam - Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan - Majlis Buku Kebangsaan Malaysia Blok 2250, Cyberjaya - Institut Pendidikan Guru Malaysia - Bahagian Pembangunan dan Penilaian
2	Bahagian Audit Sekolah (BAS)	12 premis :- - BAS Negeri Sarawak Cawangan Kuching - BAS Negeri Pahang Cawangan Kuantan - BAS Negeri Sabah Cawangan Kota Kinabalu - BAS WP Kuala Lumpur dan Selangor - BAS Negeri Johor Cawangan Muar - BAS Negeri Johor Cawangan Johor Bahru - BAS Negeri Sembilan - BAS Negeri Terengganu - BAS Negeri Sarawak Cawangan Sibu - BAS Negeri Sabah Cawangan Sandakan - BAS Negeri Sabah Cawangan Tawau - BAS Negeri Kelantan
3	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK)	13 premis :- - JNJK Negeri Pahang - JNJK WP Labuan - JNJK Negeri Johor Cawangan Muar - JNJK Negeri Terengganu - JNJK Negeri Sabah - JNJK WP Kuala Lumpur - JNJK Negeri Sabah Cawangan Keningau - JNJK Negeri Johor - JNJK Negeri Sarawak - JNJK Negeri Pahang - JNJK Negeri Selangor - JNJK Negeri Kelantan - JNJK Negeri Sembilan
4		2 premis :- - JPN Perak - JPN WP Labuan

5	Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)	7 premis :- - PPW Keramat, Kuala Lumpur - PPD Gombak, Selangor - PPD Hulu Selangor, Selangor - PPD Sepang, Selangor - PPD Petaling Utama, Selangor - PPD Baram, Sarawak - PPD Selangau, Sarawak
6	Sekolah	2 premis :- - Sekolah Kebangsaan Taman Sungai Besi Indah, Hulu Langat, Selangor - Sekolah Kebangsaan St. Martin, Samarahan, Sarawak

PENGURUSAN REKOD & REGISTRI

PENGURUSAN REKOD

Pengurusan Rekod Elektronik (DDMS)

Sepanjang tahun 2016 sebanyak 300,361 jumlah rekod telah diuruskan melalui aplikasi DDMS dan seramai 3525 pegawai dan kakitangan telah didaftarkan sebagai pengguna DDMS.

Inspektorat Pengurusan Rekod

Cawangan Pengurusan Rekod, Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan urusetia dan penyelaras bagi program/ aktiviti pengurusan rekod KPM dalam memastikan pengurusan rekod KPM berada pada tahap yang baik dan sempurna. Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah penubuhan Pasukan Inspektorat Pengurusan Rekod KPM pada tahun 2016, yang bertujuan menyelaras, memantau dan memastikan pengurusan rekod KPM mematuhi perundangan dan peraturan yang berkuatkuasa.

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Rekod adalah terdiri daripada 38 Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) di bahagian dan agensi yang telah dilantik dan disahkan pelantikannya oleh Arkib Negara Malaysia. Melalui inspektorat yang dilaksanakan oleh Pasukan ini dapat membantu Cawangan Pengurusan Rekod, BKP mengenalpasti kelemahan pengurusan rekod di bahagian-bahagian dan agensi dan seterusnya dapat membantu bahagian-bahagian dan agensi KPM dalam :

- Pelaksanaan amalan registri dan pengurusan rekod semasa adalah mengikut ketetapan Akta Arkib Negara 2003 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/2007;
- Pengurusan, pengedaran dan penyimpanan rekod terperingkat adalah mengikut ketetapan Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972; dan
- Pelaksanaan pelupusan rekod adalah mengikut keperluan Akta Arkib Negara 2003.

Di samping membantu menambahbaik dan memantapkan pengurusan rekod di bahagian, ianya juga dapat membantu antara bahagian melihat amalan terbaik di bahagian lain untuk dijadikan penanda aras seterusnya untuk diaplikasikan di bahagian masing-masing.

Sepanjang tahun 2016 dan 2017 sebanyak 2 siri inspektorat dilaksanakan, iaitu bermula 20 Julai – 20 Ogos 2016 dan 8 Mei -26 Mei 2017. Banyak penambahbaikan telah dapat dilaksanakan dalam pengurusan rekod dan pada SSR 2016 kriteria pengurusan rekod KPM telah mendapat penarafan Cemerlang (5 Bintang).

Pelupusan Rekod

Bil	Perkara	Jumlah Permohonan
1.	Permohonan Perlupusan	15 Bahagian KPM :- - Bahagian Audit Sekolah - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia - Bahagian Pendidikan Swasta - Bahagian Pendidikan Khas - Bahagian Sukan - Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan - Bahagian Matrikulasi - Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset - Bahagian Pengurusan Sekolah Harian - Bahagian Akaun - Bahagian Buku Teks - Lembaga Peperiksaan - Bahagian Khidmat Pengurusan
2.	Pemindahan Rekod	2 Bahagian KPM :- - Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan - Bahagian Pendidikan Guru
3.	Pemusnah Rekod	5 Bahagian KPM :- - Bahagian Pendidikan Khas - Bahagian Sukan - Bahagian Akaun - Bahagian Pembangunan Kurikulum
4.	Pemindahan Terbitan	126 Terbitan

LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Dalam memastikan warga BKP dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan efisyen, latihan dan program yang berterusan telah dilaksanakan. Di antara program/latihan yang telah dijalankan ialah :

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH	BILANGAN PESERTA
1.	Kursus Pengenalan kepada Perintah AM Bab D (Kelakuan dan Tatatertib)	24 Februari 2016	48 orang
2.	Sesi Perkongsian Ilmu: Antara Leasehold atau Freehold	1 April 2016	29 orang
3.	Bengkel Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) secara dalam Talian Online	19 April 2016	97 orang
4.	Sesi Perkongsian Ilmu : Syurga Menanti , Neraka dijauhi	13 Mei 2016	30 orang

5.	Sesi Perkongsian Ilmu : Prinsip Penetapan Gaji Pemulaan	3 Ogos 2016	31 orang
6.	Bengkel Audit EKSA (Zon Nilam, Opal, dan Zamrud)	4 Oktober 2016	44 orang
7.	Bengkel Kerja Perlupusan Rekod bagi Tahun 2016	28 April 2016	50 orang
8.	Kursus dan latih Amal Buku Daftar Suratan Rahsia Rasmi & Pengelasan Semula dokumen Terperingkat	14 Jun 2016	40 orang
9.	Kursus Asas Pengurusan Rekod Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) & Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) Siri 1 2016	25 Julai 2016 & 26 Julai 2016	50 orang
10.	Bengkel Pemuliharaan Rekod Bencana KPM	24 Oktober 2016 & 25 Oktober 2016	60 orang

Latihan berkaitan Pengurusan Rekod :

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH	LOKASI
1.	Bengkel Kerja Pelupusan Rekod bagi Tahun 2016	28 April 2016	Bilik Bunga Raya, Aras 7, Blok E14
2.	Kursus dan latih Amal Buku Daftar Suratan Rahsia Rasmi & Pengelasan Semula dokumen Terperingkat	14 Jun 2016	Bilik Jamuan, BKP, Aras 6, Blok E8, Kompleks
3.	Kursus Asas Pengurusan Rekod Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) & Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) Siri 1 2016	25 Julai 2016 & 26 Julai 2016	Bilik Latihan Aras 1, Bangunan PPPAV, Arkib Negara Malaysia
4.	Bengkel Pemuliharaan Rekod Bencana KPM	24 Oktober 2016 & 25 Oktober 2016	Dewan Tun Rahah, Memorial Tun Abdul Razak, 50568 Kuala Lumpur

BAHAGIAN DASAR DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

LATAR BELAKANG

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA) ditubuhkan untuk membantu KPM meningkatkan penglibatannya dalam pengantarabangsaan pendidikan melalui hubungan dua hala dan pelbagai hala dengan negara luar bertujuan untuk meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Pewujudan Bahagian ini bermula dengan penglibatan Malaysia dalam Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 1958 dan penubuhan Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) yang diletakkan di bawah tanggungjawab KPM pada tahun 1966. Pada tahun yang sama, Pejabat Perwakilan Tetap Malaysia di UNESCO ditubuhkan di Paris untuk memantapkan penglibatan Malaysia.

Tanggungjawab dan fungsi Bahagian ini terus berkembang dengan penyertaan Malaysia dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Saintifik, Pendidikan dan Kebudayaan Negara-negara Islam (ISESCO),Pertubuhan Menteri-menteri Pendidikan Negara Asia Tenggara (SEAMEO) serta bertanggungjawab sebagai focal point dalam sektor pendidikan di bawah kerjasama serantau Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik(APEC).
Bahagian ini juga menerajui usaha dalam memastikan Malaysia terus mendapat manfaat daripada penglibatan dan keahlian dalam pertubuhan dan organisasi antarabangsa. Pada 16 Mei 2008, selaras dengan penstrukturan semula KPM, Bahagian ini mula dikenali sebagai Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa apabila fungsi Bahagian Dasar KPM dipindahkan ke Bahagian ini.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Antarabangsa

Merangka strategi mengenai penglibatan Malaysia di dalam arena pendidikan antarabangsa sama ada di peringkat dua hala atau pelbagai hala. Dari segi hubungan dua hala, Bahagian ini bertanggungjawab sebagai pakar rujuk dan penghubung dalam hubungan KPM dengan negara-negara luar. Dari segi kerjasama pelbagai hala pula, Bahagian ini bertanggungjawab merancang dan melaksanakan penyertaan Malaysia di dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa khususnyadi dalam bidang pendidikan.

2. Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia

Bertanggungjawab ke atas semua program dan aktiviti berkaitan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) selaku Setiausaha Agung Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM). Ini termasuk menyelaras semua permohonan latihan, bengkel, seminar dan sebagainya bagi institusi tersebut.

3. Dasar

Menyelaras dan mengurus pembentukan dasar-dasar makro KPM iaitu:

a. Urusan Hal Ehwal Jemaah Menteri;

b. Urusan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPM; dan

c. Menjadi Focal Point kepada mesyuarat-mesyuarat utama Kerajaan merangkumi Mesyuarat Menteri Besar Ketua Menteri, Mesyuarat Majlis Raja-Raja dan Mesyuarat Ketua Setiausaha Ketua Perkhidmatan.

PENCAPAIAN

1. Mesyuarat Peringkat Menteri-Menteri Pendidikan ASEAN (ASED) Kesembilan Dan Pegawai Kanan Tertinggi Pendidikan ASEAN pada 23 - 26 Mei 2016 di Sunway Resort Hotel and Spa, Petaling Jaya

i. Selaku Pengerusi Pendidikan ASEAN bagi tempoh dua tahun bermula 2016 sehingga 2017, Malaysia telah menghoskan Mesyuarat Peringkat Menteri-menteri Pendidikan ASEAN (ASED) Kesembilan dan Pegawai Kanan Tertinggi Pendidikan ASEAN (SOM-ED) dari 23 hingga 26 Mei 2016 di Sunway Resort Hotel and Spa, Petaling Jaya.

ii. ASED kali ke-9 melibatkan enam mesyuarat berikut:

Mesyuarat Peringkat Menteri (Education Ministers Meeting)

(a) 9thASEAN Education Ministers Meeting (ASED);
(b) 3rd ASEAN Plus Three Education Ministers Meeting (APT EMM); dan
(c) 3rd East Asia SummitEducation Ministers Meeting (EAS EMM).

Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan Tertinggi (Senior Officials Meeting)

(a) 11th ASEAN Senior Officials Meeting on Education (SOM-ED);
(b) 7th ASEAN Plus Three Senior Officials Meeting on Education (APT SOM-ED); dan
(c) 4th East Asia Summit Senior Officials Meeting on Education (EAS SOM-ED).

iii. Mesyuarat-mesyuarat ini bertujuan untuk mengenal pasti dan merangka strategi yang realistik dalam usaha kerjasama untuk memartabatkan identiti ASEAN, membina keupayaan modal insan dan memperkukuhkan lagi usaha-usaha dan rangkaian-rangkaian kerjasama sedia ada dalam bidang pendidikan seperti Technical & Vocational Educational Training (TVET)dan Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) yang akan dipandu arah melalui ASEAN Education Workplan 2016-2020.

iv. Majlis Perasmian 9thASEAN Education Ministers Meeting (ASED) dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitantelah berlangsung pada 25 Mei 2016dan telah disempurnakan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Seri Mahdzir bin Khalid dengan turut disertai oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Dato' Sri Idris Jusoh dan Timbalan-timbalan Menteri daripada kedua-dua Kementerianserta para delegasi dan Duta Besar dari negara-negara ASEAN serta Rakan Dialog.

v. Jumlah ahli delegasi termasuk Menteri-Menteri Pendidikan ke mesyuarat-mesyuarat ini adalah seramai 200 orang iaitu dari 10 buah negara ASEAN, 3 buah negara APT(Republik Rakyat China, Republik Korea dan Jepun) dan 4 buah negara EAS (Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan Rusia) berserta pelbagai organisasi antarabangsa yang berkaitan.

vi. Peranan Malaysia selaku Pengerusi Pendidikan ASEAN seterusnya bertumpukan kepada 3 aspek utama berikut:

(a) Mewakili ASEAN dan mempertingkatkan hubungan dalam bidang pendidikan berdasarkan penghormatan dan kesamarataan bersama selaras dengan prinsip ASEAN;

(b) Menjadi pengerusi / pengerusi bersama bagi mesyuarat berkaitan pendidikan antara ASEAN

dan Rakan Dialog; dan

(c) Mewakili ASEAN dalam mengukuhkan jalinan hubungan dan meningkatkan kerjasama dengan badan-badan antarabangsa yang lain.

vii. Penglibatan Malaysia dalam mesyuarat ini telah membuka laluan bagi ASEAN untuk memantau kerjasama serantau dengan lebih komprehensif di samping menentukan hala tuju ASEAN dengan lebih terperinci berpandukan dokumen ASEAN Socio Cultural Community Blueprint 2025.

viii. Mengambil kesempatan penganjuran mesyuarat ini, YB Menteri Pendidikan telah mengambil peluang berkenaan untuk menerima pelawaan lima buah negara untuk mengadakan mesyuarat dua hala dengan Malaysia iaitu daripada Brunei Darussalam, Filipina, Vietnam, Singapura dan Republik Korea yang mana kelima-limanya telah berlangsung dengan jayanya. Malaysia dan negara-negara terbabit telah memberikan komitmen padu dalam memperkukuhkan jalinan kerjasama sedia ada bagi memacu pembangunan sektor pendidikan di rantau Asia.

2. SEAMEO Strategic Dialogue for Education Ministers (SDEM) ke-2 pada 26 - 28 April 2016 di Bandung, Indonesia

i. YB Menteri Pendidikan telah mengetuai delegasi Malaysia keStrategic Dialogue for Education Ministers Ke-2 (SDEM) anjuran Southeast Asian Ministers of Education Organisation (SEAMEO) di Bandung, Indonesia dari 26 hingga 28 April 2016.

ii. SDEM merupakan platform penting bagi Menteri-Menteri Pendidikan dalam kalangan negara anggota SEAMEO untuk memberi fokus kepada keutamaan dan cabaran bidang pendidikan di rantau ini, bagi meningkatkan kerjasama untuk merapatkan integrasi Komuniti ASEAN.

iii. SDEM Ke-2 telah memberi tumpuan khusus kepada Pembangunan Agenda Pasca Pendidikan 2015 (Post 2015 Education Agenda) seperti mana yang telah dipersetujui semasa 47th dan 48thSEAMEO Council Conference pada tahun 2013 dan tahun 2015.

v. Malaysia telah mengetuai sesi perbincangan meja bulat bagi sub tema Innovation on Learning Delivery and Content. Melalui dialog ini, Malaysia membentangkan amalan terbaik dalam proses merancang, mengurus, melaksana, memantau, menilai dan menambah baik proses pentadbiran dan pengurusan pendidikan serta pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 berpandukan teknologi maklumat dan komunikasi.

3. The Education World Forum (EWF) 2016 - Global Seminar for Education Ministers, BETT London 2016 dan Mesyuarat Commonwealth Education Ministers Action Group (CEMAG) pada 17 hingga 22 Januari 2016 di London, United Kingdom

i. YB Menteri Pendidikan telah menghadiri The Education World Forum (EWF) 2016 - Global Seminar for Education Ministers. Sempena forum ini, YB Menteri Pendidikan telah diberi penghormatan untuk menyampaikan ucaptama perbahasan bertemakan New Policies for Developing Skills for Life and for Vocations yang telah berlangsung pada 18 Januari 2016.

iii. YB Menteri Pendidikan turut berkesempatan mengadakan lawatan ke Imperial College London (ICL) pada 19 Januari 2016. Sempena lawatan berkenaan, sesi perbincangan mengenai program Enhancing School Based Learning Assessment in Science and Mathematics (ESBLA) telah diadakan bersama-sama Professor Maggie Dalman OBE, Associate Provost, (Academic Partnership) ICL, wakil dari syarikat TWIG World (United Kingdom), wakil dari syarikat Prestariang Berhad dan Profesor Sahari Nordin dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

iv. YB Menteri Pendidikan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Hon. Nick Gibb, Minister of State for Schools, Department for Education pada 19 Januari 2016 di Department of Education, United Kingdom. Di kesempatan berkenaan, kedua-dua pemimpin telah bertukar-tukar maklumat berkaitan sistem pendidikan di negara masing-masing. Sesi kunjungan hormat yang berlangsung selama 30 minit ini telah berjaya memperkukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan United Kingdom yang menjadi asas teguh bagi pelaksanaan pelbagai cadangan jalinan kerjasama dalam bidang pendidikan antara kedua-dua negara pada masa hadapan.

v. YB Menteri Pendidikan turut memenuhi jemputan untuk menghadiri majlis perasmian BETT London 2016 pada 20 Januari 2016. Acara

gilang-gemilang anjuran i2i Events Group bersama pelbagai penaja ini merupakan satu landasan yang menggabungkan elemen seminar termasuk pembentangan, perbincangan dan perdebatan serta pameran berkaitan inovasi teknologi pendidikan merangkumi semua peringkat pendidikan iaitu prasekolah, sekolah, kolej dan universiti. Semasa majlis pelancaran program ini, pengumuman rasmi mengenai Malaysia sebagai tuan rumah bagi penganjuran Bett Asia Leadership Summit pada tahun 2016 telah dibuat oleh pihak penganjur kepada semua pengunjung serta Menteri-Menteri Pendidikan seluruh dunia yang hadir.

vi. YB Menteri Pendidikan juga telah menganjurkan sesi interaksi bersama para pelajar Malaysia yang sedang mengikuti pengajian di pelbagai institusi pendidikan tinggi di London. Majlis makan malam berkenaan telah diadakan di Malaysia Hall, London pada 20 Januari 2016. Turut hadir ke sesi ini ialah Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Malaysia yang turut memberikan maklum balas bagi isu-isu yang dibangkitkan, berdasarkan kepada bidang kepakaran masing-masing.

vii. YB Menteri Pendidikan telah menghadiri Mesyuarat Commonwealth Education Ministers Action Group (CEMAG) mewakili YB Menteri Pendidikan Tinggi. Mesyuarat ini turut disertai oleh pegawai kanan Kementerian Pendidikan Tinggi. Di dalam intervensinya, YB Menteri Pendidikan menegaskan bahawa Malaysia sebagai Naib-Pengerusi Lembaga Eksekutif UNESCO menyokong penuh inisiatif CEMAG yang merupakan usaha untuk membantu negara ahli Komanwel mencapai hasrat Sustainable Development Goals (SDG).

4. Pembaharuan MOU dalam Bidang Pendidikan antara Malaysia – Republik Rakyat China

i. Hubungan baik dan erat antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China telah diperkukuhkan melalui pemeteraian Joint Communiqué di Beijing pada 31 Mei 1974. Satu Memorandum Persefahaman dalam bidang pendidikan antara Kerajaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Republik Rakyat China telah ditandatangani pada 20 Jun 1997 dan diperbaharui pada 15 Disember 2005. MOU tersebut telah tamat pada 15 Disember 2015.

ii. Susulan itu, Malaysia dan Republik Rakyat China telah mempembaharui MOU berkenaan bersempena semasa Lawatan Kerja oleh YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China yang diadakan pada 1 November 2016 yang lalu, dan ditandatangani oleh YB Menteri Pendidikan.

iii. Hubungan rasmi dalam bidang pendidikan ini telah mewujudkan ruang kepada kedua-dua buah negara untuk meneroka pelbagai peluang kerjasama dalam bidang pendidikan yang memberi manfaat kepada pelajar dan guru serta institusi-institusi pendidikan berkaitan di Malaysia.

5. Lawatan TYT Dr. Ahmad bin Mohammed Al-Issa, Menteri Pendidikan Arab Saudi ke Malaysia

Pada 12 Oktober 2016, TYT Dr. Ahmad bin Mohammed Al-Issa, Menteri Pendidikan Arab Saudi telah mengadakan lawatan ke Institut Aminuddin Baki (IAB) dan Kolej Tunku Kurshiah (TKC) di Kompleks Pendidikan Nilai, Bandar Enstek, Negeri Sembilan. Beliau disambut oleh YB Dato' P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, Timbalan Menteri Pendidikan I, dan diiringi oleh YBhg. Tan Sri Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Selain meninjau fasiliti dan kemudahan yang disediakan di institusi berkenaan, delegasi Arab Saudi juga telah diberikan taklimat mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 oleh PADU.

6. Kerjasama Pelbagai Hala yang Berkaitan

Kementerian Pendidikan Malaysia turut mengekalkan jalinan hubungan pelbagai hala yang aktif dan melaksanakan aktiviti serta program kerjasama dalam bidang pendidikan di dalam dan luar negara bersama pelbagai badan antarabangsa yang berkaitan. Badan-badan antarabangsa ini termasuk Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (ISESCO) di mana Kementerian ini bertindak selaku *Malaysian National Point of Contact for ISESCO*, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), *The Commonwealth*, *Asia-Europe Meeting* (ASEM), *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC), *Global Science and Innovation Advisory Council* (GSIAC), *Asia Cooperation Dialogue* (ACD), *Forum for East Asia-Latin America Cooperation* (FEALAC) dan *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD).

7. Sambutan Hari UNESCO Malaysia 2016

i. Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) selaku Jawatankuasa Kecil Tetap (JKT) Sains SKUM serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menjadi penganjur utama Majlis Sambutan Hari UNESCO Malaysia (HUM) 2016 pada 28 Mei 2016 di Taman Wetland, Putrajaya.

ii. Sambutan pada tahun ini dengan tema 'Inclusiveness' telah berjaya meneruskan semangat yang sentiasa disuntik di dalam Hari UNESCO Malaysia dengan keterlibatan semua lapisan masyarakat, tanpa mengenal bangsa, usia, jantina, kepercayaan dan keupayaan, yang seterusnya telah melambangkan Malaysia sebagai sebuah negara yang mementingkan aspek kemanusiaan bagi setiap dasar yang digubal.

iii. Selain menganjurkan pelbagai bentuk program berdasarkan bidang kompetensi UNESCO antaranya pendidikan, sains, sains sosial, komunikasi, kesenian serta kebudayaan, Hari UNESCO Malaysia juga bertujuan melibatkan segenap lapisan masyarakat dalam menghayati prinsip yang diperjuangkan oleh UNESCO dalam pembangunan mampan untuk kebaikan sejagat. Pemilihan tema ini amat bersesuaian selaras dengan Teras Strategik yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Kestabilan dan kemakmuran yang dinikmati oleh Malaysia walaupun berdasarkan kepelbagaian latar belakang rakyat adalah manifestasi 'inclusiveness' tersebut.

8. Penganjuran Asia Pacific Policy Forum on ECCE

Kementerian Pendidikan Malaysia selaku JKT Pendidikan dengan kerjasama UNESCO Bangkok dan UNICEF telah menganjurkan Asia Pacific Policy Forum on Early Childhood Care and Education (APFEC) yang telah berlangsung dari 19-21 Julai 2016 di Putrajaya. Semasa forum tersebut, YB Menteri Pendidikan merangkap Presiden SKUM telah mempengerusikan Ministerial Roundtable yang dihadiri oleh Menteri dan Timbalan Menteri daripada kumpulan Asia Pasifik bagi membincangkan dan berkongsi amalan terbaik dalam inovasi Early Childhood Care and Education (ECCE), pelaksanaan dasar ECCE serta mekasnisme penyelarasan pengajaran dan pembelajaran ECCE. Forum ini telah dihadiri oleh 800 peserta dari dalam dan luar negera.

9. Malaysia UNESCO Cooperation Programme : Malaysia Funds-in-Trust dan Program-Program Sumbangan SKUM

i. Semenjak pengumuman mengenai kerjasama Malaysia UNESCO Cooperation Programme (MUCP) oleh YAB Perdana Menteri semasa Persidangan Agung UNESCO kali ke-35 pada tahun 2009, sebanyak 29 projek telah diluluskan di bawah Malaysia Funds-in-Trust (MFIT) bernilai USD7.9 juta yang melibatkan negara-negara Least Developed Countries (LDC), Small Island Developing States (SIDS) dan Afrika.

ii. Projek-projek yang berbentuk pembangunan kapasiti ini melibatkan pelbagai kompetensi UNESCO dan menumpukan kepada pencapaian Sustainable Development Goals (SDG) antaranya mengenai isu climate change, water security, Technical Vocational Education and Training (TVET), Early Childhood Care and Education (ECCE), Disaster Risk Reduction (DRR), Science Technology & Innovation (STI) serta pemuliharaan dan pemeliharaan warisan kebudayaan. Dalam semua projek MFIT, pakar-pakar dari Malaysia disyaratkan untuk terlibat dalam semua projek yang diluluskan.

iii. Sehingga tahun 2016, terdapat banyak projek-projek yang dijalankan di bawah MFIT dan juga program JKT-JKT SKUM antaranya:-

- Synthesis Workshop of the Project "Sustainability Transformation Across The Region" & "Science Harnessed For ASEAN Regional Policy";
- UNESCO's Ethics Teachers Training Course;
- The Power of Culture: Sustainable Tourism and Community- Based Mangement at World Heritage Sites in Southeast Asia;
- Bengkel Latihan Bioetika oleh Assisting Bioethics Committee (ABC) UNESCO;
- Bengkel Capacity Building for the Safeguarding the Intangible Cultural Heritage;
- *World Digital Information Day* dengan tema *"Forum on Enculturing and Informed Society";*
- Kem Pemimpin Muda Prihatin Air;
- Projek kerjasama antara Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan selaku JKT Kebudayaan bersama-sama Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu 1 Pelajar 1 Muzium;
- *UNESCO-ASEAN Edu-Tourism for TVET English Campdi* Tasik Kenyir, Terengganu;
- Melestarikan Bahasa Sukuan Dan Bahasa Daerah di Tawau, Sabah;
- dan projek-projek lain.

Lawatan Kerja Ke London, United Kingdom pada 17-22 Januari 2016





The Education World Forum (EWF) 2016

Mesyuarat Peringkat Menteri-Menteri Pendidikan ASEAN (ASED) Kesembilan Dan Pegawai Kanan Tertinggi Pendidikan ASEAN pada 23 - 26 Mei 2016 di Sunway Resort Hotel and Spa, Petaling Jaya





9th ASEAN Education Ministers Meeting (ASED) & Related Meetings
(25-26 Mei 2016, Sunway Pyramid Hotel)

***SEAMEO Strategic Dialogue for Education Ministers* (SDEM) ke-2 pada 26 - 28 April 2016 di Bandung, Indonesia**



2nd Strategic Dialogue of Education Ministers (SDEM)
(27-28 April 2016, Bandung

LAWATAN TYT MENTERI PENDIDIKAN ARAB SAUDI, DR. AHMAD MUHAMMAD AL-ISA KE IAB & TKC



YB TMP I & YBhg. Tan Sri Dr. KPPM menerima lawatan TYT Menteri Pendidikan Arab Saudi, Dr. Ahmad Muhammad Al-Isa ke IAB & TKC
(12 Oktober 2016)

BAHAGIAN AUDIT DALAM

LATAR BELAKANG

Bahagian Audit Dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah ditubuhkan pada tahun 1982 selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. Objektif Bahagian Audit Dalam adalah untuk membantu kementerian mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

Bahagian Audit Dalam menjalankan fungsi berdasarkan 1Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1. Pengauditan yang dijalankan merangkumi pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi, pengauditan perolehan dan pengauditan ICT.

Selain daripada menjalankan pengauditan, Bahagian Audit Dalam juga menjalankan tugas-tugas lain seperti terlibat dalam verifikasi baki awal aset dan liabiliti KPM bagi pelaksanaan perakaunan akruan. Bahagian Audit Dalam juga merupakan urus setia kepada Jawatankuasa Audit peringkat Kementerian.

PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN

1. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan adalah meliputi pengauditan baucar bayaran, penampilan audit dan juga pemeriksaan mengejut. Bagi tahun 2016, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 108 Pusat Tanggungjawab (PTJ) di seluruh negara yang merangkumi Bahagian-bahagian di Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah bertaraf PTJ. Pengauditan baucar bayaran juga dilaksanakan di 16 JPN termasuk pemeriksaan fizikal aset dan kerja-kerja pembaikan/ penyenggaraan di peringkat sekolah yang terpilih.

2. PENGAUDITAN PRESTASI

Pada tahun 2016, sebanyak tiga pengauditan prestasi telah dilaksanakan seperti yang berikut:

i. Pengurusan Agihan Elaun Pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia.
ii. Pengurusan Pemberian Biasiswa Kecil Persekutuan.
iii. Pengurusan Pemberian Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan.

3. PENGAUDITAN PEROLEHAN

Pada tahun 2016, sebanyak lima pengauditan perolehan telah dilaksanakan seperti yang berikut:

i. Pengurusan Program Vokasional di Institut Latihan Kemahiran Awam dan Institut Latihan Kemahiran Swasta di KPM.
ii. Pengurusan Peralatan Makmal di Kolej Matrikulasi KPM.
iii. Pengurusan Pengangkutan Murid Asrama di Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan.
iv. Pengurusan Penerbitan Rancangan Pendidikan.
v. Pengurusan Projek Naik Taraf dan Pembaikan Kemudahan/Fasiliti Sukan di Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail.

4. PENGAUDITAN ICT

Dua pengauditan ICT yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 adalah seperti yang berikut:

i. Pengurusan Lesen Perisian Microsoft di bawah Program Education Alliance Agreement bagi Sekolah-sekolah dan Kolej-kolej di bawah KPM.
ii. Pelaksanaan Aplikasi 3D Computer Aided Design di Sekolah Menengah yang Melaksanakan Mata Pelajaran Reka Cipta.

5. VERIFIKASI BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI

i. Selaras dengan Pelaksanaan Perakaunan Akruan, Bahagian Audit Dalam telah menjalankan verifikasi terhadap templat Aset Tak Alih, Aset Alih, Aset Dalam Pembinaan, Akaun Belum Bayar dan Akaun Belum Terima yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun bagi mengesahkan baki awal aset Kementerian.
ii. Bagi tahun 2016, verifikasi fizikal terhadap Aset Tak Alih telah dijalankan di lima PPD di negeri Selangor untuk mengesahkan kewujudan dan hak milik aset yang telah disenaraikan pada templat berkaitan.

6. AKTIVITI TUGAS KHAS

Aktiviti Tugas Khas yang telah dilaksanakan dalam tahun 2016 adalah seperti yang berikut:

i. Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) telah diadakan sebanyak empat kali untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Bahagian Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara. Jawatankuasa ini juga bagi memastikan tindakan preventive dan corrective dilaksanakan oleh pihak Kementerian supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.
ii. Laporan-laporan yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKA bagi tahun 2016 adalah seperti di Jadual 1.
iii. Mesyuarat dengan YB Menteri Pendidikan pula diadakan pada 18 November 2016 bagi memaklumkan isu dan maklum balas terkini Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 sebelum laporan tersebut dibentangkan di Parlimen. Laporan yang telah dibentangkan adalah seperti di Jadual 2.

Bil.	Mesyuarat JKA/ Tarikh	Laporan yang Dibentangkan
1	Mesyuarat JKA Bil. 1 Tahun 2016/ 22 Mac 2016	1. Kajian Pengurusan Perolehan Aset dan Peralatan di Kolej Vokasional 2. Pengauditan Pengurusan Kewangan di Tujuh Bahagian, KPM •Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti •Bahagian Buku Teks •Bahagian Psikologi dan Kaunseling •Bahagian Pendidikan Guru •Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi •Bahagian Pendidikan Swasta •Bahagian Teknologi Pendidikan
2	Mesyuarat JKA Bil. 2 Tahun 2016/ 27 Jun 2016	1. Pengauditan Terhadap Perolehan dan Pengurusan Tanah KPM 2. Pengauditan Terhadap Pelaksanaan Matrix Information System (MIS) Kolej Matrikulasi
3	Mesyuarat JKA Bil. 3 Tahun 2016/ 10 Oktober 2016	1. Pengauditan Terhadap Pengurusan Pendaftaran dan Penguatkuasaan di Institusi Pendidikan Swasta 2. Pengauditan Pengurusan Kewangan di Dua Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia •Bahagian Pengurusan Sekolah Harian •Bahagian Pendidikan Khas

4	Mesyuarat JKA Bil. 4 Tahun 2016/ 8 Disember 2016	1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 2 2. Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (Auditor's General Dashborad) Tahun 2013 hingga 2015 Siri 1 3. Pengauditan Pengurusan Program Vokasional di Institut Latihan Kemahiran Awam dan Institut Latihan Kemahiran Swasta 4. Pengauditan Pengurusan Akaun Amanah di 15 PTJ 5. Cadangan Rancangan Audit Tahun 2017

JADUAL 1
Laporan yang Dibentangkan Semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) Tahun 2016

Bil.	Tarikh Mesyuarat	LKAN Yang Dibentangkan
1.	18 November 2016	1. Pengurusan Pendidikan Khas 2. Pengurusan Pembinaan Sekolah Rendah 3. Pengurusan Asrama Sekolah Harian

JADUAL 2
Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 2 yang Dibentangkan Semasa Mesyuarat dengan YB Menteri Pendidikan

Pengauditan Pengurusan Lesen Perisian Microsoft di bawah Program Education Alliance Agreement bagi Sekolah-sekolah dan Kolej-kolej di bawah KPM



Pegawai Audit sedang memeriksa operating system dan perisian yang diinstalasi pada komputer di makmal sekolah

Lokasi: SK Sungai Rapat
Tarikh: 18 Ogos 2016



Pegawai Audit sedang memeriksa operating system dan perisian yang diinstalasi pada komputer di makmal sekolah
Lokasi: SMK Raja Permaisuri Bainun
Tarikh: 15 Ogos 2016

Pengauditan Pengurusan Pemberian Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan







Perjalanan yang perlu dilalui untuk tiba ke sekolah pedalaman
Lokasi: SK Ruminding di Kota Kinabalu, Sabah
Tarikh: 3 Ogos 2016

Pengauditan Pengurusan Pemberian Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan





Pegawai Audit sedang menyemak dokumen dan menemu bual Pembantu Tadbir Sekolah
Lokasi: SK Ruminding di Kota Kinabalu, Sabah
Tarikh: 3 Ogos 2016

Mesyuarat Jawatankuasa Audit Peringkat KPM Tahun 2016



Mesyuarat JKA Bil. 2 Tahun 2016
pada 27 Jun 2016



Mesyuarat JKA Bil. 4 Tahun 2016
pada 8 Disember 2016

BAHAGIAN AUDIT SEKOLAH

LATAR BELAKANG

Bahagian Audit Sekolah (BAS) bertanggungjawab mengaudit penyata akaun sekolah setiap tahun mengikut peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut:

1. Peraturan-Peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002, di bawah seksyen 130 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550);
2. Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah cetakan 2012; dan
3. Peraturan-peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

Menghendaki institusi Kerajaan, bantuan Kerajaan atau institusi pendidikan Islam yang menerima bantuan kewangan menyediakan dan mengemukaka Penyata Kewangan Tahunan berakhir 31 Disember setiap tahun mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum kepada Pusat Tanggungjawab. Penyata ini yang kemudiannya hendaklah dikemukakan kepada BAS untuk tujuan pengauditan tidak lewat dari 31 Mac tahun berikutnya.

PROGRAM UTAMA

Program utama BAS meliputi penguditan terhadap Penyata Kewangan Sekolah, pengauditan pematuhan/ pengurusan kewangan dan laporan khas serta aduan. BAS juga bertanggungjawab menyediakan Laporan Audit Sekolah Disatukan mengenai penyata kewangan untuk semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

PENCAPAIAN

1. Pengauditan Terhadap Penyata Kewangan


Terdapat 5 jenis Sijil Audit terhadap penyata kewangan sekolah yang dikeluarkan oleh bahagian ini seperti di Jadual 1

Bil	Jenis Sijil Audit	Butirannya
1	Sijil Audit Tanpa Teguran	Sijil ini diberi apabila juruaudit berpuashati bahawa Penyata Kewangan Sekolah(PKS) telah disedia dan dipersembahkan dengan benar dan saksama mengikut piawaian yang diluluskan, diamalkan secara konsisten, seragam dan mempunyai pendedahan yang mencukupi.
2	Sijil Audit Tanpa Teguran (Emphasis of Matter)	Satu perenggan yang dimasukkan di dalam laporan juruaudit yang merujuk kepada suatu perkara yang dipersembahkan/didedahkan dengan sewajarnya yang mana pada pandangan juruaudit adalah penting dan mustahak bagi kefahaman pengguna mengenai penyata kewangan. Contoh keadaan-keadaan di mana juruaudit boleh mengambil kira untuk memasukkan perenggan Emphasis of Matter adalah termasuk: • Ketidaktentuan yang berkaitan dengan outcome di masa hadapan berkaitan tindakan mahkamah atau undang-undang yang luar biasa. • Pemakaian/penggunaan awal standard perakaunan baru (yang dibenarkan) yang mendahului tarikh kuatkuasanya dan mempunyai kesan menyeluruh ke atas penyata kewangan. • Suatu bencana besar yang memberi kesan signifikan terhadap kedudukan kewangan sesebuah entiti
3	Sijil Audit Berteguran	Sijil ini diberi apabila juruaudit menemui perkara material dan pervasive (menyeluruh) yang boleh menjejaskan kebenaran dan kesaksamaan PKS dari aspek prinsip perakaunan yang diguna pakai umum, konsistensi atau limitasi/had disebabkan kekangan skop pengauditan. Pendapat Berteguran selalunya dinyatakan dengan ungkapan "kecuali apa yang dinyatakan di perenggan" dan sebab teguran bagi setiap syarat dan kesannya terhadap kesaksamaan PKS hendaklah dinyatakan.
4	Sijil Audit Bertentangan	Sijil ini diberi apabila juruaudit mendapati penyata kewangan tidak menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama atau tidak mematuhi prinsip perakaunan yang diterima umum. Kesan perbezaan pendapat antara pihak pengurusan dan Audit adalah material dan pervasive (menyeluruh) terhadap PKS dan pendapat berteguran tidak memadai untuk mendedahkan kekeliruan atau ketidak sempurnaan PKS.
5	Sijil Audit Tanpa Pendapat	Sijil ini diberi apabila juruaudit tidak dapat memberi pendapat terhadap PKS kerana penyata kewangan tidak diserahkan sehingga ke suatu masa yang ditetapkan atau akhir tempoh pengauditan tahun semasa atau rekod kewangan sepertimana kehendak Jadual (Peraturan 3) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002 tidak dikemukakan untuk diaudit atau rekod kewangan musnah atau bukti-bukti lain tidak dikemukakan untuk diaudit.

Jadual 1
Jenis-Jenis Sijil Audit Terhadap Penyata Kewangan Sekolah

Mengikut Laporan Audit Disatukan Tahun 2015, sebanyak 10,122 sekolah perlu mengemukakan penyata kewangan tahunan untuk diaudit. Berdasarkan bilangan sekolah tersebut, sebanyak 10,115 Penyata Kewangan Tahunan Sekolah telah diaudit. Manakala, 7 penyata kewangan lagi tidak dapat diaudit disebabkan sekolah berkenaan tidak dapat mengemukakan penyata dan dokumen kewangan, sekolah ditutup tetapi akaun sekolah masih aktif dan terdapat kes di bawah kawalan SPRM.

Sijil Audit telah dikeluarkan kepada 10,115 sekolah, daripada jumlah tersebut sebanyak 8,931 sekolah diberikan Sijil Audit Tanpa Teguran, 1,164 sekolah menerima Sijil Audit Berteguran, 15 sekolah menerima Sijil Audit Bertentangan dan 5 sekolah lagi diberikan Sijil Audit Tanpa Pendapat.Butirannya seperti di Carta 1.



Carta 1
Pensijilan Laporan Audit Bagi Tahun Berakhir 2015

Manakala, berikut adalah kedudukan Sijil Audit yang dikeluarkan oleh BAS bagi tempoh 3 tahun (tahun 2012 hingga tahun 2014) seperti di Jadual 2.

Jenis Sijil	Bil. Sijil		
	Tahun 2012	Tahun 2013	Tahun 2014
Tanpa Teguran	9,032	9,438	9,464
Berteguran	410	326	551
Bertentangan	0	0	1
Tanpa Pendapat	22	12	28
Jumlah	**9,464**	**9,776**	**10,044**

Jadual 2
Kedudukan Pengeluaran Sijil Audit Bagi Tempoh 3 Tahun

2. Pengauditan Pematuhan/ Pengurusan Kewangan

Pengauditan pengurusan kewangan secara persampelan dijalankan terhadap 10,108 sekolah bagi tahun 2015 untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di sekolah berkenaan telah diuruskan mengikut peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa. Pengauditan ini dijalankan bagi tujuan membuat penilaian terhadap kawalan pengurusan, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan dan pengurusan aset serta stor dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan. Penarafan mengikut tahap pencapaian pengurusan kewangan sekolah telah diperkenalkan oleh BAS bagi membantu sekolah berusaha meningkatkan tahap pengurusan kewangan sekolah seperti di Jadual 3.

TAHAP	MARKAH KESELURUHAN	PENARAFAN
CEMERLANG	95% - 100%	★★★★★
BAIK	85% - 94%	★★★★
MEMUASKAN	60% - 84%	★★★
KURANG MEMUASKAN	50% - 59%	★★
TIDAK MEMUASKAN	49% ke bawah	★

Jadual 3
Jenis Penarafan Pencapaian Pengurusan Kewangan Sekolah

Pengauditan pengurusan Kewangan bagi tahun 2015 telah dijalankan terhadap 10,108 sekolah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,345 sekolah memperoleh penarafan Pengurusan Kewangan Cemerlang, 4,915 sekolah di tahap Baik, 3,532 sekolah di tahap Memuaskan, 245 sekolah di tahap Kurang Memuaskan dan 71 sekolah lagi di tahap Tidak Memuaskan. Penarafan mengikut tahappencapaian pengurusan kewangan seperti di Carta 2.



Penarafan Mengikut Tahap Pengurusan Kewangan B13agi Tahun 2015

3. Laporan Khas Dan Aduan

Laporan Khas dikeluarkan apabila pihak Audit menemui unsur-unsur yang menjurus kepada ketidakpatuhan peraturan kewangan semasa pengauditan dijalankan. Manakala, aduan yang diterima akan dibuat siasatan sama ada aduan itu berasas ataupun tidak dan laporan akan dikeluarkan kepada pihak yang berkaitan.

Sepanjang tahun 2016, BAS telah mengeluarkan 4 kes Laporan Khas bagi tahun 2015. Manakala, 4 kes yang dilaporkan bagi tahun 2016 masih dalam tindakan bahagian ini. Antara isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Khas adalah seperti di Jadual 4.

Bil	Isu Audit	Jumlah Yang Terlibat (RM)
1	Cek yang ditunaikan tanpa baucar dan tidak direkodkan ke dalam buku tunai	20,470
	Perolehan sekolah menggunakan pembekal yang mempunyai kepentingan dengan pembantu tadbir	17,970
2	Pembayaran terhadap barang yang tidak dibekalkan	1,385
	Kutipan Yuran Makan Asrama tidak diakaunkan dan dibankkan	49,927
3	Pungutan sewa kantin dan deposit kantin tidak diakaunkan dan dibankkan	5,733
	Lebihan agihan Bantuan Khas Awal Persekolah dan bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) tidak diakaunkan dan dibankkan	7,600
4	Pemalsuan Penyata Bank bagi Kumpulan Wang Kerajaan	76,858
	Terimaan sumbangan tidak dibankkan	32,000
	Jumlah	211,943

Jadual 4
Isu-isu Yang Dilaporkan Dalam Laporan Khas Bagi Tahun 2015

BAS juga telah menjalankan siasatan terhadap 4 kes aduan yang dilaporkan pada tahun 2016 berkenaan penyelewengan dan salahguna kuasa terhadap penggunaan Kumpulan Wang Sekolah.

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) bertanggungjawab untuk merancang, mengurus, memantau aktiviti, menghasilkan perancangan yang strategik, membantu penggubalan dan pemantapan dasar-dasar pendidikan. BPPDP juga berfungsi sebagai hab penyelidikan, data pendidikan, unjuran kepada keperluan guru dan menjadi pusat rujukan utama warga KPM, para penyelidik, pensyarah, guru dan pelajar universiti.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Kajian Pendidikan

BPPDP melalui Sektor Penyelidikan dan Penilaian telah menjalankan kajian-kajian penting sepanjang tahun 2016. Antaranya ialah kajian pada peringkat antarabangsa, kajian peringkat makro KPM dan kajian di bawah inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

1.1 Kajian Peringkat Antarabangsa

i. Pencapaian Malaysia dalam TIMSS 2015

Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) ialah kajian perbandingan antarabangsa yang dikendalikan oleh International Association for the Evaluation of Education Achievement (IEA). Kajian ini dijalankan empat tahun sekali. Malaysia menyertai kajian ini bermula pada pusingan kedua iaitu TIMSS 1999 dan yang terkini TIMSS 2015 ialah kajian TIMSS yang kelima disertai Malaysia. Kajian TIMSS berfokus kepada dua domain iaitu domain kandungan dan domain kognitif. Dua bentuk instrumen yang digunakan dalam kajian ialah pentaksiran TIMSS dengan kandungan mata pelajaran Sains dan Matematik Tingkatan Dua, dan soal selidik kepada murid, guru Matematik, guru Sains dan pentadbir sekolah.

Pencapaian Malaysia dalam TIMSS 2015 meningkat dalam kedua-dua mata pelajaran Matematik dan Sains berbanding TIMSS 2012. Purata pencapaian Matematik adalah 465 mata iaitu peningkatan sebanyak 25 mata berbanding TIMSS 2012. Purata pencapaian Sains pula 471 mata meningkat sebanyak 44 mata berbanding TIMSS 2012.

ii. Pencapaian Malaysia dalam PISA 2015

Programme for International Student Assessment (PISA) merupakan kajian perbandingan antarabangsa yang menilai sejauh mana murid yang berumur 15+ tahun telah memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang penting untuk turut serta sepenuhnya dalam masyarakat moden. PISA diterajui oleh Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) dengan tujuan meningkatkan kualiti pendidikan negara.

1.2 Kajian peringkat makro KPM

i. Kajian Faktor Pencapaian Murid dalam UPSR

ii. Kajian Kebolehlaksanaan TIMSS Grade 4

iii. Kajian Kebolehlaksanaan Kelas Bercantum dan Pengajaran Pelbagai Gred di Sekolah Berenrolmen 50 ke Bawah

iv. Kajian Keberkesanan Program English Teaching Assistant (ETA)

v. Kajian Keberkesanan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

2. Inisiatif PPPM

i. Inisiatif PPPM 46B: Pemantapan Pendidikan Tingkatan 6 - Tindak Susul Melihat Semula Kadar Bantuan Geran Per Kapita.

Tindak susul yang diadakan memberi input dan justifikasi yang kukuh bahawa terdapat keperluan bagi menyemak semula kadar pemberian PCG kepada kolej Tingkatan Enam.

ii. Inisiatif PPPM 49: Inisiatif Memperkukuhkan STEM

Pembentangan Kertas Hala Tuju Pendidikan STEM dalam program Consultation Stakeholder pada 11 April 2016 yang telah diadakan di Akademi Sains Malaysia.

iii. Inisiatif PPPM 2013 – 2025: Perkukuhan Perpaduan di Sekolah

Kajian tahap pengukuran perpaduan 2016 merumuskan bahawa perpaduan telah wujud dalam kalangan guru dan murid sama ada di sekolah rendah atau menengah, namun masih pada tahap sederhana tinggi atau erat. Keupayaan menerima perbezaan dalam kalangan guru dan murid secara keseluruhannya masih rendah berbanding dengan keupayaan untuk menghormati dan mengurus perbezaan.

iv. Inisiatif PPPM 49: Pengajaran Pelbagai Gred di Sekolah Berenrolmen 50 ke bawah

3. Mesyuarat utama dan Keurussetiaan

i. Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bersama KPM-KPT

ii. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (MJPP)

iii. Mesyuarat Jawatankuasa Khas BPPDP Mengenai Projek Pembangunan

iv. Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan 2014/2016

v. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (MPKPM)

vi. Urusan Hal Ehwal Parlimen KPM

vii. Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator - KPI) Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM)Tahun 2016

viii. Jawatankuasa Integriti Tadbir Urus Sektor Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM)

ix. Indeks Penilaian Penarafan Bintang KPM

x. Unjuran Keperluan Guru Sekolah Rendah dan Menengah KPM

4. Persidangan/Simposium Pendidikan

Tajuk Persidangan Antarabangsa	Pencapaian
International Policy Dialogue on Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Education 2016 BPPDP selaku pemegang inisiatif Pengukuhan STEM dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah dikenal pasti sebagai STEM Education Delivery Partner atau Focal Point kepada Program Newton-Ungku Omar Fund STEM Education.	Resolusi meja bulat yang dibentangkan oleh pihak University of Leicester mencungkil beberapa tema dan jalur utama yang mempunyai impak kepada Dasar Pendidikan dan Pembangunan Profesionalisme Guru.

Simposium Pendidikan 2030	
Malaysia telah merekodkan pencapaian positif dalam "Millenium Development Goals" (MDGs) dan matlamat "Education for All" (EFA) yang telah muktamad pada akhir tahun 2015. Antaranya, peningkatan penyertaan murid di sekolah rendah pada kadar 98 peratus dan 87.76 peratus di peringkat menengah. Kualiti guru merupakan faktor kepada kejayaan dengan semua guru di sekolah kerajaan adalah guru bertauliah dan sebanyak 74.28 peratus (Jun 2015) adalah guru berijazah. Pencapaian ini telah meletakkan Malaysia sebagai negara contoh terutamanya dalam kalangan negara rantau Asia.	Majlis Pelancaran Education 2030 menyediakan platform kepada para peserta untuk membincangkan peluang dan cabaran ke arah mencapai tujuh (7) sasaran global yang digariskan dalam konteks pendidikan. Majlis ini juga telah memberi peluang untuk semua pihak berkepentingan mencapai kesepakatan dalam melaksanakan matlamat bagi memastikan pendidikan yang saksama dan kualiti untuk kanak-kanak di Malaysia tercapai.

Objektif



RANGKAIAN KERJASAMA
Mewujudkan platform dan rangkaian kerjasama antara penggubal dasar dengan pelaksana di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam melaksanakan program pendidikan STEM




AMALAN TERBAIK
Berkongsi amalan terbaik di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi menjayakan STEM.



SISTEM PENYAMPAIAN
Mengenal pasti aspek yang perlu diutamakan untuk pengukuhan sistem penyampaian pendidikan STEM merentasi sistem pendidikan Malaysia

1. Kejelasan nisbah 60/40 terhadap STEM dan bajet untuk kurikulum dan kokurikulum;
2. Kesediaan daripada segi kurikulum dan pentaksiran;
3. Kesediaan pelaksanaan Pendidikan STEM daripada segi tenaga pengajar, kandungan kurikulum, dan infra;
4. Jalinan pendidikan formal dan tidak formal;
5. Industri dan tenaga kerja STEM;
6. Bimbingan dan nasihat kerjaya;
7. Kepimpinan dan pengurusan; dan
8. Pementoran dan pentaksiran

Rajah 1 : Resolusi Meja Bulat sempena persidangan STEM 2016




Upacara Perasmian Simposium Pendidikan 2030 oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia

5. Program Pembangunan Pendidikan

Program

1. Infrastruktur

Pemeriksaan Bajet bagi Perancangan Program/Projek Pembangunan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Ke-11, 2016-2020.



Carta 1 : Bilangan projek yang dimohon oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dalam *Rolling Plan* Kedua, KPM, RMKe-11

1.1 Pencapaian

Sebanyak 288 buah projek pembangunan pendidikan yang dimohon oleh JPN dalam RP2, RMKe-11. Daripada jumlah tersebut, 103 projek merupakan permohononan bagi projek baharu, 21 projek gantian, 58 projek sambungan, 32 projek tambahan manakala ubah suai naik taraf melibatkan 74 projek. Projek-projek ini merangkumi institusi pendidikan rendah dan menengah di seluruh negara. Kelulusan permohonan bagi projek-projek tersebut walau bagaimanapun adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan negara.

2. Penilaian *Outcome*

Penilaian Outcome merupakan satu komponen utama dalam pengurusan pembangunan kerajaan untuk mengukur sama ada sesuatu dasar, program atau projek mencapai matlamat yang ditetapkan serta mendatangkan faedah kepada kumpulan sasar. Penilaian Outcome merupakan sebahagian daripada pengurusan strategik negara bagi memantapkan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan kerajaan. Arahan pelaksanaan Penilaian Outcome berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012: Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Pada tahun 2016, KPM telah dipertanggungjawabkan untuk membuat Penilaian Outcome kepada lima Projek/Program Pembangunan Pendidikan yang telah dilaksanakan dalam RMKe-10.



Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur

2.1 Pencapaian

Perbandingan pencapaian KPM dalam Penilaian Outcome dari tahun 2011 sehingga 2014 adalah seperti di bawah:



3. Guru, murid dan komuniti

Emergency Preparedness Program (Earthquake) For Malaysian Schools Co-organized by The Ministry of Education Malaysia & Asian Disaster Reduction Center (ADRC), Ranau, Sabah, Malaysia 28 – 31 March 2016

BPPDP dengan kerjasama Asian Disaster Reduction Center (ADRC) telah menganjurkan satu program latihan untuk mempertingkatkan kesiapsiagaan guru, murid, ibu bapa serta pegawai pendidikan menghadapi bencana gempa bumi pada 28 hingga 31 Mac 2016 di SMK Ranau, Ranau, Sabah. Program latihan ini telah dikendalikan oleh dua pakar gempa bumi dari Kobe, Jepun, dan dibantu oleh pakar Geographic Information System (GIS) daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) serta pegawai Disaster Risk Reduction (DRR) daripada Malaysia Medical Relief Society (MERCY).

3.1 Pencapaian

Peserta program menyatakan bahawa mereka telah mendapat pengetahuan baharu yang berfaedah daripada program tersebut. Program tersebut juga telah mempertingkatkan tahap kesediaan mereka untuk menghadapi bencana gempa bumi. Secara amnya peserta program juga telah menyatakan kesediaan mereka untuk berkongsi maklumat yang telah diperoleh bersama keluarga dan rakan/komuniti masing-masing.

4. Program *Miri Lower Primary Test Of Reading* (Miri LoPToR)

Laporan interim telah dihasilkan. Dapatan kajian menunjukkan hasil positif melalui pemberian buku kepada sekolah, guru dan murid di Miri, Sarawak. Mereka telah memanfaatkan sepenuhnya pemberian buku serta peralatan daripada OGFICE. Murid minat membaca tetapi kelancaran bacaan murid adalah berbeza. Hasil dapatan kajian juga menentukan hala tuju projek.

6. Program di bawah NBOS

Program

1. NBOS KPM: Community Support For School Teachers

Terdapat empat fokus KPM dalam program NBOS ini iaitu:

i. Program sokongan dalam sekolah;
ii. Program sokongan di luar waktu persekolahan;
iii. Program sukarela murid bersama-sama komuniti setempat; dan
iv. Penambahbaikan infrastruktur bangunan dan kemudahan di sekolah.

1.2 Pencapaian

Empat (4) Program meliputi Program 'KITA.Recycle' merupakan aktiviti kitar semula dan pembaikan kecil di sekolah.

Program Teach English merupakan program intervensi literasi yang dilaksanakan selama 27 minggu di 14 buah sekolah.

Program Teach Digital yang bertujuan untuk menggalakkan inovasi dan kreativiti murid dalam bidang teknologi maklumat (ICT) dilaksanakan di 300 sekolah di seluruh negara.

Program Student After School Center dirintis di Mini UTC Sentul, Kuala Lumpur. Program ini mensasarkan 900 orang murid daripada enam buah sekolah menengah di Sentul.



Aktiviti Program Teach English & Program Teach Digital

7. Program Sokongan Berimpak Tinggi

i. Membina bank maklumat berkaitan pertanyaan, jawapan dan ucapan di Parlimen serta usul daripada parti politik untuk tujuan rujukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).





Gambar 4
: Koleksi Jawapan dan Ucapan di Parlimen Tahun 2016

ii. Kertas Cadangan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid

Melaksanakan strategi jangka pendek iaitu kelas bercantum dengan pengajaran pelbagai gred dilaksanakan. Strategi jangka panjang seperti penggabungan sekolah perlu diteliti dengan lebih mendalam. Pelaksanaan strategi hala tuju sekolah kurang murid untuk mengadakan kelas bercantum dengan pengajaran pelbagai gred dijangka akan bermula pada tahun 2017.

iii. Pembangunan Instrumen Indeks Kemenjadian Murid

Instrumen IKM yang dibentuk secara survey akan dirintiskan oleh BPPDP dalam dua fasa sepanjang bulan Ogos dan September 2016. Instrumen bagi Domain Rohani dan Intelek (ICT) sedang dalam proses pengukuran di 80 buah sekolah seluruh negara dan dijalankan oleh Bahagian Pendidikan Islam dan MDec.

iv. Risalah Maklumat Asas Pendidikan (MAP) Modul Pengurusan Sekolah dan Institut Pendidikan, Sistem Pengurusan Sekolah

v. Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) Kementerian Pendidikan Malaysia: Menaik Taraf dan Penambahbaikan Instrumen Permohonan EKMLTK kepada Aplikasi EKMLTK Online, dan Urusan Permohonan Baharu dan Rayuan EKMLTK.

Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan urusan menaik taraf dan penambahbaikan instrumen permohonan EKMLTK kepada Aplikasi EKMLTK Online melalui surat bertarikh **1 Ogos 2016**, rujukan: **KP.BPM(S) 1/07/001/01 JLD.39 (10).**

vi. Program Pembangunan Profesionalisme Pegawai dan AKP BPPDP

vii. Perkhidmatan Rujukan BPPDP

Bil.	Jenis Koleksi	Jumlah Kumulatif (Disember)
1.	Umum	37,520
2.	KPM	11,638
3.	Tesis	32,925

4.	Jurnal	6,457
5.	Artikel Akhbar	73,406
6.	CD-ROM	4,389
7.	Risalah	11,924
8.	Sumbangan	4,182
	JUMLAH	182,441

Statistik Koleksi Pusat Rujukan BPPDP
(Januari hingga Disember 2016)

viii. **Perkhidmatan Kesedaran Semasa – Penyediaan Artikel Akhbar dan Brif Isu Pendidikan Untuk Rujukan Pengurusan Tertinggi KPM**

ix. **Takwim Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia 2017**

x. **Takwim Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia 2017**

xi. **Takwim BPPDP 2017**

xii. **Taklimat Delegasi Dalam dan Luar Negara**

xiii. **Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) BPPDP 2016**

BPPDP telah menerima Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) daripada pihak MAMPU bertaraf CEMERLANG.



Majlis Penyampaian Sijil Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) oleh YB Menteri Pendidikan kepada Pengarah BPPDP

xiv. **Unjuran Keperluan Guru KPM 2016**

xv. **Peralihan ke Standard Baharu ISO 9001:2015 BPPDP telah mewujudkan pendekatan yang sistematik dengan menerapkan kualiti untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan.**


xvi. **Prestasi Petunjuk Utama (KPI) Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera KPM**

xvii. **Program Kolaboratif Antara KPM dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera Program Peneraju Tunas Geliga**

xviii. **Program Penataran Maklumat Pemantapan Pemilikan Kekayaan Bumiputera**


8. Penerbitan

i. Koleksi Brif Dasar Pendidikan 2016
ii. Jurnal Penyelidikan Pendidikan 2016
iii. Quick Facts 2016
iv. Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia 2016
v. Laporan APFEC 2016
vi. Buku Laporan Tahunan BPPDP 2016
vii. Infomedia BPPDP (12 keluaran setahun)









PENCAPAIAN UTAMA BPPDP

Bagi memastikan kelangsungan penggubalan dasar, perancangan pembangunan dan penyelidikan pendidikan yang komprehensif, BPPDP sentiasa mengamalkan Sistem Pengurusan Berkualiti MS ISO 9001:2008 dan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Pencapaian bahagian ini merupakan kerjasama dan komitmen hasil gandingan barisan kepimpinan dan budaya kerja berpasukan warga BPPDP.



TPP/C/2016/0461

MAMPU
BERSAMA SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

Sijil Pengiktirafan

Dengan ini disahkan bahawa

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA


telah memenuhi keperluan kriteria komponen

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Kategori : CEMERLANG

Tarikh dikeluarkan : 1 Mac 2016
Sah sehingga : 28 Februari 2018

DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri



IQNet
THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK

CERTIFICATE

IQNet and SIRIM QAS International hereby certify that

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN)
ARAS 1-4, BLOK E8, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA

has implemented and maintains a

QUALITY MANAGEMENT SYSTEM

which fulfils the requirements of the following standard

ISO 9001 : 2008

for the following activities

1) EDUCATION RESEARCH ACTIVITIES RELATING TO THE NATIONAL EDUCATION POLICIES;
2) PARLIAMENT RELATED ACTIVITIES;
3) REFERENCE SERVICES;
4) MANAGEMENT OF REQUEST FOR EDUCATION RELATED DATA.

Issued on : **18 March 2016**
Validity date : **14 September 2018**
Certification Number : **MY-AR 3166**

IQNet
Michael Drechsel
President of IQNet

Khalidah Mustafa
Managing Director
SIRIM QAS International Sdn Bhd

SIRIM QAS INTERNATIONAL

IQNet Partners*:
AENOR *Spain* AFNOR Certification *France* AIB-Vincotte International *Belgium* APCER *Portugal* CCC *Cyprus*
CISQ *Italy* CQC *China* CQM *China* CQS *Czech Republic* Cro Cert *Croatia* DQS Holding GmbH *Germany*
FCAV *Brazil* FONDONORMA *Venezuela* ICONTEC *Colombia* IMNC *Mexico* Inspecta Certification *Finland* INTECO Costa Rica IRAM *Argentina*
JQA *Japan* KFQ *Korea* MIRTEC *Greece* MSZT *Hungary* Nemko AS *Norway* NSAI *Ireland* PCBC *Poland*
Quality Austria *Austria* RR *Russia* SIGE *Mexico* SII *Israel* SIQ Slovenia SIRIM QAS International *Malaysia*
SQS *Switzerland* SRAC *Romania* TEST St Petersburg *Russia* TSE *Turkey* YUQS *Serbia*
IQNet is represented in the USA by: AFNOR Certification, CISQ, DQS Holding GmbH and NSAI Inc.
* The list of IQNet partners is valid at the time of issue of this certificate. Updated information is available under www.iqnet-certification.com

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM

LATAR BELAKANG

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) merupakan satu bahagian di bawah Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahagian ini bertanggungjawab menggubal dan membangunkan kurikulum persekolahan untuk semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Kurikulum yang digubal adalah kurikulum yang berkualiti, bersepadu dan berguna untuk perkembangan potensi individu, memenuhi keperluan negara serta ke arah pendidikan negara yang bertaraf dunia.


DASAR BAHARU

KURIKULUM KEBANGSAAN

Bagi menjayakan Gelombang ke-2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan pada tahun 2010 telah disemak semula dan dinamakan sebagai Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017). Bagi pendidikan di peringkat rendah pula, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula dilaksanakan sejak tahun 2011 telah ditambah baik bagi mengukuhkan kurikulum tersebut dan dikenali sekarang sebagai KSSR (Semakan 2017). Bagi memastikan berlakunya kesinambungan dalam pendidikan sekolah rendah dan menengah, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1989 juga turut disemak semula, ditambah baik dan diberi nama baharu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) bagi memaklumkan pelaksanaan ketiga-tiga kurikulum baharu mulai tahun 2017 ini telah diedarkan ke semua Jabatan Pendidikan Negeri dan dimuatnaik dalam portal Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Bagi menentukan pelaksanaan kurikulum baharu di peringkat sekolah berjalan dengan lancar, penyebaran peringkat kebangsaan bagi KSPK (Semakan 2017), KSSR (Semakan 2017) dan KSSM telah dijalankan pada April hingga Oktober 2016 mengikut aliran penyebaran seperti di bawah:



Rajah 1: Aliran Penyebaran Kurikulum Kebangsaan

Hebahan mengenai pelaksanaan KSSR (Semakan 2017) dan KSSM juga telah dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan termasuk engagement secara langsung dengan pihak berkepentingan melibatkan pihak seperti MARA, Majlis Guru Besar, Kesatuan Guru, AJK Kumpulan Penggerak Sarana Kebangsaan, IPTA/IPTS dan Bahagian-bahagian KPM dari bulan Jun hingga September 2016.

Hebahan tentang pelaksanaan KSSR dan KSSM melalui media kepada orang awam juga turut dilaksanakan dengan bantuan Unit Komunikasi Korporat (UKK) melalui saluran berikut:

Bil.	Tarikh Siaran	Rancangan / Media	Perkara
1	19 Januari 2016	Selamat Pagi Malaysia (RTM 1)	Kurikulum Kebangsaan
2	6 Februari 2016	Utusan Malaysia, Berita Harian & Makkan Osai	KSPK (Semakan 2017), KSSR (Semakan 2017) dan KSSM
3	14 Februari 2016	Nasi Lemak Kopi O (NTV 7)	Transformasi Kurikulum Kebangsaan
4	17 Disember 2016	Assalamualaikum (TV Al-Hijrah)	Pentaksiran Sekolah
5	17 Disember 2016	Berita (Astro Awani)	Temubual Telefon Pentaksiran Sekolah
6	19 dan 20 Disember 2016	Sinar Harian, Utusan Malaysia, Berita Harian, Harian Metro, The Sabah Times, Borneo Post, Utusan Borneo, Tamil Nesan, Makkal Osai, Nanyang Siang Pau, Sin Chew Jit Poh, China Press, The Star, dan The New Straits Times	Advertorial tentang KSPK (Semakan 2017), KSSR (Semakan 2017) dan KSSM
7	Secara berkala	Facebook dan Instagram	Infografik tentang kurikulum

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. 1. KURIKULUM ASLI PENAN (KAP) DAN KURIKULUM KELAS DEWASA BAGI IBU BAPA MURID ORANG ASLI DAN PERIBUMI (KEDAP)

BPK juga menggubal kurikulum kontekstual iaitu Kurikulum Asli dan Penan (KAP) yang disesuaikan untuk murid Orang Asli dan Penan bagi memastikan kumpulan murid berkeperluan khusus ini mempunyai peluang untuk mendapatkan pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan mereka. BPK telah menjalankan Lawatan Kerja ke tiga buah negeri untuk mengesan pelaksanaan kurikulum tersebut di SK Pos Perwor, Perak, SK Sungai Rual, Kelantan dan SK Sungai Berua, Terengganu. Pengesanan pelaksanaan Kurikulum Kelas Dewasa Bagi Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi (KEDAP) 2016 juga dilakukan di SK Segamat Kecil, Johor.



Kelas Dewasa Bagi Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi (KEDAP)



Mengesan pelaksanaan Kurikulum Asli Penan (KAP)



Majlis Menandatangani Kontrak Perjanjian Usaha Sama KPM Dan CE

2. PEMERTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU 2016-2025

Bahagian Pembangunan Kurikulum turut terlibat dalam Makmal Bahasa Hala Tuju Bahasa Melayu yang diadakan sebanyak dua kali pada bulan April dan Mei 2016 di Institut Pendidikan Guru Malaysia, Cyberjaya. Hasil daripada makmal bahasa tersebut, satu Inisiatif #108 Pemertabatan Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 terhasil. Bagi menjayakan hasrat tersebut, enam belas (16) program dirancang bagi memenuhi inisiatif. Semua program dan aktiviti dalam inisiatif ini telah bermula pada akhir tahun 2016 dan diteruskan tahun berikutnya secara berperingkat-peringkat sehingga tahun 2025 bagi memenuhi KPI 90% calon SPM mendapat kepujian dalam bahasa Melayu.

3. USAHASAMA KPM DAN CAMBRIDGE ENGLISH

KPM bekerjasama dengan Cambridge English (CE) bagi mencapai penarafan antarabangsa Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) yang merupakan piawaian standard bahasa antarabangsa. Ini adalah selaras dengan aspirasi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Bahasa Inggeris (English Language Roadmap) oleh Majlis Penarafan Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris (MPSKBI). Majlis menandatangani kontrak perjanjian Usaha Sama KPM dan CE telah disempurnakan oleh YB Menteri Pendidikan pada 30 Ogos 2016. Kontrak telah ditandatangani oleh Ketua Setiausaha (KSU) YBhg. Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad mewakili KPM dan En. Saul Nasse, Ketua Eksekutif mewakili CE.

4. PROGRAM PENINGKATAN INISIATIF TIMSS-PISA

Bagi Program Peningkatan Inisiatif TIMSS-PISA, modul HEBAT Matematik, Sains, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris telah diperkenalkan. Modul-modul tersebut telah mula digunakan oleh semua murid mulai September 2016. Penggunaan Modul HEBAT telah menunjukkan impak yang positif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21. Bahan sumber yang dibangunkan adalah berasaskan KBSM, KSSM, kerangka kerja TIMSS dan kerangka kerja PISA. Penyebaran bahan sumber HEBAT dilaksanakan serentak dengan pelaksanaan KSSM pada tahun 2017.

5. PELAKSANAAN PENDEKATAN MIDDLE YEARS PROGRAMME INTERNATIONAL BACCALAUREATE (MYPIB) 2016

Middle Years Programme International Baccalaureate (MYPIB) merupakan program bertaraf antarabangsa yang diperkenalkan oleh KPM dalam PPPM di bawah inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) untuk mempertingkat dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan murid ke arah menghasilkan murid berfikiran kreatif dan kritis serta inovatif. Pelaksanaan MYPIB telah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen PPPM 2013-2025 Bab 4 iaitu Pembelajaran Murid: Merintis alternatif pembelajaran abad ke-21 yang bertaraf antarabangsa.

Kemuncak pelaksanaan MYPIB di Malaysia adalah Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan IB World School bagi 5 buah sekolah yang disempurnakan oleh Y.B. Menteri Pendidikan dan telah diadakan di SMK Sultanah Bahiyah, Kedah pada 19 September 2016. Majlis ini diadakan bagi menghargai usaha dan komitmen yang telah diberikan oleh seluruh warga sekolah dan Governance Body dalam memartabatkan sistem pendidikan negara ke taraf antarabangsa.



Lawatan Y.B. Menteri Pendidikan ke ruang Pameran sempena Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan IB World School

Sehingga Oktober 2016, sebanyak lapan (8) buah sekolah yang telah mendapat pengiktirafan sebagai IB World School (Jadual 2). Masih terdapat dua buah sekolah iaitu SMK Dato' Sheikh Ahmad, Perlis dan SMKA Sheikh Abdul Malek, Terengganu yang berada dalam fasa pencalonan dan sedang membuat persediaan untuk menghadapi proses verifikasi yang dijangka akan berlangsung pada 2017.

Program kelestarian bagi tempoh lima tahun iaitu 2017-2021 telah dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan semua sekolah sentiasa mematuhi semua kriterian dan keperluan yang ditetapkan oleh International Baccalaureate Organization (IBO) disamping menambah baik pelaksanaan sedia ada di sekolah. Semua sekolah telah menunjukkan komitmen yang amat tinggi dan usaha yang gigih bagi menjayakan pelaksanaan pendekatan MYPIB serta mempertingkatkan kualiti pendekatan bilik darjah guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) ke arah membangunkan murid berkemahiran abad ke-21. Hal ini membolehkan murid bersaing di peringkat antarabangsa tetapi pada masa yang sama masih mengekalkan jati diri Malaysia.

Bil.	Nama Sekolah	Tarikh pengiktirafan
1	SMK Sungai Tapang, Sarawak	18 April 2016
2	Malay College Kuala Kangsar, Perak	28 April 2016
3	SMK Sultanah Bahiyah, Kedah	23 Jun 2016
4	SMK Putrajaya Presint 9(2), WP Putrajaya	29 Jun 2016
5	SMK Pantai, WP Labuan	23 Julai 2016
6	SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kelantan	20 September 2016
7	Kolej Tunku Kurshiah, Negeri Sembilan	23 September 2016
8	SMK Seri Tualang, Pahang	27 September 2016

Jadual 2: Senarai Sekolah Yang Mendapat Pengiktirafan IB World School

6. ASIA-PACIFIC REGIONAL POLICY FORUM ON EARLY CHILDHOOD CARE AND EDUCATION (APFEC 2016)

BPK juga terlibat sebagai Urus Setia Induk bagi forum antarabangsa Asia-Pacific Regional Policy Forum on Early Childhood Care and Education (APFEC 2016). Ianya telah diadakan pada 19 hingga 21 Julai 2016 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya. Forum ini dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF) dan Asia-Pacific Regional Network for Early Childhood (ARNEC). APFEC 2016 yang bertemakan The Transformative Power of Early Childhood: Innovations for Inclusivity and Quality telah dihadiri oleh 800 orang peserta termasuk 35 orang Menteri/Timbalan Menteri/delegasi dari 35 buah negara Asia-Pasifik.

Forum ini bertujuan untuk mengenal pasti keutamaan dan strategi negara Rantau Asia-Pasifik untuk mencapai sasaran pembangunan mapan (Sustainable Development Goals) 4.2 iaitu "Menjelang 2030, semua kanak-kanak lelaki dan perempuan mendapat akses kepada perkembangan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti, asuhan dan pendidikan prasekolah bagi persediaan kepada mereka melangkah ke sekolah rendah".

Majlis Perasmian APFEC 2016 telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia. Manakala, YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor selaku penaung PERMATA, telah menyampaikan ucaptama forum tersebut. Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak memberi sokongan dan komitmen dalam usaha meningkatkan pendidikan awal kanak-kanak di negara ini di mana beliau turut hadir bersama-sama YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor dalam Majlis Makan Malam sempena APFEC 2016.

Hasil dari APFEC 2016, satu Deklarasi Putrajaya yang mengandungi sembilan perkara telah dimeterai. Deklarasi ini akan dapat menguatkan lagi kerjasama antara negara anggota, meningkatkan kerjasama berstrategi dan juga sebagai pemangkin kepada pembangunan lestari terhadap pendidikan awal kanak-kanak.



Majlis Perasmian APFEC 2016 oleh YB Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia

BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN

LATAR BELAKANG

Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) sebelum ini dikenali sebagai Bahagian Perkhidmatan Sebaran Pendidikan sehingga tahun 1988, apabila fungsinya diperluas bagi merangkumi perkhidmatan pusat sumber sekolah dan sesuai dengan kedudukan dan peranannya sebagai satu badan yang menyelaras semua program dan aktiviti yang berkaitan dengan teknologi pendidikan. Dengan terlaksananya Projek Rintis Sekolah Bestari pada tahun 1999, iaitu salah satu (1) daripada tujuh (7) aplikasi perdana dalam Koridor Raya Multimedia, BTP terus meneraju transformasi generasi bestari melalui program Pembestarian Sekolah. Peranannya kini bukan sekadar menyelaras tetapi mengalakkan pengintegrasian pelbagai media dan teknologi pendidikan secara terancang bagi mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran selaras dengan moto 'Teknologi Untuk Pendidikan Bestari'.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. PROGRAM KEM MEMBACA 1MALAYSIA 2016

Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) merupakan program membaca terbesar dibawah inisiatif Program Gerakan Tabiat Membaca, Kementerian Pendidikan Malaysia yang diurusetiakan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) sejak tahun 2009. Oleh itu, usaha ke arah galakan membaca wajar digerakkan untuk menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menarik minat murid untuk lebih banyak membaca.

Pada tahun ini program KM1M 2016 telah dilaksanakan selama 3 hari mulai 4 hingga 6 April 2016. KM1M 2016 Peringkat Kebangsaan telah dilancarkan di SMK Sultanah Engku Tun Aminah (SETA), Johor Bahru, Johor. Pelbagai agensi kerajaan dan swasta telah bekerjasama untuk menjayakan program ini. Jabatan Pendidikan Johor, Bahagian Teknologi Pendidikan Johor, SMK Sultanah Engku Tun Aminah, Perpustakaan Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Johor, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan Perbadanan Kota Buku telah bekerjasama erat untuk memastikan KM1M 2016 berjalan lancar.

Pelancaran KM1M 2016 telah diadakan pada 4 April 2016 oleh YBhg. Dato' Sri Khairil bin Awang Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia wakil rasmi Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Turut menyampaikan ucapan ialah Ketua Pengarah Perpustakaan Negara di mana Perpustakaan Negara Malaysia telah terlibat secara tidak langsung di dalam Kem Membaca 1Malaysia. Semasa majlis

pelancaran ini juga telah diadakan aktiviti membaca serentak selama 10 minit. Aktiviti ini juga berjalan serentak di negeri lain bagi yang turut mengambil bahagian.

Berbagai aktiviti telah diadakan diperingkat sekolah seperti Kem Literasi Maklumat oleh Perpustakaan Negara Malaysia, Pameran, Ceramah Motivasi, Ceramah ibu bapa, Rekacipta Bahan Terpakai, Bengkel Penulis Muda, Folk Stories, Ceritalah Lagi, Jejak Maklumat dan Resensi Buku.

Majlis penutup KM1M 2016 telah diadakan pada 6 April 2016. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Md. Hasidin Bin Haji Zaini, Timbalan Pengarah Pendidikan Johor selaku wakil rasmi Pengarah Pendidikan Johor, Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Kesimpulannya program KM1M 2016 yang diadakan merupakan model pengisian aktiviti yang boleh diikuti oleh semua negeri dalam merencanakan aktiviti peringkat negeri dan sekolah-sekolah seluruh negara.





SEKITAR PROGRAM KEM MEMBACA 1MALAYSIA 2016





2. PROGRAM ANUGERAH NILAM PERINGKAT KEBANGSAAN 2016

Anugerah NILAM Peringkat Kebangsaan merupakan pengiktirafan tertinggi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha membina tabiat membaca dalam kalangan murid selaras dengan hasrat negara melahirkan masyarakat bermaklumat, berpengetahuan, berfikiran kritis dan kreatif menjelang 2020 apabila Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Pada 26 hingga 30 April 2016, program Anugerah NILAM Peringkat Kebangsaan 2016 telah diadakan di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Selangor. Seramai 64 orang peserta telah terlibat dalam sesi pemilihan, melalui pencalonan oleh Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing di bawah seliaan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri.

Pemenang menerima hadiah berupa piala iringan, wang tunai, komputer tablet, baucar buku dan sijil. Hadiah wang tunai dan baucar buku merupakan sumbangan daripada Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM). MBKM turut menyumbangkan baucar buku bernilai RM30.00 bagi setiap peserta untuk digunakan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL).

Majlis Anugerah NILAM Peringkat Kebangsaan 2016 telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia pada 29 April 2016, di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Serdang, Selangor. Majlis tersebut telah berlangsung pada pukul 3.00 petang – 4.30 petang.







3. MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) DENGAN MICROSOFT MALAYSIA BAGI PROGRAM PARTNERS IN LEARNING (PIL)

Program Partners in Learning (PiL) di Malaysia adalah program kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Microsoft Malaysia yang dilaksanakan bagi memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Kerjasama antara KPM dan Microsoft Malaysia dalam Program PiL telah bermula pada tahun 2010 hingga 2013. Memandangkan Program PiL telah berjaya dilaksanakan dalam tempoh tersebut, maka pada 18 November 2016, KPM dan Microsoft Malaysia menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meneruskan kerjasama dalam bidang yang sama. Majlis Menandatangani MoU ini diuruskan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), KPM.

Menerusi MoU ini, KPM dan Microsoft akan mengupayakan sekolah dengan pelbagai sumber, latihan, khidmat kepakaran dan teknologi yang diperlukan untuk menyediakan murid dalam kehidupan dan kerjaya abad ke-21, selaras dengan Anjakan 7 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Satu daripada matlamat utama MoU ini adalah untuk membolehkan murid mengintegrasi ICT dalam tugasan dan pembelajaran mereka. Untuk mencapai matlamat tersebut, guru akan dibimbing menggunakan forum membina komuniti untuk berkolaboratif, berkongsi idea dan amalan terbaik, sambil mengakses bahan kandungan yang berkualiti.

Kerjasama di antara KPM dan Microsoft ini diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya agar murid berupaya meningkatkan peluang perkerjaan dan memupuk kehidupan yang lebih produktif pada masa hadapan.



4. BENGKEL KERJA PERKONGSIAN ILMU SEMPENA PROGRAM PENGURUSAN ILMU KPM

Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 37/2015 pada 26 November 2015 telah mencadangkan supaya pihak BTP mempertingkatkan fungsi bahagian sebagai pusat pengumpulan repositori sumber ilmu dan pusat rujukan untuk warga pendidik. Sehubungan dengan itu, satu Bengkel Kerja Perkongsian Ilmu KPM telah diadakan untuk 200 orang Guru Perpustakaan dan Media (GPM) dari sekolah menengah dan sekolah rendah pada 17 dan 18 Oktober 2016 di Bahagian Teknologi Pendidikan, Bukit Kiara, Kuala Lumpur. Bengkel ini adalah sebahagian dari initiatif bagi menjayakan Program Pengurusan Ilmu (Knowledge Management) KPM.

Sumber ilmu terdapat dalam pelbagai bentuk dan format; digital dan bukan digital, bercetak, berbentuk maujud dan relia, berbentuk teks, multimedia, dalam bentuk kepakaran personel, bahan bantu mengajar, rekod dan juga bahan dalam talian.





Sumber Ilmu di KPM telah didokumentasikan melalui pelbagai cara dan media. Lawatan ke Studio TV, Studio Muzik dan Rakam Khanah BTP untuk GPM.

Bagi fasa permulaan tahun 2016, fokus bengkel adalah untuk mengenalpasti kehendak pelanggan (needs requirement analysis) dan berkongsi sumber ilmu yang kaya di BTP dan beberapa bahagian KPM, khususnya dari BPKhas, BBT dan BPPP. Fokus bengkel pada kali ini adalah berkaitan sumber ilmu yang dapat membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

5. ASIA-PACIFIC REGIONAL POLICY FORUM ON EARLY CHILDHOOD CARE AND EDUCATION (APFEC) 2016

Bahagian Teknologi Pendidikan telah diberi amanah untuk mengendalikan pameran sempena Asia-Pacific Regional Policy Forum on Early Childhood Care and Education, di Hotel Marriott Putrajaya pada 19 Julai – 21 Julai 2016. Bidang tugas adalah:

i. Mendapatkan konsep dan tema pameran.
ii. Menyediakan bahan pameran.
iii. Melantik pegawai bertugas di kawasan pameran seperti yang ditetapkan.
iv. Menyediakan tempat dan susun atur tempat pameran.
v. Mengenal pasti pempamer, senarai pempamer dan kos-kos yang berkaitan pameran.
vi. Menghubungi dan melantik kontraktor pameran.

Menyediakan atur cara pentadbiran dan persiapan semasa perasmian pameran.

Agensi Lain Yang Terlibat :

1. SK Presint 8 (2), Putrajaya
2. SK Sentul 1, Kuala Lumpur
3. SK Kelana Jaya 2, Selangor D.E.
4. SK Pendidikan Khas Jalan Peel, Kuala Lumpur
5. Nur Caliph Montessori House, Amanputra, Puchong
6. Alfa Montessori Methodology Group
7. Sri Kayangan Montessori
8. The United Nations Children's Emergency Fund (UNICEF)
9. Asia-Pacific Regional Network for Early Childhood (ARNEC)

Fasa pencetusan idea membawa kepada konsep pameran yang boleh memberi gambaran kepada asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Beberapa simulasi aktiviti yang akan dilaksanakan oleh beberapa agensi dan Kementerian Pendidikan Malaysia dan disertakan video telah dicadangkan oleh ahli-ahli mesyuarat.

Fasa merekabentuk struktur pameran dan panel pameran telah dilaksanakan mulai bulan Jun 2016 oleh Pasukan Rekabentuk Grafik yang terdiri daripada pegawai BTP. Semua skrip video dalam bahasa Melayu telah diterjemahkan kepada bahasa Inggeris oleh pakar Bahasa Inggeris dan lirik telah diletak sebagai sub-title. Konsep dan struktur pameran telah dibentangkan kepada Mesyuarat Pengurusan BTP, seterusnya kepada JK Pelaksana APFEC 2016 sebelum dibentangkan kepada Tan Sri KSU pada 11 Julai 2016. Aturcara pentadbiran pameran juga telah dibentangkan oleh YBhg. Pengarah BTP kepada YB Datuk Timbalan Menteri Pendidikan II pada 18 Julai 2016. Semua kandungan dalam panel pameran telah dinilai dalam fasa penilaian oleh setiap agensi terlibat termasuk KPM, KEMAS, PERMATA, JPNIN, NCDRC dan English Language Teaching Centre (ELTC).

Semua lukisan panel pameran dalam format Adobe Illustrator telah di hantar ke pihak kontraktor untuk dicetak. Kerja pemasangan booth dan rangka replica kapal bermula pada tarikh 17 Julai 2016 dan pemantauan kerja-kerja pemasangan diawasi oleh JK Pameran.

Setiap agensi mempunyai wakil bertugas semasa pameran berlangsung. Aktiviti simulasi kelas diwakili oleh kanak-kanak daripada taska dan prasekolah serta guru-guru.

Pameran dirasmikan oleh YB Datuk Timbalan Menteri Pendidikan II dan hadir bersama adalah YBhg. Tan Sri KSU, YBhg. Tan Sri KPPM dan disaksikan oleh beberapa tetamu kehormat termasuk wakil daripada UNICEF dan ARNEC.

Antara aktiviti yang dipamerkan adalah Umbrella, letusan gunung berapi, projek Sayur, projek Frame and Button, Tie and Dye, The Ship, Budaya dan Warna, Magic Box, Cosmic Education, Manipulative Play, Kamus Kanak-kanak Istimewa dan Fun Learning with the Interactive Whiteboard.

Kekuatan/Kejayaan :

Ulasan daripada Mdm Viviana (UNICEF) secara verbal:
"The ship and its theme are excellent ideas."

Rekabentuk dan tema pameran berjaya menarik seramai (dalam purata) 350 pengunjung setiap hari yang terdiri daripada delegasi negara asing, tempatan dan tetamu hotel.

Kanak-kanak yang menyertai aktiviti kelihatan ceria dan seronok serta boleh berkomunikasi dengan pengunjung. Pameran diceriakan lagi dengan kehadiran maskot harimau Chi-chi dan Cha-cha sepanjang program berlangsung. Pempamer mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana mereka telah dipilih sebagai pempamer. Suara, tindakan kekitaan dan kerja berpasukan oleh JK pameran terserlah dalam 3 hari pameran.










PreSchool

LEMBAGA PEPERIKSAAN

SEJARAH

Lembaga Peperiksaan (LP) lahir sebagai Unit Peperiksaan di Kementerian Pelajaran Malaysia pada 3 Mei 1956. Pada tahun berikutnya, Unit Peperiksaan telah ditukar kepada Lembaga Peperiksaan. Penubuhannya untuk mewujudkan sistem peperiksaan yang sama bagi semua sekolah di negara ini sejajar dengan hasrat Penyata Razak (1956). LP merupakan satu-satunya badan peperiksaan di dunia yang menjalankan secara berpusat. Peperiksaan dijalankan berlandaskan kurikulum kebangsaan yang dijalankan secara serentak oleh semua calon yang menduduki peperiksaan.



Bangunan Persekutuan Jalan Hishamuddin, premis L:embaga Peperiksaan yang pertama



Lembaga Peperiksaan Jalan Davidson (Jalan Hang Tuah) Tahun 1959



Lembaga Peperiksaan Jalan Sulaiman, Tahun 1967



Lembaga Peperiksaan Jalan Tuanku Abdul Halim, Tahun 1974 hingga kini



Lembaga Peperiksaan di Putrajaya



Lembaga Peperiksaan di Putrajaya

LATAR BELAKANG

LP merupakan Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus dan mengendalikan peperiksaan dan pentaksiran pendidikan berlandaskan kurikulum kebangsaan untuk semua calon yang menduduki peperiksaan di seluruh negara. Pada amnya, peranan LP adalah sebagai pelengkap kepada pelaksanaan dasar pendidikan negara. Antara kejayaan yang dicapai oleh LP adalah seperti berikut:

- Bahasa Melayu wajib lulus untuk pensijilan SPM (1963)
- Perintis dalam penggunaan komputer di negara ini (1967);
- Pengambilalihan sistem peperiksaan Cambridge (1978);
- Penyediaan sistem peperiksaan mengikut keperluan;
- Pengiktirafan sijil peperiksaan;
- Pelaksanaan sistem Sijil Terbuka (2000);
- Pelaksanaan dan pengiktirafan STAM setaraf dengan STPM (2000);
- Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) mulai tahun 2011 bagi murid Tahun 1 di sekolah rendah;
- Pelaksanaan PBS mulai tahun 2012 bagi murid Tingkatan 1 di sekolah menengah;
- Pentaksiran Pendidikan Asas Vokasional (PAV) mulai Tingkatan 1 tahun 2012;
- Pentaksiran Kolej Vokasional mulai tahun 2012 dan penganugerahan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) mulai 2013
- Sejarah wajib lulus SPM mulai tahun 2013; dan
- Pelaksanaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) sebagai satu daripada komponen PBS mulai tahun 2014.

DASAR BAHARU

Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR)

Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) mulai tahun 2016 adalah Pentaksiran Pusat (PP) yang dibina berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSR PK) Masalah Pembelajaran. Ia merupakan pentaksiran alternatif bagi Calon Berkeperluan Khas (CBK) yang tidak mampu mengikuti kurikulum dan pentaksiran arus perdana serta berada pada tahun terakhir persekolahan peringkat sekolah rendah.

PASR mengguna pakai pendekatan pentaksiran bersepadu (integrated assessment) yang dapat menggalakkan penglibatan dan pembelajaran bermakna melalui beberapa elemen kemahiran dalam situasi sebenar kehidupan murid. Konstruk diuji melalui mata pelajaran Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI), Kemahiran Hidup (KH), Matematik, Pendidikan Sains, Sosial dan Alam Sekitar (PSSAS).

Instrumen ProKhas 1 dan ProKhas 2 mengandungi tugasan yang disepadukan mengikut konstruk yang hendak diukur. Instrumen ini ditadbir semasa pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dengan menggunakan kaedah penskoran secara rubrik penskoran.



Taksir pelajar secara holistik

BERITA HARIAN 06 SEP 2016

■ *PASR pastikan Murid Berkeperluan Khas dinilai dengan lebih komprehensif, menyeluruh, adil*



Kaedah berbeza ukur keupayaan MBK

BERITA HARIAN 06 SEP 2016

● PASR pastikan perkembangan pembelajaran murid pendidikan khas lebih

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan Peperiksaan Bil. 1/2016

Persidangan Pegawai Kanan Peperiksaan Bil. 1/2016 yang membawa tema 'Reset Minda - Peneraju Pentaksiran Bertaraf Dunia', anjuran bersama Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Sektor Penilaian dan Peperiksaan (SPP) telah diadakan di Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu, Terengganu bermula 17 hingga 20 Sepetember 2016.

Seramai 40 peserta LP dan 40 peserta SPP telah menghadiri persidangan ini yang terdiri daripada Pengarah Peperiksaan, Timbalan Pengarah Peperiksaan (Produksi), Ketua-ketua Sektor, Ketua-ketua Penolong Pengarah dan pegawai-pegawai LP dan SPP setiap negeri. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Nawal binti Salleh, Pengarah Peperiksaan, Lembaga Peperiksaan. Objektif persidangan ini diadakan adalah untuk:

i. melaksana Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam bagi meningkatkan pembangunan diri, penguasaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti, inovasi dan ketahanan diri pegawai;

ii. mencetus perbincangan dan perkongsian ilmu serta pengalaman tentang isu atau cabaran dalam pengurusan peperiksaan dan pentaksiran;

iii. memperkukuh jaringan kerja profesional antara pegawai LP dan SPP dalam pembangunan dan perkembangan peperiksaan dan pentaksiran negara yang hanya terhad di kalangan pegawai-pegawai berkenaan;

iv. memberi pendedahan kepada pegawai LP dan SPP tentang perkembangan peperiksaan dan pentaksiran pendidikan terkini.

Dalam persidangan ini, peserta juga terlibat dalam program Khidmat Masyarakat Pendidikan di mana peserta persidangan melawat empat buah sekolah dan sebuah Kolej Vokasional di sekitar Kuala Terengganu dan berkongsi pengetahuan dan pengalaman tentang perkembangan terkini pentaksiran dalam perkara berikut:

i. Latihan penilaian item
ii. Aktiviti membudayakan KBAT di sekolah
iii. Aktiviti Pentaksiran Prestasi (+SVM)
iv. Aktiviti Pentaksiran bersepadu
v. Aktiviti Pentaksiran Rakan Sebaya/Kendiri







Progam Peningkatan Kompetensi Pentaksiran Guru (e-KomPeG) Peringkat Asas

Modul Peningkatan Kompetensi Pentaksiran Guru (e-KomPeG) peringkat asas dibina berdasarkan The Standards for Teacher Competence in Educational Assessment of Student yang dibina oleh American Federation of Teachers, National Council on Measurement in Education dan National Education Association. Modul peringkat asas ini telah dibina secara kolaboratif antara Lembaga Peperiksaan (LP) dengan pihak Makmal Penyelidikan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Kajian Latihan Literasi Pentaksiran Guru Peringkat Asas yang dilaksanakan pada 2014.

Program Latihan Modul e-KomPeG dilaksanakan secara blended learning iaitu pembelajaran kendiri secara dalam talian dan sesi bersemuka.Bengkel pembinaan modul telah berjaya dilaksanakan antara Februari hingga Mei 2016. Modul tersebut telah dimurnikan dalam 7 bengkel yang melibatkan pensyarah universiti, IPGK, pegawai IAB dan LP. Pada 20-21 April 2016, Modul e-KomPeG telah dirintis kepada guru-guru terpilih.

Bengkel Latihan Fasilitator Pusat pula telah dilaksanakan pada 1-3 Jun 2016 untuk memberi kefahaman dan kemahiran kepada Fasilitator Pusat tentang pentaksiran pendidikan agar dapat menjadi focal point (rujukan) dan memberi latihan kepada guru di peringkat negeri. Bengkel Latihan Fasilitator Negeri juga telah dilaksanakan pada Ogos - Oktober 2016 dengan kerjasama Sektor Penilaian dan Peperiksaan JPN. Modul e-KomPeG telah dijadikan bahan perkongsian ilmu para guru menerusi penganjuran Program LADP dan PLC di sekolah masing-masing.

Fakta Nombor eKomPeG	
15	Pembina Modul
7	Bengkel Pemurnian Modul
116	Fasilitator Pusat (seluruh negara)
1836	Fasilitator Negeri
7654	Ahli berdaftar (sehingga akhir Disember 2016)
300,291	Hits (sehingga akhir Disember 2016)

***Jadual 1**: Fakta Nombor Program Latihan Modul eKompeG*

PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2015



Peperiksaan bertulis SPM tahun 2015 telah dijalankan dari 2 November hingga 8 Disember 2015. Sejumlah 73 mata pelajaran telah ditawarkan kepada calon. Sejumlah 400,535 calon telah mendaftar untuk menduduki SPM. Daripada jumlah itu, 377, 194 adalah calon Sekolah Kerajaan, Bantuan Kerajaan dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, 9,785 adalah calon sekolah di bawah agensi kerajaan selain KPM (contoh; MRSM), 7,769 adalah calon Sekolah Menengah Agama Negeri, 12,216 adalah calon Sekolah Swasta yang mendaftar dengan KPM, 25,713 adalah calon persendirian, manakala baki 1,647 adalah dari Sekolah Menengah Agama Rakyat. **Jadual 1** berikut menunjukkan trend Gred Purata Nasional (GPN) dari tahun 2011 hingga 2015. GPN pada tahun 2015 adalah 5.15 berbanding 5.08 pada tahun 2015 iaitu menurun sebanyak 0.07.

Tahun	Gred Purata Nasional (GPN)
2015	5.15
2014	5.08
2013	4.93
2012	5.08
2011	5.04

***Jadual 1:** GPN Tahun 2011 hingga 2015*

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2015



Jadual 2 menunjukkan analisis pencapaian calon Peperiksaan STAM tahun 2015 berbanding tahun 2014. Jumlah calon yang berjaya memperoleh Gred Mumtaz (Cemerlang) bagi semua sepuluh mata pelajaran yang diduduki meningkat sebanyak 20 calon (0.31%) iaitu 54 calon (0.87%) pada tahun 2015 berbanding 34 calon (0.56%) pada tahun 2014.

Calon yang memperoleh minimum Gred Maqbul (tidak termasuk semua Gred Mumtaz) meningkat sebanyak 368 calon (4.13%) iaitu 4,157 (66.91%) pada tahun 2015 berbanding 3,789 calon (62.78%) pada tahun 2014. Walau bagaimanpun, bilangan calon yang memperoleh Gred Rasib (gagal) semua mata pelajaran yang diduduki juga meningkat sebanyak 44 calon (0.67%) iaitu 114 calon (1.83%) pada tahun 2015 berbanding 70 calon (1.16%) pada tahun 2014.

Pencapaian Calon	2015		2014		Beza	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Semua Gred Mumtaz	54	0.87	34	0.56	20	0.31
Minimum Gred Maqbul (tidak termasuk semua gred Mumtaz)	4,157	66.91	3,789	62.78	368	4.13
Lain-lain Kombinasi	1,888	30.39	2,142	35.49	-254	-5.10
Semua Gred Rasib	114	1.83	70	1.16	44	0.67
Bilangan duduki	6,213	100.0	6,035	100.00	178	0.0
Gred Purata Nasional (GPN)	3.08		3.20		-0.12	

Jadual 2: Pencapaian Calon Peperiksaan STAM Tahun 2015 Berbanding Tahun 2014

Secara keseluruhan, pencapaian calon Peperiksaan STAM tahun 2015 menunjukkan peningkatan sebanyak 0.12 mata Gred Purata Nasional, iaitu 3.08 mata pada tahun 2015 berbanding 3.20 mata pada tahun 2015.

Peperiksaan Luar Negeri dan Profesional (PLNP)

LP bekerjasama dan mempunyai persefahaman dengan badan peperiksaan luar negara dalam pengurusan dan pengendalian PLNP di Malaysia. Usaha sama antara LP dengan badan peperiksaan luar negara sejak lebih lima dekad telah memberi peluang kepada penduduk di Malaysia menduduki peperiksaan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. LP juga membuka peluang kepada warganegara lain yang bemastautin di Malaysia yang ingin memeperoleh kelayakan bertaraf antarabangsa. Pengoperasian PLNP yang dikendalikan di Malaysia dikawal oleh LP dan mematuhi tatacara operasi standard LP serta panduan dan peraturan daripada badan peperiksaan yang berkenaan. Bagi tahun 2016, LP telah mengendalikan PLNP yang berikut:

a) The Associated Board of the Royal Schools of Music (ABRSM)
b) The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
c) The University of London (UoL)
d) The Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA)
e) The Association of International Accountants (AIA)
f) Diplôme d'Études en Langue Française (DELF)

Melalui Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (SPP, JPN) di seluruh negara, LP telah menguruskan seramai 99,078 orang calon di 496 buah pusat PLNP di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, pada tahun 2016 peperiksaan The Association of Business Executives (ABE) menamatkan usaha sama dengan LP. **Jadual 3** berikut adalah maklumat bilangan calon PLNP yang dikendalikan oleh LP bagi tahun 2016.

Peperiksaan	Bilangan Calon
Amali ABRSM	29,559
Teori ABRSM	23,504
ACCA	38,601
UoL	2,839
ICSA	1,768
AIA	74
DELF	2,733

Jadual 3: Peperiksaan Yang Dikendalikan dan Bilangan Calon PLNP Tahun 2016

Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) 2016

PT3 adalah satu daripada komponen di bawah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di mana murid ditaksir untuk menilai pencapaian akademik mereka di peringkat menengah rendah iaitu di Tingkatan 3. Soalan PT3 disediakan berasaskan Sukatan Pelajaran Tingkatan 1, 2 dan 3. Pelaksanaan pentaksiran PT3 2016 dijalankan secara berperingkat seperti **Jadual 4**, manakala **Jadual 5** adalah data bilangan calon PT3 bagi tahun 2016.

Pelaksanaan Pentaksiran/Ujian		Tarikh
Pelbagai Instrumen		
Geografi		17 — 29 Julai 2016
Sejarah		19 Jun—1 Julai 2016
Ujian Lisan		
Bertutur/ Tilawah & Hafazan	Bahasa Melayu	1 – 30 Ogos 2016
	Bahasa Inggeris	
	Maharat Al-Quran	
	Hifz Al-Quran	
Mendengar	Bahasa Melaiyu	9 Ogos 2016
	Bahasa Inggeris	10 Ogos 2016
Ujian Komunikasi		
Komunikasi: Melihat / Mendengar	Bahasa Melayu	9 Ogos 2016
	Bahasa Inggeris	10 Ogos 2016
Komunikasi: Berisyarat/ Bertutur	Bahasa Melayu	1-30 Ogos 2016
	Bahasa Inggeris	
Ujian Bertulis	10, 11,12 dan 13 Oktober 2016	

Jadual 4: Data Bilangan Calon PT3 Tahun 2016

Bil	Negeri	Bil. Calon
1	Perak	36,534
2	Selangor	74,975
3	Pahang	23,173
4	Kelantan	31,267
5	Sabah	41,339
6	Johor	51,601
7	Kedah	33,947
8	WP Labuan	1,142
9	Melaka	13,559
10	Negeri Sembilan	17,509
11	Pulau Pinang	21,473
12	Perlis	4,074
13	Sarawak	39,103
14	Terengganu	20,884
15	WP Putrajaya	1,466
16	WP Kuala Lumpur	20,884
	Jumlah	**432,514**

Jadual 5: Data Bilangan Calon Pt3 Tahun 2016

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2016

Peperiksaan UPSR tahun 2016 telah dijalankan pada 1 September dan 5 hingga 8 September 2016. Lembaga Peperiksaan telah membuka sebanyak 8,100 pusat peperiksaan yang melibatkan seramai 51,518 orang petugas peperiksaan. Sejumlah 452,721 calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan UPSR. Daripada jumlah itu, 443,677 (98.0%) adalah calon Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) manakala 9,044 (2.0%) adalah calon sekolah swasta.

Pencapaian Calon peperiksaan UPSR tahun 2016 dilaporkan berdasarkan pelaksanaan kurikulum dan format peperiksaan yang baharu tanpa membuat perbandingan dengan pencapaian calon tahun 2015. **Jadual 6** menunjukkan pencapaian calon yang menduduki peperiksaan UPSR bagi tahun 2016.

Pencapaian Calon	Bilangan	Peratus
Semua A	4,896	1.11
Maksimum 1B	8,345	1.89
Minimum 2B	35,752	8.11
Minimum 1C	91,366	20.73
Minimum 1D	152,825	34.67
Minimum 1E	137,262	31.14
Semua E	9,519	2.16
Lain-lain Kombinasi	817	0.19
Gred Purata	2.96	-

Jadual 6: Pencapaian Calon Peperiksaan UPSR Tahun 2016

BAHAGIAN BUKU TEKS

LATAR BELAKANG

Bahagian Buku Teks (BBT) mula ditubuhkan sebagai Unit Buku Teks (UBT) di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia pda 15 Mei 1967. Pada waktu itu fungsi UBT EPRD ialah mengawal dan menentukan semua sekolah di Malaysia Barat mematuhi Kementerian Pelajaran mengenai pembelian, penjualan dan penggunaan buku teks.

Pada tahun 1972 UBT dikenali pula sebagai Biro Buku Teks dan beroperasi sebagai satu organisasi tersendiri bertempat di Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), Jalan Duta Kuala Lumpur.

Pada tahun 1975, fungsi BBT telah bertambah untuk melaksanakan SKIM Pinjaman Buku Teks bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan. Keputusan ini dibuat berdasarkan ketetapan MajlisTindakan Negara (MTN) pada 22 Mei 1974. Seterusnya pada tahun 1983 fungsi baru BBT diperluaskan untuk melaksanakan SPBT di Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR).

Pada tahun 1988, Biro Buku Teks ditukar kepada Bahagian Buku Teks seperti yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Pendidikan(JPP) bilangan 102 bertarikh 15 Julai 1988.

Pada tahun 1999, YB menteri pendidikan telah mengarahkan Kurikulum Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah disemak semula dan dan dijalankan serentak mulai tahun 2003. Pada tahun 2000 BBT telah diarahkan untuk kali pertama menyediakan bahan sumber pembelajaran untuk kegunaan sekolah menengah teknik di seluruh Sektor.

Dari perkembangan di atas menunjukkan bahawa BBT telah berkembang dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang bertambah dan skop yang lebih luas. Dengan itu mulai 16 Oktober 2002, Jabatan perkhidmatan Awam(JPA) telah bersetuju menaikkan gred dan pertambahan jawatan serta perluasan dari tiga sektor kepada tujuh sektor.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Pada tahun 2016 BBT telah menguruskan penerbitan dan pencetakan buku teks untuk sekolah rendah dan sekolah menengah kegunaan mulai tahun 2017. Di antara program tersebut ialah;

a. Program Penerbitan Pakej Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan tahun 1 pembekalan mulai tahun 2016 (Kegunaan Mulai Tahun 2017)

b. Program Penerbitan Pakej Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) Tahun 6 dan Tahun 1 pembekalan mulai tahun 2016 (kegunaan mulai tahun 2017)

c. Program Penerbitan Pakej Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah KSSR (Format Braille) Tahun 1 pembekalan mulai tahun 2016 (kegunaan mulai tahun 2017)

d. Program Penerbitan dan Pembekalan Mushaf Al-Quran, Buku Iqra' dan Buku Rekod Pencapaian Murid Program J-QAF Di Sekolah Rendah, Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas dan Kelas Program Pendidikan Khas Integrasi Kementerian Pendidikan Malaysia bagi Pembekalan Mulai Tahun 2016 (Kegunaan Mulai Tahun 2017)

e. Program Penerbitan Buku Teks Sekolah Rendah Dual Language Program bagi Pembekalan Mulai Tahun 2016 (Kegunaan Mulai Tahun 2017)

f. Program Penerbitan Buku Teks Cambridge English Pembekalan Mulai Tahun 2016 (Kegunaan Mulai Tahun 2017) (Common European Framework Of Reference For Languages)

g. Program Penerbitan Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah Tingkatan 1 Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas Tingkatan 4 bagi Pembekalan Mulai 2016 (Kegunaan Mulai Tahun 2017)

h. Program Penerbitan Buku Teks Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Tingkatan 3 Sekolah Menengah Pembekalan Mulai Tahun 2016 (Kegunaan Mulai Tahun 2017)

i. Program Penerbitan Buku Teks bagi Mata Pelajaran Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBDKBT) Tingkatan 3 pembekalan mulai tahun 2016 (kegunaan mulai tahun 2017)

j. Program Penerbitan Buku Teks Format Braille Kurikulum Standard Sekolah Menengah Tingkatan 1 dan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas Tingkatan 4 pembekalan mulai tahun 2016 (kegunaan mulai tahun 2017)

k. Program Penerbitan Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah Tingkatan 1 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas Tingkatan 1 pembekalan mulai tahun 2016 (kegunaan mulai tahun 2017) Melalui Kaedah Runding Terus Dengan Dewan Bahasa Dan Pustaka

l. Program Penerbitan Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas Tingkatan 1 dan Buku Teks Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Asas Kelestarian Tingkatan 4 Pembekalan Mulai Tahun 2016 (Kegunaan Mulai Tahun 2017) Melalui Kaedah Sebut Harga

Aktiviti - aktiiti yang dijalankan semasa penerbitan buku teks



Bengkel penghasilan buku teks, KPM



Para Penilai Memberi Perhatian Terhadap Taklimat Yang Sedang Diberikan Oleh Penyelaras Projek



Mesyuarat Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat Buku Teks KPM.

2. Program Penerbitan Buku Teks Digital Interaktif Bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah Dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas Tahun 6 Kegunaan Mulai Tahun 2016

Pada tahun 2016, Bahagian buku teks telah menerbitkan tiga judul Buku Teks Digital Interaktif iaitu Sains Tahun 6 SK, Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Tahun 6 SK dan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Tahun 6 (Masalah Pembelajaran). Buku Teks Digital Interaktif ini dibangunkan menggunakan format ePUB3. Buku Teks Digital Interaktif ini adalah dari buku teks bercetak. 30% kandungan buku teks dibangunkan dalam bentuk digital interaktif. Proses penghasilan Buku Teks Digital Interaktif ini melibatkan elemen interaktif seperti video, audio, animasi dan aktiviti interaktif. Buku Teks Digital Interaktif ini boleh digunakan pada semua peranti pintar yang menyokong platform IOS, Android dan Windows. Proses Penerbitan Buku Teks Digital Interaktif bermula dengan pembangunan papan cerita, pembangunan prototaip, uji lari, ujian penerimaan pengguna sehingga memuat naik Buku Teks Digital Interaktif. Buku Teks Digital Interaktif kini boleh dicapai melalui aplikasi di Google Play Store, App Store dan Microsoft Store.



Pelaksanaan Ujian Penerimaan Pengguna Buku Teks Digital Interaktif



Mesyuarat Penyemakan Pembetulan Prototaip 100% Buku Teks Digital Interaktif

3. Pembekalan Buku Teks Kepada Murid-Murid Sekolah Menengah Dan Sekolah Rendah Di Bawah Skim Pinjaman Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) membekalkan buku teks sebagai bahan utama kepada murid dalam proses pembelajaran dan pengajaran (p&p) di sekolah. dan diterbit berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Berdasarkan Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2007 bertarikh 26 September 2007, Kerajaan Malaysia telah bersetuju supaya buku diberikan kepada semua murid warganegara Malaysia tanpa mengira pendapatan isi rumah dan bilangan anak yang layak di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan di bawah KPM dan Sekolah Menengah Agama Rakyat, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008. Bagi murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran dan masalah pembelajaran, mereka turut berpeluang mengikuti pendidikan melalui program penerbitan buku teks pendidikan khas. Bahagian Buku Teks (BBT) bertanggungjawab memastikan pengurusan dan pelaksanaan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) di peringkat jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah berjalan lancar.

Pesanan buku teks menggunakan sistem eSPBT. Melalui sistem ini, pihak sekolah mengisi pesanan ke dalam sistem dan semakan telah dibuat oleh BBT. Pesanan buku teks kepada penerbit bagi pembekalan ke sekolah seluruh negara dibuat oleh BBT. Sebanyak 10,425 buah sekolah terlibat dengan pembekalan buku teks. Rumusan keseluruhan bagi pembekalan buku teks bagi Buku Teks Cetak Semula (BCS) dan Buku Teks Baharu (BTB) adalah seperti jadual di bawah.

Bil.	Pencapaian Calon	Bilangan Judul Buku	Bilangan Naskhah Buku	Kos (RM)
1.	Buku Teks Cetak Semula	522	12,704,477	63,201,560.36
2.	Buku Teks Terbitan Baharu	213	17,643,269	152,777,176.15

4. Pembekalan Buku Teks Kepada Guru-Guru Sekolah Menengah Dan Sekolah Rendah Di Bawah Skim Pinjaman Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia

Mesyuarat Pengurusan Sumber Manusia KPM Bersama Kesatuan/Persatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) Bilangan 1 Tahun 2016 bertarikh 14 Jun 2016 dimaklumkan mengenai isu buku teks tidak disediakan untuk guru dan kesukaran guru untuk mendapatkan bekalan buku teks di pasaran terbuka. Sehubungan dengan itu, KPPK memohon agar semua guru dibekalkan buku teks berpandukan mata pelajaran yang diajar. Buku teks sangat membantu guru dalam proses pembelajaran dan pengajaran (p&p) kerana konsep dan kandungan fakta diselaraskan mengikut keperluan kurikulum kebangsaan di samping memastikan setiap murid boleh mencapai objektif dan hasil pembelajaran serta berupaya menghadapi pentaksiran peringkat kebangsaan yang telah ditetapkan oleh KPM. Dalam penerbitan buku teks terbitan baharu KSSM, KSSR dan KSSR (Semakan), nota guru telah dimasukkan di dalam buku teks yang mengandungi cadangan dan panduan untuk guru menggunakan bahan tersebut dalam p&p terutama melibatkan guru yang mengajar mata pelajaran bukan opsyen.

Pembekalan buku teks kepada guru akan dapat menyelesaikan masalah kesukaran guru-guru untuk mendapatkan buku teks terutama di kawasan pedalaman. Pembekalan ini melibatkan Buku Teks Terbitan Baharu (BTB) sahaja berdasarkan judul yang sama dipesan oleh sekolah untuk murid. Manakala bagi Buku Teks Cetakan Semula (BCS) pihak sekolah boleh menggunakan lebihan buku yang terdapat di Bilik Operasi SPBT Sekolah (BOSS). Pengurusan buku teks untuk guru ini adalah di bawah tanggungjawab panitia mata pelajaran. Guru perlu membuat pinjaman buku teks pada awal tahun dan memulangkannya kepada pihak sekolah pada akhir tahun. Peruntukan kewangan sebanyak RM18,778,657.00 telah digunakan untuk melaksanakan pembekalan buku teks untuk guru mulai tahun 2017.

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) melaksanakan dasar pendidikan melalui perancangan, penyelarasan,pemantauan dan pengurusan program persekolahan, guru dan murid berdasarkan fungsi-fungsi berikut:

Pengurusan Hal Ehwal Murid Sekolah Harian




Pengurusan Program Berkaitan Sekolah



Pengurusan Hal Ehwal Guru



Urusetia Mesyuarat dan Persidangan Kementerian Pendidikan Malaysia



Pendidikan Prasekolah menyasarkan kanak-kanak yang berumur 4+ dan 5+ mendapat pendidikan prasekolah sama ada yang disediakan oleh KPM, agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan. Kemasukan Murid ke Prasekolah adalah berdasarkan :

a) Status Warganegara
b) Pendapatan ibu bapa/penjaga di bawah garis kemiskinan dan tahap pendapatan perkapita keluarga daripada rendah ke tinggi.
c) Pengisian murid untuk 1 kelas adalah diantara 15 hingga 25 murid bagi kelas prasekolah biasa.

JAWATANKUASA PENYELARASAN KEMAJUAN PRASEKOLAH KEBANGSAAN (JKPKPK)

JKPKPK merupakan jawatankuasa yang telah diperaku oleh YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri. Pendidikan Prasekolah menjadi agenda utama KPM dalam usaha membangunkan modal insan berkualiti.





PELUASAN KELAS

TAHUN	BIL. KELAS
2010	315
2011	705
2012	455
2013	212
2014	98
2015	133
2016	89

PRA SEKOLAH KPM

Bilangan Kelas	Bilangan Institusi Terlibat
9202	6081

Flipped Classroom adalah kaedah pedagogi yang merubah amalan PdP biasa di mana penyampaian dan/atau pencarian maklumat baharu berlaku di luar waktu Pdp, manakala aktiviti berpusatkan murid berlaku secara aktif di dalam kelas. Pelaksanaan di prasekolah adalah adaptasi dan modifikasi konsep Flipped Classroom berdasarkan prinsip pendidikan awal kanak-kanak.

RINTIS RE-MODELLING PRASEKOLAH

KUMPULAN RINTIS: Tahun 2015

* 5 RE-MODELLING FIZIKAL & PdP
* 5 RE-MODELLLING PdP

METODOLOGI:

- LATIHAN GURU
- MANUAL
- KUNJUNG BANTU
- LAPORAN RINTIS
- DAPATAN RINTIS – *MODIFIED FLIPPED CLASSROOM* SESUAI DI PRASEKOLAH

KONSEP *FLIPPED CLASSROOM* PRASEKOLAH

PELAKSANAAN:

- TAKLIMAT &PERKONGSIAN PELAKSANAAN *FLIPPED*
- *CLASSROOM* PRASEKOLAH PEMANTAPAN KUMPULAN RINTIS: Tahun 2017

PELUASAN *FLIPPED CLASSROOM* PRASEKOLAH

PELAKSANAAN:

- INTERVENSI PRASEKOLAH DI BAWAH STANDARD MINIMUM SKPK – 17 PRASEKOLAH
- TAKLIMAT &PERKONGSIAN PELAKSANAAN FLIPPED CLASSROOM PRASEKOLAH
- PELUASAN 1 DAERAH 1 FLIPPED CLASSROOM PRASEKOLAH – 138 PRASEKOLAH: Tahun 2016
- KUNJUNG BANTU PRASEKOLAH DI BAWAH STANDARD MINIMUM

PUSAT TINGKATAN ENAM TERBAHAGI KEPADA TIGA MOD IAITU:

Kolej Tingkatan Enam (Mod 1) - sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 12 kelas yang menempatkan hanya murid-murid Tingkatan Enam sahaja dan diajar oleh guru-guru akademik yang telah dilantik sebagai guru Tingkatan Enam.

Mod 2 - sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 12 kelas, beroperasi di sekolah arus perdana tetapi di blok atau bangunan yang berasingan. Walau bagaimanapun, Pusat Mod 2 ditadbir oleh Pengetua arus perdana dengan kerjasama Penolong Kanan Tingkatan Enam.

Mod 3 - sekolah yang mempunyai kurang daripada 12 kelas atau sekolah yang jauh daripada bandar, tiada kemudahan asrama atau pengangkutan awam, dan beroperasi di sekolah arus perdana.

Sebanyak 10 buah Kolej Tingkatan Enam (KT6) dan 65 Pusat Tingkatan Enam Mod 2 telah beroperasi pada tahun 2016.

Penataran Garis Panduan Pengurusan Tingkatan Enam (GPPT6)

Objektif

Memberi penjelasan kepada semua Pengetua dan GPKT6 tentang pelaksanaan GPPT6 bagi memantapkan dan melancarkan lagi pengurusan di semua Pusat Tingkatan Enam selaras dengan Inisiatif PPPM Pemantapan Pendidikan Tingkatan Enam.

Pelaksanaan Penataran

Tarikh	JPN
30 Jun 2016	Melaka & Negeri Sembilan
27 Julai 2016	Kelantan
28 Julai 2016	K.Lumpur dan Putrajaya
2 Ogos 2016	Perlis
3 Ogos 2016	Kedah
4 Ogos 2016	Perak
9 Ogos 2016	Selangor
11 Ogos 2016	Terengganu & Pahang
18 Ogos 2016 19 Ogos 2016	Sabah (Kota Kiabalu & sandakan) & WP Labuan
23-25 Ogos 2016	Sarawak (Kuching Sibu & Miri)
30 Ogos 2016	Pulau Pinang
7 Sept 2016	Johor

Kandungan GPPT6

Pengurusan dan Pentadbiran	Struktur organisasi dan fungsi yang lebih jelas bagi pengurusan dan pentadbiran KT6, Pusat Mod 2 dan Mod 3
Pengurusan Akademik	Pengurusan akedemik yang komprehensif yang dapat menyokong pencapaian akedemik T6
Pengurusan Kokurikulum	Berdasarkan kepada pentaksiran baharu kokurikulum bagi membentuk kepimpinan yang menuju ke arah membina negara bangsa
Pengurusan Sumber Manusia (Guru)	Berdasarkan kepada pentaksiran baharu kokurikulum bagi membentuk kepimpinan yang menuju ke arah membina negara bangsa
Pengurusan Murid	Merujuk kepada disiplin murid – Penggunaan gajet elektronik dalam P&P bagi murid T6, khususnya dalam menyiapkan kerja kursus dan sebagai rujukan sumber disebabkan ketiadaan buku teks
Pengurusan Peperiksaan & Pentaksiran STPM	Panduan peperiksaan STPM




Kemasukan Murid Ke Tingkatan Enam 2016

Pendidikan Tingkatan Enam merupakan salah satu tawaran kepada murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat seterus iaitu Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

Bagi tahun 2016, jumlah calon sekolah yang telah ditawarkan meneruskan pendidikan di T6 adalah seramai 185,660 orang, berbanding 191,142 orang pada tahun sebelumnya. Ini melibatkan pengurangan sebanyak 5842 orang murid.

Kolej Tingkatan Enam Hulu Terengganu



Statistik Murid Yang Layak Masuk Ke Tingkatan Enam Mengikuti Negeri

SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH (SBJK)

Penubuhan SBJK adalah merupakan satu inisiatif KPM terhadap keperluan meneruskan usaha memberikan akses pendidikan kepada kanak-kanak jalanan di sekitar Kuala Lumpur yang merupakan salah satu daripada kumpulan kanak-kanak terpinggir di negara ini. Penubuhan sekolah ini adalah selari dengan piagam *United Nations Convention on the Right of the Child* dan konsep *Education for All* oleh UNESCO. Sehubungan dengan itu, SBJK mula beroperasi mulai 19 Ogos 2013 berdasarkan pelaksanaan Pendidikan Alternatif.

Kumpulan Sasar

Kategori kanak-kanak yang diterima masuk ke SBJK seperti berikut:
Kanak-kanak warganegara Malaysia dan kanak-kanak anak kepada salah seorang ibu bapa/penjaga warganegara iaitu:

i. Kanak-kanak jalanan.
ii. Kanak-kanak terpinggir.
iii. Kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri.
iv. Serta kanak-kanak di bawah pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sasaran:

Melahirkan insan yang berilmu, boleh berdikari dan berkemahiran dalam bidang seni visual, muzik, pertanian, jahitan dan masakan.

Outcome:

Empat pelajar telah didaftarkan ke Akademi Saga Kewujudan kumpulan buskers SBJK

Terpilih untuk mengikuti latihan sukan bersama YAKEB

34 orang murid telah terpilih mengikuti Silat Cekak (Sijil Rendah Silat Cekak – 1 orang kepujian, 8 orang lulus)



Empat orang murid lepasan SBJK yang layak mengikuti kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) peringkat dua di Akademi Saga



Kewujudan Kumpulan Buskers SBJK yang telah dikenali dengan nama 'Bandana Buskers



Dalam kemahiran sukan, SBJK telah mengadakan kerjasama dengan Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB) untuk melahirkan jaguh sukan. YAKEB telah bersetuju untuk melatih murid SBJK dalam sukan memanah, javelin, futsal, lontar peluru,dan bola jaring

Walk-About YAB Perdana Menteri Malaysia ke SBJK Pada 17 Jun 2016





ANALISIS DATA SISTEM SAHSIAH DIRI MURID (SSDM) TAHUN 2016

NEGERI	KEHADIRAN (eKEHADIRAN)	SALAH LAKU (SSDM)	AMALAN BAIK (SSDM)
JOHOR	93.30	0.36	0.38
KEDAH	93.87	0.07	0.28
KELANTAN	92.97	0.06	0.03
MELAKA	93.00	0.15	0.07
NEGERI SEMBILAN	92.46	0.08	0.07
PAHANG	92.33	0.13	0.36
PULAU PINANG	91.07	0.09	0.06
PERAK	93.49	0.21	0.88
PERLIS	90.99	0.01	0.00
SABAH	92.49	0.08	0.04
SARAWAK	94.19	0.06	0.31
SELANGOR	90.14	0.62	0.31
TERENGGANU	90.14	0.62	0.53
WP. KUALA LUMPUR	92.10	0.16	0.04
WP. LABUAN	91.88	0.00	0.00
WP. PUTRAJAYA	93.21	0.01	0.01
PURATA	92.33	2.32	3.29

KEJAYAAN KEHADIRAN

- Peningkatan peratus kehadiran dari 91.89% tahun 2015 kepada 92.33% pada tahun 2016

KEJAYAAN SSDM

- Sejumlah 158,803 murid direkodkan melakukan amalan baik berbanding 111,985 murid yang melakukan salahlaku

MENINGKATKAN KEHADIRAN MURID

- Intervensi Khusus
- Memperkukuhkan program (amalan guru penyayang, program mentor mentee dan lain-lain
- Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK)

ANALISIS DATA SISTEM PENARAFAN KESELAMATAN SEKOLAH (SPKS) TAHUN 2016

BIL.	NEGERI	PENARAFAN KESELAMATAN SEKOLAH (APRIL)			PENDAFTARAN KESELAMATAN SEKOLAH (OGOS)		
		0 - 49%	50 - 79%	80-100%	0 - 49%	50 - 79%	80-100%
1	PERAK	0	3	1043	0	5	1092
2	MELAKA	0	1	313	0	0	314
3	PERLIS	0	0	102	0	0	104
4	PULAU PINANG	0	4	394	0	3	395
5	SARAWAK	1	125	1287	2	80	1151
6	JOHOR	1	8	1116	0	9	1170
7	TERENGGANU	0	7	492	0	4	496
8	SABAH	1	120	1157	0	94	1170
9	WP. PUTRAJAYA	0	0	25	0	0	25
10	SELANGOR	0	16	915	0	12	921
11	KELANTAN	0	2	589	0	0	592
12	KEDAH	0	4	720	1	9	736
13	NEGERI SEMBILAN	0	13	458	0	2	473
14	WP. LABUAN	0	0	26	0	0	23
15	WP. KUALA LUMPUR	0	2	253	0	3	240
16	PAHANG	1	10	714	1	5	783
	JUMLAH	4	315	9602	4	206	9676
	PERATUS	0.04%	3.18%	96.78%	0.04%	2.08%	97.88%

ISU SISTEM PENARAFAN KESELAMATAN SEKOLAH

1. JPN perlu memberi perhatian kepada sekolah di dalam kategori 0-49%
2. 2% sekolah seluruh negara belum mengisi penarafan bagi tahun 2016
3. JPN perlu mengenalpasti sekolah yang tidak pernah mengisi penarafan





Anugerah Patrol Denggi 2016

Anugerah 3K & Projek Khas 3C




PENGURUSAN HAL EHWAL GURU

Rumusan Keputusan Pertukaran Guru Dari Januari 2016 – Januari 2017

ANALISIS KELULUSAN PERTUKARAN GURU DARI JANUARI 2016 HINGGA JANUARI 2017

Bil.	Sesi Pertukaran	Mohon		Jumlah Permohonan	Lulus		Jumlah Kelulusan
		Men	Ren		Men	Ren	
1	Sesi Januari 2016	10,322	12,593	22,915	1,565	2,091	3,656
2	Pertukaran Khas Bil. 1/2016	2,673	2,687	5,360	732	484	1,216
3	Pertukaran Sesi Jun 2016	6,489	8,931	15,420	594	1,089	1,638
4	Pertukaran Khas Dasar 90:10 Sabah	-	-	-	-	300	300
5	1 Januari 2017	9,594	11,580	21,147	1,296	2,193	3,489
JUMLAH KESELURUHAN		29,078	35,791	64,869	4,187	6,157	10,344

ANALISIS AGIHAN PENEMPATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DG41 BAGI SEKOLAH MENENGAH TAHUN 2016

No.	Tarikh	BPSH	BPTV	BPKHAS	BPI	BPSBPSK	BSUKAN	BKK	MATRIKULASI	JUMLAH
1	1 Mac 2016	153	0	0	0	0	0	0	0	153
2	18 April 2016	268	7	7	0	0	0	0	0	282
3	3 Mei 2016	1	0	0	0	0	0	0	0	1
4	15 Ogos 2016	2300	816	17	29	57	8	8	0	3235
5	4 Oktober 2016	33	0	2	0	19	1	1	40	96
6	1 November 2016	10	47	7	7	6	0	2	0	79
JUMLAH KESELURUHAN		2765	870	33	36	82	9	11	40	3846

ANALISIS AGIHAN PENEMPATAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DG41 BAGI SEKOLAH RENDAH TAHUN 2016

No.	Tarikh	BPSH	BPKHAS	BPI	BSUKAN	JUMLAH
1	21-Jan-16	1665	6	0	0	1671
2	1 Mac 2016	579	18	5	0	602
3	4 April 2016	4	0	0	0	4
4	3 Mei 2016	14	4	6	0	24
5	13 Jun 2016	246	4	20	1	271
6	25 Julai 2016	615	14	6	0	635
7	15 Ogos 2016	1647	11	18	0	1676
JUMLAH KESELURUHAN		4770	57	55	1	4883

Pelaksanaan Program Kunjung Bantu Akademik Berfokus Tahun 2016

Program Kunjung Bantu Akademik Berfokus dilaksanakan di bawah inisiatif Program Transformasi Daerah khusus untuk merapatkan jurang pendidikan antara lokasi, tahap sosioekonomi dan tahap keupayaan murid. Aktiviti ini merupakan tindakan intervensi untuk mencapai Key Performance Indicator (KPI) merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar serta pengurangan bilangan sekolah dalam band 6 dan band 7.



Kunjung Bantu kali ini telah dilaksanakan pada 18 April – 23 Mei 2016, melibatkan 2 JPN Prioriti, 3 PPD Prioriti (SPM), 2 PPD Prioriti (UPSR) dan SOA/ SKM SOA/ SKM / Band 6 & 7, seperti jadual di bawah:

JPN Prioriti	PPD Prioriti (SPM)	PPD Prioriti (UPSR)	Band 6 & 7 / SOA/ SKM
• Melaka • Perak	• Alor Gajah, • Seberang Prai Selatan • Cameron Highlands	• Kanowit • Tuaran	• Hulu Terengganu, • Hulu Perak, • Gua Musang • Lipis

FULBRIGHT ENGLISH TEACHING ASSISTANT (ETA) PROGRAM

Program ETA adalah satu program kolaborasi di antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan Amerika Syarikat yang telah dilaksanakan mulai 2012. Program ini bertujuan merealisasikan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dan diurusetiakan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM dan Malaysian – American Commission on Educational Exchange (MACEE)

Objektif

- Meningkatkan minat murid terhadap bahasa Inggeris dan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris.
- Membina kebolehan dan keyakinan menggunakan bahasa Inggeris secara aktif.
- Meningkatkan penyertaan murid dalam kurikulum dan ko-kurikulum.
- Menggalakan pertukaran budaya
- Meningkatkan komunikasi bahasa Inggeris dan menghubungkan murid dengan masyarakat antarabangsa

- Mendapat pengiktirafan di dalam penyertaan aktiviti bahasa Inggeris dalam pelbagai peringkat.
- Penerbitan oleh murid sekolah
- Meningkatkan komunikasi bahasa Inggeris dan menghubungkan murid dengan masyarakat antarabangsa
- Mendapat pengiktirafan di dalam penyertaan aktiviti bahasa Inggeris dalam pelbagai peringkat.
- Penerbitan oleh murid sekolah

1. Terima Kasih, *Thank You: Letters of Gratitude From Malaysian Teens* – SMK Takis, Sabah (on sale at Amazon.com)
2. Still We Rise – SMK Bongawan II, Sabah
3. *Carpe Diem*: An Anthology of Teen Poems – SMK Pekan Telipok
4. *The Potatohead's Cookbook: A Collection of Sabahan–American Cuisine* – SMK Pekan Kota Belud, Sabah
5. Sangat Sedap: *Traditional Malaysian Recipes from The Students of* SMK Tajar, Kedah
6. *A Collection Of Poetry And Short Stories by Young Malaysian Authors* – SMK Seri Nilam, Kelantan
9. *Where I'm From: A Poetry Anthology* – SMK Pak Badol, Kelantan
10. *Stupendous Sentences* – SMK Nipah, Kelantan
11. *English – Malay Dictionary* – SMK Jeram, Kelantan
12. *Lenggong Life* – SMK Tan Sri Abdul Aziz, Lenggong, Perak
13. *Friend it Forward* – SMK Sultan Azlan Shah, Perak
14. *Humans in* SMK Muara Tuang, Sarawak
15. a | muse | ing: A poetry anthology by students of SMK Kota Samarahan – SMK Kota Samarahan, Sarawak
16. The Semsira Cookbook: *A collection of international recipes* – SMK Syed Sirajuddin, Perlis
17. *Underneath My Heart: A Creative Writing and Art Anthology* – SMK Jengka 16, Pahang





100 buah sekolah menengah yang dipilih berada antara band 4 – 6 dan mencatat GPMP Bahasa Inggeris SPM melebihi 6.

Negeri	Bilangan Sekolah
Perak	15
Terengganu	15
Sarawak	15
Pahang	15
Sabah	15
Kelantan	10
Kedah	10
Perlis	5
Total	100

Pencapaian		
Bil	Pencapaian Aktivti	Bilangan Murid Terlibat
1	Pembelajaran bahasa Inggeris di dalam bilik darjah melalui sesi co-teach bersama ETA	29,219
2	Speaking Workshop secara mingguan	7,378
3	English Camps	13,134
4	Aktiviti ko-kurikulum yang menggunakan bahasa Inggeris	9,893

Program Sekolah Amanah adalah satu usahasama antara KPM dengan rakan kongsi swasta untuk meningkatkan kualiti pendidikan secara holistik di negara ini selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Sekolah di bawah program ini masih lagi berstatus sekolah kerajaan.


Program Sekolah Amanah – Peluasan Sekolah Amanah


Sasaran: 20 bilangan Sekolah Amanah baharu

Objektif :Pertambahan bilangan Sekolah Amanah baharu

BIL	NEGERI	JUMLAH 2015	PENCAPAIAN 2016 (SEKOLAH AMANAH BAHARU)	JUMLAH KESELURUHAN 2016
1	Johor	18	-	18
2	Sarawak	12	3	15
3	WP Kuala Lumpur	6	-	6
4	Selangor	11	3	14
5	Sabah	5	-	5
6	Perak	1	3	4
7	Negeri Sembilan	1	-	1
8	Pahang	3	-	3
9	Terengganu	5	7	12
10	Kelantan	-	5	5
JUMLAH		62	21	83

ANALISIS KESELURUHAN PELIBATAN SEKTOR SWASTA





BILANGAN SUMBANGAN:
2616

BILANGAN PENAJA:
1403

ANGGARAN JUMLAH SUMBANGAN (RM):
>RM71 JUTA

(program one-off, sekolah angkat dan sekolah amanah)

BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM

LATAR BELAKANG

Sejarah penubuhan BPI bermula pada tahun 1958 dengan pelantikan seorang Pegawai Perhubungan Sekolah di Bahagian Sekolah-Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menguruskan bantuan Sekolah Agama Rakyat (SAR).

Pada tahun 1961, Unit Pelajaran Agama ditubuhkan dan diletakkan di bawah pengurusan Bahagian Sekolah-Sekolah, Kementerian Pelajaran. Unit ini berfungsi untuk mengurus bantuan kepada SAR dan penempatan guru-guru agama apabila kurikulum Pendidikan Islam mendapat kelulusan untuk dilaksanakan sebagai kurikulum kebangsaan.

Pada tahun 1973, Unit Pelajaran Agama dinaik taraf menjadi Bahagian Pelajaran Agama dengan diketuai oleh seorang pengarah. Pada tahun 1983, nama Bahagian Pelajaran Agama ditukar kepada BPI. Pada tahun 1995, BPI dinaik taraf kepada Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dengan penambahan fungsi Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral. Pada masa itu, JAPIM mempunyai tiga bahagian iaitu Bahagian Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral dan Bahagian Dakwah dan Kepimpinan. Untuk menjalankan fungsi tersebut, JAPIM diterajui seorang ketua dengan jawatan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (TKPPM) bergred Jusa C.

Pada Mac 2008, fungsi Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral telah dipindahkan ke Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) selaras dengan penyusunan semula fungsi bahagian-bahagian di KPM. Sehubungan itu, JAPIM ditukar nama ke BPI dan diterajui oleh seorang pengarah bergred Jusa B. Bahagian ini diletakkan di bawah pengurusan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan).

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini Dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (Sabk) Tahun 2016

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dilaksanakan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) bermula tahun 2015. Penetapan pemilihan KBD atau KBT adalah berdasarkan kepada jenis aliran semasa yang dilaksanakan di sekolah.

Matlamat menjadikan KBD dan KBT sebagai kurikulum kebangsaan adalah bagi memantapkan pelaksanaan kurikulum tersebut dalam arus perdana ke arah melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dan cemerlang dalam mata pelajaran berasaskan ilmu naqli dan 'aqli untuk menyediakan generasi ulama pelapis dan cendekiawan Islam yang serba boleh pada masa akan datang.

Kurikulum KBD & KBT adalah berasaskan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang telah digubal melalui Jawatankuasa Penggubalan yang terdiri daripada Lembaga Penasihat Penyelarasan Pendidikan Dan Pengajian Agama Islam (LEPAI), KPM, Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan wakil Jabatan Agama Islam beberapa negeri. Mata pelajaran KBD adalah Usul al-Din, al-Syariah dan al-Lughah al-Arabiah al- Muasirah. Mata pelajaran KBT pula terdiri daripada Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran.

2. Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)

Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) mula dilaksanakan secara menyeluruh kepada semua murid tingkatan satu di SBP dan SMKA terpilih secara berperingkat mulai 2014 hingga 2017. Sebanyak 15 buah sekolah telah melaksanakan TMUA iaitu SBPI Rawang Selangor, SBPI Batu Rakit Terengganu, SBPI Selandar Melaka, SMAP Bentong Pahang, SMKA Kerian Perak, SMKA Maahad Muar Johor, SMKA Tok Bachok Kelantan, SMKA Kuala Lumpur, SMKA Kota Kinabalu Sabah, SMKA Hj Abu Hassan Sail Negeri Sembilan, SMKA Nibong Tebal Pulau Pinang, SMKA Arau Perlis, SMKA Putrajaya, SMKA Kedah dan SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Sarawak. TMUA merupakan nilai tambah kepada sistem pendidikan agama yang dilaksanakan di sekolah-sekolah KPM. Murid-murid yang lahir dari sistem ini akan memenuhi keperluan guna tenaga profesional yang hafiz dan mempunyai pegangan agama yang kukuh. Pada akhir 2016, sebanyak 160 kelas TMUA diwujudkan dengan bilangan murid seramai 3054 orang dengan jumlah guru seramai 305 orang.

3. Anugerah Surau Imarah Sekolah-Sekolah (ASISS) Kementerian Pendidikan Malaysia

Anugerah Surau Imarah Sekolah-Sekolah KPM (ASISS) diliihat sebagai suatu usaha Bahagian Pendidikan Islam dalam menyokong Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 yang telah dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada 11 September 2012 di PICC Putrajaya berhubung dengan aspirasi murid berkaitan Etika dan Kerohanian.

Objektif ASISS antaranya adalah untuk menggalakkan pengurusan surau sekolah yang lebih sistematik di samping berfungsi sebagai pusat pendidikan dan kegiatan dakwah di sekolah dengan berkesan. ASISS ini juga memberi pengiktirafan terhadap pengurusan surau yang cemerlang agar dapat dijadikan penanda aras pengiktirafan pengurusan surau sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebanyak 56 buah surau dan musolla sekolah menengah dan rendah menyertai anugerah ini. :

BIL	KEDUDUKAN	NAMA SEKOLAH
1	Johan	SK Bandar Tasek Puteri, Rawang, Selangor
2	Naib Johan	SK Kg Maju Jaya, Johor Bahru, Johor
3	Ketiga	SK Tasek Apong, Sungai Petani, Kedah
4	Harapan	SK Sungai Marong, Bentong, Pahang

Jadual 1 : Senarai Pemenang ASISS Bagi Kategori Musolla Rendah

BIL	KEDUDUKAN	NAMA SEKOLAH
1	Johan	SMK Seri Kundang, Rawang, Selangor
2	Naib Johan	SMA Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor
3	Ketiga	SMK Guar Perahu Indah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang
4	Harapan	SMK Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Jadual 2 : Senarai Pemenang ASISS Bagi Kategori Musolla Menengah

BIL	KEDUDUKAN	NAMA SEKOLAH
1	Johan	SK Sungai Terap, Tanjung Karang, Selangor
2	Naib Johan	SK Tambichik Karim, Masjid Tanah, Melaka
3	Ketiga	SK Seri Kerian, Parit Buntar, Perak
4	Harapan	SK Seri Tasek, Seberang Perai, Pulau Pinang

Jadual 3 : Senarai Pemenang ASISS Bagi Kategori Surau Rendah

BIL	KEDUDUKAN	NAMA SEKOLAH
1	Johan	SMK Alam Megah 2, Shah Alam, Selangor
2	Naib Johan	SMK Sultan Yussuf, Batu Gajah, Perak
3	Ketiga	SMA Mahmudiah, Kuala Berang, Terengganu
4	Harapan	SMK Sri Kukup, Pontian, Johor

Jadual 4 : Senarai Pemenang ASISS Bagi Kategori Surau Menengah

Bagi sekolah yang menjadi johan akan mendapat RM4,500.00, naib johan mendapat RM3,500.00, tempat ketiga RM 2,000.00, Sekolah Harapan mendapat RM700.00 dan saguhati mendapat RM 300.00. Kesemua hadiah wang tunai berkenaan ditaja oleh Bank Islam Malaysia Berhad.

Semenjak pelaksanaan ASISS bermula tahun 2013, peningkatan ketara telah ditunjukkan oleh pihak sekolah dalam mengimarahkan surau dan musolla dari pelbagai aspek seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.



Pemenang anugerah ASISS bersama TKPPM

4. Kem Bestari Solat Perdana Tahun 2016

Program j-QAF telah mula dilaksanakan sejak tahun 2005 di sekolah rendah. Antara objektif utama adalah untuk memastikan murid menguasai bacaan dan tulisan jawi, akan khatam al-Quran, menguasai asas Bahasa Arab dan dapat memantapkan amalan fardhu ain.

Kem Bestari Solat (KBS) merupakan salah satu model daripada model-model yang dilaksanakan dalam Program j-QAF. Model KBS memberi penekanan kepada penguasaan Fardu Ain khususnya aspek kesempurnaan wuduk dan solat untuk diamalkan dalam kehidupan seharian. Melalui KBS ini, murid dilatih melakukan amali wuduk dengan sempurna dengan menepati rukun; memahami dan menjelaskan sebab-sebab wuduk terbatal dan melakukan perlakuan rukun solat dengan sempurna.

KBS pada tahun 2016 ini telah diadakan di Pulau Tioman, Pahang Darul Makmur pada 2-4 November 2016 yang melibatkan seramai 60 orang murid sekolah rendah sekitar Pulau Tioman iaitu SK Tekek, SK Mukut dan SK Juara.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sebagai pendedahan dan peningkatan ilmu pengetahuan kepada murid terlibat dengan dibimbing oleh 10 orang fasilitator. Turut hadir sepanjang kem ini ialah Pengarah BPI, KPP Sektor Pendidikan Islam JPN Pahang, Pegawai Unit Pendidikan Islam Rendah (BPI), Pegawai Sektor Pendidikan Islam JPN Pahang.



Peserta dan jurulatih Kem Bestari Solat

5. Majlis Khatam Al-Quran Perdana Dan Pertandingan Kalam Jamaie Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Kebangsaan 2016

Majlis Khatam Al-Quran Perdana Peringkat Kebangsaan adalah salah satu aktiviti bagi melahirkan generasi Ulul Albab yang mampu menguasai kemahiran ilmu Al-Quran dan menghayati setiap falsafah dan hikmah yang terkandung dalam Al-Quran. Objektif majlis ini adalah untuk menggalakkan semua pihak melaksanakan aktiviti Khatam Al-Quran, memberi galakan kepada semua murid agar dapat menamatkan bacaan Al-Quran dengan baik serta dapat memartabatkan syiar Islam dan ketinggian serta kesucian Al-Quran. Melalui pertandingan ini, murid dapat dibimbing dengan kaedah bacaan al-Quran yang betul serta menjadi galakan kepada murid yang belum menghabiskan bacaan untuk khatam Al-Quran.

Pertandingan Kalam Jamaie pula adalah merupakan usaha untuk menambah keupayaan, minat, kemahiran dan keyakinan murid dalam berbahasa Arab di samping menyerlahkan bakat, ketrampilan diri serta keberanian ke arah kemenjadian murid yang mempunyai sahsiah dan jati diri yang unggul. Secara tidak langsung, pertandingan ini dapat mencungkil bakat murid khususnya dalam penguasaan Bahasa Arab dan dapat membentuk keyakinan murid dalam berinteraksi sesama mereka dengan menggunakan Bahasa Arab yang mudah dalam berkomunikasi. Selain itu, pertandingan ini juga dapat menarik minat semua murid termasuk pelajar bukan Islam untuk menyertai pertandingan Kalam Jamaie yang dianjurkan.



Peserta khatam quran



Peserta kalam jamaei



Pemenang bersama Menteri Besar Pahang

6. Penempatan Murid SMKA DAN SABK

Bilangan SMKA adalah sebanyak 58 buah sekolah manakala SABK Menengah adalah sebanyak 180 buah sekolah dan SABK Rendah adalah sebanyak 40 buah sekolah. Enrolmen keseluruhan murid SMKA bagi tahun 2016 adalah sebanyak 39,670 orang, manakala bagi SABK Menengah berjumlah 69,576 orang dan SABK Rendah pula sebanyak 15,740 orang murid.

Bagi kemasukan murid tingkatan satu 2016, SMKA dan SABK hanya menawarkan 23% penempatan dari jumlah permohonan yang diterima. Sebagai sekolah kawalan, permohonan ke SMKA dibuat secara berpusat melalui sistem atas talian yang dikendalikan oleh KPM manakala permohonan ke SABK pula dibuat kepada Lembaga Pengelola Sekolah masing-masing dan tawaran dibuat oleh mereka. Bagi SMKA, syarat kemasukan adalah adalah ditetapkan oleh pihak KPM melalui SPI Bil 3/2010. Manakala kemasukan ke SABK pula adalah bergantung kepada pencapaian murid di dalam peperiksaan aliran agama seperti Ujian Penilaian Kurikulum Kafa (UPKK) dan Penilaian Sekolah Rendah Agama (PSRA) di sekolah rendah agama.

BIL	SPI JPN	SMKA		SABK	
		PENAWARAN	PERMOHONAN	PENAWARAN	PERMOHONAN
1	PERAK	420	1662	1985	4881
2	SELANGOR	525	15624	3528	19338
3	PAHANG	634	5700	452	1495
4	KELANTAN	1125	3906	153	1350
5	JOHOR	645	8560	1610	5038
6	KEDAH	820	3893	2050	6063
7	MELAKA	641	3 189	589	4090
8	N. SEMBILAN	300	3796	943	2658
9	PULAU PINANG	727	6490	911	2498
10	PERLIS	300	1392	250	680
11	TERENGGANU	2276	9188	1700	4624
12	W.P.K. LUMPUR	150	2274	240	1800
13	W.P. PUTRAJAYA	120	593	0	0
14	SABAH	1155	3834	115	212
15	SARAWAK	964	2531	274	1061
JUMLAH		10802	72632	18228	52360

Jadual 5 : Data Permohonan Masuk Ke Tingkatan Satu Tahun 2016 Smka Dan Sabk Keseluruhan

7. Penempatan Dan Pertukaran Guru Tahun 2016

Berdasarkan Pekeliling SPI Bil 7/2010, BPI bertanggungjawab menguruskan penempatan dan pertukaran guru di semua SMKA dan SABK. Bagi tahun 2016, bilangan guru baharu yang ditempatkan di SMKA dan SABK adalah seramai 39 orang. BPI turut menguruskan 2596 permohonan pertukaran guru SMKA dan SABK pada tahun 2016.

BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

LATAR BELAKANG

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang sebelum ini dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional telah dibentuk pada tahun 2008 di bawah penstrukturan semula Kementerian Pendidikan Malaysia. BPTV merupakan peneraju utama kepada pendidikan Teknik dan Vokasional di peringkat institusi di bawah KPM dan dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV). Justeru, pelaksanaan dua program utama di bawah TPV iaitu Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan Kolej Vokasional (KV) adalah menjadi tanggungjawab BPTV setelah TPV diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan Ke- 195 pada 20 Disember 2010.

Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) merupakan satu usaha merekayasa sistem pendidikan Vokasional bagi menyumbang kepada agenda Transformasi Malaysia untuk mencapai status sebuah Negara maju menjelang tahun 2020; Negara berpendapatan tinggi selari dengan visi Rancangan Malaysia Ke-10; dan salah satu daripada 25 inisiatif utama yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025).

Tanggungjawab BPTV dalam melaksanakan agenda besar Negara dalam pendidikan teknik dan vokasional digalas bersama-sama di bawah pecahan empat fungsi utama iaitu Fungsi Pengoperasian Sekolah, Fungsi Pengurusan Akademik, Fungsi Pembangunan Pendidikan Teknik dan Vokasional dan Fungsi Pembangunan Kejurulatihan Pendidikan Teknik dan Vokasional. Empat fungsi utama ini bergerak bersama-sama dan saling berganding bahu bagi memastikan matlamat, visi, misi dan objektif BPTV tercapai.

Program Asas Vokasional (PAV) telah dilaksanakan secara rintis di 15 buah sekolah menengah mulai tahun 2012 dan sehingga tahun 2016 terdapat 81 sekolah menengah sedang melaksanakan PAV.

Kolej Vokasional pula telah dilaksanakan mulai tahun 2012 di 15 kolej vokasional rintis dan sehingga tahun 2016 terdapat 80 kolej vokasional yang menawarkan pelbagai program mengikut minat pelajar. Kemasukkan pelajar ke KV diambilkira dengan keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan pada tahun 2015 berdasarkan keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) selaras dengan pemansuhan PMR yang diganti dengan PT3. Murid KV dari 15 KV rintis dengan 16 program telah berjaya menamatkan pengajian Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dan telah dianugerah DVM di Majlis konvokesyen Kolej Vokasional Kali pertama 2016 di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Peristiwa hari ini dalam sejarah telah menyaksikan seramai 2273 graduan telah menerima Diploma Vokasional Malaysia masing-masing di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia, Kampus Nilai, Negeri Sembilan pada 24 hingga 25 Ogos 2016. 83.1% graduan KV kohot rintis ini juga telah mendapat pekerjaan mengikut bidang masing-masing dalam tempoh tiga bulan selepas tamat pengajian diploma di KV selama empat tahun dan tiga bulan termasuk empat bulan latihan industri (On Job Training).

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan (JPP) ke-206 pada 11 Mac 2015 telah memutuskan pelaksanaan Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) pada tahun 2015. PVMA ialah penjenamaan kepada Mata pelajaran Vokasional (MPV) dan memberi peluang kepada murid yang tidak berpeluang ke kolej vokasional untuk meneruskan pendidikan kemahiran dan vokasional di sekolah yang sama. Sehingga tahun 2016, terdapat 269 sekolah menengah sedang melaksanakan PVMA.



Majlis Konvokesyen Kolej Vokasional Kali Pertama dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia, Dato' Seri Mahdzir bin Khalid.

ENROLMEN PELAJAR

Pelbagai usaha dilaksanakan untuk mempromosikan program TPV kepada masyarakat melalui program Jelajah KPM, Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategi (NBOS), siaran pelan komunikasi di saluran televisyen seperti Program Nasi Lemak Kopi O, Selamat Pagi Malaysia, Astro Awani, Malaysia Hari Ini dan rancangan saluran radio iaitu Radio Nasional FM.

Hasil dari usaha-usaha ini maka enrolmen pelajar keseluruhan yang mengikuti pendidikan teknik dan vokasional di Kolej Vokasional, KPM; Sekolah Menengah Teknik (SMT); Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Wood Industry Skills Development Centre (WISDEC), Institut Latihan Perindustrian (ILP); Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS); GIATMARA, Program Apprenticeship Kolej Vokasional, Program Kemahiran KV, Murid Berkeperluan Khas, Sijil Kemahiran Malaysia PAV, Projek Link, Tingkatan 6 (SMT), Latihan Perindustrian (On Job Training) dan Sijil Kemahiran Malaysia Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKBTN) ialah seramai 75,310 orang.

PENEMPATAN DAN PERTUKARAN GURU


Pihak pengurusan BPTV sentiasa memperoleh bekalan guru baharu untuk ditempatkan di KV dan SMT mengikut kekosongan opsyen mengajar. Pada tahun 2016, seramai 970 guru baharu telah ditempatkan di KV dan SMT seperti ditunjukkan dalam Rajah 1. Permohonan pertukaran guru telah bermula pada bulan September 2016 dan permohonan pertukaran guru telah diproses mulai Oktober hingga November untuk sesi persekolahan Januari 2017. Pada tahun 2016, seramai 1365 permohonan pertukaran guru telah diterima dan 378 permohonan pertukaran guru telah diluluskan sepertimana ditunjukkan dalam Rajah 2. Bagi memenuhi keperluan opsyen bidang vokasional, pihak BPTV telah mengambil seramai 100 orang guru interim. Guru interim ialah guru yang dilantik secara kontrak selama dua tahun yang terdiri daripada mereka yang mempunyai kelulusan tertentu yang diperlukan dalam opsyen perguruan tetapi tidak mempunyai kelayakan ikhtisas. Bagi memenuhi kelayakan ikhtisas tersebut, mereka diwajibkan menghadiri kursus bagi membolehkan mereka mendapat Diploma Pendidikan sebelum dilantik secara tetap.

Selain itu, guru –guru yang mengajar bidang akademik dan bidang vokasional di kolej vokasional perlu memenuhi keperluan kriteria latar belakang akademik yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualifications Agency (MQA). Bagi guru bidang vokasional di KV, guru PAV dan guru PVMA di sekolah menengah harian pula, perlu mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) sekurang-kurangnya satu tahap lebih tinggi dari yang ditawarkan kepada murid di institusi masing-masing. Justeru, sehingga Disember 2016, seramai 124 guru mempunyai kelayakan SKM Tahap Satu; 518 guru mempunyai kelayakan SKM Tahap Dua: 2605 guru mempunyai kelayakan SKM Tahap Tiga; 246 guru mempunyai kelayakan SKM Tahap Empat; dan 217 guru mempunyai kelayakan SKM Tahap Lima. Status SKM guru ditunjukkan pada Jadual 1.


STATUS SKM UNTUK KOLEJ VOKASIONAL (KV), PENDIDIKAN ASAS VOKASIONAL (PAV) DAN PENDIDIKAN VOKASIONAL MENENGAH ATAS (PVMA) SEHINGGA DISEMBER 2016

	BIL. GURU	TIADA SKM	SKM 1	SKM 2	SKM3	SKM 4	SKM 5
KOLEJ VOKASIONAL (KV)	4622	1572	114	204	2269	246	217
PEND. ASAS VOKASIONAL (PAV)	392	149	5	8	230	0	0
PEND. VOKASIONAL MENENGAH ATAS (PVMA)	661	244	5	306	106	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	-	-	124	518	2605	246	217

Jadual 1: Status SKM Guru Sehingga Disember 2016



Rajah 1 : Status Penempatan Guru Baharu SMT dan KV



Rajah 2: Status permohonan pertukaran guru

PENCAPAIAN

Pencapaian pelajar di KV dan SMT juga bergantung kepada kecemerlangan guru. Guru yang berprestasi cemerlang mampu memberi motivasi kepada pelajar. Justeru, seorang guru Kolej Vokasional Keningau, Sabah, Mohd Sirhajwan Idek telah melakar sejarah apabila terpilih sebagai finalis Varkey Foundation Global Teacher Prize 2017 yang akan diadakan di Global Education and Skills Forum, Dubai pada bulan Mac 2017. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) BPTV iaitu Kumpulan Master-H ECS telah terpilih mewakili KPM untuk menyertai Program Antarabangsa International Team Excellence Award (ITEA) 2016 di Milwaukee, Wisconsin, Amerika Syarikat pada 16 - 18 Mei 2016; dan meraih Anugerah Emas 3 Bintang di 22nd Asia Pacific Quality Organisation Conference (APQO) 2016 di Rotorua, New Zealand pada 20-23 November 2016.



Mohd Sirhajwan Idek telah melakar sejarah apabila terpilih sebagai finalis Varkey Foundation Global Teacher Prize 2017

Bagi mencapai kemenjadian murid di bawah Transformasi Pendidikan Vokasional, pelbagai aktiviti di peringkat zon dan peringkat kebangsaan dilaksanakan di KV dan SMT seperti Program Pertandingan Inovasi, Pertandingan KV Skills, Perkhemahan Bersepadu Peringkat Kebangsaan dan Program Berasaskan Sukan VOKTEK. Pelajar dari Kolej Vokasional Balik Pulau memenangi Gold Medal di Pertandingan Institute of Research Management dan Innovation 2016 (IIDEX 2016) anjuran Universiti Teknologi MARA. Manakala, di peringkat antarabangsa pula, murid dari SMT Kuala Lumpur berjaya memenangi anugerah Gold Medal di Pertandingan Indonesia Young Inventor Awards 2016 (IYIA) di Surabaya, Indonesia pada 6-8 September 2016.



Pelajar SMT Kuala Lumpur memenangi Gold Medal di ITIA 2016



Wakil KIK Master H ECS menerima Award ITEA 2016 di Milwaukee, Amerika Syarikat



KIK Master H ECS menerima Anugerah Emas Tiga Bintang di di APQO Rotorua, New Zealand

Selain itu, enam produk inovasi yang didaftarkan di bawah enam koperasi kolej vokasional juga telah berjaya menjadi finalis untuk pertandingan High Performing Student Co-Operatives (HIPER) anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) di peringkat pra-final pertandingan yang akan berakhir pada bulan Mac 2017. Enam produk dari enam kolej vokasional iaitu KV Teluk Intan, Perak; KV Dato' Undang Haji Muhamad Sharip, Rembau, Negeri Sembilan; KV (ERT) Azizah, Johor Bharu, Johor; KV Batu Pahat, Johor; KV Temerloh, Pahang dan KV Kuching, Sarawak telah berjaya memenangi geran RM10 ribu di peringkat suku akhir dan RM30 ribu di peringkat separuh akhir pada 4 September 2016. Enam kolej vokasional ini juga secara langsung akan mewakili Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memenangi geran berjumlah RM100 ribu di peringkat pertandingan akhir nanti.

Pertandingan HIPER juga telah menjadi platform dan laluan kepada murid KV untuk mengenengahkan produk inovasi di pertandingan Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) di bawah anjuran Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri. Produk inovasi KV Kuching, Sarawak telah berjaya memenangi geran RM500 ribu dalam pertandingan akhir SUPERB yang diadakan pada 27 November 2016 dan hanya 12 finalis dari 33 finalis telah berjaya memenangi sejumlah geran tersebut. Selain itu, hanya KV Kuching, Sarawak sahaja merupakan finalis tunggal dari Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan juga Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).



Pemenang pertandingan High Performing Student Co-Operatives (HIPER)



Pegawai BPTV, dua orang guru pembimbing dan empat peserta projek inovasi meraikan kemenangan geran RM500 ribu selepas keputusan juri di Pertandingan SUPERB.

BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS

LATAR BELAKANG

Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) bertanggungjawab merancang, mengurus dan menyelaras semua program pendidikan khas rendah dan menengah; melibatkan Sekolah Pendidikan Khas (SPK), Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan pada peringkat pra-sekolah, rendah, menengah dan lepas menengah.

Bahagian ini membawa misi untuk membangun modal insan pendidikan khas yang cemerlang berasaskan;

- Sistem pendidikan yang berkualiti, relevan dan holistik;
- Perkembangan potensi diri ke tahap optimum;
- Keupayaan berdaya saing dan kebolehpasaran;
- Nilai-nilai murni sebagai warganegara yang bertanggungjawab;
- Perkongsian pintar dengan pelbagai pihak; dan
- Pengantarabangsaan Program Pendidikan Khas

Selain daripada pendidikan bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK), BPKhas juga diberi tanggungjawab mengurus dan menyelaras penyediaan pendidikan bagi murid arus perdana yang berada di program khas seperti Program Pemulihan Khas, Sekolah Dalam Hospital (SDH) serta Sekolah Integriti (SI) dan Sekolah Henry Gurney(SHG).

DASAR DAN PERATURAN

Semua pelaksanaan Program Pendidikan Khas di Malaysia tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 (Bab 8) dan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013 telah diwartakan pada 18 Julai 2013 mengandungi beberapa pindaan dan penambahbaikan. Antara pindaan utama dalam peraturan 2013 adalah kategori MBK diperluas daripada tiga kategori kepada enam kategori dengan pelaksanaan tempoh percubaan maksimum tiga bulan.

Akta Pendidikan 1996, (Akta 550) Bab 8 Perenggan 40 menyatakan bahawa Menteri diberi kuasa untuk mengadakan pendidikan khas bergantung kepada keperluan semasa dan menetapkan Peraturan-peraturan Pendidikan Khas menjadi asas kepada penggubalan Kod Amalan Pendidikan MBK.

Kod Amalan bertujuan memberi panduan dan penjelasan tentang tatacara penyampaian pendidikan bagi MBK di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) demi memastikan mereka memperoleh akses pendidikan yang berkualiti dan bermanfaat kea rah perkembangan hidup yang berkualiti.

Kod Amalan ini menjelaskan tentang tanggungjawab setiap pihak yang terlibat dalam penyampaian perkhidmatan pendidikan kepada MBK dan tertakluk kepada Akta Pendidikan dan Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) semasa dan terdiri daripada sembilan bab iaitu:

Bab 1	Polisi dan pelaksanaan
Bab 2	Pengesanan dan Penempatan
Bab 3	Penyertaan Murid
Bab 4	Pelibatan Ibu Bapa/Penjaga
Bab 5	Kurikulum
Bab 6	Kokurikulum
Bab 7	Pentaksiran
Bab 8	Khidmat Sokongan dan Bantuan
Bab 9	Kerjasama Pelbagai Agensi

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Enrolmen MBK Tahun 2016

Usaha yang berterusan KPM dalam memperjuangkan deklarasi antarabangsa 'Pendidikan Untuk Semua' telah berjaya meningkatkan akses kepada pendidikan yang berkualiti bagi MBK. Peningkatan akses ini dapat dibuktikan dengan pertambahan enrolmen MBK dalam sistem pendidikan kebangsaan. Enrolmen keseluruhan MBK bagi tahun 2016 adalah 84,921 orang yang merangkumi 2269 orang MBK di SPK, 59,505 orang PPKI dan 23,048 murid di PPI (Inklusif penuh dan separa). Maklumat MBK sehingga Oktober 2016 adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Data Murid Berkeperluan Khas dan Bilangan Guru di SPK dan PPKI sehingga Oktober 2016

Nama Program	Peringkat	Jumlah MBK	Jumlah Guru
Sekolah Pendidikan Khas	Prasekolah	123	31
	Rendah	1,219	818
	Menengah	927	402
Sekolah Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)	Prasekolah	830	168
	Rendah	32,576	7951
	Menengah	26,099	5235
Program Pendidikan Inklusif (PPI)	Inklusif Penuh	15913	
	Inklusif Separa	7135	

2. Sekolah Pendidikan Khas

Sekolah Pendidikan Khas (SPK) adalah sekolah khusus di bawah kawalan Bahagian Pendidikan Khas yang dibangunkan untuk menempatkan murid berkeperluan khas (MBK). MBK diasingkan dan belajar dalam kelompok mereka sahaja. Sehingga akhir tahun 2016, terdapat 28 buah Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, 2 buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas dan 4 buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional.

3. Program Pendidikan Khas Integrasi

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) ialah program yang dilaksanakan semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Sekolah-sekolah ini mempunyai kelas khas yang diasingkan untuk MBK di mana mereka belajar dalam kelas pendidikan khas serta diajar oleh guru pendidikan khas.

4. Program Pendidikan Inklusif (PPI)

Program Pendidikan Inklusif (PPI) merupakan program pendidikan yang disediakan di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bagi MBK belajar bersama-sama murid tipikal dalam satu kelas yang sama agar mereka dapat membangunkan potensi dari tahap yang lebih optimum. MBK belajar menggunakan kurikulum standard kebangsaan seperti murid lain dengan sedikit atau tanpa bantuan sokongan. Komitmen KPM untuk meningkatkan penyertaan MBK dalam program pendidikan inklusif telah termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan menetapkan sasaran 30% MBK didaftarkan dalam PPI pada tahun 2016. Secara keseluruhan, pencapaian inisiatif dalam gelombang 1 PPPM dan tahun pertama gelombang 2 adalah seperti jadual 2.

Jadual 2 : Pencapaian Inisiatif Dalam Gelombang 1 PPPM dan Tahun Pertama Gelombang 2

Tahun	Jumlah Keseluruhan MBK	Jumlah MBK PPI	Peratus (%)
2013	56,406	5,376	9.60%
2014	58,006	10,700	18.44%
2015	72,715	16,899	23.24%
2016	76,166	23,048	30.26%

5. Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney

Program Pendidikan Banduan Muda di Sekolah Integriti dan Program Pendidikan Juvana di Sekolah Henry Gurney diwujudkan Kementerian Dalam Negeri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru-guru di sekolah ini dibekalkan menggunakan jawatan Kader oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekolah Integriti dikhususkan untuk banduan muda berusia 21 tahun ke bawah yang ditempatkan di dalam penjara tetapi mengikuti pengajaran dan pemudah cara (PdPc) melalui kemudahan yang diasingkan seperti bilik darjah, makmal komputer, padang atau gelanggang sukan, surau dan bilik guru. Sekolah ini menggunakan kurikulum kebangsaan. dengan kelas dibahagikan kepada kelas 3M (membaca, menulis, mengira), pra-PMR, PMR, pra-SPM, SPM dan STPM.

Sekolah Henry Gurney menempatkan golongan remaja yang diperintahkan oleh Mahkamah Juvana ditahan bagi program pemulihan. Sekolah Henry Gurney menggunakan modul pemulihan Jabatan Penjara termasuk pengukuhan sahsiah, akademik, kerohanian, kemahiran, sukan dan rekreasi. Modul akademiknya menggunakan kurikulum kebangsaan bagi membolehkan penghuni menduduki peperiksaan awam seperti SPM dan STPM.

6. Majlis Anugerah Nilam Peringkat Kebangsaan 2016

Anugerah Nilam Kebangsaan 2016 anjuran Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) telah diadakan pada 29 April 2016 di Dewan Blok D, Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) bersempena dengan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2016. Pengiktirafan ini turut melibatkan MBK yang berupaya membaca buku-buku di perpustakaan sekolah dan berada pada tahap yang membanggakan. Upacara perasmian dan penyampaian hadiah dan sijil telah disempurnakan oleh YB. Dato' Seri DiRaja Mahdzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia.

Jadual 3 : Senarai Penerima Anugerah NILAM Mengikut Kategori MBK

Kategori MBK	Nama Murid	Nama Sekolah
Kurang Upaya Pendengaran (Lelaki)	Muhammad Danish Zafuan bin Md Ridwan	SKPK Muar, Johor
Kurang Upaya Pendengaran (Perempuan)	Chia Wan Zhi	SKPK Kuantan, Pahang
Kurang Upaya Penglihatan (Lelaki)	Amirul Hafizi binti Muhamad Yusof	SKPK Jalan Batu, KL
Kurang Upaya Penglihatan (Perempuan)	Han Jia Xuan	SKPK Princess Elizabeth, Johor
Masalah Pembelajaran (Lelaki)	Aidil Harith Danial bin Azmi	SMPKV Kuantan, Pahang
Masalah Pembelajaran (Perempuan)	Nurul Aslina binti Mohamad Kolaimi	SMPKV Shah Alam











7. Majlis Tilawah Al-Quran Pendidikan Khas Peringkat Kebangsaan 2016

Majlis Tilawah Al-Quran Pendidikan Khas Peringkat Kebangsaan kali ke 14 telah diadakan di Politeknik Merlimau, Melaka pada 09 hingga 12 Mei 2016. Program ini bertujuan memberi peluang dan mencungkil bakat MBK nelalui pertandingan tilawah al-quran, hafazan, bercerita kisah nabi, nasyid dan penulisan khat jawi. Seramai 1000 orang warga pendidikan khas seluruh Malaysia terlibat dalam menjayakan majlis ini.







8. Kejohanan Balapan dan Padang Pendidikan Khas peringkat Kebangsaan 2016

Kejohanan Balapan dan Padang Pendidikan Khas Kebangsaan Tahun 2016 telah berlangsung pada 18 hingga 23 Mei 2016 di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Gong Badak,Terengganu. Kejohanan ini merupakan landasan terbaik untuk mencungkil dan melahirkan bakat-bakat yang berpotensi dalam kalangan MBK untuk diketengahkan ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. MBK yang berpotensi ini akan digilap dan dipertingkatkan kualitinya melalui Program Pembangunan Sukan. Impak daripada usaha ini akan melahirkan atlet-atlet sukan berpotensi tinggi yang berdaya saing dan mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Jadual 4: Jumlah Pelibatan MBK Pada Balapan dan Padang Pendidikan Khas Peringkat Kebangsaan 2016

Kategori	Jumlah
MBK Ketidakupayaan Pendengaran	120
MBK Masalah Pembelajaran	480
MBK Ketidakupayaan Penglihatan	120
SMPKV	20
Jumlah Keseluruhan	740









9. Malaysia ICT Challenge For Special Needs 2016

Malaysia ICT Challenge for Special Needs 2016 telah berlangsung di Kolej Matrikulasi Selangor (Banting) pada 24 hingga 27 Mei 2016 bertujuan memberi pendedahan kepada MBK terhadap pertandingan ICT secara individu dan berpasukan sebagai persediaan menghadapi pertandingan di peringkat antarabangsa. Selain daripada itu, program ini juga mampu menggalakkan MBK dan guru Pendidikan Khas menggunakan ICT sebagai medium pengajaran dan pembelajaran di samping dapat mempamerkan bakat dalam bidang ICT.

Pertandingan ini disertai oleh seramai 138 orang MBK dan 19 orang guru pendidikan khas dari sekolah menengah seluruh Malaysia yang meliputi SPK dan PPKI. Negeri Selangor telah dinobatkan sebagai johan keseluruhan dan jadual 4 menunjukkan senarai MBK yang terpilih mewakili Malaysia ke Global IT Challenge For Youth With Disabilities 2016 di Yangzhou, China.

Jadual 5 : Senarai MBK Yang Mewakili Malaysia ke Global IT Challenge For Youth With Disabilities 2016 Yangzhou, China

Kategori Peserta	Nama	Sekolah	Negeri
Ketidakupayaan Penglihatan	Muhammad Naif Aziman bin Mohamad Fadzeli	SMK Derma, Perlis	Perlis
Ketidakupayaan Pendengaran	Kiat Kevin	SMK (L) Methodist, Kuala Lum-pur	Kuala Lumpur
Masalah Pembelajaran	Nur Farah Syiffa binti Mohd Khairul Ariffin	SMK Kompleks KLIA, Negeri Sembilan	Negeri Sembilan
Ketidakupayaan Fizikal	Muhammad Nabil bin Harmylis	SMK Dato' Sheikh Ahmad, Perlis	Perlis









BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

LATAR BELAKANG

BPSBPSK telah ditubuhkan pada tahun 2008. BPSBPSK dibahagikan kepada 3 sektorutama iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK). BPSBPSK mempunyai seramai 99 orang kakitangan terdiri daripada 71 pegawai dan 28 pegawai khidmat pelaksana. Terdapat 69 buah SBP, 140 SBT dan 415 SKK berada dibawah jagaan BPSBPSK sehingga kini.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Pertandingan Wind Orchestra SBP Tahun 2016

Pertandingan Wind Orchestra SBP telah diadakan pada 3 hingga 6 Ogos 2016 bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia.Pertandingan ini adalah acara tahunan SBP. Pertandingan ini diadakan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara Malaysia (UITM). Johan pada tahun ini disandang oleh pasukan dari Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR).





2. Bahas Piala Perdana Menteri SBP Tahun 2016

Pertandingan Bahas Piala Perdana Menteri SBP Tahun 2016 telah diadakan pada 31 Julai 2016 bertempat di Dewan IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur.Dua kategori di pertandingkan iaitu kategori Bahasa Melayu dan kategori Bahasa Inggeris. Johan bagi kategori Bahasa Melayu diungguli oleh pasukan bahas dari SM Sains Banting manakala bagi kategori Bahasa Inggeris dimenangi oleh pasukan bahas dari The Malay College Kuala Kangsar.





3. Kejohanan Ragbi SBP 10's Peringkat Kebangsaan 2016

Kejohanan Ragbi SBP 10's Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 2-4 September 2016 bertempat di padang SM Sains Sultan Mahmud, Terengganu. Johan telah disandang oleh SBP Integrasi Jempol. The Malay College Kuala Kangsar.





4. Kejohanan Kriket Sekolah Berasrama Penuh Peringkat Kebangsaan 2016

Kejohanan Kriket sekolah Berasrama Penuh Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 21-26 September 2016 bertempat di padang SM Sains Sultan Mohamad Jiwa, Kedah. Kejohanan ini diadakan dengan kerjasama dari Persatuan Kriket Negeri Kedah, Malaysian Cricket Association dan ASAK (Alumni Sains Kedah). Pasukan dari SM Sains Sultan Mohamad Jiwa telah menjadi johan di dalam kejohanan ini.





5. Karnival Kebangsaan Program Cuti Sekolah Murid Thailand Tajaan KPM 2016

Karnival Kebangsaan Program Cuti Sekolah Murid Thailand 2016 telah berlangsung selama lima hari, bertempat di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol pada 15-19 Mac 2016. Program ini melibatkan semua murid Thailand daripada lima buah sekolah di Malaysia terdiri daripada Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Jempol, Sekolah Berasama Penuh Integrasi Gombak, Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang, Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur serta Sekolah Menengah Agama Maahad Hamidiah Kajang.







6. Kursus Kepemimpinan Ketua Murid Dan Penolong Ketua Murid SBP Peringkat Kebangsaan Ke-10 Tahun 2016

Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan telah mempelbagaikan usaha untuk meningkatkan tahap kepemimpinan keseluruhan murid Sekolah Berasrama Penuh daripada peringkat rendah sehingga ke peringkat yang tertinggi yang boleh dicapai oleh seseorang murid SBP. Salah satu usaha yang digembleng untuk memastikan keseluruhan murid dapat ditingkatkan kualiti kepemimpinan mereka dengan membangunkan punca kuasa usaha sekolah iaitu kepimpinan tertinggi sekolah. Mereka perlu diberi panduan dan bimbingan agar membawa seluruh warga murid sekolah dapat dibentuk ke arah pemimpin yang cemerlang dan terpimpin. Mereka boleh memimpin diri mereka, memimpin kelompok yang kecil dan besar sehingga ke peringkat antarabangsa. Kepemimpinan tertinggi sekolah adalah terdiri daripada ketua murid dan penolong ketua murid yang perlu dibimbing khas dalam kursus Kepemimpinan seperti ini. Kursus ini telah diadakan pada 23-26 Februari 2016 bertempat di Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan dan dikelolakan oleh Sekolah Dato' Abdul Razak.



7. Pemantauan Dan Bimbingan Sekolah Band 1 Ke Arah SBT

Pemantauan dan bimbingan ini bertujuan untuk membantu 11 buah sekolah rendah yang telah dikenalpasti untuk diverifikasi oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) sebagai calon SBT Kohort 6. Bimbingan adalah berdasarkan skor Penilaian Kendiri Sekolah (PKS) SKPM dan skor dalam Annex-SBT 2.0. Bimbingan kepada sekolah berfokuskan kepada persembahan power point, dokumentasi dan persiapan fizikal sekolah. Pemilihan sekolah-sekolah ini adalah berdasarkan skor Instrumen Annex SBT 2.0 setiap sekolah yang diisi melalui Portal NKRA sebagaimana yang diputuskan dalam Mesyuarat Penyelarasan pemilihan SBT yang dipengerusikan oleh TKPPM (SOP). Program ini bermulapada 1 April 2016 hingga 10 Ogos 2016 di mana pegawai-pegawai BPSBPSK turunke 11 buah sekolah ini untuk membuat pemantauan dan bimbingan.







8. Mesyuarat Pemilihan Dan Penempatan Murid SBP Tingkatan Satu (1) Dan Tingkatan Empat (4) Tahun 2016

Mesyuarat pemilihan dan penempatan murid SBP tingkatan satu (1) dan tingkatan empat (4) tahun 2016 telah dijalankan pada 14-19 Januari 2016 bertempat di Hotel Royal Bintang, Seremban.

Mesyuarat ini bertujuan untuk memilih dan menempatkan murid tingkatan satu dan tingkatan empat (4) ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) untuk tahun 2016 berdasarkan syarat dan kriteria yang ditetapkan.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Pengarah, Timbalan Pengarah SBP, Ketua Penolong Pengarah Kanan SBP dan Penolong Pengarah dari Sektor Pengurusan Hal Ehwal Murid. Proses pemilihan ini telah dibantu oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dari aspek penyediaan sistem, memproses permohonan dan penyediaan peralatan teknikal.







PENCAPAIAN SBP SEPANJANG TAHUN 2016

Bil	Tarikh	Program / Anjuran	Sekolah	Tempat	Pencapaian			
					Johan / Emas	N. Johan / Perak	Ketiga / Gangsa	Anugerah Khas / Lain-lain
1	5-9 JAN 2016	PRINCESS CHULABHORN'S COLLEGE ACADEMIC FESTIVAL AND SCIENCE FAIR 2015	SMS BATU PAHAT	THAILAND	(4 EMAS)	(1 PERAK)	(3 GANGSA)	
2	5-9 JAN 2016	ACADEMIC FESTIVAL AND SCIENCE FAIR 2015 PRINCESS CHULABHORN COLLEGE SATUN THAILAND	SMS TUANKU SYED PUTRA	THAILAND	(6 EMAS)	(5 PERAK)	(7 GANGSA)	
3	31 JAN - 7 FEB 2016	BANGKOK INTERNATIONAL INTELECTUAL PROPERTY, INVENTION AND EXPOSITION IPITEX 2016	SM SAINS HULU SELANGOR	THAILAND	(1 EMAS)			
4	1-8 MAC 2016	ISTANBUL INTERNATIONAL INVENTORS FAIR (ISIF) 2016	SM SAINS HULU SELANGOR	TURKI	(1 EMAS)		(1 GANGSA)	(2 ANUGERAH KHAS)
5	1-8 MAC 2016	ISTANBUL INTERNATIONAL INVENTORS FAIR (ISIF) 2016	SEKOLAH SERI PUTERI	TURKI			(1 GANGSA)	
6	24-30 MAC 2016	36TH BEIJING YOUTH SCIENCE CREATION COMPITETION (BYSCC) 2016	SM SAINS MIRI	CHINA				(1 ANUGERAH KHAS)
7	16-22 APRIL 2016	INTERNATIONAL CONFERENCE OF YOUNG SCIENTISTS (ICYS)	SMS SULTAN HAJI AHMAD SHAH	ROMANIA				(1 ANUGERAH KHAS)
8	17-25 APRIL 2016	PERTANDINGAN 2016 VEX ROBOTICS WORLDS CHAMPIONSHIP	SEKOLAH TUN FATIMAH	AMERIKA SYARIKAT				(1 ANUGERAH KHAS)
9	8-14 MEI 2016	25TH INTERNA-TIONAL RESEARCH PROJECTS CONTEST 2016	SDAR	TURKI				(1 ANUGERAH KHAS)
10	22-26 MEI 2016	INTERNATIONAL ROBOTIC WORKSHOP II MACAO	SMS JOHOR	MACAU				(1 ANUGERAH KHAS)
11	13-20 JULAI 2016	ASIA PACIFIC CONFERENCE OF YOUNG SCIENTIST (APCYS) 2016	SMS SELANGOR	INDIA		(1 PERAK)		

12	13-20 JULAI 2016	ASIA PACIFIC CONFERENCE OF YOUNG SCIENTIST (APCYS) 2016	SAS	INDIA				(1 ANUGERAH KHAS)
13	12-18 JUN 2016	5TH ASEAN +3 JUNIOR SCIENCE ODYSSEY 2016	SDAR	FILIPINA		(1 PERAK)	(2 GANGSA)	
14	3-7 JUN 2016	THE 2ND WORLD INVENTION INOVATION CONTEST (WIC 2016	SBPI RAWANG	KOREA	(9 EMAS)			(10 ANUGERAH KHAS)
15	11-24 JUN 2016	INTERNATIONAL HIGH SCHOOL PROJECT OLYMPIAD 2016 DAN LAWATAN KE UNIVERSITI-UNIVERSITI IVY	SDAR	AMERIKA SYARIKAT		(1 PERAK)		
16	25 JUN - 1 JULAI 2016	WORLD SCHOLAR'S CUP GLOBAL ROUND	TKC	THAILAND		(1 PERAK)		
17	19-22 JULAI 2016	2ND INTERNATIONAL ART-CREATIVITY & ENGINEERING EXHIBITION (I+ACHEH) 2016	SMS SELANGOR	INDONESIA				(1 ANUGERAH KHAS)
18	13-20 JULAI 2016	ASIA PACIFIC CONFERENCE OF YOUNG SCIENTIST (APCYS) 2016	SMS SULTAN HAJI AHMAD SHAH	INDIA	(2 EMAS)			
19	1-6 OGOS 2016	SCIENCE, SPORT, LANGUAGE AND CULTURAL FESTIVAL (SSLC) MALAYSIA-THAILAND SCHOOLS 2016	SMS SERI PUTERI	THAILAND				(1 ANUGERAH KHAS)
20	12-17 JULAI 2016	ASIA PACIFIC CONFERENCE OF YOUNG SCIENTIST (APCYS) 2016	SBPI RAWANG	INDIA	(1 EMAS)	(1 PERAK)	(1 GANG-SA)	
21	5-9 SEPT 2016	INTERNATIONAL YOUNG INVENTORS AWARD IYIA 2016	SMS SELANGOR	INDONESIA				(1 ANUGERAH KHAS)
22	25-27 JULAI 2016	SINGAPORE INTERNATIONAL BAND FESTIVAL 2016	SMS SELANGOR	SINGAPURA				(1 ANUGERAH KHAS)
23	16-24 JULAI 2016	27 INTERNATIONAL BIOLOGY OLYMPIAD 2016	SMS SELANGOR	VIETNAM				(1 ANUGERAH KHAS)
24	27-31 JULAI 2016	WORLD INVENTION CREATIVITY CONTEST WICC 2016						
25	28-31 JULAI 2016	SINGAPORE INTERNATIONAL BAND FESTIVAL 2016						

26	25-30 OGOS 2016	PERTANDINGAN WORLD YOUTH SCRABBLE CHAMPIONSHIP 2016	SAS	PERANCIS				(1 ANUGERAH KHAS)
27	24-29 OGOS 2016	JAPAN DESIGN AND INVENTION EXPO 2016	TKC	JEPUN				(1 ANUGERAH KHAS)
28	26-31 OKT 2016	2016 ASAKURA HIGH SCHOOL'S INTERNATIONAL ENGLISH SPEECH CONTEST	SBPI GOMBAK	JEPUN				(1 ANUGERAH KHAS)
29	7-14 DIS 2016	KEJOHANAN MEMANAH DALAM DEWAN REMAJA ANTARABANGSA 2016	SBPI RAWANG	THAILAND				(1 ANUGERAH KHAS)
30	15-23 DIS 2016	3RD INTERNATIONAL TAIWAN CULTURAL EXCHANGE PROGRAMME AND COMPETITION 2016	SAS	TAIWAN				(1 ANUGERAH KHAS)
31	26 - 29 NOV 2016	PERTANDINGAN WECODE (DIGITAL CAMPUS 2016) TERBUKA	SSP	INDONESIA				(1 ANUGERAH KHAS)
32	13-18 DIS 2016	18TH INTERNATIONAL ROBOT OLYMPIAD (IRO) 2016 BEIJING CHINA	SMS SULTAN MAHMUD	CHINA				(1 ANUGERAH KHAS)
33	1-5 DIS 2016	THE 1ST INTERNATIONAL STEM STUDY COMPETITION (1ST ISSSC)	SAS	CHINA				(1 ANUGERAH KHAS)
34	2-12 DIS	INTERNATIONAL JUNIOR SCIENCE OLYMPIAD	SEMSAS	INDONESIA				(1 ANUGERAH KHAS)
35	6-11 DIS 2016	KAOHSIUNG INTERNATIONAL INVENTION AND DESIGN EXPO	TKC	TAIWAN				(1 ANUGERAH KHAS)

BAHAGIAN SUKAN

LATAR BELAKANG

Melalui penstrukturan baharu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada 16 September 2003, pelaksanaan pembangunan program sukan di sekolah-sekolah diletakkan di bawah bidang tugas Jabatan Pendidikan Jasmani dan Sukan (JPJS) yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Pada Jun 2008, pengstrukturan KPM telah meletakkan Unit Kokurikulum di Bahagian Sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Jasmani dan Sukan yang dikenali sebagai Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum. Pada 29 Julai 2010, KPM telah mewujudkan Bahagian Sukan sebagai sebuah Bahagian yang berasingan dari Bahagian Kokurikulum dan Kesenian. Pengstrukturan semula ini diadakan supaya Bahagian Sukan memberi fokus kepada pembangunan sukan di sekolah.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. PROGRAM SATU MURID SATU SUKAN (1M1S)

Dasar 1M1S adalah selaras dengan Dasar Sukan Negara (DSN) yang memberi penekanan kepada Sukan Untuk Semua (SUS) dan Sukan Untuk Kecemerlangan (SUK), di mana dasar ini menitikberatkan penglibatan semua murid dalam pelbagai aktiviti secara lebih terurus dan terancang dalam melahirkan modal insan secara holistik. Sepanjang tahun 2016, Bahagian Sukan telah melaksanakan pelbagai aktiviti selaras dengan Dasar 1M1S di peringkat kebangsaan bagi memupuk budaya bersukan dalam kalangan murid sekolah agar menjadi ahli masyarakat yang mengamalkan gaya hidup sihat, cergas dan berdaya saing tinggi. Jadual 1 memaparkan aktiviti 1M1S yang telah dilaksanakan bagi tahun 2016.

BIL.	PROGRAM	TARIKH / TEMPAT	JUMLAH MURID	JENIS SUKAN
1	Kejohanan Ragbi Jemputan 7 Sebelah Salbros-KPM 2016	13 – 14 Mac 2016 Sekolah Tunku Mahkota Ismail, Johor	288 orang	Ragbi
2	Kejohanan Bola Sepak 7 Sebelah 1M 1S KPM-YBR Peringkat Kebangsaan 2016	28 September – 2 Oktober 2016 Pasir Gudang, Johor	240 orang	Bola Sepak
3	Program Kecergasan KPM Peringkat Kebangsaan 2016 Sempena Hari Sukan Negara 2016	8 Oktober 2016 W.P. Putrajaya	12,500 orang	Aktiviti / Pertandingan i. Jalan Ria 1M1S ii. Senamrobik antara sekolah iii. Bola Baling (3 on 3) iv. Bola Jaring (3 on 3) v. Bola Keranjang (3 on 3) vi. Hoki (3 on 3) vii. Ping Pong viii. Bola Tampar ix. Ragbi Sentuh x. Futsal xi. Sepaktakraw Bulatan xii. Lompat Tali xiii. Frisbee Jombola
4	Kejohanan Sukan Sekolah Pribumi Sarawak 2016	13 – 16 Oktober 2016 Miri, Sarawak	252 orang	i. Futsal (3 on 3) ii. Sepaktakraw (3 on 3) iii. Bola Jaring (3 on 3)
5	Kejohanan Sukan Sekolah Pedalaman Sabah 2016	14 – 16 November 2016 Beaufort, Sabah	422 orang	i. Balapan & Padang ii. Sepaktakraw (3 on 3) iii. Bola Jaring (3 on 3)
6	Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli Ke-9 2016	14 – 16 November 2016 Beaufort, Sabah	448 orang	i. Balapan & Padang ii. Bola Sepak iii. Sepaktakraw iv. Bola Baling
7	Kejohanan Piala Menteri Pendidikan 1M 1S 2016	25 – 29 November 2016 Kota Tinggi, Johor	400 orang	i. Futsal ii. Bola Jaring iii. Bola Keranjang

Jadual 1: Aktiviti di bawah pelaksanaan Dasar 1M1S

LAMPIRAN BERGAMBAR PELAKSANAAN AKTIVITI DI BAWAH PROGRAM 1M1S BAGI TAHUN 2016



YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak melepaskan peserta Jalan Ria 1M1S



Ikon sukan diperkenalkan kepada Tetamu Kehormat



Aksi acara bola baling dalam Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli



Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan Sukan Sekolah Pribumi Sarawak 2016 yang disempurnakan Oleh YBrs. Dr. Mehander Singh A/L Nahar Singh, Pengarah Bahagian Sukan




Acara Bola Keranjang dalam Kejohanan Piala Menteri Pendidikan 1M1S

2 MAJLIS SUKAN SEKOLAH MALAYSIA (MSSM)

i. KEJOHANAN MSSM

Pada tahun 2016, MSSM telah mengelolakan 24 jenis sukan untuk kecemerlangan di peringkat kebangsaan. Sebanyak 16 jenis sukan MSSM telah dikelolakan pada bulan Mac 2016 dan lapan (8) jenis sukan lagi dikelolakan pada bulan Ogos 2016. Penyertaan atlet murid dalam 24 jenis sukan di peringkat MSSM adalah seramai 10,765 orang. Carta 1 menunjukkan peratus penyertaan atlet murid mengikut negeri bagi tahun 2016.

PERATUS PENYERTAAN MURID MENGIKUT NEGERI TAHUN 2016



Carta 1: Peratus Penyertaan Murid Mengikut Negeri Tahun 2016

ii. MAJLIS ANUGERAH SUKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MSSM-MILO 2015

MSSM telah menganjurkan Majlis Anugerah Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia MSSM-MILO 2015 pada 29 Mac 2016 di Pullman Putrajaya Lakeside. Majlis anugerah ini telah disempurnakan oleh YB Senator Tuan Chong Sin Woon, Timbalan Menteri Pendidikan II.

LAMPIRAN BERGAMBAR MAJLIS ANUGERAH SUKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA MSSM-MILO 2015



Pengarah JPN Selangor menerima Anugerah Juara



Penerima Anugerah Sukan KPM 2015

iii. KEJOHANAN ANTARABANGSA 2016

Dalam membangunkan sukan prestasi tinggi sekolah, atlet murid yang terbaik juga diberi peluang meningkatkan prestasi mereka di peringkat antarabangsa dalam sukan-sukan di bawah naungan Majlis Sukan Sekolah ASEAN (ASEAN Schools Sports Council – ASSC), Persekutuan Sukan Sekolah Asia (Asian School Sports Federation – ASSF), Persekutuan Bola Sepak Sekolah Asia (Asian School Football Federation – ASFF) dan lain-lain kejohanan antarabangsa. Jadual 2 menunjukkan senarai kejohanan antarabangsa yang disertai oleh atlet murid bagi tahun 2016.

BIL.	KEJOHANAN	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN MURID	JUMLAH PINGAT		
					EMAS	PERAK	GANGSA
1	West Australia Little Athletics Championship 2016	19 - 20 Mac 2016	Perth, Australia	10 orang	6	4	3
2	The 44th Asian School Football U18 Championship 2016	20–30 Mei 2016	Gyengju, Korea Selatan	20 orang			1
3	Kejohanan Renang Sekolah Asia Ke- 5	24 - 31 Mei 2016	Palembang, Indonesia	18 orang	1	1	4
4	6th Children Of Asia International Sports Games (CAISG)	3 – 13 Julai 2016	Yakutsk, Russia	2 orang			1
5	24th SSSC-WALA-MSSM U14 & U15 International Athletics Championship	14-15 Julai 2016	CHIJ St Nicholas Girls' School, Singapore	45 orang	21	26	13
6	Kejohanan Sukan Sekolah Asean Kali Ke-8, 2016	21 - 29 Julai 2016	Chiang Mai, Thailand	187 orang	6	16	22
7	2nd Asian School Rugby Sevens Championship Hong Kong	22-26 Julai 2016	Hong Kong	12 orang			
8	5th Asian Schools Table Tennis Championships	13 - 18 Ogos 2016	Toa Payoh Singapura	12 orang			
9	8th Asian Schools Football U15 Championship	20 - 30 September 2016	Shah Alam, Selangor	40 orang			1

Jadual 2: Senarai kejohanan Antarabangsa yang disertai oleh atlet murid bagi tahun 2016



Acara Sepaktakraw dalam Kejohanan Sukan Sekolah Asean Kali Ke-8, 2016



2nd Asian School Rugby Sevens Championship Hong Kong

3. LIGA SUKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2016

Program Liga Sukan Kementerian Pendidikan Malaysia (LSKPM) dianjurkan oleh Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). LSKPM merupakan satu program pembangunan sukan yang terancang dan berfokus kepada pembangunan sukan di Pusat Kecemerlangan Sukan seperti Sekolah Sukan Malaysia (SSM), Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan Pusat Latihan Daerah (PLD). Jenis sukan yang dipertandingkan dalam LSKPM bagi tahun 2016 adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

BIL.	NAMA PROGRAM	JUMLAH MURID	JUMLAH GURU
1	Liga Bola Sepak Piala Menteri Pendidikan Bawah 14 Tahun	450	126
2	Liga Bola Sepak Piala Remaja KPM-FAM Bawah 17 Tahun)	425	
3	Liga Bola Jaring KPM Bawah 14 Tahun	270	72
4	Liga Balapan dan Padang KPM Bawah 14 Tahun	280	100
JUMLAH		**1425**	**298**

Jadual 3: Bilangan Penglibatan Murid dan Guru dalam LSKPM 2016

LAMPIRAN BERGAMBAR SUKAN YANG DIPERTANDINGKAN DALAM LSKPM 2016



Liga Bola Sepak Piala Menteri Pendidikan (B14)



Liga Balapan dan Padang KPM (B14)

4. PROGRAM MENGENAL PASTI BAKAT (TID)


Pemilihan atlet murid untuk kemasukan ke Sekolah Sukan Malaysia (SSM) perlu melalui proses pemilihan yang dikenali sebagai Program Mengenal Pasti Bakat atau Talent Identification and Development (TID). Atlet murid perlu melalui ujian yang disediakan oleh panel jurulatih bersama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) dan Institut Sukan Negara (ISN). Program TID mempunyai empat (4) aspek iaitu antropometrik, kecergasan, kemahiran spesifik sukan serta ujian ketahanan mental. Merujuk kepada Jadual 4, bagi tahun 2016, sebanyak enam (6) fasa program TID telah dilaksanakan oleh Bahagian Sukan.

BIL.	PROGRAM/ AKTIVITI	TARIKH	SUKAN	TEMPAT	PENYERTAAN
1	Fasa 1	18 - 22 Julai 2016	i. Bola Jaring ii. Bola Keranjang iii. Gimnastik iv. Skuasy	UPM	134
2	Fasa 2	01 - 05 Ogos 2016	i. Olahraga ii. Bola Tampar iii. Sepak Takraw iv. Badminton	UPM	180
3	Fasa 3	03 – 07 Oktober 2016	i. Hoki ii. Boling	Hotel Grand Pasific KL	172
4	Fasa 4	09 – 12 Oktober 2016	i. Olahraga ii. Hoki iii. Badminton iv. Renang v. Terjun	Sabah	85
5	Fasa 5	21 – 23 November 2016	Bola Keranjang	Sekolah Sukan Malaysia Pahang	11
6	Fasa 6	23 – 26 November 2016	Badminton	Sarawak	19
JUMLAH					**601**


Jadual 4: Program TID yang dilaksanakan pada tahun 2016

5. PROGRAM PEMBANGUNAN SUKAN PRESTASI TINGGI SEKOLAH (SPTS)

Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) merupakan satu program pembangunan sukan yang diperkenalkan untuk mencungkil bakat serta melatih atlet di peringkat akar umbi yang bertujuan untuk melatih atlet muda yang berbakat di peringkat sekolah bermula seawal umur 6 hingga 18 tahun. Program ini dilaksanakan di Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan salah satunya ialah Pusat Latihan Daerah (PLD). Atlet murid yang telah dikenal pasti akan mengikuti program pembangunan sukan di PLD dan setiap PLD yang terpilih akan melaksanakan satu (1) jenis sukan SPTS. Carta 2 menunjukkan taburan PLD yang terdapat di semua negeri manakala Carta 3 pula menunjukkan taburan PLD mengikut jenis sukan yang ditawarkan kepada atlet murid.



Carta 2: Taburan PLD Mengikut Negeri



Carta 3: Taburan PLD Mengikut Jenis Sukan

6. SIRKIT OLAHRAGA SUKAN PRESTASI TINGGI SEKOLAH (SPTS) KPM-KOM TAHUN 2016

Sirkit Olahraga SPTS KPM-KOM 2016 merupakan satu usaha murni di antara Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bersama Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) untuk membangunkan sukan olahraga di peringkat akar umbi. Sirkit ini melibatkan seramai 128 orang atlet murid bawah 14 tahun terbaik negeri daripada Pusat Latihan Daerah (PLD) olahraga di seluruh Negara.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1.	Sirkit 1 Olahraga SPTS KPM-KOM 2016	14 - 16 Oktober 2016	Stadium Mini SMK Seri Kota, Melaka
2.	Sirkit 2 Olahraga SPTS KPM-KOM 2016	04 - 06 November 2016	Stadium Mini SMK Zaba, Negeri Sembilan

Jadual 5: Pelaksanaan Sirkit Olahraga SPTS KPM-KOM Tahun 2016



Acara 80 meter Lelaki 14 tahun



Acara lompat jauh Perempuan 14 tahun

7. MAJLIS GRADUASI PELAJAR PROGRAM PRAUNIVERSITI KPM-KPT-MSN SEKOLAH SUKAN MALAYSIA TAHUN 2016

Bahagian Sukan telah mengelolakan majlis graduasi gabungan bagi pelajar Prauniversiti Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail pada 6 Ogos 2016 bertempat di Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan, Kuala Lumpur. Majlis ini disempurnakan oleh YB Dato' P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, Timbalan Menteri Pendidikan I, Kementerian Pendidikan Malaysia.



Penyampaian sijil oleh YB Dato' P. Kamalanathan, Timbalan Menteri Pendidikan I



Barisan pelajar terbaik yang menerima sijil

PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN

1. Kejayaan atlet murid dalam kejohanan sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

BIL.	NAMA ATLET MURID	SEKOLAH	KEJOHANAN	TARIKH	TEMPAT	PENCAPAIAN
1	Nur Dhabitah binti Sabri	Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ)	Sukan Olimpik Rio (Terjun)	5 -21 Ogos 2016	Rio de Janeiro, Brazil	Ke-5 (Akhir)
2	Welson Sim Wee Sheng	Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ)	Sukan Olimpik Rio (Renang)	5-21 Ogos 2016	Rio de Janeiro, Brazil	Penyertaan
3	Abdul Latif bin Romly	SMK Syed Alwi, Perlis	Sukan Paralimpik Rio (Lompat Jauh)	7 – 18 September 2016	Rio de Janeiro, Brazil	Emas (Rekod dunia baru)
4	Khairul Hafiz bin Jantan	Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI)	Sukan Malaysia (SUKMA) (Acara 100m)	23 – 31 Julai 2016	Kuching, Sarawak	Emas (Rekod Kebangsaan)

2. Kejayaan atlet murid dalam Kejohanan Sukan Sekolah ASEAN Kali ke-8
Tarikh : 21-29 Julai 2016
Tempat : Chiang Mai, Thailand

BIL.	SUKAN	PENCAPAIAN		
		EMAS	PERAK	GANGSA
1	Balapan dan Padang	4	8	8
2	Badminton	2	3	2
3	Futsal	-	1	-
4	Renang	-	2	-
5	Ping Pong	-	2	3
6	Sepak Takraw	-	-	3
7	Golf	-	-	2
8	Tenis	-	-	2
9	Bola Tampar	-	-	1
10	Bola Keranjang	-	-	1

3. Penyertaan atlet murid dalam 24 jenis sukan di peringkat MSSM adalah lebih kurang 10,765 orang. Atlet MSSM juga telah memperbaharui 17 rekod kejohanan dalam sukan balapan dan padang.
4. Program Kecergasan KPM Peringkat Kebangsaan 2016 telah menarik 17,000 penyertaan murid sekolah, pelajar IPT, warga KPM dan masyarakat setempat.
5. Program Liga Sukan KPM 2016 telah berjaya memberi peluang bertanding kepada seramai 1723 atlet murid yang berada di Sekolah Sukan Malaysia (SSM), Sekolah Sukan Negeri (SSN) dan Pusat Latihan Daerah (PLD) untuk meningkatkan prestasi atlet murid dalam sukan sepanjang penglibatan mereka dalam program pembangunan ini.

SEKOLAH SUKAN MALAYSIA (SSM)

ENROLMEN ATLET MURID DI SSM

SEKOLAH	MURID		JUMLAH
	LELAKI	PEREMPUAN	
Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ)	344	187	531
Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI)	356	150	506
Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP)	214	74	288
Sekolah Sukan Malaysia Sabah (SSMS)	100	115	215
Sekolah Sukan Malaysia Terengganu (SSMT)	29	19	48
JUMLAH	**1043**	**545**	**1588**

Jadual 6: Enrolmen Atlet Murid di SSM

PENEMPATAN DAN PERTUKARAN GURU DI SSM

Bulan	Penempatan	Pertukaran		Jumlah
		Guru masuk	Guru keluar	
Januari	2	2	2	6
Februari	-	3	-	3
Mac	-	3	-	3
April	-	-	-	-
Mei	-	-	-	-
Jun	1	14	1	16
Julai	-	1	-	1
Ogos	8	4	1	13
September	-	-	-	-
Oktober	1	4	-	5
November	-	2	-	2
Disember	-	2	6	8
JUMLAH	**12**	**35**	**10**	**57**

Jadual 7: Data Penempatan dan Pertukaran Guru di SSM

BAHAGIAN KOKURIKULUM DAN KESENIAN

LATAR BELAKANG

Pada tahun 1989 penstrukturan semula Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewujudkan Unit Kokurikulum dan Unit Pendidikan Jasmani dan Sukan di Bahagian Sekolah. Kedua-dua unit ini berperanan menyelaraskan aktiviti kokurikulum, mata pelajaran Pendidikan Jasmani serta kegiatan sukan di sekolah. Sebagai manifestasi kesungguhan KPM untuk melihat penglibatan murid-murid secara menyeluruh dan berkesan dalam kegiatan sukan, Unit Sukan Bahagian Sekolah telah ditingkatkan fungsinya kepada Bahagian Sukan pada 1 Oktober 1995. Namun pada tahun 2003 Bahagian ini telah diperluaskan skopnya dengan terbentuknya Jabatan Pendidikan Jasmani dan Sukan (JPJS). Manakala Unit Kokurikulum yang berada di Bahagian Sekolah telah diperluaskan skopnya dengan penubuhan beberapa subunit bagi membantu mengupaya dan menyemarakkan aktiviti kokurikulum di semua peringkat. Walau bagaimanapun, pada tahun 2008, berdasarkan penyusunan dan penstrukturan semula Kementerian Pelajaran Malaysia, Unit Kokurikulum di Bahagian Sekolah telah diserapkan ke dalam JPJS dan tertubuhnya Bahagian Sukan, Seni dan kokurikulum (BSSK). Pada tahun 2010, penstrukturan BSSK dilaksanakan melalui arahan Y.A.B Menteri Pelajaran dan telah memisahkan fungsi kokurikulum dan sukan di bawah pentadbiran Bahagian yang berasingan. Maka tertubuhnya Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK) mulai Julai 2010 sehingga kini. Buat masa ini, terdapat tiga buah Sekolah Seni Malaysia yang berada di bawah seliaan BKK iaitu Sekolah Seni Malaysia Johor, Sekolah Seni Malaysia Sarawak dan Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Festival Kesenian Peringkat Kebangsaan 2016

Festival Kesenian Peringkat Kebangsaan 2016 telah diadakan pada 7 – 10 Oktober 2016 di Kangar, Perlis. Festival ini merupakan satu program yang menjadi medan mempamerkan kepelbagaian aktiviti seni budaya etnik dan bangsa Malaysia yang merangkumi persembahan kebudayaan berbentuk persembahan luar seperti pocket show dan pameran art street serta Persembahan Malam Gala yang menampilkan persembahan kombo, nyanyian dan kebudayaan serta kesenian yang mewakili setiap negeri di Malaysia. Festival Kesenian ini turut melibatkan gabungan persembahan murid-murid sekolah harian seluruh Malaysia yang terpilih serta Sekolah Seni Malaysia. Festival ini juga sebagai satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membentuk perpaduan dan integrasi kaum melalui penghargaan terhadap seni budaya dalam menyemarakkan aktiviti kokurikulum dalam kalangan murid tanpa mengira bangsa dan keturunan di Malaysia.


Aktiviti Art Street di Dataran Bandar Kangar, Perlis



Kenangan bersama semua kontijen


Penyampaian Anugerah DYTM Raja Muda Perlis


Persembahan Malam Gala Festival Kesenian Peringkat Kebangsaan di Dewan Wawasan 2020, Kangar, Perlis


Persembahan poket show di Cmart, Arau, Perlis

2. Majlis Perasmian Sekolah Seni Malaysia Johor

Majlis Perasmian Sekolah Seni Malaysia Johor diadakan pada 25 Ogos 2016 (Khamis) bermula pada jam 10.00 pagi. Majlis perasmian ini diadakan sempena pengoperasian Sekolah Seni Malaysia Johor (SSeMJ) di premis baharu bermula pada 1 Januari 2014 setelah berkongsi premis di SMK Mohd. Khalid, Johor Bahru, Johor dari tahun 2007 hingga 2013. Majlis diserikan oleh pelbagai persembahan daripada 4 bidang kesenian iaitu bidang Seni Visual, Muzik, Tari dan Teater oleh murid-murid SSeMJ. Hasil karya seni visual dipamerkan di ruang legar Auditorium SSeMJ untuk tatapan umum. Di Dataran Seni, aktiviti pengajaran dan pembelajaran bagi keempat-empat bidang ditunjukkan secara terbuka mengikut stesen bidang masing-masing. Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia dengan upacara menandatangani plak perasmian.



Sesi bergambar bersama warga pendidik SSeMJ



Sesi bergambar bersama warga SSeMJ



Upacara menandatangani plak perasmian



YB Menteri Pendidikan meluangkan masa bersama-sama murid-murid SSeMJ

3. Fiesta Kreatif@Kokurikulum Kebangsaan 2016

FIESTA KREATIF@KOKURIKULUM merupakan program yang memperagakan aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Fiesta ini telah diadakan pada 24 September 2016 di Dataran Bandaraya Kuala Lumpur. Program seumpama ini, iaitu TATU Pasukan Badan Beruniform Sekolah-Sekolah Malaysia pernah diadakan pada tahun 1996 di Stadium Merdeka dan 10 tahun kemudian diadakan sekali lagi pada tahun 2006 di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan. Persembahan kali ini merangkumi semua aspek kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah. Antara persembahan yang dipersembahkan adalah muzik tradisional, rempuh halangan/ menyelamat, rekorder, kawad formasi, bicara berirama, STEM (puteri bukit bendera alaf 21) sapelele, kompang formasi, choral speaking, pentomin, muzik buluh, action song, tarian integrasi, silat dan pancaragam. Persembahan ini merangkumi pasukan badan beruniform, kelab/persatuan, kesenian, kebudayaan, aktiviti bahasa serta sains dan teknologi. Majlis Perasmian fiesta ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Mahadzir bin Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia. Seramai 500 orang murid dan 200 orang guru telah terlibat dalam menjayakan fiesta ini yang julungkali diadakan.



Kawad formasi dari Terengganu



Penyampaian hadiah kepada peserta oleh YB Menteri Pendidikan



Persembahan sapelele dari Kuala Lumpur



Tarian integrasi dari Sarawak



Tetamu jemputan

4. 13th World Robot Olympiad (WRO) 2016

Pertandingan berprestij ini telah diadakan pada 25 – 27 November 2016 di New Delhi, India yang melibatkan 464 pasukan daripada 51 buah negara dari seluruh dunia. Pada tahun ini, negara Malaysia telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan dunia buat kali ke enam. Setiap pasukan dengan bimbingan mentor bekerjasama untuk mereka bentuk, membina dan memprogramkan robot berautonomi serta mencipta penyelesaian yang inovatif dengan menggunakan teknologi LEGO® MINDSTORMS® Education dan peralatan berasaskan LEGO® Education. Objektif pertandingan ini diadakan adalah seperti berikut:

- Membantu murid membina satu asas yang kukuh dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Rekabentuk serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) melalui pengalaman hands-on atau penyelidikan.
- Melatih murid bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang mencabar dalam semangat berpasukan
- Membolehkan murid membina pemikiran logik dan sistematik semasa mereka merancang dan melaksanakan program melalui pemprograman robot.
- Meningkatkan kreativiti murid dalam menyelesaikan masalah dan menyedarkan mereka bahawa terdapat pelbagai cara bagi memperoleh kejayaan
- Menggalakan murid sekolah di Malaysia menyertai pertandingan robotik sebagai sesuatu yang menyihatkan dan mengisi masa lapang



Juara Pingat Emas bagi Category Senior High dari SMK Dato' Jaafar, Johor Bahru, Johor



Juara Pingat Emas bagi Regular Elementary dari SJKC Hua Lian (3), Taiping, Perak



Sesi ramah mesra YBhg. Dato' Tajudin bin Jab bersama peserta WRO



Sesi bergambar kontinjen negara

5. Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum 2016

Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum (AKK) 2016 telah diadakan pada 1 – 3 November 2016 di Auditorium Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, Negeri Melaka. Anugerah ini merupakan satu medan penghargaan dan pengiktirafan oleh KPM kepada semua warganya yang bergiat aktif dan cemerlang dalam kokurikulum. Objektif AKK ialah :

1. Memberi pengiktirafan kepada murid, sekolah dan pemimpin kokurikulum yang cemerlang di peringkat kebangsaan.
2. Menggalakkan penyertaan murid dan guru dalam kegiatan kokurikulum sehingga peringkat yang tertinggi.
3. Mewujudkan penyelarasan dan penyeragaman penganugerahan kokurikulum di peringkat sekolah,daerah, negeri dan kebangsaan.
4. Merealisasikan enam aspirasi murid Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebanyak 34 kategori anugerah telah dipertandingkan. Anugerah diberi kepada murid, pasukan, sekolah, Pusat Kokurikulum dan pemimpin yang telah disahkan dan terbukti memperolehi pencapaian yang cemerlang dalam bidang kokurikulum dalam kategori tertentu dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Khas Pemilihan Peringkat Kebangsaan.

Antara pemenang kategori utama yang di pertandingkan ialah seperti di bawah:

Bil	Negeri	Nama Penerima	Anugerah
1	Melaka	Tuan Haji Husin Bin Chek	Anugerah Khas Juri
2	Sabah	Puan Marie Yong Tik Hua	Anugerah Khas Juri
3	Johor	Encik Mohammed Bin Redzuan	Anugerah Khas Juri
4	Johor	Chan Yi Feng SJK C Foon Yew 2, Johor Bahru	Anugerah Khas KPM Pencapaian: Pingat Emas 19th Po Leung Kuk Primary Mathematics World Contest (PMWC) 2016, Hong Kong, China
5.	Selangor	JPN Selangor	Anugerah Emas Negeri (Untuk JPN)

Jadual 1 : Senarai pemenang-pemenang Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum 2016



Barisan Penerima Anugerah



Ketibaan Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian



Penyampaian Hadiah Oleh Pengarah JPN Melaka



Ulasan Ketua Juri Panel Pemilihan AKK 2016

PENCAPAIAN

1. 13th World Robot Olympiad (WRO) 2016

i. KEPUTUSAN KESELURUHAN WORLD ROBOT OLYMPIAD (WRO) 2016
2 EMAS, 2 PERAK, 1 GANGSA DAN 1 EXCELLENCE AWARDS

EMAS 1 - Regular Elementary
SJK C HUA LIAN (3), TAIPING, PERAK

EMAS 2 - Open Senior High
SMK DATO` JAAFAR, JOHOR BAHRU, JOHOR

PERAK 1 - Regular Elementary
SJK C HUA LIAN (3), TAIPING, PERAK

PERAK 2 - Open Elementary
SJK C YUK CHAI, PETALING JAYA, SELANGOR

GANGSA 1 - Open Elementary
SJK C JALAN DAVIDSON, BANGSAR

Excellence Award - Open Junior High
SMK BINTULU, SARAWAK

Jadual 2: Enrolmen Murid di Sekolah Seni Malaysia (Tahun 2016)

SEKOLAH/ TINGKATAN	TING.1		TING.2		TING.3		TING.4		TING.5		JUMLAH		JUMLAH MURID
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
SSeM	33 -1	43	28	37	33	34	25	28	31	30	150	172	322
JOHOR	34	37	24	46	29	31	24	43	20	24	138	175	313
SSeM SARAWAK	25 +1	24	21	30	18	24	-	-	-	-	64	77	141
SSeM K.LUMPUR	18	34	-	-	-	-	-	-	-	-	18	33	51
SMK MUHIBBAH*	14	40	-	-	-	-	-	-	-	-	14	40	54
SMK ELOPURA*	120	182	77	109	80	89	49	65	52	53	384	497	881

*+1 (Murid T1 dari SSeMJ berpindah masuk ke SSeMKL)
* SMK Muhibbah dan SMK Elopura – Program Pendidikan Seni

Jadual 3: Penempatan Jurulatih di Sekolah Seni Malaysia (SSeM)

Sekolah	Perjawatan ABM 2016	Pengisian	Kekosongan
SSeM Johor	29	29	0
SSeM Sarawak	29	29	0
SSeM Kuala Lumpur	8	8	0
SMK Muhibbah	6	6	0
SMK ELOPURA*	120	182	77

Jadual 3: Penempatan Jurulatih di Sekolah Seni Malaysia (SSeM)

Sekolah	Perjawatan ABM 2016	Pengisian	Kekosongan
SSeM Johor	29	29	0
SSeM Sarawak	29	29	0
SSeM Kuala Lumpur	8	8	0
SMK Muhibbah	6	6	0

Jadual 4: Penempatan Guru di Sekolah Seni Malaysia (SSeM)

Sekolah	Perjawatan ABM 2016	Pengisian	Kekosongan
SSeM Johor	48	47	1
SSeM Sarawak	52	49	3
SSeM Kuala Lumpur	38	34	4
SMK Muhibbah	66	60	6

*Data Jadual 3 dan 4 adalah berdasarkan waran perjawatan bagi tahun 2016 yang diterima oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

BAHAGIAN PENDIDIKAN SWASTA

LATAR BELAKANG

Bahagian Pendidikan Swasta Kementerian Pendidikan Malaysia berfungsi untuk menguruskan penubuhan dan pendaftaran institusi pendidikan serta menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pengawalseliaan yang berkaitan dengan pendidikan swasta. Segala pengurusan data dan maklumat pendidikan swasta juga dikendalikan oleh bahagian ini. Demi menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pendidikan Bahagian Pendidikan Swasta juga mengendalikan pelbagai aktiviti berkaitan promosi pendidikan. Di samping itu bahagian ini turut mewartakan pegawai-pegawai pendidikan di peringkat pusat, negeri dan daerah sebagai Pendaftar Sekolah dan Guru, Penolong Pendaftar Sekolah dan Penolong Pendaftar Guru di bawah Akta Pendidikan 1996.
Sepanjang tahun 2016, Bahagian Pendidikan Swasta telah mengadakan pelbagai aktiviti besar dan kecil.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Program dibawah Inisiatif Pra-sekolah Swasta

i. Enrolmen Pra-sekolah Swasta

Peluasan Prasekolah Swasta merupakan salah satu inisiatif kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA). Inisiatif ini bertujuan menambah bilangan prasekolah swasta berdaftar serta meningkatkan enrolmen kanak-kanak berumur 4+ tahun dan 5+ tahun dalam pendidikan kanak-kanak. Sasaran memberi tumpuan kepada peluasan penyertaan prasekolah kepada kanak-kanak berumur 5 dan 6 tahun serta meningkatkan kualiti pendidikan.

Tumpuan adalah untuk meningkatkan kualiti pendidikan serta memberi penekanan kepada peningkatan penyertaan di kawasan luar bandar dan pedalaman. Pada tahun 2016, bilangan prasekolah yang berdaftar ialah sebanyak 293 buah. Peluasan kelas bagi murid prasekolah 3+, 4+ dan 5+ tahun masing-masing adalah sebanyak 506 buah. Jumlah bilangan kelas bagi keseluruhan berjumlah 719 buah.

Enrolmen Prasekolah Swasta 2016					
SASARAN	PENCAPAIAN	PENCAPAIAN SEMASA		PENCAPAIAN 100%	ULASAN
Peningkatan Enrolmen di Prasekolah Swasta	473 397 (52%) enrolmen prasekolah swasta. KPI nasional 910 378 (90%)	PASTI ABIM JAKIM MANUAL LAIN JUMLAH MANUAL SMPK JUMLAH BESAR	89262 7355 15550 57427 169594 279291 448885	BP Swasta : 94.82% (49.31% drpd KPI Nasional)	Nasional : 85.46% Sasaran Keb : 90% Trafic Light : 94.96%

ii. Bantuan Yuran

Bantuan Yuran Murid Prasekolah Swasta telah mula dilaksanakan pada tahun 2010 hingga 2012 di bawah sub-Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) prasekolah. Inisiatif ini telah diteruskan pada tahun 2013 hingga 2015 di bawah Program Tranformasi Kerajaan 2.0 diperluas kepada murid-murid berkeperluan khas termasuk yang berada di Pusat Pendidikan Khas yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bantuan yuran sebanyak RM18 juta telah dimanfaatkan oleh 35,376 orang penerimadaripada 2757 institusi prasekolah swasta.

iii. Program Promosi Jelajah Running Kidz

Program ini melibatkan skuad kembara berkereta yang dianjurkan oleh BPSwasta dan kesemua Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh Malaysia bertujuan untuk mempertingkatkan enrolmen kanak-kanak untuk memasuki pra sekolah (tadika). Kembara berkereta ini terbahagi kepada 4 laluan yang meliputi Zon Utara, Timur, Selatan dan Sarawak (Zon Kenyalang).

Pelepasan konvoi Kembara berkereta telah diadakan di Sri Pentas TV3, Petaling Jaya pada pagi 25 Ogos 2016. Sebanyak 10 kenderaan akan dilepaskan oleh YBrs. Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta (flag off) menuju ke semua checkpoints yang telah ditentukan mengikut laluan skuad di zon masing-masing. Aktiviti seperti kuiz kesedaran, teka silangkata, spelling bee, charade dan berbagai aktiviti ringkas dan menyeronokkan akan diadakan disamping edaran brochure dan penerangan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai.

2. Ops Patuh

BPS telah merancang dua siri OPS Patuh bagi tahun 2016. Kesedaran kepada pengusaha tadika telah juga diwar-warkan menerusi temubual BPS dalam beberapa siri program TV seperti Nasi Lemak Kopi 'O', Selamat Pagi Malaysia, Wanita Hari Ini dan Malaysia Hari Ini. Hasil daripada OPS Patuh ini didapati terdapat IPS yang tidak mematuhi peruntukkan perundangan di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). Sehubungan itu BPS telah membuka kertas siasatan atas beberapa kesalahan yang telah dilakukan. Kertas siasatan ini merupakan Standard Operating Prosedure (SOP) bagi tujuan pengkompaunan. Pada tahun 2016, BPS telah membuka sebanyak 56 kertas siasatan.

3. Penubuhan Institusi Swasta 2016

Sepanjang tahun 2016, sektor pendaftaran telah menguruskan sebanyak dua puluh satu (21) buah pembentangan bagi penubuhan institusi seperti penubuhan sekolah antarabangsa, penubuhan sekolah ekspatriat dan pendidikan khas, penubuhan CLC Sarawak, pusat bahasa, pusat perkembangan minda, pusat tuisyen dan pusat latihan. Peratus kelulusan penubuhan IPS mengikut jenis bagi tahun 2016 adalah seperti carta pai berikut:



4. Program UBSB Digital Education Odyssey

Program UBSB Digital Education Odyssey anjuran Universiti Bookstore Malaysia (UBSM) dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Swasta telah diadakan pada 15 November 2016 di The International School @ Parkcity dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan (1) Dato' P. Kamalanathan. Program ini bertujuan untuk mendedahkan kepentingan ICT dalam meningkatkan pengajarandan pembelajaran bidang yang berbeza dalam bidang pendidikan dari peringkat pra -sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi.Turut dijemput ialah Encik Panu Rennie, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia. Seramai 300 orang perwakilan yang terdiri daripada wakil-wakil sekolah swasta dan antarabangsa, sekolah berasrama penuh, sekolah teknik dan vokasional, sekolah harian dan wakil-wakil dari badan-badan NGO telah sama-sama datang untuk mendengar topik-topik yang dibentangkan.

Bilangan sekolah swasta pada tahun 2016

Sekolah Swasta	Bil Sekolah
Sekolah Rendah	65
Sekolah Rendah Agama	49
Sekolah Menengah Agama	31
Sekolah Menengah	70
Sekolah Menengah Persendirian Cina	60
Sekolah Pendidikan Khas	12
Sekolah Antarabangsa	116
Sekolah Ekspatriat	13

Enrolmen Murid dan Guru di Sekolah Swasta 2016

Sekolah Swasta	Bil Murid	Bil Guru
Sekolah Rendah	13320	1043
Sekolah Rendah Agama	23579	1565
Sekolah Menengah Agama	10147	941
Sekolah Menengah	15566	1235
Sekolah Menengah Persendirian Cina	84152	4118
Sekolah Pendidikan Khas	919	143
Sekolah Antarabangsa	57702	5191
Sekolah Ekspatriat	4581	731

Bilangan Pusat Institusi Pendidikan Swasta pada tahun 2016

Institusi	Bilangan
Pusat tuisyen	4,536
Pusat Perkembangan Minda	1,054
Pusat Bahasa	336
Pusat Latihan Kemahiran	256
Pusat Latihan Komputer	131

Enrolmen Murid dan Guru di Pusat Institusi Pendidikan Swasta 2016

Institusi	Bil Murid	Bil Guru
Pusat tuisyen	172,169	10,294
Pusat Perkembangan Minda	33,548	1,993
Pusat Bahasa	42,005	1,469
Pusat Latihan Kemahiran	7,641	543
Pusat Latihan Komputer	4,903	284

Bilangan Tadika, Enrolmen dan Bilangan Guru di Tadika Swasta tahun 2016

Bilangan Sekolah Tadika	Enrolmen Murid	Bil Guru
7,392	332,641	28,472

BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU

LATAR BELAKANG

Bahagian Pendidikan Guru (BPG) ialah bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengendalikan program pendidikan keguruan dalam perkhidmatan. Program pendidikan keguruan berhasrat memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru untuk melahirkan guru yang professional, berketerampilan, berdaya tahan, berakhlak mulia, mengamalkan nilai-nilai murni, berdaya fikir dan cekap teknologi. Selain itu, BPG juga berfungsi dalam merancangan hala tuju latihan pembangunan profesionalisme keguruan, memberi khidmat kepakaran latihan dan merancang, membangun, menentukan pematuhan standard latihan keguruan serta menilai pelaksanaan dasar latihan guru.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA:

1. Program Sekolah Transformasi (PST)

Merupakan satu daripada usaha KPM untuk melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, pelibatan pembelajaran murid yang aktif lagi bermakna dengan disokong kepimpinan yang berkualiti serta berwawasan, guru yang kompeten, beraspirasi tinggi serta komitmen komuniti yang padu. Konsep PST KPM adalah adaptasi amalan terbaik konsep Sekolah Amanah yang telah dilaksanakan mulai 2011. Objektif utama PST KPM adalah:

i. Mengaplikasi konsep dan amalan terbaik Sekolah Amanah dengan kos pengoperasian yang rendah.
ii. Membangunkan kepakaran dalaman KPM melalui latihan yang komprehensif dan berstruktur kepada pembimbing pedagogi dan kepimpinan dalam Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG), Institut Aminuddin Baki (IAB), pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), pegawai Pejabat , Pendidikan Daerah (PPD), pengetua guru besar (PGB) dan guru penolong kanan (GPK) yang dibiayai sepenuhnya oleh KPM; dan
iii. Membangunkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan dengan menyediakan suasana bilik darjah dan sekolah yang kondusif dan fleksibel, teknik PdP yang kreatif dan berkesan, pengurusan sekolah yang cekap dengan mengutamakan kemenjadian murid.

PST KPM dibimbing oleh kumpulan Rakan Educational Leadership and Instructional Team (ELIT). Mereka terdiri daripada 55 pensyarah dari IPG, 55 pensyarah dari IAB, 100 pegawai dari PPD, dan 16 pegawai dari JPN di samping 100 PGB dan 100 GPK dari sekolah yang terpilih dalam program ini.




Carta 1: Pemilihan Sekolah "Program Transformasi Sekolah"

2. KOMTEP (Korea-Malaysia Teacher Exchange Programme)

Korea-Malaysia Teacher Exchange Programme (KOMTEP) merupakan program pertukaran guru secara dua hala di bawah Asia-Pacific Teacher Exchange for Global Education (APTE) diantara Republik Korea dengan negara-negara Asia Pasifik kelolaan Kementerian Pendidikan Republik Korea dan dilaksanakan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) Asia-Pacific Center of Education for International Understanding (APCEIU) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

Guru-guru yang ditempatkan di sekolah tuan rumah berpeluang untuk mengajar serta terlibat di dalam aktiviti pendidikan sepanjang tempoh tiga (3) bulan penempatan. Guru-guru ini akan mengajar matapelajaran mengikut bidang kepakaran masing-masing disamping berkongsi dan mempelajari adat dan budaya masyarakat setempat melalui penglibatan aktif di bilik darjah, program anjuran sekolah dan juga komuniti.


Melalui aktiviti pendidikan ini, mereka dapat mengukuhkan kapasiti pendidikan global masing-masing, malah meningkatkan persefahaman antara budaya dan mewujudkan kerjasama yang baik dengan negara anggota. Perkongsian pengalaman ini dapat membantu guru-guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah.



Rajah1: Maklumat pertukaran guru Korea-Malaysia

3. Bidang Pengkhususan Bagi Tawaran HLP Ambilan Tahun 2017 Berdasarkan Perancangan Strategik Penajaan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Bil. 8/ 2016 pada 20 Mei 2016 telah meluluskan Perancangan Strategik Penajaan dalam Pembangunan Profesionalisme Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Bidang pengajian yang ditawarkan adalah mengikut laluan kerjaya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)



Rajah2: Laluan kerjaya Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)

4. Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)

PLC merupakan suatu pendekatan yang bertujuan untuk menanamkan budaya kolaboratif dalam kalangan guru bagi memastikan kualiti pembelajaran murid. PLC menjadi fokus utama KPM dalam usaha memastikan pendidikan negara berkualiti dan setaraf dengan negara-negara maju yang lain disamping merealisasikan hasrat KPM untuk melahirkan guru yang berkualiti dan kekal berkualiti. Tahun 2016 , program PLC meliputi Bengkel pembudayaan PLC sekolah, seminar penataran dan , penyebaran melalui media cetak dan massa.

Setiap JPN mempunyai empat (4) buah sekolah showcace PLC. Ini bermaksud berjumlah 64 buah sekolah seluruh negara yang menjadi showcace PLC. Sekolah-sekolah ini boleh ditanda aras oleh sekolah-sekolah disekitarnya dalam meningkatkan kecemerlangan pendidikan di Malaysia.

5. SISTEM MATA KREDIT STANDARD PEMBANGUNAN PROFESIONALISME BERTERUSAN (PPB) KPM

Sistem mata ini bertujuan menggalakkan PPP untuk menyertai aktiviti PPB terutamanya yang berbentuk inisiatif kendiri agar hasrat Kementerian untuk setiap PPP menerajui pembangunan profesionalisme mereka sendiri dapat dicapai. Sistem mata kredit ini juga menyokong pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 yang menetapkan setiap pegawai perkhidmatan awam mengikuti latihan sekurang-kurangnya 7 hari (42 jam) setahun. Sehubungan itu, Sistem Mata Kredit bertujuan mengiktiraf PPP dalam aktiviti PPB yang menyasarkan minium 30 mata kredit setahun.

JEMAAH NAZIR DAN JAMINAN KUALITI

LATAR BELAKANG

Seksyen 117 Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menggariskan tanggungjawab utama Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) iaitu memeriksa institusi pendidikan bagi memastikan bahawa taraf pengajaran yang memuaskan diwujudkan dan dikekalkan di institusi pendidikan.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 1,169 buah sekolah telah diperiksa dan 3,781 pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah dicerap. Jadual 1 di bawah menunjukkan rumusan bilangan sekolah diperiksa dan PdP dicerap bagi pemeriksaan dan penilaian yang dilaksanakan oleh JNJK.

Jadual 1: Bilangan Sekolah Diperiksa/Dinilai oleh JNJK

	PEMERIKSAAN		PENILAIAN	
	Institusi Pendidikan	PdP	Institusi Pendidikan	PdP
Sekolah Rendah	757	2051	495	1582
Sekolah Menengah	412	1730	429	908
Jumlah	1169	3781	924	2490

Sumber: e-Nazir

DASAR-DASAR BAHARU

Akta Pendidikan 1996 subseksyen 117(a) memperuntukkan tanggungjawab kepada Ketua Nazir Sekolah (KNS) untuk **memastikan taraf (standard) pengajaran yang memuaskan diwujudkan dan dikekalkan di institusi pendidikan**. Walaupun subseksyen 117(a) berfokus kepada bidang pengajaran, namun bidang pengurusan institusi pendidikan juga termaktub dalam skop kewajipan KNS dan Nazir Sekolah (NS) seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen 117(b), (c), (d) dan subseksyen 121. Menyedari betapa pentingnya tanggungjawab ini dilaksanakan dengan lebih berkesan, pada tahun 2001 Jemaah Nazir Sekolah [mulai 2008 dinamakan sebagai Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK)] telah memperkenalkan mekanisme yang lebih sistematik untuk menetapkan satu standard bagi meningkatkan kualiti pendidikan di institusi secara berterusan ke arah pencapaian bertahap tinggi. Mekanisme yang diperkenalkan mengupayakan sekolah membuat penarafan kendiri untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sekolah.

Justeru itu, mekanisme tersebut dinamakan **Sistem Pemastian Peningkatan Standard Tinggi Kualiti**

Pendidikan (SPPSTKP) atau disebut sebagai **Standard Tinggi Kualiti Pendidikan (STKP)**. Setelah diperkenalkan selama dua tahun, penambahbaikan terhadap STKP telah dilaksanakan. Pada tahun 2003, JNJK telah menghasilkan **Standard Kualiti Pendidikan Malaysia-Sekolah (SKPM-Sekolah).**

Berdasarkan Hala Tuju JNJK 2010-2015 yang memberi penekanan kepada aspek kemenjadian murid, selari dengan perubahan terkini dalam bidang pendidikan seperti Transformasi Pendidikan dan Bidang Keberhasilan Utama Negara [National Key Results Areas (NKRA)] berkaitan pendidikan, pengguna SKPM bertambah meluas dan semakin penting. Justeru itu, SKPM-Sekolah telah disemak semula dengan pemantapan dibuat untuk memenuhi keperluan tersebut dan **SKPM 2010** dihasilkan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menggariskan strategi dan inisiatif yang mendokong usaha transformasi sistem pendidikan kebangsaan secara menyeluruh.

Pelaksanaan PPPM 2013-2025 menyebabkan berlakunya perubahan-perubahan dalam dasar pendidikan negara. Hal ini menyebabkan terdapat keperluan semakan semula terhadap SKPM. Usaha yang dilaksanakan sejak 2014 telah menghasilkan **Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2).**

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

Program-program yang dilaksanakan oleh JNJK ialah yang melibatkan pemeriksaan di sekolah dan institut pendidikan. Terdapat beberapa jenis-jenis pemeriksaan yang telah dilaksanakan oleh JNJK pada tahun 2016 iaitu:

1. Pemeriksaan Persediaan Sekolah Awal Tahun (PPSAT) 2016

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengarahkan semua persiapan pengurusan dan pentadbiran sekolah dirancang dengan teliti agar Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) dapat berjalan dengan lancar dan teratur pada hari pertama persekolahan. JNJK memainkan peranan penating dalam mengenal pasti kesediaan sekolah beroperasi pada hari pertama sesi persekolahan 2016. Objektif pemeriksaan adalah untuk mengetahui status:

i. persediaan sekolah untuk beroperasi pada awal sesi persekolahan 2016;
ii. pelaksanaan PdP pada hari pertama sesi persekolahan;
iii. kesediaan sekolah mengurus dan melaksanakan dasar terkini KPM; dan
iv. isu dan masalah untuk tindakan segera pihak berkaitan.

Sebanyak 308 sekolah diperiksa untuk PPSAT yang terdiri daripada 219 sekolah rendah dan 89 menengah di seluruh negara. Setiap sekolah diperiksa dalam tempoh satu hari. Pemeriksaan PPSAT 2016 dilaksanakan pada 3 Januari 2016 di negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor, manakala pada 4 Januari 2016 di negeri-negeri lain yang menggunakan Instrumen PPSAT 2015 (JNJK/HEM/344/15).

2. Pemeriksaan Khas Program LINUS2.0

Program Literasi dan Numerasi (Program LINUS) telah dilaksanakan bermula dengan murid Tahun 1 pada 2010. Program ini merupakan suatu program yang bersepadu untuk membantu murid yang tiada masalah pembelajaran dalam Tahun 1, 2 dan 3 (Tahap I) untuk menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi. Pada akhir Tahun 2012, komponen Literasi Bahasa Inggeris (LBI) telah ditambah ke dalam program ini dan seterusnya dinamakan Program LINUS2.0. Program LINUS2.0 menyasarkanbahawa semua murid berkeupayaan untuk menguasai asas Literasi Bahasa Melayu (LBM), Bahasa Inggeris dan numerasi kecuali murid berkeperluan khas selepas tiga tahun mengikuti pendidikan rendah. Pemeriksaan ini bertujuan untuk:

i. Menaksir pengurusan pelaksanaan Program LINUS2.0 berfokus kepada aktiviti pemulihan.
ii. Menaksir pelaksanaan aktiviti pemulihan dalam PdP LBM dan Numerasi bagi Tahun 2/3 atau Kelas Pemulihan Khas.
iii. Menaksir pelaksanaan PdP Literasi Bahasa Inggeris Tahun 2/3. Menaksir status pencapaian murid Tahun 2 dan Tahun 3 yang telah melepasi saringan LBM, LBI dan Numerasi melalui verifikasi.
iv. Mengenal pasti punca murid Tidak Menguasai LBM, LBI dan Numerasi.

Pemeriksaan dilaksanakan pada 31 Julai hingga 5 Ogos 2016. Sebanyak 114 buah sekolah telah diperiksa meliputi 91 Sekolah Kebangsaan (SK), 13 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), 9 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan satu Sekolah Orang Asli

(SOA). Sebanyak 261 PdP telah dicerap merangkumi 106 Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) LBM, 81 PdP Numerasi dan 74 PdP LBI. Bagi verifikasi murid Tahun 2 dan Tahun 3, sebanyak 1091 murid telah diverifikasi bagi LBM, 1125 bagi Numerasi dan 690 bagi LBI.

3. Pemeriksaan Bertema Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahun 6 Bagi Mata Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Standard ini mengetengahkan pendekatan berbentuk modular untuk memastikan penguasaan kecekapan berbahasa yang baik dan pembelajaran secara didik hibur. Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil yang dikenali sebagai modul. Terdapat lima modul iaitu, Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Modul kemahiran Membaca, Modul Kemahiran Menulis, Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa. Tiga modul yang pertama berasaskan kemahiran iaitu, kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa menyokong modul tersebut untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa murid. Objektif pemeriksaan ini bertujuan untuk menaksir:

i. peranan panitia dalam pelaksanaan KSSR;
ii. kualiti PdP guru yang mengajarkan mata pelajaran BM Tahun 6 KSSR dan
iii. tahap penguasaan murid Tahun 6 dalam kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis.

Pemeriksaan diadakan pada 12 hingga 24 Jun 2016 yang dilaksanakan terhadap 60 sekolah rendah (34 SK, 11 SJKT, 10 SJKC dan 5 SK (Asli)). Sebanyak 114 pencerapan PdP telah dilaksanakan bagi mata pelajaran BM Tahun 6. Kebanyakan guru (69.37%) yang dicerap adalah guru beropsyen Bahasa Melayu. Verifikasi ujian kemahiran bahasa dilaksanakan terhadap 352 murid Tahun 6 yang terdiri daripada pelbagai tahap penguasaan.

4. Pemeriksaan Bertema Kemenjadian Murid Di Kawasan Nelayan (PB KMKN) Tahun 2016

Kawasan nelayan merupakan kawasan pesisir pantai yang mempunyai latar belakang dan cara hidup masyarakatnya yang tersendiri dan berbeza dengan masyarakat yang lain. Masyarakat di kawasan ini banyak menerima bantuan kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan pembangunan sosio-ekonomi. Sistem pendidikan yang melibatkan lima aspirasi yang merangkumi Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan dilaksanakan bagi membantu menghasilkan kemenjadian murid yang lebih ramai di semua sekolah termasuklah di kawasan nelayan. Pelaksanaan PB KMKN Tahun 2016 adalah berdasarkan arahan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa Pembentangan Laporan Kebangsaan pada 23 Jun 2016 meminta JNJK memeriksa sekolah di kawasan nelayan. Pemeriksaan ini bertujuan untuk menaksir:

i. tahap kepimpinan dan kualiti pengurusan sekolah berdasarkan kemenjadian murid;
ii. tahap kualiti pembelajaran dan pengajaran (PdP) berdasarkan kemenjadian murid; dan
iii. peranan pihak sekolah dan penglibatan ibu bapa serta komuniti dalam menangani masalah ponteng dan masalah sosial di sekolah.

Pelaksanaan PB KMKN Tahun 2016 adalah tertakluk kepada Prosedur Pengurusan Kualiti JNJK. Pemeriksaan tersebut telah dilaksanakan terhadap enam sekolah menengah harian dalam tempoh tiga hari bermula 19 hingga 23 September 2016. Sekolah yang diperiksa adalah tiga sekolah gred A dan tiga sekolah gred B yang terletak di kawasan luar bandar. Pencerapan PdP telah dilaksanakan sepanjang pemeriksaan terhadap 23 guru siswazah dan seorang bukan guru siswazah melibatkan sebelas mata pelajaran. Mata pelajaran yang dicerap ialah Bahasa Melayu (2), Bahasa Inggeris (2), Matematik (2), Sains (2), Kemahiran Hidup Bersepadu (2), Sejarah (2), Ekonomi Asas (1), Perdagangan (1), Pendidikan Jasmani Kesihatan (2), Pendidikan Islam (5) dan Pendidikan Seni Visual (2).

5. Pemeriksaan Bertema Kemenjadian Murid Di Kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Tahun 2016

Kawasan FELDA merupakan kawasan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup masyarakat yang unik dan pelbagai. Masyarakat di kawasan ini banyak menerima bantuan kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan pembangunan sosio-ekonomi. Sistem pendidikan yang melibatkan lima aspirasi yang merangkumi Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan dilaksanakan bagi membantu menghasilkan kemenjadian murid yang lebih ramai di semua sekolah termasuklah di kawasan FELDA.

Pelaksanaan PB KMKF Tahun 2016 adalah berdasarkan arahan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa

Pembentangan Laporan Kebangsaan pada 23 Jun 2016 meminta JNJK memeriksa sekolah di kawasan FELDA. PB KMKF Tahun 2016 bertujuan untuk menaksir:

i. tahap kepimpinan dan kualiti pengurusan sekolah berdasarkan kemenjadian murid;
ii. tahap kualiti PdP berdasarkan kemenjadian murid; dan
iii. peranan pihak sekolah dan penglibatan ibu bapa serta komuniti dalam menangani masalah ponteng sekolah dan masalah sosial.

PB KMKF Tahun 2016 dilaksanakan mengikut Sistem Pengurusan Kualiti yang ditetapkan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK). Pemeriksaan telah dilaksanakan di lima Sekolah Menengah (SM) mulai 19 hingga 23 September 2016. Pencerapan PdP telah dilaksanakan sepanjang pemeriksaan terhadap 20 guru siswazah melibatkan sepuluh mata pelajaran. Ini adalah terhad kepada tahap kemenjadian murid di sekolah yang diperiksa dan tidak mengambarkan keseluruhan sekolah di kawasan FELDA. Fokus pemeriksaan adalah kemenjadian murid dalam aspek akademik, kokurikulum, dan sahsiah murid. Selain itu, peranan sekolah dan penglibatan ibu bapa, komuniti setempat serta pengurusan FELDA dalam menangani masalah ponteng sekolah dan masalah sosial murid turut diberi perhatian.

6. Pemeriksaan Bertema Kemenjadian Murid Di Kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tahun 2016

Kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) merupakan kawasan yang dihuni oleh masyarakat berlatar belakang dan cara hidup masyarakat yang pelbagai dan unik. Masyarakat di kawasan ini banyak menerima bantuan kerajaan dalam usaha meningkatkan taraf hidup dan pembangunan sosio-ekonomi. Pelaksanaan PB KMKPPR Tahun 2016 adalah berdasarkan arahan Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa Pembentangan Laporan Kebangsaan pada 23 Jun 2016 mengarahkan JNJK memeriksa sekolah di kawasan PPR. PB KMKPPR Tahun 2016 bertujuan untuk menaksir:

i. tahap kepimpinan dan kualiti pengurusan sekolah berdasarkan kemenjadian murid;
ii. tahap kualiti P&P berdasarkan kemenjadian murid; dan
iii. peranan sekolah dan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam menangani masalah sosial dalam kalangan murid.

PB KMKPPR Tahun 2016 adalah tertakluk kepada Prosedur Pengurusan Kualiti JNJK. Pemeriksaan telah dilaksanakan terhadap empat sekolah menengah harian dalam tempoh tiga hari bermula 19 hingga 23 September 2016. Sekolah yang diperiksa adalah dua sekolah gred A dan dua sekolah gred B yang terletak di kawasan bandar. Pencerapan PdP telah dilaksanakan sepanjang pemeriksaan terhadap 16 guru siswazah melibatkan sembilan mata pelajaran. Mata pelajaran yang dicerap ialah Bahasa Melayu (lima), Bahasa Inggeris (dua), Matematik (dua), Geografi (dua), Biologi, Sains, Pendidikan Islam, Pendidikan Jasmani dan Kemahiran Hidup Bersepadu. Laporan ini adalah berkaitan status empat sekolah yang diperiksa dan tidak menggambarkan keseluruhan sekolah di kawasan PPR. Fokus pemeriksaan adalah kepada kemenjadian murid dalam akademik, kokurikulum, dan sahsiah murid serta PdP guru.

MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA

URUSETIA TETAP MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) ditubuhkan pada 1968 susulan saranan UNESCO agar adanya sebuah badan khas dalam kalangan negara membangun bagi mengembangkan minat membaca masyarakat dan memajukan industri perbukuan negara berkenaan. Pada awal penubuhannya badan ini dikenali sebagai Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan. Kini MBKM dianggotai oleh lapan agensi kerajaan, badan berkanun dan syarikat berkaitan kerajaan, enam persatuan yang menunjangi industri perbukuan negara, serta tiga orang perseorangan yang aktif menyumbang kepada kemajuan industri buku. Dasar Buku Negara (DBN) yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 1988 menjadi mandat kepada MBKM untuk melaksanakan program dan aktiviti bagi pembangunan budaya membaca masyarakat Malaysia serta kemajuan industri perbukuan negara. Justeru MBKM turut berperanan selaku badan penasihat kebangsaan bagi perkara yang berkaitan dengan buku.

Bidang Keberhasilan dan Petunjuk Prestasi Utama

1. **Pembacaan:** 20 judul buku setahun dibaca oleh setiap warga Malaysia.
2. **Pengkaryaan:** 30,000 judul buku penerbitan berdaftar setiap tahun.
3. **Pengantarabangsaan:** 50 judul karya Malaysia diangkat ke lima pesta buku antarabangsa setiap tahun

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2016

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2016 (PBAKL 2016) kali ke-35 telah diadakan selama 11 hari mulai 29 April hingga 9 Mei di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang, Selangor. Majlis perasmian PBAKL 2016 ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia pada hari Jumaat, 29 April 2016, jam 3.00 petang di Pentas Khas, Dewan D2, MAEPS.

Jumlah pempamer yang mengambil bahagian di PBAKL 2016 kali ini termasuk di Pusat Dagangan Hak Cipta Kuala Lumpur (KLTCC) ialah sebanyak 245 buah syarikat/agensi dengan 759 buah gerai.

Pempamer dari luar negara yang mengambil bahagian terdiri daripada Amerika Syarikat, Arab Saudi, Australia, Brunei Darussalam, China, Filipina, India, Indonesia, Iran, Iraq, Korea, Mesir, Singapura, Syria, Thailand, Turki, United Kingdom dan Vietnam

Bil	Penyertaan Pempamer	PBAKL	CC
1	Syarikat/Agensi Tempatan	220	
2	Syarikat/Agensi Luar Negara	25	
	Jumlah	245	48

Rajah 1: Ringkasan Penyertaan Pempamer PBAKL 2016

PBAKL 2016 telah mencatatkan kunjungan awam sejumlah 2, 245, 999.



Orang ramai yang hadir ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2016.




Pelbagai peringkat umur mengunjungi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2016 yang diadakan di MAEPS.

2. Frankfurter Buchmesse 2016

Pada 19 hingga 23 Oktober 2016, MBKM telah sekali lagi mengetuai delegasi perbukuan negara ke Frankfurter Buchmesse 2016 (FBF 2016). Penyertaan Malaysia di pesta buku terbesar dunia ini bertujuan mengangkat karya tempatan ke persada antarabangsa serta mengadakan rundingan perdagangan dan pelesenan hak cipta perbukuan. Penyertaan Malaysia kali ini menampilkan kandungan biodiversiti Malaysia dengan tema "flora & fauna@frankfurt 2016". Promosi kandungan Malaysiana ini dibuat dengan penerbitan katalog "50 Best Malaysian Titles for International Rights 2016/2017" dan tabloid "flora & fauna@frankfurt 2016".

FBF 2016 menyaksikan penyertaan delegasi Malaysia sebanyak 30 agensi dan penerbit dan diwakili oleh 60 peserta. Sebanyak 18 agensi telah berjaya mengadakan 286 rundingan perdagangan dengan nilai keseluruhan kontrak dagangan dianggarkan berjumlah RM7.064. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM1.74 juta berbanding tahun lepas yang mencatat nilai kontrak perbukuan yang dirundingkan sebanyak RM5.32 juta.



50 Best Malaysian Titles yang dipamerkan semasa Pesta Buku Frankfurt 2016



Bicara Buku bersama Pemenang SEA Write Award 2013, Malim Ghozali PK atau dikenali sebagai Pak Malim



Rundingan dagangan dengan pemain industri buku



Ilustrator galeri yang disediakan oleh pihak urusetia



Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan di Frankfurt, Jerman

3. Jom Baca bersama…MBKM

Jom baca bersama...MBKM merupakan program membaca di khalayak anjuran Urusetia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM). Jom Baca bersama...MBKM telah diadakan sebanyak sepuluh kali dalam beberapa acara KPM yang melibatkan masyarakat. Tujuan program ialah bagi menarik minat masyarakat setempat meminati buku dan menjadikan membaca itu sebagai amalan dalam kehidupan harian. Program ini diadakan antara lain adalah untuk mendekatkan lagi hubungan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan masyarakat melalui aktiviti pembacaan. Sepuluh judul buku terpilih telah dicetak khas bagi kegunaan program ini dan dibaca oleh 1,842 orang yang terdiri daripada segenap lapisan masyarakat.



Buku yang dibesarkan daripada saiz biasa untuk aktiviti Jom baca bersama…MBKM



Salah seorang pengunjung membaca buku dalam aktiviti Jom baca bersama...MBKM



Orang ramai juga boleh mendengar aktiviti bacaan yang dibaca oleh para pengunjung



Salah seorang kanak-kanak membaca buku yang disediakan oleh pihak urusetia MBKM



Membaca secara beramai-ramai juga dapat menarik minat membaca.

4. Program Pembangunan Pengkarya Guru

Program Pembangunan Pengkarya Guru yang secara lebih terancang mula diadakan pada tahun 2012. Program ini bertujuan menghasilkan pengkarya daripada kalangan pendidik yang pada penghujung program berjaya menerbitkan karya mereka secara komersial. Dua bentuk karya iaitu karya asli dan karya terjemahan dihasilkan melalui program ini, dan dengan sebab itu terdapat dua golongan pengkarya guru, masing-masing melalui aktiviti latihan yang berbeza.

a) Bengkel Latihan Pengkarya Guru KPM

Pada tahun 2016 sebanyak 160 permohonan telah diterima bagi Latihan Pengkarya Guru, namun hanya 60 peserta yang telah disenarai pendekkan. Dalam program ini, peserta telah diberikan pendedahan dan bimbingan tentang pelbagai aspek penulisan melalui empat siri bengkel yang mana bagi setiap siri diadakan selama empat hari tiga malam yang diadakan seperti yang berikut:

Siri	Tarikh :	Tempat:
1	24–27 Mac 2016	Akademi Kenegaraan, Kuala Lumpur
2	21–24 April 2016	IAB cawangan Sri Layang, Pahang
3	26–29 Mei 2016	IAB cawangan Sri Layang, Pahang
4	11– 14 Ogos 2016	IAB cawangan Sri Layang, Pahang

Rajah 2: Tarikh dan Tempat Latihan Pengkarya Guru KPM 2016

Program tahun ini dijayakan bersama penerbit-penerbit yang berikut:

- Pekan Ilmu Publications Sdn. Bhd.
- Pelangi Novel Sdn. Bhd.
- Ana Muslim Sdn. Bhd.
- Dewan Bahasa dan Pustaka
- Shakespot Sdn Bhd
- Aras Mega Sdn. Bhd.
- Penerbitan Sri Kenanga Sdn. Bhd.

Sebanyak 18 judul Karya Guru telah diterbitkan bagi tahun 2016.



Orang ramai juga boleh mendengar aktiviti bacaan yang dibaca oleh para pengunjung



Orang ramai juga boleh mendengar aktiviti bacaan yang dibaca oleh para pengunjung




Orang ramai juga boleh mendengar aktiviti bacaan yang dibaca oleh para pengunjung

b) Latihan Penterjemahan untuk Guru KPM

Program latihan ini merupakan anjuran MBKM dengan kerjasama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM). Pihak ITBM membekalkan tenaga pengajar yang terdiri daripada pakar yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang terjemahan bahasa Melayu dan Inggeris. Latihan dan Penterjemahan untuk Guru ini telah diadakan seperti yang berikut:

Tarikh	Tempat
14-17 Mac 2016	Institut Integriti Malaysia
19-22 Mei 2016	Institut Integriti Malaysia
18-21 Ogos 2016	Institut Integriti Malaysia

Rajah 3 : Tarikh dan Tempat Latihan dan Penterjemahan untuk Guru KPM



Pelbagai kamus digunakan untuk mencari makna bagi setiap perkataan



Pengkarya Guru (Terjemahan) sedang mengadakan perbincangan bagi membincangkan buku-buku yang akan diterjemahkan



Pakar penterjemahan akan membimbing guru-guru untuk menterjemah dengan baik dan berkualiti



Mencari makna atau kosa kata yang sesuai untuk diterjemahkan



Perbincangan bersama merupakan kaedah yang terbaik untuk menterjemahkan dengan baik dan sempurna

5. Penerbitan Majalah Sekolah Digital

Program ini merupakan program usahasama antara tiga agensi iaitu MBKM, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) dan syarikat e-Sentral Sdn. Bhd. yang bertujuan meningkatkan jumlah penerbitan berdaftar dalam negara serta menyokong inisiatif 'Komuniti Pintar' yang digerakkan oleh SKMM.

Dinamakan e-majalah@sekolah, projek rintis Penerbitan Majalah Sekolah Digital telah diadakan di daerah Kemaman dengan kerjasama JPN Terengganu dan PPD Kemaman melibatkan 52 daripada 72 buah sekolah yang ada di bawah pentadbiran PPD Kemaman.

Bagi tujuan menarik minat sekolah untuk menyertai projek rintis ini, pertandingan penghasilan majalah sekolah digital telah diadakan yang mana sekolah yang berjaya menghasilkan e-majalah yang paling menarik menerima lesen penggunaan perisian e-studio selama setahun.

Kejayaan projek rintis e-majalah@sekolah telah mendorong sekolah-sekolah untuk merintis pula penerbitan buletin digital. Setakat ini 15 sekolah telah berjaya menghasilkan e-buletin. Kejayaan ini juga telah menguja pihak SKMM untuk memperluaskan program ini ke daerah lain dalam negara. Kota Belud (Sabah), Lundu (Sarawak) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dikenal pasti sebagai daerah yang akan melaksanakan program ini pada 2017.



Para peserta sedang melihat proses penghasilan majalah digital



Salah seorang pengajar sedang memberikan taklimat tentang proses menghasilkan majalah digital



Sebahagian peserta merakamkan kenangan selepas menjalani bengkel penghasilan majalah digital

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah diwartakan pada 25 November 2010 dengan pelantikan Rektor dan Timbalan Rektor serta penubuhan Senat Institut Pendidikan Guru (IPG). IPGM mempunyai fungsi yang berikut; a) menyediakan pendidikan guru yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma atau ijazah perguruan dan, b) mengawal dan bertanggungjawab bagi segala perkara yang berhubung dengan perkembangan, pengurusan dan pentadbiran institut pendidikan guru. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, IPGM dan 27 cawangan IPG Kampus melatih bakal-bakal guru sekolah rendah dan memberi perkhidmatan melatih guru-guru dalam perkhidmatan sama ada sekolah rendah dan menengah.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Pengambilan Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Tahun 2016 di bawah Pengurusan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Sasaran

Nisbah pemohon dengan unjuran yang dibekalkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM bagi sesi pengambilan 2016 adalah agak tinggi, iaitu lebih daripada 16 permohonan untuk setiap satu tempat yang ditawarkan di Institut Pendidikan Guru (IPG). Pengambilan ini terbuka kepada calon-calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan calon guru ke IPG telah dipilih dalam kalangan 30% calon terbaik dari segi pencapaian akademik SPM. Pemilihan calon juga mengambil kira keupayaan calon menguasai 3 domain utama iaitu domain kognitif, afektif dan psikomotor. Proses pengambilan ini dilaksanakan oleh empat sub-unit iaitu Sub-unit Permohonan dan Data Pelajar, Sub-unit Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), Sub-unit Temu Duga dan Sub-unit Pemilihan dan Penempatan Pelajar. Penempatan calon pula adalah mengikut IPG Kampus yang memiliki keparan dalam bidang masing-masing supaya semua calon ini mahir dalam opsyen yang diambil serta memiliki pelbagai kemahiran (multi-skilling).

Pencapaian

Mesyuarat penyelarasan pemilihan dan penempatan calon telah diadakan pada 24 hingga 26 Mei 2016, di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato, Razali Ismail, Kuala Terengganu. Tawaran kepada calon yang berjaya ke PPISMP bagi ambilan tahun ini ditempatkan ke sebelas buah kampus flagship dan 3 buah kampus pedagogi pribumi.

Kampus-kampus flagship adalah;

i. IPGK Bahasa Melayu
ii. IPGK Bahasa Antarabangsa
iii. IPGK Ilmu Khas
iv. IPGK Pendidikan Islam
v. IPGK Pulau Pinang
vi. IPGK Ipoh
vii. IPGK Darulaman
viii. IPGK Tun Hussein Onn
ix. IPGK Dato' Razali Ismail
x. IPGK Batu Lintang
xi. IPGK Kent

Manakala 3 kampus pedagogi pribumi ialah;

i. IPGK Tengku Ampuan Afzan bagi penempatan calon orang Asli
ii. IPGK Sarawak bagi penempatan calon Penan dan
iii. IPGK Rajang bagi penempatan calon Bahasa Iban.

Bilangan calon mengikut bidang dan IPG kampus

Pengambilan pelajar PISMP Ambilan Jun 2016, adalah seramai 1,575 orang. Sebanyak 12 bidang yang telah ditawarkan seperti yang terdapat di dalam jadual di bawah;

BIL	BIDANG / IPG KAMPUS	Bahasa Antarabangsa	Bahasa Melayu	Batu Lintang	Darul Aman	Dato' Razali Ismail	Ilmu Khas	Ipoh	Keningau	Kent	Pendidikan Islam	Pulau Pinang	Rajang	Sarawak	Tengku Ampuan Afzan	Tun Hussein Onn	JUMLAH BESAR
1	BAHASA CINA			37				94								40	171
2	BAHASA IBAN												49				49
3	BAHASA INGGERIS	158		40		40	27			29							294
4	BAHASA KADAZAN DUSUN								15								15
5	BAHASA MELAYU		187			15	15			29	15			15	15		291
6	BAHASA TAMIL							68				25					93
7	MATEMATIK			15	25			14			17	112					183
8	PENDIDIKAN ISLAM			20	29	20					101					30	200
9	PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PEMBELAJARAN)				55		20										75
10	PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PENDENGARAN)						13										13
11	PENDIDIKAN KHAS (MASALAH PENGLIHATAN)						5										5
12	SAINS				10	40						121				15	186
		158	187	112	119	115	80	176	15	58	133	258	49	15	15	85	1575

Analisa Pendaftaran Calon Guru PISMP Ambilan Jun 2016
Mengikut Bidang dan IPG Kampus

Berdasarkan jadual di atas, bidang Bahasa Inggeris menerima calon paling ramai iaitu seramai 294 orang pelajar yang ditempatkan di lima buah IPG. IPG yang menerima paling ramai pelajar Bahasa Inggeris adalah IPG Bahasa Antarabangsa sebanyak 158 orang dan diikuti oleh IPGK Batu Lintang dan IPGK Dato' Razali Ismail iaitu masing-masing menerima seramai 40 orang pelajar. Seterusnya, IPGK Kent menerima seramai 29 orang dan akhir sekali IPGK Ilmu Khas seramai 27 orang. Bidang yang menerima bilangan pelajar paling sedikit adalah Pendidikan Khas (Masalah Penglihatan) iaitu seramai 5 orang di IPGK Ilmu Khas.

IPGK Pulau Pinang menerima bilangan pelajar yang paling ramai iaitu seramai 258 orang, diikuti oleh IPGK Bahasa Melayu seramai 187 orang dan IPGK Ipoh seramai 176 orang. Manakala IPG yang menerima bilangan pelajar paling sedikit adalah IPGK Keningau, Rejang dan Sarawak yang masing-masing menerima 15 orang pelajar.





Calon sedang menjalani ujian kecergasan

2. Program Transformasi Institut Pendidikan Guru

Pendahuluan

IPG perlu dijenamakan semula bagi memacu lonjakan kecemerlangan dalam aspek meningkatkan kualiti guru di Malaysia selaras dengan tuntutan semasa yang semakin mencabar. Sehubungan itu, IPG perlu membawa satu pendekatan baharu kepada struktur organisasi, pengurusan sumber dan daya saing. Hasrat IPG ini disokong oleh Kementerian Pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 iaitu menerusi cadangan merombak IPG secara menyeluruh ke arah menjadi institusi latihan guru bertaraf dunia.

Latar Belakang

Pada 26 September 2012, Y.A.B Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan telah mengumumkan di Dewan Rakyat bahawa IPG perlu dirombak. Sehubungan itu, pihak KPM telah menubuhkan satu pasukan khas yang melibatkan perunding antarabangsa (Parthenon-Ernst & Young) bagi menyediakan pelan tindakan Transformasi IPG melalui kajian mendalam dengan melibatkan lebih daripada 9000 pelajar, pensyarah, alumni IPG serta penanda arasan dengan ahli-ahli akademik dan 7 negara dengan sistem terbaik dalam bidang pendidikan guru.

Transformasi IPG merupakan salah satu daripada Inisiatif utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Inisiatif ini merupakan kajian semula keseluruhan program pendidikan guru IPG bagi mengenal pasti hala tuju yang jelas merangkumi program pra dan dalam perkhidmatan. Transformasi ini merupakan satu perancangan jangka panjang bagi tempoh sepuluh tahun (2016-2025) menerusi 5 teras utama iaitu:

1) Transformasi Kepimpinan & Organisasi
2) Penyusunan Semula Kampus
3) Kualiti Pensyarah
4) Penyelidikan
5) Persekitaran Pembelajaran

Daripada 5 teras utama ini, 47 inisiatif telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam 3 peringkat. Peringkat pertama (2016-2017) melibatkan pelaksanaan 22 inisiatif, peringkat kedua (2018-2020) sebanyak 19 inisiatif serta peringkat ketiga (2021-2025) sebanyak 6 inisiatif*. Pelan pelaksanaan kesemua 47 inisiatif transfomasi IPG telah diteliti oleh JK Pemandu Transformasi IPG yang dipengerusikan secara bersama

oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Keseluruhan cadangan kepada pelaksanaan Transformasi IPG (2016-2025) ini pula telah mendapat kelulusan YB Menteri Pendidikan menerusi Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri Bil.14/2015.

**senarai inisiatif asal sebelum penjajaran semula inisiatif*

Sasaran:

Semua pihak yang berkepentingan dalam Program Transformasi IPG:

- Kepimpinan IPGM dan IPG
- Warga IPGM dan IPG
- Warga KPM termasuk JPN, PPD, guru dan pentadbir sekolah
- Kepimpinan PADU
- Bahagian-bahagian/agensi kerajaan luar KPM
- Agensi pengiktirafan
- Pelajar
- Ibu bapa
- Media
- Orang Awam

Pencapaian

Terdapat 4 inisiatif yang telah berjaya dan selesai dilaksanakan dalam Peringkat 1 (2016-2017) iaitu:

Bil.	Inisiatif	Peneraju	Pemegang
1	Penambahan tempat bagi pensyarah melanjutkan pengajian melalui tajaan KPM	Dr. Masitah binti Mohammad Yusof	Pn. Rosninah binti Abdul Ghani
2	Proses penubuhan TMO beserta infrastruktur TMO	Dr. Rusmini binti Ku Ahmad	En. Mohd Fauzan bin Zulkifli
3	Mengendalikan pengurusan pemegang taruh (stakeholder management) dan capability building TMO	Dr. Rusmini binti Ku Ahmad	En. Mohd Fauzan bin Zulkifli
4	Membangunkan pelan komunikasi dalaman dan luaran TMO	Dr. Rusmini binti Ku Ahmad	En. Mohd Fauzan bin Zulkifli

Impak

Seiring dengan Anjakan ke 4 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Transformasi IPG adalah bertepatan dengan transformasi pendidikan negara dan latihan keguruan ke arah penghasilan modal insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan menepati kehendak pasaran.

Penambahbaikan

Penjajaran semula inisiatif telah dilaksanakan selaras dengan perkembangan dan situasi semasa. Setiap inisiatif dinilai semula berdasarkan temubual bersama peneraju dan pemegang inisiatif sebelum dijajarkan melalui mekanisme Ease of Implementation (EoI). Hasilnya, 40 inisiatif telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam 3 peringkat. Peringkat pertama (2016-2017) melibatkan pelaksanaan 18 inisiatif, peringkat kedua (2018-2020) sebanyak 15 inisiatif serta peringkat ketiga (2021-2025) sebanyak 7 inisiatif.







Gambar-gambar aktiviti Transformasi IPG

3. Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI)

a. Program Memartabatkan Bahasa Melayu (MBM)

a. (i) Program Adiguru Fasa 1

Sasaran

Seramai 300 orang pensyarah Jabatan Pengajian Melayu dari IPG kampus telah mengambil bahagian dalam ujian saringan peringkat pertama adiguru tahun 2016 di semua IPG kampus.

Pencapaian

Seramai 54 orang pensyarah yang berjaya telah menduduki ujian peringkat kedua di mana 13 orang telah berjaya dipilih untuk ke peringkat ketiga iaitu sesi pembentangan dan hanya 11 orang yang berjaya dilantik menjadi adiguru IPG bagi Fasa 1 tahun 2016.

Impak

Program adiguru diadakan dalam usaha untuk mewujudkan pasukan pembimbing dan pakar rujuk bahasa Melayu dalam kalangan pensyarah IPG di samping membantu mengembangkan bahasa Melayu di IPG serta merealisasikan matlamat sekurang-kurangnya "satu adiguru satu IPG".



b. Program Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBI)

Sasaran

Aktiviti Program MBI pada tahun 2016 telah dilaksanakan dengan melibatkan kesemua 27 kampus IPG di seluruh negara. Tujuan utama aktiviti MBI tersebut adalah bagi memperkukuh tahap penguasaan Bahasa Inggeris warga IPG selaras dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Pencapaian

Aktiviti bagi program memperkukuhkan Bahasa Inggeris sepanjang tahun 2016 adalah seperti dalam jadual di bawah;

Jadual Aktiviti Memperkukuh Bahasa Inggeris 2016

Bil.	Tajuk	Tarikh	IPG Pengelola	Bil Peserta
1.	Mesyuarat Pelaporan Program Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBI) IPG Bagi Gelombang 1 (2013-2015) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) dan Pembentangan Perancangan Aktiviti Program MBI IPG Tahun 2016	4 & 5 Mei	IPGM Cyberjaya	17
2.	21 Century Learning Skills and i-Think Maps Workshop	20 - 24 Jun 18 - 22 Julai	Batu Lintang	55
3.	Kursus MBI "Mind Your Language"	21 Julai	Ipoh	60
4.	Kursus MBI ELT Methodology - From Theory to Practice for Primary Teaching and Learning	26 - 28 Julai	Kota Bharu	24
5.	Kursus 'English Language Reading Fluency'	27 - 28 Julai	Keningau	45
6.	Kursus Lanjutan Pedagogi B.Inggeris Abad Ke 21	17 Ogos	Tengku Ampuan Afzan	11
7.	Quality Assessment in Language Learning	3 Sept.	Gaya	15
8.	Journal Writing Workshop	26 Sept.	Pendidikan Teknik	35
9.	Kursus Penataran dan Aplikasi Google Educator	28 Sept.	Tengku Ampuan Afzan	11
10.	Bengkel Writing for Academic Journals and English Proficiency Enhancement Through Fun Activities	28 - 30 Sept.	Perlis	9
11.	English for Specific Purposes Workshop	6 Okt.	Teknik	35
12.	Best Practices in Language Learning (TESL)	6 Okt.	Gaya	100
13.	Simposium Pendidikan Bahasa Peringkat Kebangsaan 2016	20 Okt.	Ipoh	270
14.	Program MBI Sekolah Luar Bandar: Pembelajaran Abad ke21	24 - 27 Okt.	Islam	12
15.	Bengkel Pemantapan Bahasa Inggeris Bagi Pensyarah-Pensyarah Jabatan Bahasa di Bawah Dasar MBMMBI 2016	25 - 27 Okt.	Perempuan Melayu	16
16.	Professional Development Workshop for ESL Lecturers	26 & 27 Okt.	Raja Melewar	12
17.	Kursus Komunikasi Asas Bahasa Inggeris Bagi Staf Pelaksana	12,19,26 Okt. & 2 Nov.	P.Pinang	15
18.	Bengkel Inclusive Education in ESL	7 Nov.	P.Pinang	30
19.	Bengkel Digital Storytelling dan Animasi	7 & 8 Nov.	Darul Aman	17
20.	Mesyuarat Pembinaan Portfolio Panduan Ujian Malaysian University English Test (Muet) dan Latihan Profisiensi Bahasa Inggeris di Bawah Dasar MBMMBI	14 & 15 Nov.	Knowledge Workers Development Centre (MdeC) Bangunan Tech Mahindra (Malaysia)	8
21.	Mesyuarat Penyelarasan Perancangan Latihan Highly Immersive Programme (HIP) Untuk Pengukuhan Kefasihan Bahasa Inggeris Pelajar IPG Tahun 2017 di Bawah Dasar MBMMBI	14 & 15 Nov.		10
24.	Mesyuarat Pelaporan Aktiviti Program MBI Tahun 2016 dan Penyelarasan Perancangan Aktiviti Program MBI Tahun 2017 di Bawah Dasar MBMMBI	14 & 15 Nov.		12
25.	Pembentangan Kertas di International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD)	28 - 30 Nov.	Bahasa Melayu	6

Impak

Pada keseluruhannya aktiviti MBI telah dapat meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dan kompetensi pensyarah Bahasa Inggeris. Seramai 825 warga IPG telah berjaya diberi latihan dan pendedahan bagi mempertingkatkan kemahiran dan ilmu dalam usaha memantapkan penggunaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pendidik seperti yang terkandung dalam dasar pendidikan.

4. Persidangan Meja Bulat Hala Tuju Pendidikan Murid Orang Asli 2016

Pendahuluan

Persidangan Meja Bulat ini telah diadakan pada 29 November 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Senat, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan telah dipengerusikan oleh YB Senator Tuan Chong Sin Woon, Timbalan Menteri Pendidikan II. Persidangan ini juga telah dihadiri seramai 23 ahli panel yang terdiri daripada ahli parlimen, professor-profesor universiti awam, ketua-ketua jabatan KPM, PADU, NGO, JAKOA, tok batin serta guru besar sekolah asli. Manakala pemerhati persidangan meja bulat pula terdiri pegawai-pegawai KPM. Tema bagi persidangan meja bulat tersebut adalah "Pendidikan Murid Orang Asli: Isu dan Cabaran"

Pencapaian

Persidangan Meja Bulat tersebut telah berjaya berjaya menyatukan ahli politik, ahli akademik, NGO serta pegawai KPM dalam membincangkan isu-isu yang berkaitan orang Asli.

Impak

Resolusi Persidangan Meja Bulat Hala Tuju Pendidikan Murid Orang Asli 2016 akan menjadi input kepada Pelan Pembangunan Orang Asli 2017 (TPOA) yang akan diterajui oleh PADU.





5. Persidangan Penyelidikan Dan Inovasi Pendidikan Kebangsaan IPGM 2016

Sasaran

Persidangan ini telah dianjurkan bersama oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Institut Pendikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur pada 11 dan 12 Oktober 2016. Persidangan yang bertemakan Pendidikan Abad Ke-21 dan Masa Hadapan ini telah menggabungkan tiga acara iaitu, Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan 2016, Pertandingan Kreativiti dan Inovasi 2016 dan Pertandingan Blue Ocean Strategy (BOS) 2016. Majlis Perasmian Penutupan persidangan telah disempurnakan oleh Datuk Dr. Amin Senin, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia selaku pembentang Ucap Utama telah mengupas tema persidangan iaitu 'Pendidikan Abad ke-21 dan Masa Hadapan'. Manakala tiga ahli panel Forum Persidangan yang terdiri daripada Datuk Dr. Mohd Yusof Othman, Pengarah Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia, Datuk Dr. Hussein Ahmad, Timbalan Presiden Persatuan Pendidikan Malaysia dan Dr. Ismail Zain, Penasihat Tutor Utusan Malaysia telah mengupas tajuk Forum iaitu Transformasi Dalam Pendidikan Abad ke-21: Realiti dan Cabaran'.

Pencapaian

Persidangan yang bertemakan 'Pendidikan Abad Ke-21 dan Masa Hadapan' ini telah menggabungkan tiga acara iaitu Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan 2016, Pertandingan Kreativiti dan Inovasi 2016 dan Pertandingan Blue Ocean Strategy (BOS) 2016. Sebanyak enam kumpulan pensyarah IPG Kampus telah mengambil bahagian dalam Pertandingan BOS ini. Dua belas kumpulan pula telah bertanding dalam Pertandingan Kreativiti dan Inovasi peringkat kebangsaan bagi Kategori Pensyarah dan Siswa Pendidik.

INSTITUT AMINUDDIN BAKI

LATAR BELAKANG

Institut Aminuddin Baki (IAB) sebagai institut latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan terus gagah bagi menyemarakkan agenda PPPM 2013-2025 khususnya Teras Anjakan ke 5 memastikan pemimpin berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah dapat dihasilkan. Enam teras IAB berkaitan dengan latihan, konsultasi, penyelidikan, penerbitan, pentaksiran dan menjadi pasukan pemikir diteruskan kerana ini adalah merupakan teras kepada kecemerlangan IAB selama ini. Pelbagai jenis program dan aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016 yang melibatkan pemimpin dan penggerak sistem pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia(KPM).

Selaku sayap latihan bagi Kementerian Pendidikan Malaysia, IAB menerajui kecemerlangan dalam memberikan latihan yang bercorak pengurusan dan kepimpinan khususnya kepada para pengurus dan pemimpin pendidikan di seluruh negara. Justeru, selaras dengan perubahan-perubahan terkini dunia pendidikan dan dasar-dasar terkini negara,IAB juga berusaha menggabungkan amalan terbaik kepimpinan bagi memperkaya tubuh ilmunya. Perubahan persekitaran seperti ini menuntut agar semua pemimpin pendidikan menguasai ilmu dan kemahiran secara integrative dan komprehensif.

LONJAKAN PRESTASI IAB

Sebagai komitmen kepada agenda untuk merealisasikan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), IAB berusaha sedaya mungkin untuk memastikan para pengurus/pemimpin pendidikan yang diberikan latihan akan memperolehi pelbagai dimensi terbaharu ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya dapat menghadapi cabaran dan dugaan di era pembangunan teknologi dan globalisasi ini.

Pada tahun 2016 IAB telah berjaya melaksanakan lebih daripada 1,200 program yang melibat peserta lebih daripada 44,400 orang. Ini ditunjukkan dalam jadual berikut:

BIL	KATEGORI PROGRAM	JUMLAH PROGRAM	BILANGAN PESERTA YANG DIDAFTARKAN BK-85
1.	Audit	5	210
2.	Bengkel	171	6,100
3.	BengkelKerja	88	2,481
4.	KKKPP	1	30
5.	Kolokium	5	422
6.	Komensmen	1	1,348
7.	Konsultasi	17	450
8.	Kursus CPD IAB	133	3,994
9.	Kursus CPD PPPM	15	480
10.	Lawatan	7	514
11.	Majlis	21	6,101
12.	Mesyuarat	440	9,083
13.	NPQEL	2	1,677
14.	Penerbitan	31	54
15.	Pembangunan Staf	247	10,278
16.	Penyelidikan	12	136
17.	Seminar	2	820
18.	Taklimat	4	213
19.	Taksiran	1	36
JUMLAH		1,203	44,427

Jadual 1: Program Sepanjang Tahun

PROGRAM UTAMA

Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan NATIONAL PROFESIONAL QUALIFICATION FOR EDUCATIONAL LEADERS (NPQEL)

Kursus ini diadakan bagi menyediakan barisan pelapis pemimpin pendidikan yang mampu menerajui sekolah ke arah kecemerlangan. Kursus ini disusun untuk memberikan pengalaman terancang kepada peserta dalam memperoleh dan mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai yang berguna untuk tujuan pengurusan sekolah. Di samping dapat memberi peluang kepada peserta untuk membuat jaringan professional dalam usaha ke arah penambahbaikan sekolah

Tahun	Peristiwa
1996	Pencetus Program NPQH - lawatan YBhg Dato' Abd Shukor bin Ibrahim ke NEAC, OxfordBrookesUniversity di United Kingdom
1997 (17-26 Mac)	.Lawatan lanjutan Pegawai IAB ke NEAC .Peranan dan modus operandi Pusat Pentaksiran Pemimpin Pendidikan di United Kingdom dan program NPQH di United Kingdom
1997 (4-6 Jun)	Bengkel Penubuhan Pusat Penilaian dan Perkembangan Kepemimpinan Pendidikan di IAB.
1998	Pembentangan kertas cadangan penubuhan Pusat Pentaksiran Pemimpin Pendidikan kepada pihak pengurusan KPM.
1999	Perasmian Program NPQH di IAB oleh Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Menteri Pelajaran Malaysia
1999	Perasmian Bilik Pentaksiran Pemimpin Pendidikan (MEPDAC) di IAB
1999	• Program NPQH dilaksanakan dengan pemilihan/ pentaksiran yang sangat ketat (3 hari) Program NPQEL bermula dengan 4 kumpulan Sekolah Menengah Sarjana (DG 41/DG 44) Sekolah Menengah Sarjana Muda (DG41/ DG44) Sekolah Rendah Guru Besar (DGA34) Sekolah Rendah Penolong Kanan/ Guru Penolong (DGA29 dan DGA32)
1999	• Kumpulan Sarjana Muda melanjutkan Program Sarjana di Institut Kepengetuaan Universiti Malaya di Kampus Kota. Kumpulan Guru Besar dan Guru Penolong Kanan melanjutkan pelajaran program Sarjana Muda di UPSI melalui Mod Intensif dan kumpulan Guru Penolong Mod Sepenuh Masa.
1999	• Kurikulum NPQH berdasarkan kepada 9 bidang Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah
2004	• Penilaian Kurikulum NPQH oleh Prof. Dato' Dr. Hussein Haji Ahmad, Prof. Datin Dr. RahimahAhmad (UM) dan Prof. Dr. Omar Karim (UPSI)
2005	• Kajian impak terhadap graduan NPQH oleh Bahagian EPRD

2006	• Lawatan delegasi IAB ke NCSL diketuai Dr. Amin Senin Semakan semula program NPQH di United Kingdom Pembentangan kertas cadangan untuk menyemak semula struktur program NPQEL yang diketuai oleh Dr Amin Senin selaku Ketua Pusat Jabatan Pembangunan Pengurus, Pemimpin dan Eksekutif Pendidikan (JPPPEP)
2006	• Mesyuarat Pengurusan KPM Bil. 10/2006 bersidang pada 10 Mei 2006 bersetuju IAB menubuhkan Pusat Penilaian Kepimpinan
2006	• Peserta kumpulan Guru Besar digugurkan bagi permohonan program NPQEL dengan lahirnya Program Pengurusan Guru Besar
2007	• NPQH mendapat Nilai taraf PTK oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
2007	• Nama NPQH bertukar kepada NPQEL
2010	• Cadangan menukar Struktur Program NPQEL kepada Mod Baru daripada satu tahun kepada 5 bulan
2011 (17 Mac)	Struktur baru Program NPQEL Mod Baru diluluskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. NPQEL mod baru dengan nilai tambah e-Pembelajaran dengan menggunakan kurikulum Modul Kompas
2012 (September)	Mandat Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013- 2025): Sijil NPQEL menjadi prasyarat untuk memegang jawatan Pengetua/Guru Besar
2012 (Oktober)	Semakan Modul NPQEL oleh Majlis Pengetua Cemerlang Malaysia dan Majlis Pengetua-pengetua Malaysia
2013	• Mandat IAB melatih 1,000 peserta program NPQEL setahun
2013	• Julung kali program NPQEL diadakan di negeri Sabah dan Sarawak
2014 (Mulai Julai)	Sijil NPQEL menjadi prasyarat pelantikan ke jawatan Pengetua dan Guru Besar
2016	• Pemilihan peserta berdasarkan pentaksiran PGB oleh JPN.

Dasar NPQEL

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, program NPQEL diberikan penarafan seperti berikut:

> Setiap pengetua atau guru besar juga dikehendaki mendapatkan sijil Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) daripada Institut Aminuddin Baki (IAB) sebelum boleh dilantik sebagai pengetua/ guru besar. Penetapan syarat ini dijangka menyebabkan purata umur pengetua menurun, dan membolehkan mereka berkhidmat bagi tempoh yang lama di setiap sekolah dan dalam sistem pendidikan secara keseluruhannya.
>
> *– (PPPM 2013-2025, Ringkasan Eksekutif: E-28)*

Oleh itu, di bawah PPPM mulai 2013, IAB diminta untuk melatih seramai 1000 orang peserta setiap tahun dan mulai 1 Julai 2014, sijil NPQEL telah dijadikan prasyarat pelantikan jawatan pengetua dan guru besar.



Pengetua dan Guru Besar PPD Klang Dalam Satu Sesi Perbengkelan

IAB DI PENTAS DUNIA

Sepanjang tahun 2016 IAB telah mengukuhkan kerjasama melalui program jaringan dan koloboratif dengan pelbagai pihak di dalam dan luar negara. Kedatangan pelawat dari luar negara ke IAB membuktikan kewibawaan IAB dari kaca mata pihak luar, malah IAB juga telah dijadikan rakan strategik daripada institusi negara luar. Pada tahun 2016 IAB telah menyertai 4 konvensyen dan persidangan diperingkat antarabangsa di antaranya, Persidangan Meja Bulat Kepimpinan Asia 2016 atau *Asia Leadership Roundtable* 2016 yang berlansung di Singapura. Persidangan itu telah disertai oleh16 buah negara, melibatkan 60 orang peserta dari China, Taiwan, Singapura, Malaysia, Thailand, Vietnam, Hong Kong, Australia, Chile, United Kingdom, Germany, Norway, Switzerland, Israel dan Afrika Selatan. Peserta terdiri daripada guru-

guru, pengurus latihan, penggubal polisi pemimpin sekolah dan organisasi pendidikan. Selain daripada itu IAB telah turut serta dalam *The Fourth International Conference on Language, Innovation, Culture and Education* (ICLICE) yang bertemakan *Bridging Diciplines*. Dalam konvensyen itu sebanyak 34 kertas kerja telah dibentangkan termasuk kertas kerja oleh pensyarah IAB.

IAB juga terlibat dalam Persidangan Antarabangsa *Sea-TvetHarmonisation and Mobility* yang berlangsung di IAB Cawangan Genting Highlands. Persidangan tersebut telah Berjaya menghimpunkan seramai 180 orang peserta dari pelbagai negara. Persidangan ini menjadi plat form bagi wakil Negara anggota untuk menerangkan tentang pendidikan teknik dan vokasional di Negara masing-masing. Program ini adalah inisiatif bersama Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV),KPM.

IAB juga menjalinkan pakatan strategic bersama *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDec) yang telah Berjaya menjalankan kursus *ISTE* Coaching Certificate and Computing Thinking kepada 90 orang pensyarah IAB. ISTE adalah singkatan kepada *International Society for Technology in Education*. Kursus ini telah member nilai tambah kepada kursus-kursus lain di IAB.



Kursus ISTE SecaraBersemuka

Tahun 2016 IAB telah menerima kunjungan pelawat-pelawat dari luar negara. Antara pelawat-pelawat luar yang telah mengunjungi IAB seperti dari *University of Auckland*, *New Zealand,* Indian School Leadership Institute, Kementerian Pendidikan Maldives, Kementerian Pendidikan Vietnam, Pengurus dan Pengetua Sekolah Arab Saudi, Pensyarah dan Pelajar Pasca Siswazah Universitas Negeri Gorontalo, Sulawesi, Indonesia serta Balai Pendidikan dan Pelatihan Keagamaan Surabaya.



Bergambar bersama delegasi University of Auckland

IAB juga telah mengunjungi rakan strategik di luar negara dengan melakukan lawatan kerja ke Negara Brunei Darussalam dan ke Vietnam bagi melihat amalan pengurusan dan kepimpinan pendidikan di sana. Lawatan ini disertai oleh pensyarah IAB cawangan Sabah dan Sarawak.



Sesi Perbincangan Ahli Rombongan Bersama Wakil Education Malaysia Vietnam

PENUTUP

Sepanjang tahun 2016, IAB telah melalui pelbagai cabaran dalam membangunkan pelbagai program yang melibatkan kebitaraan dan pembangunan kompentesi pengetua dan guru besar serta pemimpin pendidikan dalam Kementerian Pendidikan Malaysia. IAB seperti agensi lain, walaupun menghadapi pelbagai cabaran yang berkaitan dengan penjimatan kewangan dan perbelanjaan telah dapat diatasi dengan jayanya. Kejayaan ini dicapai berkat daripada kerjasama serta komitmen semua pegawai di IAB yang melibatkan ketua-ketua pusat, pengarah-pengarah cawangan, para pensyarah, anggota kumpulan pelaksana dan semua pihak, sama ada di IAB Induk serta di kampus cawangan IAB yang lain.

INSTITUT TERJEMAHAN & BUKU MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) adalah agensi berkaitan kerajaan (GLC) yang bertanggungjawab melaksanakan tugasan berkaitan penterjemahan, kejurubahasaan serta penerbitan karya terjemahan dan karya asli penulis tempatan bagi memperkasa serta menambah kepustakaan buku negara.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Khidmat Terjemahan

ITBM menawarkan khidmat terjemahan kepada pelbagai pihak. Sepanjang tahun 2016, ITBM telah menterjemahkan sebanyak 35,640 halaman dokumen (daripada sasaran tahunan 35,000). Terjemahan ini meliputi sijil, dokumen rasmi dan komersial serta buku. ITBM turut diberikan kepercayaan untuk menterjemahkan dokumen komersial oleh beberapa organisasi dalam dan luar negara, antaranya Institut Sukan Negara, Yayasan Islam Kelantan, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Sumitomo Corporation Asia & Oceania Pte. Ltd, Roundtable On Sustainable Palm Oil, serta Felda Global Ventures Holdings Berhad.

2. Khidmat Kejurubahasaan

Bagi khidmat kejurubahasaan, ITBM menyediakan khidmat tersebut secara serentak dan berturut bagi acara tempatan dan antarabangsa. Antaranya ialah Simultaneous Translation for Business Roundtable with His Excellency Samdech Prime Minister Hun Sen of The Kingdom of Cambodia, Pembukaan Eksesais AMAN YOUYI 16 (Malaysia-China) untuk Tentera Udara Diraja Malaysia, ASEANPOL 2016 untuk Polis DiRaja Malaysia, Perhimpunan Agung UMNO, Mesyuarat Berkaitan Kehilangan Pesawat MH370 yang melibatkan Kementerian Pengangkutan Malaysia dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, International Sourcing Programme: Malaysia International Halal Showcase (MIHAS), International Trade Malaysia (INTRADE) dan International Greentech & Eco-Products Exhibition & Conference Malaysia 2016 (IGEM) untuk Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia atau Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE). Selain itu, ITBM turut menyediakan khidmat jurubahasa Mahkamah untuk Istana Kehakiman bagi perbicaraan kes jenayah di seluruh Malaysia. Penyediaan khidmat jurubahasa ini melibatkan beberapa bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Arab, Perancis, Sepanyol, Mandarin, Rusia, Jepun, Thai, Myanmar, Nigeria dan Parsi. Khidmat jurubahasa isyarat turut disediakan bagi perbicaraan kes jenayah.

3. Khidmat Kursus dan Latihan

Sebagai badan penterjemahan, ITBM menawarkan kursus dan latihan dalam bidang penterjemahan dan bahasa. Pada 2016, sebanyak 39 acara telah dianjurkan dengan penyertaan seramai 792 peserta. Antaranya ialah Kursus Penterjemahan Am (Intensif) bahasa Melayu – bahasa Inggeris yang dianjurkan ITBM dengan kerjasama Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) khusus untuk suri rumah, iaitu di bawah program Housewives Enhancement And Reactivate Talent Scheme (HEARTS). Program ini mendapat sambutan menggalakkan dengan penganjuran sebanyak sembilan (9) sesi Kursus Penterjemahan Am dan Bengkel Penyuntingan dengan penyertaan seramai 139 peserta. Selain itu, ITBM turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi program Bengkel Pemantapan Isi Kandungan Portal MyHealth 2016, Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi program Bengkel Asas Penulisan Dokumen MARA, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi program Kursus Asas Bahasa Kantonis, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) bagi program Kursus Lanjutan Terjemahan (Lisan dan Tulisan), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi Kursus Penterjemahan Am dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) bagi program Latihan dan Peterjemahan untuk Guru 2016.

4. Penerbitan Buku dan Kerjasama Luar

Bagi tahun 2016, ITBM menyasarkan penerbitan sebanyak 196 judul terjemahan dan 150 judul karya asli. Walau bagaimanapun, sehingga penghujung tahun 2016, ITBM telah menerbitkan 372 karya, dengan pecahan 190 judul buku terjemahan meliputi pelbagai bahasa, dan 182 judul buku karya asli pelbagai genre atau bidang.

Sebagai sebuah agensi di bawah KPM, ITBM turut komited menerbitkan bahan bacaan ilmiah serta rujukan pelajar di peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Pemeteraian perjanjian kerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan telah membuahkan hasil dengan penerbitan bahan bacaan akademik, sains kesihatan dan perubatan. Kerjasama antara ITBM dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), telah menghasilkan 12 judul buku Siri Ketahui Kesihatan Anda, meliputi tajuk *5 Langkah untuk Mengatasi Tekanan; 5 Langkah untuk Mengawal Gula Darah yang Tinggi; 5 Langkah untuk Mengawal Tekanan Darah Tinggi; 5 Langkah untuk Memerangi Asma dan Alergi; 5 Langkah untuk Memahami Kolesterol; 5 Langkah untuk Mengurus Obesiti; 5 Langkah Mengesan dan Mengurus Serangan Jantung; 5 Langkah untuk Alam Kanak-kanak yang Sihat & Positif; 5 Langkah ke Arah Pemakanan Sihat; 5 Langkah Mengekalkan Kesihatan & Kecantikan; 5 Langkah untuk Kehamilan yang Sihat dan Selamat dan 5 Langkah Menangani Kesihatan.* Siri ini diharapkan dapat membantu memberikan maklumat asas tentang punca dan kesan, serta cara mengawal sesuatu penyakit dengan penyampaian yang ringkas dan mudah difahami.

Manakala, melalui kerjasama penerbitan dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), ITBM telah menerbitkan terjemahan Ikan Lut Sinar (Transparent Fish), yang diusahakan penulisannya oleh National Museum of Marine Biology and Aquarium, China serta Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur, UMT.

Selain itu, ITBM turut menerbitkan tiga buku tulisan kepimpinan tertinggi Malaysia – dua daripadanya buku tulisan Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia iaitu Wasatiyyah: Idea dan Realiti dan Wasatiyyah & Media: Mendepani Cabaran dan Fitnah (tulisan bersama Tan Sri Dr. Abdullah Md Zin, Pengerusi Institut Wasatiyyah Malaysia) terbitan bersama ITBM dan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM); manakala satu lagi buku tulisan Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, berjudul Gendang Perang PRU: Strategi Kukuhkan Parti pula merupakan buku terbitan bersama ITBM dan Media Intelligence Strategy (MINSTRA).



Pelancaran buku Wasatiyyah: Idea dan Realiti tulisan YAB Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia di Seri Perdana (Kediaman Rasmi Perdana Menteri), Putrajaya.





Dua buku daripada kepimpinan tertinggi negara, iaitu *Wasatiyyah: Idea dan Realiti* tulisan Dato' Sri Najib Tun Razak dan *Gendang Perang PRU: Strategi Kukuhkan Parti* tulisan Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi. Turut ada dalam gambar adalah sebahagian buku terbitan ITBM yang telah memenangi pelbagai anugerah sastera tempatan.



Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia, bersama-sama Bapak Muhadjir Effendy, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, ketika perasmian Pesta Buku Antarabangsa Indonesia 2016, di Jakarta Convention Centre, Indonesia.

5. Malaysia Sebagai Negara Tamu di Pesta Buku Antarabangsa Indonesia

Pesta Buku Antarabangsa Indonesia (PBAI) yang berlangsung pada 28 September – 2 Oktober 2016 di Balai Sidang Jakarta, Indonesia telah meletakkan sastera dan penerbitan Malaysia ke peringkat lebih baik. ITBM bersama-sama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Perbadanan Kota Buku telah membawa delegasi Malaysia terdiri daripada 21 penerbit tempatan bagi misi dagang dan promosi pelbagai genre buku bernuansa Malaysia.

Penyertaan Malaysia sebagai Negara Tamu di PBAI telah berjaya menghasilkan pulangan pelaburan (*return on investment*) dalam pelbagai bentuk bernilai keseluruhan lebih RM1.5 juta. Nilai ini mencakupi hasil dagangan hak cipta bagi 70 judul buku Malaysia kepada penerbit pelbagai negara bernilai RM500,000.00; lima pemeteraian perjanjian kerjasama penerbitan antara penerbit Malaysia-Indonesia; pelancaran 13 judul buku termasuk terjemahan dalam bahasa Indonesia; jualan lebih 500 naskhah buku sepanjang pesta buku berkenaan serta liputan media tempatan dan antarabangsa membabitkan 20 acara di Pavilion Malaysia serta pentas utama PBAI sepanjang lima hari pesta buku ini berlangsung.



Suasana sekitar Pavilion Malaysia ketika menjadi Negara Tamu Pesta Buku Antarabangsa Indonesia 2016.



Yang Berbahagia Dato' Seri Mahdzir Khalid, Menteri Pendidikan Malaysia, singgah sebentar di Reruai ITBM, semasa PBAKL 2016, yang berlangsung di MAEPS, Serdang.

PENCAPAIAN

1. Anugerah dan Pengiktirafan

Sepanjang tahun 2016, ITBM telah diberikan pengiktirafan menerusi pelbagai anugerah kesusasteraan tempatan yang mengangkat karya dan buku terbitan ITBM. Antaranya ialah Hadiah Sastera Sabah 2014/2015 melalui buku *Cerita Monyet, Anjing dan Pohon Ginkgo dan Dongeng Perkebunan* tulisan Jasni Matlani; Anugerah Reka Bentuk Buku Terbaik bagi buku *The Eternal Storm: Sekali Air Bah, Selamanya Pasir Berubah* (Zulkifli Hamzah, Razak Aziz, Azy Morni & Aminuddin Zakaria) dalam Anugerah MAPIM-KPT 2015; Hadiah Sastera Darul Ridzuan V untuk buku *Aku Gagak* (Saifullizan Yahaya), *Perempuan Berambut Merah* (Hafizah Iszahanid), Di Hujung Negeri (Ariff Mohamad), *Oksidentalisme dalam Sastera Melayu* (Mohamad Saleeh Rahamad) dan *Sasterawan Negara di Takhta Keunggulan* (Mana Sikana) serta Anugerah Sastera Johor 2016 melalui Hadiah Sastera Darul Takzim ke-10 bagi buku *Kumpulan Puisi: Kudus Kesturi* oleh Dr. Shamsudin Othman.

UNIT PELAKSANAAN DAN PRESTASI PENDIDIKAN

LATAR BELAKANG

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan atau *Education Performance and Delivery Unit* (PADU) Corp yang ditubuhkan pada tahun Mac 2013 merupakan sebuah syarikat berhad menurut jaminan (*Company Limited by Guarantee*) adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan penubuhan PADU untuk memacu, memantau dan memastikan pelaksanaan semua inisiatif yang dirancang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dari peringkat Kementerian sehingga peringkat sekolah. Fungsi utama PADU Corp untuk menjayakan transformasi pendidikan sehingga akhir 2025

PADU memainkan peranan sebagai "partner' atau rakan kerja kepada Kementerian Pendidikan dalam memastikan semua inisiatif yang dirancang dilaksanakan dan dapat disampaikan dengan efektif dan efisien serta mencapai aspirasi yang dihasrat dalam PPPM.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Majlis Penyampaian Mandat Dan Watikah Kepada Pengarah Dan Setiausaha Bahagian Selaku Peneraju Inisiatif Serta Pelantikan Pengurus Program Dan Officer In Charge (OIC) PADU Bagi Inisiatif Utama Dan Sokongan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025

Majlis ini merupakan acara tahunan dijalankan oleh PADU dan dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan yang bertujuan **memberi pengiktirafan kepada semua Ketua Bahagian-bahagian Peneraju Inisiatif PPPM serta Pengurus Program**. Selain itu, majlis ini bertujuan untuk menghargai semua yang terlibat di atas kesanggupan dan kerelaan mereka untuk mengalas amanah yang dipertanggungjawab dalam memacu transformasi pendidikan seperti yang termaktub dalam PPPM 2013 – 2025. Pada tahun 2016, majlis ini telah diadakan pada **2 Mac 2016** yang mana seramai **16 Ketua Bahagian, 24 Pengurus Program kepada 24 inisiatif utama** serta pegawai PADU telah menerima watikah yang disampaikan oleh YB Menteri Pendidikan.




KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA


PENDIDIKAN
MALAYSIA


PENDIDIKAN
MALAYSIA



2. Majlis Pelancaran Laporan Tahunan 2015 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Majlis Pelancaran Laporan Tahunan 2015 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) juga merupakan acara tahunan yang dijalankan oleh PADU bagi menguar-uarkan kejayaan inisiatif di bawah PPPM pada tahun sebelumnya seperti yang dijanjikan dalam dokumen PPPM 2013 – 2025. Pada tahun 2016, Laporan Tahunan 2015 bukan sahaja melaporkan kejayaan tahun 2015 sahaja tetapi juga telah melaporkan kejayaan Gelombang 1 inisiatif PPPM. Majlis yang gemilang ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Pendidikan pada 9 Ogos 2016, di Auditorium Parcel E yang dihadiri oleh 500 orang peserta terdiri daripada pengurusan tertinggi Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah dan wakil daripada pelbagai agensi dan pihak berkepentingan dalam pendidikan.

Semasa majlis tersebut, pameran poster kejayaan pelaksanaan inisiatif PPPM pada peringkat kebangsaan dan negeri telah ditonjolkan melalui galeri susur minda (*gallery walk*) yang bertujuan untuk berkongsi kejayaan dan amalan terbaik dalam pelaksanaan inisiatif di peringkat Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah. Selain itu, *real-life experience* dan *showcase* dalam merealisasikan inisiatif PPPM ditonjolkan dengan kejayaan inisiatif Transformasi TVET dengan pameran animasi dan robotik oleh pelajar-peajar TVET yang mengikuti program Diploma Vokasional Malaysia secara kaloborasi dengan KRU Academy dan Syarikat Enter Corridor. SMK Putrajaya 11 (1) telah menunjukkan kaedah Pembelajaran Abad Ke-21 yang menekan pembelajaran yang berfokus kepada murid supaya kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dapat diterapkan dalam kalangan murid. SMK Setapak, Kuala Lumpur yang mempunyai murid pendidikan khas masalah pembelajaran telah menunjukkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai untuk mengatasi masalah ini. Transfomasi mesin braille sehingga sekarang yang menggunakan braille digital juga dipamerkan untuk pengetahuan umum.



3. Mesyuarat dan Bengkel

i. Mesyuarat Kajian Pertengahan Tahun 2016

Mesyuarat Kajian Pertengahan dilaksanakan pada pertengahan tahun setiap tahun bagi mengetahui pelaksanaan dan kemajuan pencapaian semasa KPI serta sasaran kesemua inisiatif yang telah ditetapkan pada awal tahun semasa. Pada tahun 2016, mesyuarat ini telah dijalankan pada 09 Ogos 2016, iaitu pada hari yang sama Majlis Pelancaran Laporan Tahunan 2015 dijalankan.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan dan dihadiri oleh semua Ketua Bahagian di KPM dan Pengarah Jabatan Pendidikan Daerah. Dua sesi utama dijalankan semasa mesyuarat ini iaitu i) Dialog Antara YB Menteri Pendidikan, Pengurusan Tertinggi KPM dengan Ketua bahagian dan Pengarah JPN, dan ii) Sesi Pembentangan Kad Laporan Inisiatif yang pertama kali diperkenalkan pada tahun 2016. Tujuan utama pelaksanaan mesyuarat kajian adalah untuk menyelesaikan kekangan, masalah, isu dan risiko yang dihadapi oleh peneraju inisiatif dalam menjalankan aktviti dirancang dalam pelan 3kaki supaya alternatif penyelesaian dapat diputuskan oleh pihak pemutus dasar. Antara isu yang diselesaikan ialah pengurangan sasaran KPI bilangan guru mengikuti KiDT akibat masalah sistem.

ii. Bengkel Kerja Perancangan Inisiatif Utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Bagi Tahun 2017

Satu lagi acara tahunan PADU ialah Bengkel Perancangan Insiatif PPPM bertujuan merancang pelan tindakan dan aktviti untuk kesemua inisiatif utama bagi memastikan semua sasaran KPI Menteri dan Pengurusan Tertinggi KPM dapat dicapai bagi tahun berikutnya serta mengikut garis masa yang ditetapkan. Bengkel ini amat penting kerana perancangan aktiviti berasaskan kaedah "Outcome Based Budgeting" dan menegaskan kepentingan KPI yang berbentuk outcome dan tidak lagi berbentuk output.

Pada 2016, bengkel ini telah diadakan selama 4 hari bermula dari 31 Oktober sehingga 3 November di Port Dickson. Peserta bengkel terdiri daripada Pengurus Program, Ketua Aliran Kerja dari bahagian peneraju inisiatif serta pegawai-pegawai PADU bagi penyediaan 3 dokumen iaitu i) Piagam inisiatif, ii) Kamus KPI dan iii) pelan 3 kaki untuk 19 inisiatif utama PPPM. Dokumen-dokumen ini merupakan dokumen penting untuk rujukan pelaksanaan setiap aktiviti dan akan dipantau oleh PADU pada setiap minggu untuk dilaporkan kepada Pengurusan Tertinggi KPM.



4. Makmal dan Bengkel Penyelesaian Masalah

Pada tahun 2016, PADU telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan **1 bengkel dan 4 makmal** untuk menyelesaikan beberapa isu dan masalah yang berbangkit dengan segera dan pantas. Satu bengkel yang dijalankan adalah Bengkel Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2017 dan 4 makmal yang dijalankan adalah i) Makmal Perpaduan Fasa 2.0, ii) Makmal Bahasa Melayu, iii) Makmal Pelibatan Pihak Awam dan Swasta dan iv) Makmal Transformasi Orang Asli.

i. Bengkel Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2017

Salah satu kejayaan besar PADU dalam tahun 2016 adalah apabila diberi kepercayaan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk menerajui penyelarasan permohonan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk tahun 2017. Untuk aktiviti yang julung kali dilaksanakan ini, PADU bersama-sama Bahagian Kewangan (BKew) dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) telah mengadakan perbincangan yang berfokus dengan setiap bahagian di KPM bermula dari 20 hingga 29 April 2016 untuk meneliti keperluan setiap bahagian dengan rapi. Hasil penelitian ini diperhalusi lagi dengan Bengkel ABM 2017 pada 04 hingga 06 Mei 2016 yang melibatkan kesemua bahagian di KPM secara serentak. Aktiviti ini telah berjaya mengurangkan pertindihan program dan membolehkan KPM mendapat penjimatan sebanyak RM280juta. Penjimatan ini akan dijajarkan mengikut keutamaan program KPM yang dirancang yang memberi fokus kepada keberhasilan murid. Selain itu, aktiviti ini juga telah menjimatkan masa dan kos untuk semakan permohonan bajet KPM oleh MOF daripada satu bulan kepada hanya 2 hari.



ii. Makmal Perpaduan Fasa 2.0

Makmal Fasa 2 yang diadakan pada **07 hingga 10 Mac 2016** merupakan kesinambungan makmal fasa 1 yang telah diadakan pada Oktober 2015. Tujuan makmal untuk **menyediakan Pelan Hala Tuju 5 tahun Perpaduan dalam Pendidikan** yang lebih komprehensif yang mengandungi perancangan strategi, pelan tindakan dan aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh pihak pihak sekolah dan komuniti dalam memastikan perpaduan dapat diamalkan dan dihayati oleh semua golongan masyarakat. Makmal ini telah dihadiri oleh 40 peserta dari dalam dan pihak luar KPM termasuk wakil kumpulan agama, NGO yang bergiat aktif dalam perpaduan, wakil KITA serta pihak korporat dan swasta. Sebanyak 11 pelan tindakan utama telah dibahagikan kepada 3 kelompok utama iaitu i) Dasar Perpaduan dalam Pendidikan, ii) Sekolah dan Guru, dan iii) Komuniti telah diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi pada April 2016. Satu kaji selidik telah juga dijalankan pada Ogos 2016 untuk mendapat pandangan umum mengenai pelan tindakan yang dirancang, namun kaji selidik ini terpaksa diberhentikan setelah mendapat bantahan daripada pihak tertentu. Dokumen Pelan hala Tuju 5 Tahun Perpaduan dalam Pendidikan akan dilancarkan pada tahun 2017 oleh KPM.











iii. Makmal Bahasa Melayu

Makmal Bahasa Melayu 2016 telah dilaksanakan dalam dua fasa iaitu Fasa I bermula pada 4 April hingga 15 April dan Fasa II bermula dari 09 Mei hingga 20 Mei 2016. Matlamat makmal ini adalah untuk melonjakkan pemerolehan dan kompetensi Bahasa Melayu pada semua peringkat pendidikan, dan memperincikan strategi utama Pelan Strategik Memartabatkan Bahasa Melayu. Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Makmal Bahasa Melayu ini, sebanyak 200 wakil daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan pelbagai agensi luar telah dilibatkan untuk menyediakan kerangka standard Bahasa Melayu dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk memartabatkan Bahasa Melayu bagi mencapai aspirasi PPPM 2013-2025.



iv. Makmal Kerjasama Awam dan Swasta

Makmal Kerjasama Awam Swasta telah diadakan pada 19 hingga 22 Ogos 2016 dilaksanakan bagi menyediakan satu perancangan strategi yang mantap bagi menarik supaya lebih banyak pihak swasta turut terlibat sama dalam memastikan transformasi pendidikan dapat dilonjakkan. Makmal ini melibatkan 30 wakil daripada agensi swasta yang terdiri daripada syarikat-syarikat utama negara, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat kecil dan sederhana serta individu yang telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selain itu, sebanyak 22 wakil daripada Bahagian dalam KPM juga turut terlibat dalam makmal ini. Hasil daripada makmal ini, beberapa pelan strategik, antaranya ialah model baharu kerjasama awam-swasta akan diwujudkan sebagai tambahan kepada model/program sedia ada, laman sesawang pelibatan swasta dibangunkan sebagai pusat setempat (one-stop center) untuk memudahkan penaja berurusan dan mendapatkan maklumat dari KPM serta menyemak dasar dan garis panduan sedia ada untuk memudahcara proses pelibatan swasta – awam.



v. Makmal Transformasi Orang Asli

Makmal Transformasi Pendidikan Orang Asli telah berlangsung dari 21 hingga 24 November 2016 di bilik seminar PADU. Tujuan utama makmal ini diadakan adalah untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan keberhasilan pendidikan murid Orang Asli Makmal ini juga bertujuan untuk menyediakan kesinambungan pelaksanaan aktiviti daripada Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli. Objektif makmal ini adalah untuk membangunkan Pelan Tindakan Jangka Pendek untuk tahun 2017 dan Pelan Hala Tuju Pendidikan Orang Asli 2017-2025 bagi meningkatkan akses dan kualiti pendidikan murid Orang Asli.

Fokus makmal ialah untuk merangka kurikulum yang bersesuaian dengan sosiobudaya tempatan suku kaum Orang Asli dan keperluan semasa, menyediakan kaedah pentaksiran yang bersesuaian dengan tahap dan cara pembelajaran, menyediakan tenaga guru yang komited serta mempunyai kepakaran khusus untuk memudah cara pembelajaran serta menyediakan infrastruktur dan prasarana yang lengkap dan bersesuaian dengan keadaan sosiobudaya tempatan untuk penyediaan suasana pembelajaran kondusif. Makmal ini dilaksanakan kepada beberapa aliran kerja iaitu suasana pembelajaran positif di sekolah, sistem persekolahan dan tenaga guru, laluan pendidikan dan kerjaya, dan pelibatan ibu-bapa, komuniti awam dan swasta. Peserta bengkel terdiri daripada wakil daripada institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan seperti JAKOA, pelbagai kementerian, badan bukan kerajaan (NGO), Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, Tok Batin dan wakil dari Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia.



5. Taklimat Kepada Delegasi Antarabangsa

Pada tahun 2016, terdapat 5 delegasi telah mengadakan lawatan ke PADU bagi mempelajari proses kerja PADU dalam memastikan inisiatif PPPM yang dirancang dilaksanakan dan disampaikan dengan berkesan kepada pihak pelaksana dan pemegang taruh. Delegasi – delegasi yang telah diberi taklimat oleh PADU ialah :

i) Bhutan (20 Julai 2016)
ii) Arab Saudi (10 Ogos 2016)
iii) Pakistan (13 Disember 2016)
iv) Brunei (08 November 2016)
v) Vietnam & World Bank, Malaysia (19 Oktober 2016)
vi) UNESCO, Bangkok. (28 September 2016)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

LATAR BELAKANG

Unit Komunikasi Korporat (UKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diwujudkan pada 16 April 2009 berikutan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) Siri 61 Bil.2/2008 pada 22 September 2008 agar Unit Komunikasi Korporat diwujudkan bagi semua Kementerian

Melalui Waran Perjawatan Bil. S219 Tahun 2008 yang berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2008, perjawatan UKK di KPM diwujudkan bagi menggantikan perjawatan Bahagian Hal Ehwal Korporat (BHEK).

UKK berfungsi untuk membentuk imej positif KPM menerusi 3 Seksyen berikut:-

i) Seksyen Hal Ehwal Korporat
ii) Seksyen Komunikasi Strategik
iii) Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Pengurusan Media

Unit Komunikasi Korporat (UKK) adalah merupakan jabatan yang bertanggunjawab menguruskan media dengan menyediakan pelan media berdasarkan pelan komunikasi yang disediakan untuk setiap dasar, isu, program dan aktiviti yang dijalankan oleh bahagian-bahagian di bawah KPM.

Walaubagaimanpun satu pelan komunikasi yang menyeluruh dan berintegrasi telah dibentuk bagi memasarkan maklumat dengan tujuan berikut:

a. Meningkatkan pemahaman dan penerimaan rakyat terhadap dasar-dasar kementerian, terutamanya inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025;

b. Kesinambungan penjajaran agenda pembangunan pendidikan negara- melalui pencapaian PPPM Gelombang 1 dan pelaksanaan Gelombang 2; dan

c. Pelibatan masyarakat iaitu KPM sebagai produk sistem dalam sistem pendidikan negara/ global. Kempen media sedia ada yang merangkumi media cetak (akhbar), media elektronik (radio dan televisyen), media sosial dan digital, media luaran atau outdoor

Pelan media yang dilaksanakan adalah mengambil kira elemen-elemen penting di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan , dasar kementerian dan acara-acara utama kementerian seperti berikut:

BIL	BULAN	PROMOSI
1	JANUARI	Unjuran Keperluan Guru
		Gelombang 1 PPPM
		Pentaksiran Berasaskan Sekolah
		Pendidikan Untuk Keterbukaan
		Pendidikan Vokasional Untuk Pelajar Pendidikan Khas
2	FEBRUARI	Semakan KSSR dan KSSM
		Kejayaan PPPM (LINUS 2.0)
		Duka Lara Guru
		Perpaduan Dalam Pendidikan
		Projek Pembangunan Memberikan Impak Besar
3	MAC	Pendidikan Kenegaraan
		Integriti Peperiksaan Awam
		Peluang Pendidikan selepas SPM i) Matrikulasi ii) Tingkatan 6 iii) IPG iv) STAM
		Memperbaiki akses untuk pendidikan berkualiti bagi komuniti kecil dan kawasan luar bandar terutama Sabah dan Sarawak. i) Sekolah Orang Asli ii) Sekolah Kurang Murid iii) Kolej Vokasional Rompin
4	APRIL	Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
		Inovasi Guru
		Akses Pendidikan : Pendidikan Inklusif
		Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
5	MEI	Strategic Dialogue of Education Minister (SDEM)
		Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2016 – Kreativiti dan Inovasi – Pencapaian Guru – Guru Pendalaman –Guru Pembentuk Sahsiah Murid – Sejarah dan Tema Hari Guru
		Kejayaan Gelombang PPPM
		ASED
6	JUN	Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
		Penilaian Bersepadu
		Melahirkan Pemimpin Sekolah Berkualiti
		Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
7	JULAI	Asia Pacific Regional Policy Forum on Early Childhood Care and Education (APFEC)
8	OGOS	Kisah Kejayaan Gelombang 1 PPPM
		Kepimpinan Sekolah Menerajui Gelombang Kedua PPPM
		Profesionalism Keguruan

9	SEPTEMBER	Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah Bagi Calon Pendidikan Khas
		Kejayaan Kolej Vokasional
		Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti – Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
10	OKTOBER	Laluan Pendidikan
		Keselamatan Pelajar
11	NOVEMBER	Standard Kualiti Pendidikan Malaysia
		Peningkatan Sistem Pendidikan – TIMSS dan PISA – Jurang Pendidikan Luar dan Bandar
12	DISEMBER	Transformasi Pendidikan Guru
		Pelaksanaan KSSR (Semakan) dan KSSM 2017
		Pencapaian Bantuan Pelajar Sepanjang 2016

Aktiviti publisiti dan promosi KPM juga dilaksanakan dengan menggunakan saluran media sosial dengan mewujudkan rangkaian laman sosial KPM iaitu *Facebook* (*Official*: Kementerian Pendidikan Malaysia), *twitter* (@1KemPelajaran), portal (moe.gov.my) dan instagram. Sepanjang 2016, **pengunjung portal KPM adalah sebanyak 25, 354, 519 orang, likes facebook KPM sebanyak 53,313,381, twitter KPM dengan 20,582 followers, instagram dengan 673 followers** dan turut mengendalikan **blog rasmi KPM dengan jumlah pengunjung sebanyak 254,439 orang..**





2. Jelajah Kementerian Pendidikan Malaysia (JKPM)

Jelajah Kementerian Pendidikan (JKPM) adalah merupakan wahana penerangan kepada para pelanggan di mana para pengunjung boleh menyaksikan sendiri showcase daripada bahagian yang terlibat dan mengemukakan pertanyaan secara langsung kepada pegawai bertugas. Penerangan ini membentuk budaya interaksi yang lebih positif dan mampu memberikan imej yang baik kepada KPM, kerana ia lebih personal dan authoritative.

Pelaksanaan program ini turut memberikan *platform* kepada KPM untuk memaparkan keberhasilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM – Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) 2013-2025 serta Gelombang 2 PPPM. Malah program berkenaan secara tidak langsung akan memberikan penjimatan kepada kementerian sekaligus memberikan pulangan atas pelaburan (*Return on Investment – ROI*) bagi setiap inisiatif yang diperkenalkan.

Bagi tahun 2016, sebanyak empat (4) program telah dilaksanakan seperti berikut:-

Bil	Tarikh	Tempat
1.	8 – 10 April 2016	Miri, Sarawak
2.	29 – 30 Julai 2016	Alor Setar, Kedah
3.	24 – 25 September 2016	Shah Alam, Selangor
4.	23 – 25 September 2011	Ipoh, Perak

Sebanyak 32 bahagian/Agensi KPM terlibat dan sepanjang JKPM berlangsung, sejumlah 28,636 pelanggan telah mengunjungi kaunter-kaunter yang disediakan dengan memberi fokus kepada perkara-perkara berikut:

a. Gelombang 2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025
b. Pendidikan Teknik dan Vokasional
c. Pendidikan Khas
d. Teknologi Pendidikan
e. Kurikulum dan Pentaksiran
f. Aspriasi Murid
g. Guru dan Pemimpin Sekolah
h. Penerbitan
i. Kumpulan wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM)

Selain berkonsepkan program turun padang, Jelajah KPM bagi tahun 2016 juga bertujuan untuk menatarkan maklumat dan berkongsi pencapaian dengan semua masyarakat setempat secara bersemuka dan terbuka di negeri-negeri berkenaan.





3. Program Penerangan Dasar-dasar Utama Kementerian Pendidikan Malaysia

Program Penerangan Dasar-dasar Utama KPM merupakan program penerangan secara berfokus yang dilaksanakan menerusi pendekatan penerangan dan perbicangan bersama tentang dasar-dasar KPM dan isu-isu semasa berkaitan KPM secara terperinci. Di samping dapat menyampaikan visi dan misi pendidikan negara (berfokuskan PPPM) secara terus kepada para peserta program, program ini juga dapat dijadikan platform interaksi antara para peserta dengan pihak Kementerian khususnya bagi mendapat maklum balas terhadap pelaksanaan program dan hala tuju pendidikan negara.

Empat siri program penerangan dasar telah dijalankan bagi tahun 2016 seperti yang berikut:-

Bil	Tarikh	Tempat
1.	9 April 2016	Miri, Sarawak
2.	30 Julai 2016	Alor Setar, Kedah
3.	24 September 2016	Shah Alam, Selangor
4.	23 Oktober 2016	Ipoh, Perak

Sebanyak 11 bahagian terlibat sebagai panel iaitu Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Lembaga Peperiksaan (LP), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Bahagian Pendidikan Guru (IPG), Institut Aminuddin Baki (IAB), Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Bahagian Sukan (BS), Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) dan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) dengan dipandu oleh seorang moderator.

Tajuk-tajuk penerangan dasar adalah:-

1. Kurikulum standard antarabangsa;
2. Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS);
3. Meningkatkan kualiti guru pra dan dalam perkhidmatan;
4. Peningkatan kualiti pemimpin sekolah;
5. Merealisasi aspirasi murid;
6. Menyediakan pendidikan untuk semua murid pelbagai kemampuan dan bakat, laluan pendidikan – sekolah agama, sekolah seni, sekolah sukan;
7. Mengapa perlunya TVET untuk masa hadapan; dan
8. Peluang lepasan menengah.

Bilangan peserta yang terlibat adalah seramai 500 orang bagi setiap lokasi yang ditetapkan.









4. Kajian Kepuasan Pelanggan

Bagi tahun 2016, satu siri kajian telah dilaksanakan bagi mendapatkan maklumbalas pelanggan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan, di mana dapatan hasil kajian adalah seperti yang berikut:-

Bil.	Berpuashati (%)	Tidak Berpuashati(%)
Siri 1/2016	92.96	7.04
Jumlah Keseluruhan	92.96	7.04

5. Pengurusan Aduan

Pihak pengurusan KPM memberikan perhatian terhadap pengurusan aduan yang diterima oleh KPM. Hal ini disebabkan KPM berhasrat untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan KPM. Dengan itu, aduan pelanggan yang diterima dipantau dan diberikan maklum balas sewajarnya. Pengurusan aduan KPM dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan KPM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha pada setiap minggu.

KPM menerima aduan daripada pelbagai saluran seperti berikut:-

i) Aduan Biro Pengaduan Awam
ii) Aduan Media
iii) Aduan Facebook
iv) Aduan 1MOCC
v) Aduan Awam – Kaunter Khidmat Pelanggan, Program Jelajah KPM, surat/faks, emel, telefon, sms dan laman web.

Bagi tahun 2016, jumlah aduan yang diterima KPM adalah berjumlah 2,320. Keterangan aduan adalah seperti berikut:-

Bulan	Jumlah	Selesai	Dalam Tindakan	Selesai >15 hari
Jan	232	223	9	81
Feb	142	141	1	46
Mac	267	265	2	93
April	190	189	1	69
Mei	181	179	2	70
Jun	193	190	3	99
Julai	166	161	5	76
Ogos	226	225	1	106

Sept	193	189	4	97
Okt	162	162	0	106
Nov	209	202	7	113
Dis	159	151	8	91
JUMLAH	2,320	2,277	43	1,047

Peratus penyelesaian aduan KPM bagi tahun 2016 ialah 98.14 peratus manakala peratus penyelesaian aduan dalam tempoh kurang dari 15 hari ialah 55 peratus.

Tahap penyelesaian aduan KPM bagi tahun 2016 adalah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu 85 peratus.

6. Pelaksanaan MS ISO 9001:2008

Pelaksanaan persijilan MS ISO 9001:2008 di UKK bertujuan memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan KPM sejajar dengan kehendak dan keperluan mereka. Melalui prosedur MS ISO tersebut, UKK merancang dan melaksanakan proses kerja yang teratur di samping mengenal pasti aspek lain perkhidmatan yang boleh dipertingkatkan bagi mencapai matlamat akhir iaitu meningkatkan kepuasan hati pelanggan.

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) berasaskan standard MS ISO 9001:2008 dalam Sektor Awam Malaysia adalah selaras dengan standard ISO 9000 yang ditetapkan oleh ***International Organisation For Standardization*** (ISO) dan diterima pakai oleh Jabatan Standard Malaysia melalui siri-siri standard Malaysia atau *Malaysian Standard* (MS). Persijilan **MS ISO 9001:2008** UKK ialah di bawah skop pelaksanaan **Sistem Pengurusan Kualiti iaitu Pengurusan Aduan Pelangggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan.**

Dasar kualiti UKK ialah bertekad untuk memastikan Pengurusan Aduan Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan dilaksanakan secara profesional, efisien dan berkualiti bagi meningkatkan kepuasan pelanggan dan seterusnya menambahbaik sistem pengurusan kualiti secara berterusan.

UNIT INTEGRITI

LATAR BELAKANG

Unit Integriti KPM telah ditubuhkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 'Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam' yang berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013. Unit Integriti KPM bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras iaitu Pengurusan Aduan, Pengesanan dan Pengesahan, Tatatertib, Pengukuhan Integriti, Tadbir Urus serta Pematuhan.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Ceramah Integriti (CI) Siri 2/2016 - Forum Pengukuhan Integriti.

Tajuk forum adalah 'Media Sosial; Fitnah Akhir Zaman'. Forum ini telah dibarisi oleh Ustaz Shahriman bin Ali Pitchay dari Unit Integriti KPM sebagai moderator, Ustaz Ahmad Termizi bin Zainudin dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai panel yang pertama. Manakala panel yang ke-2 pula adalah Encik Zulkarnain bin Mohd Yasin dari Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM). Tujuan utama penganjuran forum ini adalah bertujuan untuk membudayakan amalan integriti warga KPM dengan memfokuskan perbincangan mengenai kebaikan, keburukan serta peranan media sosial dalam kehidupan. Program ini telah dilaksanakan pada 24 Mei 2016 (Hari Selasa) bertempat di Dewan Serbaguna Aras 9, Blok E12, Kompleks E, Putrajaya. Forum ini telah dihadiri oleh seramai 246 orang peserta.







2. Ceramah Penerapan Nilai-nilai Islam (CPNI) Siri 2/2016

Tajuk ceramah adalah 'Keluhuran Ibadah Dalam Islam'. Ceramah telah disampaikan oleh Imam Muda Hassan (Ustaz Mohd Hassan bin Adli Yahya). Tujuan utama penganjuran ceramah ini adalah bertujuan untuk membudayakan amalan integriti warga KPM dengan memfokuskan kepada penerangan tentang konsep beribadah dalam Islam. Ceramah ini telah dilaksanakan pada 14 Jun 2016 (Hari Selasa) bertempat di Dewan Serbaguna Aras 9, Blok E12, Kompleks E, Putrajaya. Program ini telah dihadiri oleh seramai 211 orang peserta.







DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

LATAR BELAKANG

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau nama asalnya Balai Pustaka ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bharu, Johor sebagai sebuah jabatan kecil di bawah Kementerian Pelajaran. Penubuhan DBP adalah untuk mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang akan merdeka ketika itu. Di peringkat awal itu, DBP mengorak usaha murninya di Bukit Timbalan, Johor Bharu.

Hasil Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III yang berlangsung di Singapura dan Johor Bharu pada 16 hingga 21 September 1956, kerajaan telah menerima cadangan kongres yang mahu menamakan Balai Pustaka dengan nama Dewan Bahasa dan Pustaka. Di samping itu juga, DBP dinaikkan taraf sebagai badan yang mempunyai anggota lembaganya sendiri.

Pada tahun 1957, DBP telah berpindah ke Kuala Lumpur dan ditempatkan di bekas wad sebuah hospital di Jalan Young. Perpindahan ini bagi memudahkan segala pelaksanaan tugasnya yang selaras dengan pengisytiharan bahasa Melayu, iaitu bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa rasmi tunggal negara.

Pada tahun 1959, DBP telah dinaikkan taraf menjadi sebuah badan berkanun melalui Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Dengan penaikan taraf ini, DBP diberi kuasa autonomi, iaitu i) menggubal dasarnya yang khusus; ii) menyusun program pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera; dan iii) menjalankan kegiatan penerbitan dan dan perniagaan buku secara kompetitif menurut prinsip dan amalan perusahaan dan profesion penerbitan.

Pada 31 Januari 1962, DBP telah berpindah ke bangunan sendiri di Jalan Lapangan Terbang Lama (sekarang Jalan Dewan Bahasa). Pada tahun 1977, DBP mengembangkan sayapnya ke Malaysia Timur dengan membuka dua pejabat di di Kota Kinabalu, Sabah dan di Kuching, Sarawak. Ini diikuti pula dengan pembukaan tiga pejabat DBP Wilayah Utara di Bukit Mertajam, Pulau Pinang (1999), Pejabat DBP Wilayah Timur di Kota Bharu, Kelantan (1999) dan Pejabat DBP Wilayah Selatan di Johor Bharu, Johor (2003).

Kini DBP mempunyai satu bangunan ibu pejabat yang baharu. Projek pembangunan Menara DBP yang telah dimulakan pada tahun 1997 dan siap pada tahun 2003.

PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Bulan Bahasa Kebangsaan 2016 : 1Bahasa 1Jiwa 1Bangsa
Menteri Pendidikan Malaysia Semai Semangat 1Bahasa 1Jiwa 1Bangsa



Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2016 yang dilancarkan secara rasmi oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahadzir Khalid pada 20 Oktober 2016 di Putrajaya menyemai semangat 1Bahasa 1Jiwa 1Bangsa dalam kalangan rakyat mempersegar semangat kecintaan masyarakat terhadap bahasa kebangsaan dan memperkukuh keyakinan terhadap keupayaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa ilmu, bahasa pengungkapan budaya tinggi, bahasa komunikasi dan bahasa perpaduan.

Mahadzir berkata, sekolah-sekolah swasta dan antarabangsa turut disaran menjayakan sambutan BBK dan orang ramai harus peka bersama-sama menjayakan sambutannya sebagai usaha memartabatkan bahasa kebangsaan selain mempamerkan jari diri serta citra bangsa Malaysia.

Bertemakan 1Bahasa 1Jiwa 1Bangsa majlis pelancaran turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin woon, Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Alias Ahmad dan Ketua Pengarah DBP, Datuk Abdul Adzis Abas.

Pencapaian :

- Bulan Bahasa Kebangsaan 2016 juga disambut di Beijing China pada 19 November 2016 di Universiti Pengajian Asing Beijing salah satu kegiatan Kursi Pengajian Melayu Kerajaan Malaysia di China.
- Datuk Aznil Haji Nawawi penerima Anugerah Ikon Bahasa : Anugerah Tokoh Pejuang Bahasa bersama-sama Datuk A. Aziz Deraman, Datuk Ishak Harun, Datuk Adilah Shaik Omar dan Datuk Haji Awang Sariyan.

2. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2016 : Dewan Bahasa dan Pustaka diserbu Pengunjung



Reruai Dewan Bahasa danPustaka (DBP) diserbu para pengunjung sepanjang Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2016, anjuran Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MKBM), di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS).

DBP dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melaksanakan 73 aktiviti direruai DBP dan pentas utama MAEPS, antaranya, Forum Sembang Dewan Budaya, Dewan Masyarakat, Tunas Cipta, Dewan Sastera, Pertandingan Puisi, Syair dan Sajak Kategori Kanak-kanak dan Remaja, Pementasan Teater, Dikir Barat, Memorandum Persefahaman DBP- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Majlis Pelancaran Buku terbitan DBP termasuk Buku Projek Pelesenan DBP-Oxford Fajar dan perbaharuan Kad Rakan DBP, serta Sesi Bersama Penulis di samping mempromosikan hasil karya penulisan karyawan DBP secara meluas.

Aktiviti yang diadakan oleh DBP di PBAKL 2016, mendapat sambutan hangat dan penyertaan daripada para pengunjung, sekaligus member ruang dan galakan penglibatan dalam kalangan generasi muda, seiring dengan fungsi dan peranan DBP dalam meluaskan penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu yang baik, serta pemerkasaan produk penerbitan melalui penjualan buku terbitan DBP.





Penyertaan DBP dalam PBAKL 2016, mengimplementasikan pendekatan yang menarik dengan melibatkan para pengunjung melalui aktiviti kebahasaan, kesusasteraan dan kesenian, sekaligus mencapai objektif DBP untuk memperkembang bakat sastera, khususnya dalam bahasa kebangsaan.

Pencapaian

- Reruai DBP meraih keuntungan jualan berlipat ganda serta sambutan promosi menggalakkan daripada peminat buku dan mencatat hampir 2.2 juta pengunjung ke PBAKL padatahun 2016.







MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) yang ditubuhkan pada 1 Februari 1980 di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225] ialah sebuah badan berkanun persekutuan yang beroperasi di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Fungsi utama MPM adalah untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai peperiksaan tahun 1982 dan Malaysian University English Test (MUET) mulai ujian sesi Disember 1999.


PROGRAM-PROGRAM UTAMA

1. Peperiksaan STPM 2016


i. Sistem Pentaksiran STPM

Sistem pentaksiran STPM ini dibahagikan kepada tiga, Penggal 1, Penggal 2, dan Penggal 3 dalam tempoh selama satu tahun setengah dengan dua bentuk pentaksiran, iaitu peperiksaan bertulis dan Kerja Kursus. Dari segi standard dan pengiktirafan, sijil peperiksaan STPM ini masih mendapat pengiktirafan antarabangsa. dengan wakil Cambridge Assessment, United Kingdom turut serta dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM bagi penentuan keputusan dan standard STPM.

Tahun	Calon Yang Mendaftar	Calon Yang Hadir
STPM 2015	45,515	41,987
STPM 2016	47,122	43,235



BILANGAN CALON MENGIKUT MATA PELAJARAN




ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

STPM 2016 PNGK NASIONAL MENINGKAT

TAHUN	PNGK	
	Nasional (Semua Calon)	Calon Sekolah Kerajaan
2013	2.57	2.55
2014	2.62	2.62
2015	2.65	2.65
2016	2.71	2.72

PERBANDINGAN PENCAPAIAN CALON MENGIKUT PNGK DARI 2.00 HINGGA 4.00

PNGK	PERATUSAN LONGGOKAN CALON				
	2012	2013	2014	2015	2016
4.00	0.86	0.89	0.91	0.80	1.31
3.75	3.80	3.88	4.42	4.42	6.14
3.50	8.61	9.07	10.00	10.00	14.20
3.25	15.49	17.11	19.10	19.10	24.61
3.00	24.35	28.49	31.36	31.36	37.62
2.75	34.86	42.36	45.80	45.80	51.83
2.50	45.91	56.88	60.50	60.50	65.79
2.25	56.44	69.96	73.86	73.86	77.70
2.20	65.42	80.47	83.85	83.85	86.51



PERATUS DAN BILANGAN YANG MENDAPAT 5A DAN 4A

Bilangan Calon Mendapat Gred A dalam 5 dan 4 Mata Pelajaran Peperiksaan STPM 2015 dan STPM 2016

BILANGAN MATA PELAJARAN YANG DIAMBIL	BILANGAN GRED A YANG DIPEROLEH	BILANGAN CALON			
		STPM 2015		STPM 2016	
		Bil.	%	Bil.	%
Lima	5A	10	0.02	11	0.03
Lima	5A	27	0.06	47	0.11
Empat	4A	302	0.72	517	1.20
Jumlah		339	0.81	575	1.33

PENCAPAIAN CALON MENGIKUT KELULUSAN LULUS PENUH (PERINGKAT PRINSIPAL)

Peratus Calon yang Mendapat Lulus Penuh dalam 5 hingga 1 Mata Pelajaran dalam Peperiksaan STPM 2015 dan STPM 2016

BILANGAN MATA PELAJARAN DENGAN KELULUSAN PENUH	STPM 2015		STPM 2016	
	BILANGAN	PERATUSAN	BILANGAN	PERATUSAN
SEMUA CALON				
5 mata pelajaran	1,518	3.62	1,813	4.19
4 mata pelajaran	27,510	65.52	29,266	67.69
3 mata pelajaran	6,538	15.57	6,402	14.81
2 mata pelajaran	3,311	7.89	3,151	7.29
1 mata pelajaran	2,118	5.04	1,914	4.43
Jumlah	40,995	97.64	42,546	98.41
Jumlah Keseluruhan	41,987	100.00	43,235	100.00

PENCAPAIAN CALON MENGIKUT JENIS CALON

Peratus Calon yang Mendapat Lulus Penuh dalam 5 hingga 1 Mata Pelajaran Mengikut Jenis Calon dalam STPM 2015 dan Peperiksaan STPM 2016

BILANGAN MATA PELAJARAN DENGAN KELULUSAN PENUH	Lulus Penuh 5 hingga 1 Mata Pelajaran				Beza%
	STPM 2015		STPM 2016		
	Bil.	%	Bil.	%	
Calon sekolah kerajaan	40,629	96.77	42,220	97.65	+0.88
Calon sekolah swasta	277	0.66	256	0.59	-0.07
Calon Persendirian individu	89	0.21	70	0.16	-0.05

PENCAPAIAN CALON MENGIKUT ALIRAN

Perbandingan PNGK Calon Mengikut Aliran STPM 2015 dan Peperiksaan STPM 2016

Aliran	STPM 2015		STPM 2016		Beza PNGK
	Bil. Calon	PNGK	Bil. Calon	PNGK	
Sains Sosial	**35,385**	**2.64**	**36,860**	**2.71**	**+0.07**
Sains	**6,602**	**2.66**	**6,166**	**2.73**	**+0.07**
Jumlah Calon Hadir	**41,987**	**2.65**	**43,235**	**2.71**	**0.06**

PENCAPAIAN CALON MENGIKUT LOKASI BANDAR DAN LUAR BANDAR

Perbandingan PNGK

PNGK	STPM 2015				STPM 2016			
	BANDAR		LUAR BANDAR		BANDAR		LUAR BANDAR	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
4.00	275	1.08	60	0.36	416	1.60	149	0.87
3.50 - 3.99	3,109	12.17	1,267	7.71	3,769	14.47	1,803	10.49
2.00 - 3.49	18,260	71.48	12,591	76.59	18,472	70.92	12,794	74.44
Jumlah	21,644	84.72	13,918	84.66	22,657	86.98	14,746	85.80
Jumlah Keseluruhan	25,547		16,440		26,048		17,187	
% Beza (Jurang)	0.06				1.18			

PRESTASI MATA PELAJARAN

Perbandingan Peratus Lulus Penuh (Gred C ke atas) Mata Pelajaran STPM 2015 dan STPM 2016

Kod	Mata Pelajaran	Peratus Lulus Penuh		Beza Peratusan
		2015	2016	
900	Pengajian Am	89.86	90.95	+1.09
910	Bahasa Melayu	89.66	90.75	+1.06
911	Bahasa Cina	84.73	84.51	-0.22
912	Bahasa Tamil	79.24	80.91	+1.67
913	Bahasa Arab	67.12	69.10	+1.98
920	Literature in English	73.33	83.58	+10.25
922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	87.99	88.52	+0.53
930	Syariah	91.24	93.32	+2.08
931	Usuluddin	92.12	92.69	+0.57
940	Sejarah	86.82	88.25	+1.43
942	Geografi	83.84	85.30	+1.46
944	Ekonomi	73.60	76.99	+3.39

Semua Mata Pelajaran Lulus Penuh Melebihi 65%

PRESTASI MATA PELAJARAN

Perbandingan Peratus Lulus Penuh (Gred C ke atas) Mata Pelajaran STPM 2015 dan STPM 2016

Kod	Mata Pelajarani	Peratus Lulus Penuh		Beza Peratusan
		2015	2016	
946	Pengajian Perniagaan	83.76	85.58	+1.82
948	Perakaunan	84.42	88.11	+3.69
950	Mathematics (M)	70.94	75.42	+4.48
954	Mathematics (T)	75.01	74.29	-0.72
958	Information and Communications Technology	86.12	90.68	+4.56
960	Physics	77.86	79.28	+1.42
962	Chemistry	84.61	84.58	-0.03
964	Biology	76.60	79.05	+2.45
966	Sains Sukan	94.03	97.30	+3.27
970	Seni Visual	95.36	97.42	+2.06

RUMUSAN PENCAPAIAN CALON KESELURUHAN :
PERBANDINGAN PENCAPAIAN STPM 2015 DAN STPM 2016

Pencapaian Calon	Tahun		Beza
	2015	2016	
PNGK Nasional	2.65	2.71	+0.06
PNGK 4.00	0.80% (335 calon)	1.31% (565 calon)	+0.51%
PNGK 3.50 ke atas	11.22% (4,711 calon)	14.20% (6,137 calon)	+2.98%
PNGK 3.00 ke atas	33.97% (14,263 calon)	37.62% (16,263 calon)	+3.65%
PNGK 2.50 ke atas	48.49% (20,359 calon)	48.49% (20,359 calon)	+3.34%
PNGK 2.00 ke atas	63.02% (26,459 calon)	63.02% (26,459 calon)	+2.77%
Peratus calon yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran	84.70% (35,562 calon)	84.70% (35,562 calon)	+1.81%
Peratus lulus penuh keseluruhan dalam 5 hingga 1 mata pelajaran	0.81% (339 calon)	0.81% (339 calon)	+0.52%
Bil. calon hadir	69.14% (29,028 calon)	69.14% (29,028 calon)	+2.74%

2. MUET

MUET adalah ujian rujukan kriteria (Criteria Reference Test) untuk menguji tahap kemahiran berbahasa Inggeris. Calon yang memohon memasuki Universiti Awam untuk pengajian ijazah peringkat pertama perlu menduduki ujian ini. Ujian MUET terdiri daripada empat komponen, iaitu 800/1 Listening, 800/2 Speaking, 800/3 Reading, dan 800/4 Writing. MUET dijalankan sebanyak tiga sesi, iaitu pada sesi Mac, Julai, dan November.

Calon

Bilangan calon MUET mengikut jenis calon dan sesi adalah seperti yang berikut:

Jenis Calon	MUET Sesi Mac 2016	MUET Sesi Julai 2016	MUET Sesi November 2016
Calon sekolah kerajaan	6,486	31,570	9,086
Calon sekolah swasta	209	428	333
Calon persendirian individu	29,608	20,049	13,707
Calon matrikulasi	1,394	77	2,441
Calon diploma	10,979	4,639	6,998
Calon ijazah	9,457	5,234	8,535
Calon sekolah kerajaan negeri	7	1,827	2,078
Jumlah	**58,140**	**63,824**	**43,178**

Analisis Keputusan MUET

Analisis prestasi calon mengikut kertas dan sesi bagi semua jenis calon adalah seperti jadual di bawah.

MUET SESI iMAC 2016

BAND	800/1		800/2		800/3		800/4		800	
	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%
6	6,236	10.69	89	0.15	279	0.48	12	0.02	30	0.05
5	15,725	26.95	1,645	2.80	3,648	6.25	1,486	2.55	2,603	4.48
4	15,120	25.91	13,792	23.49	11,855	20.32	13,146	22.52	16,134	27.75
3	7,650	13.11	29,419	50.11	19,388	33.23	32,321	55.37	25,088	43.15
2	8,259	14.15	12,095	20.60	17,811	30.53	10,682	18.30	12,998	22.36
1	5,366	9.20	1,664	2.83	5,366	9.20	723	1.24	1,287	2.21

MUET SESI JULAI 2016

BAND	800/1		800/2		800/3		800/4		800	
	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%
6	2,481	3.88	95	0.15	57	0.09	6	0.01	4	0.01
5	11,773	18.42	1,996	3.11	2,455	3.84	763	1.19	1,306	2.05
4	16,524	25.85	12,739	19.86	11,643	18.21	9,007	14.09	13,102	20.53
3	10,482	16.40	28,677	44.71	21,940	34.32	32,626	51.03	26,707	41.84
2	12,750	19.95	16,858	26.29	21,308	33.33	18,423	28.82	19,365	30.34
1	9,914	15.51	3,768	5.88	6,522	10.20	3,109	4.86	3,340	5.23

MUET SESI NOVEMBER 2016

BAND	800/1		800/2		800/3		800/4		800	
	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%	BIL	%
6	5,937	13.70	77	0.18	178	0.41	8	0.02	11	0.03
5	11,597	26.77	1,891	4.34	4,156	9.60	550	1.27	2,286	5.29
4	9,927	22.91	10,889	25.00	11,472	26.49	8,110	18.72	14,227	32.95
3	5,182	11.96	19,680	45.18	14,015	32.37	24,975	57.65	16,300	37.75
2	5,977	13.80	9,242	21.22	10,894	25.16	8,707	20.10	9,230	21.38
1	4,701	10.85	1,781	4.09	2,585	5.97	973	2.25	1,124	2.60

3. Peperiksaan Luar

Selaras dengan Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2006 [Akta A1267] yang memberi peruntukan atau perbekalan tambahan kepada MPM bagi memperluaskan fungsi MPM dalam hal pengendalian peperiksaan, iaitu mengendalikan peperiksaan yang bukan sahaja akademik tetapi juga peperiksaan lain seperti peperiksaan yang berkaitan dengan perkhidmatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya, maka MPM turut mengendalikan peperiksaan luar yang lain.

4. Sijil Kecekapan Bahasa Melayu Bagi Warga Asing

Pada tahun ini, ujian pertama Sijil Kecekapan Bahasa Meleyu Bagi Warga Asing (SKBMW) telah diadakan pada Oktober 2016 dengan seramai 19 orang calon. Ujian ini adalah bagi menilai kecekapan Bahasa Melayu pelajar, pekerja, dan pemastautin warganegara asing yang berada di Malaysia, hasil daripada kerjasama antara MPM dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai usaha untuk memartabatkan Bahasa Melayu dan mengembangkan Bahasa Melayu ke peringkat global.

5. Ujian Penilaian Kompetensi Kemahiran Pedagogi Guru Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM)

Pada tahun ini, juga buat pertama kalinya, MPM telah mengelolakan Ujian Penilaian Kompetensi Kemahiran Pedagogi Guru Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) bagi pihak Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Ujian telah diadakan pada 12 November 2016 dengan seramai 3,000 orang calon yang mendudukinya di 25 buah pusat ujian seluruh negara.

6. Peperiksaan Al-Imtihan Al-Jamie Li-Lughah Al-Arabiyyah

Pada 11 November 2016, MPM telah menandatangi Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk melaksana dan mengelola peperiksaan Al-Imtihan Al-Jamie Li-Lughah Al-Arabiyyah. Majlis ini telah berlangsung di USIM. Dalam majlis ini, MPM diwakili oleh Tuan Haji Mohd Fauzi bin Datuk Haji Mohd Kassim, Ketua Eksekutif MPM, manakala di pihak USIM oleh Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Musa bin Ahmad, Naib Canselor USIM.

Peperiksaan ini akan dikelolakan mulai tahun 2017.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
Blok E8, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.


Tel: +603-8000 8000


Emel: kpkkpm@moe.gov.my


Portal: moe.gov.my


Facebook: KemPendidikan


Twitter: @KemPendidikan


Instagram: KemPendidikan


YouTube: buletinkpm